BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

KEPERLUAN BERKANUN

Bagi tempoh bulan Januari 2013 hingga Jun 2013, bagi maksud seksyen 192 Akta Insurans 1996 dan seksyen 56 Akta Takaful 1984 (masing-masing dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang berkuat kuasa 30 Jun 2013), Bank Negara Malaysia telah menyerahkan satu naskhah Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013 kepada Menteri Kewangan untuk dikemukakan kepada Parlimen.

Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
19 Mac 2014

PRAKATA

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my

Kandungan

PERUTUSAN GABENOR

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Kestabilan Kewangan
PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2013

13 Tinjauan Keseluruhan
15 Menguruskan Risiko yang Berpunca daripada Tahap Keberhutangan Isi Rumah
22 Menguruskan Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah dalam Negeri
23 *Rencana: Pengembangan dalam Pasaran Perumahan dan Implikasinya Terhadap Kestabilan Kewangan*
35 Menguruskan Dedahan Risiko Kredit Terhadap Perniagaan
39 Mengurus Ketidaktentuan Pasaran Kewangan dan Risiko Penularan Daripada Dedahan Luaran dan Operasi Luar Negeri
50 *Rencana: Kesalinghubungan Luaran dan Risiko Penularan Kepada Sistem Perbankan Malaysia*
59 Kesalinghubungan Sistem Perbankan Dengan Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB)
62 Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan
70 Prospek Kestabilan Kewangan Domestik dan Tumpuan Pemantauan pada Tahun 2014

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

75 Memastikan Pengantaraan yang Berkesan dan Cekap
77 *Rencana: Membangunkan Ekosistem Pembiayaan PKS*
84 Memperkukuh Industri Insurans dan Takaful
85 *Rencana: Pembaharuan dalam Industri Insurans Hayat dan Takaful Keluarga*
87 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Inklusif
89 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh
92 Memperkukuh Kesalinghubungan Malaysia Dengan Ekonomi Serantau dan Antarabangsa
93 Malaysia Sebagai Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa
96 *Rencana: Pempelbagaian Perniagaan dan Produk Perbankan Islam yang Didorong oleh Kontrak Syariah*
102 Pembangunan Modal Insan yang Berterusan
103 Keutamaan Penting Melangkah ke Hadapan

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

107 Memperkukuhkan Rangka Kerja Kehematan
114 Memelihara Integriti Sistem Kewangan
118 *Rencana: Memperkukuh Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)*

AMALAN PASARAN DAN KUASA PENGGUNA

125 Trend dan Perkembangan Utama
126 Pengawalan dan Penyeliaan Penyedia Perkhidmatan Kewangan
128 Menguruskan Risiko Pengguna Kewangan
133 Kerjasama dengan Agensi Lain
133 Pengguna Kewangan Berpengetahuan dan Bertanggungjawab
136 Mengukuhkan Saluran Bantuan Penyelesaian Pengguna

Laporan Sistem Pembayaran

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

141 Menggalakan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
145 Perkembangan Penting dalam Sistem Pembayaran
149 Melangkah Kehadapan
150 *Rencana: Mempercepatkan Peralihan kepada Pembayaran Secara Elektronik*

TAMBAHAN

PERUTUSAN GABENOR

Sistem kewangan domestik terus berdaya tahan pada tahun 2013 dengan kemajuan yang penting dicapai dalam beberapa bidang utama bagi mengukuhkan keadaan kestabilan kewangan. Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia mengalami aliran modal dua hala yang ketara berikutan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kesan ini secara relatif adalah sederhana, mencerminkan sistem kewangan domestik yang jauh lebih berdaya tahan. Keadaan yang teratur dalam pasaran kewangan domestik disokong oleh pasaran kewangan domestik yang lebih dalam dan maju, yang seterusnya diperkukuh oleh kehadiran pelabur institusi domestik yang besar lagi ramai. Institusi-institusi kewangan di Malaysia juga terus menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi pada tahun 2013.

Antara perkembangan penting pada tahun 2013 ialah beberapa penambahbaikan dari segi perundangan, struktur dan keinstitusian dalam sektor kewangan. Perkembangan itu termasuk penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam Akta 2013 pada bulan Jun, yang bersama-sama dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 telah memantapkan rangka kerja perundangan bagi kestabilan kewangan di Malaysia untuk menghadapi sempadan baharu. Ini mencerminkan dan menjangkakan satu sistem kewangan yang lebih dinamik, lebih saling berhubungan dan inklusif serta lebih kompleks. Undang-undang ini memperkukuh keupayaan Bank dengan ketara untuk mengekalkan kestabilan kewangan dalam persekitaran yang berubah ini dan sekali gus, meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam rangka kerja kestabilan kewangan.

Keupayaan yang lebih kukuh membolehkan Bank bertindak balas terhadap peningkatan ketidakseimbangan kewangan yang mungkin berlaku dalam persekitaran kredit yang telah berkembang, pada kadar yang agak cepat khususnya kepada sektor isi rumah, manakala harga aset mengalami tekanan menaik. Bank memperluas penggunaan instrumen kehematan makro termasuk kepada sektor bukan bank untuk memastikan keadaan yang stabil dalam pasaran kredit dan aset, selain mengekalkan tumpuan penyeliaan yang mantap terhadap amalan pemberian pinjaman dan peruntukan pinjaman oleh institusi-institusi kewangan. Mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan juga termasuk memastikan perlindungan sistem tersebut daripada disalah guna. Tindakan menangani jenayah kewangan, dari segi pencegahan dan penguatkuasaan, terus dilaksanakan bagi memelihara integriti sistem kewangan. Ini termasuk langkah yang diambil untuk mengkaji semula dan mengukuhkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001, AMLATFA), manakala tindakan pencegahan dan penguatkuasaan juga telah menjadi lebih berkesan termasuk dengan kerjasama domestik dan antarabangsa yang lebih kukuh.

Piawaian kehematan juga terus diperkukuh, terutama sekali dengan pelaksanaan pakej pembaharuan Basel III yang bermula dari bulan Januari 2013. Pada masa yang sama, sektor kewangan yang lebih matang telah membolehkan Bank meneruskan pembaharuan yang penting bagi mengurangkan lagi herotan harga, termasuk dalam industri motor dan insurans hayat, dan yang berkaitan dengan instrumen pembayaran. Kemajuan juga telah dicapai dalam rancangan untuk menggantikan rangka kerja kadar pinjaman asas dengan rangka kerja kadar rujukan baharu yang lebih relevan dan mencerminkan keadaan dalam pasaran pendanaan. Perkembangan ini menyokong usaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kewangan yang lebih berorientasikan pasaran, yang seterusnya menyumbang kepada sektor kewangan yang secara keseluruhan berfungsi dengan cekap dan berkesan. Akhir sekali, pelaburan dalam pembangunan tenaga mahir untuk industri terus menjadi keutamaan yang penting. Usaha ini telah membuahkan hasil dalam bentuk tiga lagi inisiatif strategik, iaitu penubuhan Majlis Tenaga Mahir Negara, Agensi Akreditasi Kewangan dan Lembaga Profesional bagi Perkhidmatan Kewangan, yang diterajui oleh industri untuk meningkatkan tahap industri perkhidmatan kewangan.

Pada peringkat serantau, Asia secara keseluruhannya terus menjadi lebih bersepadu. Integrasi kewangan serantau telah mencapai kemajuan selanjutnya pada tahun 2013 dengan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN yang kini pada peringkat akhir. Pengawasan serantau dan aktiviti penyelidikan juga terus menyokong penilaian terhadap risiko dan kelemahan yang wujud di rantau ini. Pelaksanaan rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis serantau pada tahun 2013, yang menghasilkan protokol dan komitmen yang telah dipersetujui untuk meningkatkan kerjasama antara bank pusat semasa krisis, terus mengukuhkan kemajuan di rantau ini bagi membina asas yang teguh untuk pertumbuhan dan kestabilan serantau.

Satu perkara yang menjadi tumpuan pada tahun 2013 ialah pengurusan risiko kepada kestabilan kewangan domestik yang berkisar pada pengumpulan hutang isi rumah dan perkembangan dalam pasaran harta tanah. Susulan pelaksanaan siri langkah kehematan makro dan mikro pada tahun 2013, kadar pertumbuhan hutang isi rumah telah menjadi lebih perlahan. Trend pertumbuhan yang lebih sederhana dijangka berterusan meskipun paras hutang kepada KDNK akan kekal tinggi pada tempoh terdekat. Langkah struktur yang lebih meluas, yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan bekalan perumahan mampu milik dan pembangunan sistem pengangkutan awam, akan menyumbang ke arah pengurangan jumlah hutang isi rumah apabila rumah lebih mampu dimiliki dan penggunaan pengangkutan awam meningkat. Meskipun profil risiko pemberian pinjaman isi rumah baharu kekal mantap, serta diperkukuh oleh piawaian pinjaman yang bertambah baik, dan peningkatan pesat dalam program pendidikan kewangan, Bank akan terus memantau dengan rapi potensi risiko yang dikaitkan dengan hutang isi rumah yang tinggi.

Perkembangan dalam sektor harta tanah turut memerlukan perhatian yang teliti pada tahun 2013. Aktiviti bersifat spekulasi dalam pasaran harta tanah, walaupun tidak berleluasa, telah berlaku dengan penurunan kos kemasukan secara progresif untuk bakal pelabur menerusi pakej perumahan menarik yang ditawarkan oleh pemaju harta tanah, serta kos peminjaman yang rendah. Oleh itu, Bank telah meningkatkan ketelitiannya dalam amalan penilaian dan peruntukan oleh institusi-institusi kewangan bagi memastikan keputusan pemberian pinjaman yang didasarkan pada penilaian tinggi tidak mendorong

kenaikan harga serta penampan kerugian adalah mencukupi sepanjang kitaran hayat pinjaman tersebut. Ini telah diperkuat oleh langkah Kerajaan untuk membendung aktiviti bersifat spekulasi, termasuk menambah baik ketelusan dalam harga harta tanah selain penyelarasan langkah-langkah pembekalan. Penubuhan Majlis Perumahan Kebangsaan merupakan satu perkembangan yang penting untuk memantau dan mengurus langkah-langkah ini dengan cara yang terselaras. Pengurusan yang cermat dan pengaturan bekalan ruang pejabat runcit dan komersial yang cermat juga penting pada masa akan datang.

Memandangkan sektor kewangan mempunyai peranan yang penting untuk menyokong pengurusan kewangan bagi perniagaan dan isi rumah, usaha pada masa hadapan akan ditingkatkan untuk memperluas lagi akses kepada perkhidmatan kewangan, meningkatkan kecekapan pengantaraan kewangan dan membangunkan lagi ekosistem pembiayaan. Ini termasuk penambahbaikan kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 untuk mengukuhkan prestasi institusi kewangan pembangunan (development financial institutions, DFIs) bagi melaksanakan mandat pembangunan mereka dengan lebih baik, dan kepada rangka kerja perbankan ejen untuk memastikan akses yang menyeluruh dan selamat kepada perkhidmatan kewangan formal. Memandangkan rangkuman kewangan bukan mengenai akses sahaja, tetapi juga untuk mendidik pengguna supaya dapat menggunakan perkhidmatan kewangan dengan lebih berkesan, usaha akan diteruskan untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan isi rumah dan perniagaan di Malaysia, khususnya perusahaan kecil dan sederhana. Rangkaian pendidikan kewangan kebangsaan akan diwujudkan untuk mendorong dan menyelaras keutamaan pendidikan kewangan.

Dalam bidang pembayaran, pelaksanaan pembaharuan penentuan harga dijangka akan mempercepat peralihan kepada saluran pembayaran elektronik oleh isi rumah dan perniagaan. Ini akan diperkukuh oleh inisiatif untuk mempelbagaikan dan meningkatkan lagi kecekapan saluran e-pembayaran, justeru lebih mudah diakses dan lebih mampu milik, serta memberi peluang kepada perniagaan kecil khususnya untuk menambah baik proses perniagaan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Untuk menjadikan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam sedunia, lebih banyak usaha diperlukan untuk mendalamkan lagi pasaran kewangan Islam terutamanya bagi struktur tempoh matang yang dilanjutkan dan terbitan sukuk dalam pelbagai mata wang. Tahun 2013 telah menyaksikan terbitan sulung sukuk jangka pendek oleh Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) yang merupakan satu pencapaian global yang penting dan signifikan. Ini memberi peluang kepada institusi-institusi kewangan Islam, termasuk yang ada di Malaysia, untuk menggunakan instrumen yang unik dan khusus untuk menguruskan keperluan mudah tunai bagi memelihara kestabilan kewangan. Kewangan Islam juga terus memainkan peranan penting dalam penyelesaian pembiayaan mikro dan takaful mikro, dan mewujudkan peluang untuk perusahaan mikro di Malaysia. Akhir sekali, usaha untuk membangunkan piawaian kontrak Syariah dan rangka kerja pengawalseliaan yang diperkukuh bagi pengurusan akaun pelaburan Islam akan menyediakan kepada persekitaran yang diperlukan, inovasi yang bertanggungjawab dan seterusnya memelihara kestabilan kewangan.

Antara keutamaan pengawalan dan penyeliaan Bank pada tahun yang akan datang ialah pelaksanaan pengaturan baharu bagi pengawasan kehematan kumpulan kewangan, serta meneruskan usaha menaikkan tahap amalan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko dalam industi perkhidmatan kewangan. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan daya tahan sistem kewangan domestik terhadap kejutan sistemik, Bank juga akan memulakan usaha untuk membangunkan satu rangka kerja bagi mengenal pasti dan mengukuhkan rejim pengawalan dan penyeliaan untuk institusi kewangan yang penting dari segi sistemik kepada sistem kewangan domestik. Ini akan meliputi keperluan untuk institusi tersebut mengekalkan penampan kewangan yang kukuh, menyediakan rancangan pemulihan yang berwibawa untuk memulihkan daya maju kewangan apabila berlaku tekanan yang teruk, serta strategi sokongan oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk mencapai penyelesaian yang teratur jika diperlukan.

Untuk melaksanakan keutamaan ini, Bank akan terus memanfaatkan pengaturan kerjasama yang berjaya dengan pihak berkuasa dalam negeri dan antarabangsa lain. Pada tahun 2013, Bank mengadakan pengaturan yang formal dengan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meetings of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) secara khususnya untuk mengukuhkan pengurusan dan penyelesaian krisis serantau. Selain itu, berikutan perubahan ciri dan kesalingbergantungan yang semakin meningkat dalam sektor perkhidmatan kewangan, penyelarasan yang berkesan antara agensi telah terus diperkukuh. Ini merupakan sebahagian daripada agenda untuk memelihara kestabilan kewangan dan menggalakkan pembangunan sistem kewangan yang menyumbang ke arah ekonomi yang mampan.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
19 Mac 2014

2013

RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2013

Kestabilan kewangan domestik terpelihara dengan baik pada tahun 2013, sekaligus menghasilkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sistem kewangan terus menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi dalam keadaan ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan global serta berdepan dengan risiko yang mungkin berpunca daripada sumber dalam negeri. Dalam beberapa episod aliran keluar modal yang ketara yang dicetuskan oleh sentimen pelabur global yang berubah, keadaan yang teratur dapat dikekalkan, disokong oleh pasaran kewangan domestik yang mendalam serta kehadiran sekumpulan pelabur institusi domestik yang kukuh. Institusi kewangan kekal kukuh dan terus memberikan sokongan kepada keperluan pembiayaan serta pengurusan risiko perniagaan dan isi rumah sepanjang episod ini. Daya tahan institusi terus diperkukuh oleh penambahbaikan yang berterusan dalam tadbir urus dan amalan pengurusan risiko, serta kawalan yang wajar dalam pengambilan risiko dalam keadaan mudah tunai domestik yang berterusan dan lebih daripada mencukupi. Keyakinan keseluruhan dalam sistem kewangan Malaysia juga kekal teguh.

Pertumbuhan kredit bagi isi rumah dan perniagaan berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2013, mencerminkan faktor ekonomi dan pelbagai langkah berjaga-jaga yang diambil untuk mengukuhkan daya tahan isi rumah. Kualiti dedahan kredit institusi kewangan domestik kekal teguh. Leveraj perniagaan agregat terus bertambah baik. Seiring dengan kedudukan mudah tunai yang stabil, keadaan ini menyokong keupayaan khidmat hutang keseluruhan oleh perniagaan meskipun tahap peminjaman luar negeri yang lebih tinggi. Bahagian pinjaman delinkuen perniagaan juga lebih rendah. Perniagaan yang mempunyai bahagian hutang luar negeri yang lebih tinggi secara amnya telah mengekalkan kedudukan kewangan dan kedudukan aliran tunai yang kukuh. Ini penting untuk mengekalkan penampan terhadap pergerakan mata wang asing dan kos input yang meningkat.

Pinjaman isi rumah agregat berkembang pada kadar yang paling perlahan sejak tahun 2010, didorong terutamanya oleh pertumbuhan pembiayaan peribadi oleh institusi kewangan bukan bank yang secara ketara lebih perlahan sebagai tindak balas terhadap langkah kehematan makro yang dilaksanakan pada bulan Julai 2013. Lembaran imbangan agregat dan keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah kekal teguh. Ini disokong oleh keadaan guna tenaga dan pendapatan yang menggalakkan, yang menyaksikan isi rumah mengumpul lebih banyak aset kewangan. Kesan gabungan daripada langkah penambahan yang diperkenalkan oleh Bank sejak tahun 2010 untuk mengawal keberhutangan isi rumah yang berlebihan masih dalam pemerhatian, khususnya untuk mengatasi kelemahan isi rumah yang berpendapatan rendah. Meskipun kedudukan leveraj isi rumah ini telah menjadi stabil, tahap leveraj semasa masih tinggi. Secara amnya, isi rumah cenderung untuk memberikan lebih banyak perhatian kepada pengurusan kedudukan leveraj mereka, yang penting untuk mengekalkan daya tahan isi rumah.

Risiko kepada kestabilan kewangan daripada pemberian pinjaman isi rumah didapati terkawal dengan baik. Pinjaman isi rumah daripada sistem perbankan terus bertambah baik dari segi kualiti merentas semua segmen pinjaman, dengan delinkuensi kekal rendah dan terus menunjukkan trend menurun. Pinjaman perumahan yang bermula pada sepanjang dekad yang lalu (sejak tahun 2004) terus menunjukkan prestasi yang lebih baik dari segi pengalaman mungkir berbanding dengan pinjaman serupa yang lebih awal, mencerminkan penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pemberian pinjaman dan pengurusan risiko oleh bank. Simulasi tekanan isi rumah, termasuk di bawah andaian ekstrem, juga terus mengesahkan kekukuhan penampan sistem perbankan terhadap kerugian yang mungkin berlaku daripada sektor ini. Penampan ini terus diperkukuh pada tahun 2013 dengan keperluan supaya bank menaikkan tahap peruntukan dan rizab yang dipegang untuk nilai terjejas secara kolektif, apabila berada pada kedudukan di bawah tahap minimum.

Paras keberhutangan isi rumah dijangka terus tinggi dalam tempoh beberapa tahun akan datang memandangkan permintaan terhadap kredit dijangka kekal kukuh, khususnya daripada penduduk yang secara relatifnya muda, lebih mewah dan tinggal di pusat bandar serta mempunyai akses yang meluas kepada kredit. Dengan langkah Kerajaan untuk meningkatkan bekalan perumahan mampu milik dan menambah baik pengangkutan awam bersama-sama dengan langkah semasa ke atas amalan pinjaman menjadi lebih mantap, tahap keberhutangan isi rumah akan mula menjadi sederhana. Pada tempoh semasa ini, penting sekali bagi institusi kewangan untuk terus mengekalkan disiplin pemberian pinjaman yang mantap dan menjalankan penilaian kemampuan membayar hutang yang kukuh dalam amalan pemberian kredit mereka.

Dalam pasaran harta tanah dalam negeri, harga rumah pada tahun 2013 kekal tinggi dan menjadi isu yang memerlukan pemantauan yang teliti yang berterusan memandangkan kesan harga rumah yang lebih tinggi terhadap hutang isi rumah keseluruhan dan dedahan institusi perbankan yang besar terhadap pasaran harta tanah. Tekanan menaik terhadap harga rumah terus ditentukan sebahagian besarnya oleh faktor struktur bekalan dan permintaan, dengan permintaan terutamanya untuk rumah berharga rendah dan sederhana mungkin terus mengatasi bekalan dalam jangka terdekat dan sederhana. Pembelian spekulasi dalam pasaran harta tanah yang dibiayai oleh peminjaman bank telah menjadi lembap, khususnya berikutan langkah selanjutnya yang diambil oleh Kerajaan untuk menaikkan kos kemasukan bagi pembelian spekulasi jangka pendek, serta meningkatkan ketelusan dalam harga harta tanah. Kesan langkah ini seharusnya menyumbang ke arah penggalakan penilaian yang lebih realistik. Meskipun harga harta kediaman terus meningkat pada kadar yang cepat, risiko terhadap kewangan isi rumah dan kestabilan kewangan daripada sebarang pembetulan pasaran dikurangkan oleh peminjaman yang terhad untuk membiayai pembelian spekulasi serta pengukuhan amalan pemberian pinjaman oleh bank. Bahagian daripada pinjaman yang mempunyai nisbah pinjaman kepada nilai (loan-to-value, LTV) yang lebih rendah juga telah meningkat dan kini membentuk sebahagian besar daripada portfolio pinjaman harta tanah, lantas menyediakan penampan yang lebih besar terhadap kerugian yang mungkin dialami. Risiko terhadap institusi kewangan daripada segmen harta tanah bukan kediaman pada masa ini dinilai sebagai rendah memandangkan dedahan kredit yang kecil oleh institusi kewangan. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk mengurus secara berkesan bekalan harta tanah komersial yang baharu untuk membolehkan permintaan seiring dengan penawaran.

Pasaran kewangan dan institusi kewangan domestik telah berjaya menempuh dengan baik keadaan pasaran yang lebih tidak menentu pada tahun 2013. Pengurusan risiko yang aktif oleh institusi kewangan telah mengawal dedahan risiko pasaran meskipun pendapatan daripada perdagangan dan pelaburan adalah lebih tidak menentu. Kedudukan pendanaan dan mudah tunai bank kekal teguh sepanjang tahun 2013, disokong oleh simpanan domestik yang stabil, penampan mudah tunai yang kukuh dan pergantungan yang terus rendah pada pasaran pendanaan borong luar pesisir. Risiko rakan niaga yang berpunca daripada tuntutan oleh institusi kewangan Malaysia terhadap pihak luar kekal terurus, kebanyakannya merangkumi tuntutan luaran terhadap ekonomi di Asia. Bahagian dedahan kepada rakan niaga di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah kekal stabil. Selaras dengan penilaian pada tahun-tahun sebelum ini, risiko daripada sebarang aktiviti penyahleveraj yang mungkin diambil oleh institusi kewangan asing kekal rendah dan telah terus reda semenjak Krisis Kewangan Global (Global Finance Crisis, GFC). Keadaan insurans semula global juga telah bertambah baik, sekali gus mengurangkan risiko rakan niaga yang dikaitkan dengan peletakan insurans semula asing.

Institusi kewangan Malaysia terus mencatat permodalan dan prestasi kewangan yang kukuh. Institusi perbankan berjaya membuat peralihan lancar kepada fasa pertama keperluan modal yang lebih ketat di bawah Basel III yang bermula pada bulan Januari 2013. Keberuntungan secara keseluruhan adalah mampan walaupun keadaan pasaran yang lebih tidak menentu. Operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri juga terus mencatat prestasi yang agak baik meskipun beberapa pasaran mengambil langkah yang ketat serta perbezaan dalam tahap kesan aliran modal merentas ekonomi di rantau ini. Bagi bank-bank Islam, keadaan pendanaan ringgit yang pada keseluruhannya adalah stabil telah mengurangkan tekanan dalam pengurusan risiko komersial teralih. Meskipun kesan perkembangan pasaran terhadap keberuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful

keluarga adalah lebih ketara, industri insurans secara keseluruhannya mengekalkan keuntungan dan juga penampan modal yang melebihi paras keperluan minimum pegawalseliaan. Dalam sektor insurans am, kerugian daripada segmen insurans motor kecederaan anggota pihak ketiga terus memberikan kesan yang sangat ketara terhadap tuntutan keseluruhan dan prestasi pengunderaitan. Pelaksanaan Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu menjadi amat penting untuk mengembalikan keseimbangan dalam segmen sektor insurans am ini. Hasil daripada ujian tekanan yang dikemas kini dan meliputi pelbagai tahun yang dijalankan oleh Bank terus menunjukkan pendapatan dan penampan modal bank dan penanggung insurans yang mencukupi untuk menghadapi senario buruk aliran portfolio yang terjejas serta penguncupan ekonomi dalam negeri.

Memandang ke hadapan, institusi kewangan Malaysia terus berada pada kedudukan yang baik untuk menguruskan risiko luaran yang berpunca daripada pemansuhan dasar monetari yang tidak konvensional dalam negara berekonomi maju apabila prospek pemulihan ekonomi yang lebih kukuh bertambah baik. Ketidaktentuan yang berterusan dijangka terus berlaku dalam pasaran kewangan domestik apabila pelabur membuat penyesuaian terhadap jangkaan yang berubah dalam dasar monetari AS serta perkembangan di kawasan euro dan Republik Rakyat China. Sepanjang tempoh kebelakangan ini, institusi kewangan di Malaysia telah menunjukkan daya tahan semasa episod ketidaktentuan yang meningkat tersebut dan terus memantapkan daya tahannya, iaitu dengan mengekalkan penampan kewangan yang kukuh, memastikan bahawa ketidakpadanan pendanaan mata wang asing kekal rendah serta kehematan yang berterusan dalam pengambilan risiko. Pasaran kewangan domestik yang mendalam dan lebih cekap juga akan terus memberikan sokongan kepada keadaan pasaran yang teratur.

Pembangunan sektor kewangan

Inisiatif pembangunan pada tahun 2013 terus memberikan tumpuan pada peningkatan peranan sektor kewangan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan ekonomi, dipandu secara progresif oleh pelaksanaan strategi dan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 (Pelan). Penggemblengan dan pengantaraan dana yang cekap ke arah pelaburan yang produktif terus dipertingkat, khususnya untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menyaksikan bahagian pembiayaan daripada sistem perbankan terus meningkat kepada 42.1% daripada jumlah pembiayaan perniagaan, berbanding dengan 40.5% pada tahun 2012. Pembiayaan untuk PKS terus disokong oleh rangkaian produk dan skim yang lebih meluas yang diperkenalkan pada tahun 2013 serta penambahbaikan kepada proses pembiayaan. Dalam bidang pertumbuhan baharu, platform yang diwujudkan untuk perbincangan dan interaksi yang lebih rapat antara perniagaan dengan institusi kewangan bagi merapatkan jurang maklumat, memainkan peranan yang penting dalam usaha meluaskan saluran bagi perniagaan yang inovatif untuk mendapatkan pembiayaan.

Pada tahun 2013, Bank melaksanakan pembaharuan yang dicadangkan di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga untuk menggalakkan peningkatan kecekapan operasi, inovasi dan paras penembusan insurans yang lebih tinggi di Malaysia. Rangka kerja ini menggariskan pelbagai cadangan yang meluas untuk meningkatkan fleksibiliti yang diberikan kepada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga untuk menguruskan kos operasi mereka dengan perlindungan untuk memelihara kepentingan pemegang polisi, mempelbagaikan lagi saluran penyampaian, menambah baik penzahiran kepada pelanggan dan mendorong standard profesional yang lebih tinggi dalam kalangan pengantara. Dalam sektor insurans am, pelaksanaan inisiatif utama di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu (Rangka Kerja) terus mencapai kemajuan dengan pusingan kedua pelarasan premium insurans motor yang berkuatkuasa untuk membawa industri ini lebih hampir dengan tahap penentuan harga yang mampan. Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan (Accident Assist Call Centre, Accident Assist) juga diperkenalkan untuk memberikan bantuan segera kepada pengguna yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Accident Assist ini berserta dengan Panduan Tuntutan Motor dijangka menyumbang kepada proses tuntutan yang lebih cekap dan kawalan yang lebih baik terhadap kos tuntutan. Ini, di samping langkah yang telah dilaksanakan sebelum ini di bawah Rangka Kerja, telah menyumbang kepada pengurangan masa purata yang diambil untuk menyelesaikan tuntutan kecederaan anggota pihak ketiga.

Penunjuk rangkuman kewangan terus bertambah baik, dengan jumlah akaun deposit dan pembiayaan yang terus meningkat.

Pelaksanaan Rangka Kerja Perbankan Ejen adalah penting dalam usaha mencapai akses kepada perkhidmatan perbankan asas di seluruh negara, dengan institusi perbankan dan bank ejen kini disediakan di semua daerah dan kawasan Parlimen. Selain itu, platform MyMobile juga telah meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan dengan ketara menerusi rangkaian telefon mudah alih. Pada peringkat antarabangsa, Bank dan Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) telah menganjurkan secara bersama Forum Dasar Global (Global Policy Forum, GPF) ke-5 yang membincangkan strategi dasar yang mengimbang secara optimum objektif rangkuman kewangan, kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna. GPF dirumuskan dengan pelancaran Sasana Accord yang memperkukuh komitmen yang diambil oleh ahli AFI, termasuk Malaysia, ke arah memajukan agenda rangkuman kewangan.

Pasaran sekuriti hutang Malaysia masih merupakan pasaran terbesar di Asia Tenggara, meskipun terdapat aktiviti pemerolehan dana korporat yang lebih perlahan pada tahun 2013 dalam keadaan ekonomi global yang terus mencabar. Perkembangan yang penting pada tahun 2013 ialah terbitan sulung Sekuriti Kerajaan Malaysia 30 tahun bernilai RM2.5 bilion, sekali gus memperluas profil kematangan pasaran sekuriti hutang domestik. Penambahbaikan yang dibuat terhadap infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang selaras dengan piawaian antarabangsa juga telah menyokong asas pelabur keinstitusian yang lebih meluas bagi pasaran sekuriti hutang Malaysia. Untuk memudahkan penggunaan renminbi sebagai mata wang tambahan untuk penyelesaian, Bank memperkenalkan Kemudahan Mudah Tunai Renminbi untuk menyediakan saluran tambahan kepada institusi kewangan untuk mengurus mudah tunai renminbi. Pada masa yang sama, peraturan pengurusan pertukaran asing terus diliberalkan untuk membolehkan perniagaan mengurus risiko pertukaran asing dengan cekap dan menyokong perdagangan dan pelaburan. Usaha sedang dijalankan untuk mengukuhan penguatkuasaan pengaturan perkiraan penghasilan bersih (netting), termasuk pembentukan perundangan perkiraan penghasilan bersih, akan terus menyumbang untuk mendalamkan pasaran kewangan Malaysia.

Usaha untuk menggalakkan integrasi kewangan yang lebih mendalam di rantau, Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) telah mencapai kemajuan yang penting pada tahun 2013, dengan prinsip peringkat tinggi dalam Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN sedang dalam peringkat untuk dimuktamadkan. Usaha ini telah diteruskan selaras dengan inisiatif untuk mengukuhkan lagi kerjasama dan penyelarasan antara pihak berkuasa di rantau ini dalam mengekalkan kestabilan sistem kewangan. Kelulusan rangka kerja pengurusan krisis dan penyelesaian serantau oleh Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Timur-Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) merupakan perkara penting yang akan menyokong aliran maklumat yang tepat pada masanya, serta penyelarasan berkesan untuk mengurus perkembangan yang melibatkan kestabilan monetari dan kewangan serantau. Bank juga terus memperluas pengaturan kerjasama dengan bank pusat asing dan pihak berkuasa penyeliaan dalam bidang penyeliaan, pembangunan pasaran kewangan, pembinaan kapasiti, kewangan Islam dan penggalakkan penyelesaian perdagangan mata wang tempatan.

Industri kewangan Islam terus berada pada landasan pertumbuhannya pada tahun 2013 dengan disokong oleh beberapa inisiatif utama yang menggalakkan lagi pengantarabangsaan kewangan Islam. Momentum yang kukuh dalam terbitan sukuk di Malaysia telah berterusan, merangkumi terbitan oleh syarikat asing. Tahun 2013 telah menyaksikan beberapa terbitan kali pertama dalam inovasi kewangan Islam. Kerajaan menerbitkan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) buat kali pertama berasaskan konsep *murabahah*, yang menarik minat pelabur domestik dan antarabangsa yang lebih luas terhadap terbitan sukuk kerajaan. Bank juga menyertai terbitan sulung sukuk jangka pendek oleh Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) yang merupakan satu kejayaan besar pada peringkat global dalam usaha menggalakkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang cekap untuk menyokong kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa. Bagi meneruskan usaha untuk menggalakkan ketelusan dan keseragaman aplikasi kontrak Syariah di samping menjadi pemangkin kepada sikap saling menghormati untuk pandangan Syariah merentas negara, Bank telah mengeluarkan piawaian Syariah dan operasi untuk satu kontrak Syariah manakala kertas konsep mengenai sebelas lagi piawaian Syariah

dan dua piawaian operasi telah diterbitkan untuk maklum balas daripada industri. Pada tahun 2013, Jawatankuasa Pengharmonian Undang-Undang, yang mengetuai kajian semula yang komprehensif ke atas undang-undang Malaysia untuk menyokong urus niaga kewangan Islam, telah mengeluarkan laporannya yang menyediakan suatu asas bagi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk meneruskan pindaan perundangan yang khusus, yang akan menambah baik kepastian dan penguatkuasaan kontrak kewangan Islam di Malaysia. Mencerminkan kesalinghubungan yang semakin meningkat antara institusi kewangan Islam di Malaysia dengan komuniti kewangan global, identiti jenama global yang baharu - `Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia´ (Malaysia: World's Islamic Finance Marketplace)- juga telah diperkenalkan oleh Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC), yang menandakan satu lagi fasa dalam pembangunan kewangan Islam di Malaysia.

Pembangunan tenaga mahir terus menjadi keutamaan yang penting, dengan tumpuan khusus pada usaha meningkatkan lagi tahap pencapaian dalam standard untuk kualiti, profesionalisme dan etika. Pada tahun 2013, Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) telah memulakan proses transformasi untuk memisahkan dan mengukuhkan peranannya sebagai sebuah badan profesional (disusun semula sebagai Asian Institute of Chartered Bankers), dan sebagai penyedia primer pendidikan dan latihan perbankan menerusi Sekolah Perbankan Asia (Asian Banking School). Ini akan melengkapkan penubuhan sebuah badan profesional yang diterajui industri iaitu Lembaga Profesional untuk Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board) bagi menggalakkan, menyokong dan memudahkan pembangunan dan penerapan standard profesional di seluruh sektor industri kewangan yang berlainan. Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency, FAA) juga telah dilancarkan secara rasmi pada tahun 2013 sebagai sebuah badan yang bebas untuk jaminan kualiti dan akreditasi program-program latihan. Bersama-sama dengan Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif (Iclif Leadership and Governance Centre), Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) dan badan-badan latihan industri dan penyelidikan dalam sektor kewangan, institusi-institusi ini melengkapkan komponen teras dalam rangka kerja keinstitusian yang telah diwujudkan untuk membangunkan dan meningkatkan jumlah tenaga kerja dalam sektor kewangan pada semua peringkat termasuk barisan kepimpinan. Melangkah ke hadapan, masih terdapat cabaran-cabaran yang besar dalam usaha membangunkan bekalan tenaga mahir yang mantap serta tangkas bertindak balas kepada perubahan dalam permintaan dan bekalan tenaga mahir. Bagi menguruskan cabaran-cabaran ini, Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Talent Council) akan ditubuhkan dengan peranan penting untuk membentuk hala tuju strategi tenaga mahir yang akan membolehkan industri kewangan untuk bertindak secara berkesan terhadap cabaran yang dihadapi.

Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus memainkan peranan yang penting untuk memelihara kestabilan sistem kewangan dan menggalakkan pembangunan sektor kewangan yang teratur. Sebahagian besar daripada keutamaan pengawalseliaan oleh Bank pada tahun 2013 tertumpu pada pelaksanaan sepenuhnya Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act, IFSA) yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013. Ini termasuk mengukuhkan tumpuan pada penyeliaan kewangan melebihi institusi kewangan secara individu, untuk mengambil kira risiko pada seluruh kumpulan dan seluruh sistem. Berikutan kajian semula yang menyeluruh ke atas struktur kumpulan serta ciri-ciri dan skop aktiviti kumpulan yang diperhatikan di Malaysia, Bank menggariskan pendekatan yang dihasratkannya bagi menyelia kumpulan kewangan, yang menjelaskan bagaimana sempadan sesebuah kumpulan kewangan akan ditentukan untuk tujuan pengawalan dan penyeliaan yang berhemat dan seterusnya skop pengawalan dan penyeliaan yang akan dikenakan. Ini akan diikuti pula oleh pengeluaran secara progresif, dari tahun 2014, piawaian kehematan pada peringkat kumpulan untuk kumpulan kewangan mengenai kecukupan modal, tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan pengurusan mudah tunai. Bagi memberikan perbezaan yang jelas di bawah IFSA antara `deposit Islam´ dengan `akaun pelaburan´, Bank juga telah mengemukakan cadangan mengenai pengukuhan pengawasan dan pengaturan pengurusan risiko untuk pengurusan akaun pelaburan bagi memastikan pematuhan Syariah

dan menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk pelabur agar setimpal dengan risiko pelaburan yang ditanggung oleh mereka. Piawaian ini akan dimuktamadkan pada tahun 2014 untuk pelaksanaan pada bulan Jun 2015 apabila pemisahan antara deposit Islam dan akaun pelaburan berkuat kuasa sepenuhnya di bawah undang-undang itu selepas tempoh peralihan selama dua tahun.

Pelaksanaan domestik komponen modal dan mudah tunai dalam pakej pembaharuan pengawalseliaan Basel III berjalan lancar seiring dengan jadual pelaksanaan yang telah dipersetujui pada peringkat global. Sehubungan dengan itu, piawaian modal pengawalseliaan yang lebih tinggi telah dikuatkuasakan mulai bulan Januari 2013. Paras dan kualiti kedudukan modal institusi perbankan terus kukuh di bawah peraturan-peraturan yang baharu itu. Usaha untuk menentukur Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) untuk pelaksanaan domestik juga berjalan lancar dan kekal mengikut jadual pelaksanaan yang akan berkuat kuasa pada tahun 2015. Data dari tempoh pemerhatian menunjukkan bahawa bank akan dapat memenuhi piawaian mudah tunai yang diperkukuh ini tanpa kesukaran yang ketara. Dalam sektor takaful, industri ini juga beralih dengan lancar ke arah penerapan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful pada bulan Januari 2014, susulan pelaksanaan secara selari selama setahun. Ini akan memberikan sokongan yang lebih baik untuk industri takaful mempunyai permodalan yang kukuh serta meningkatkan dengan ketara insentif untuk pengurusan risiko yang teguh oleh pengendali takaful. Bank terus meningkatkan penekanan penyeliaannya pada pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) yang berkesan oleh bank dan penanggung insurans. Terdapat kemajuan yang nyata yang telah diperhatikan dalam beberapa bidang, termasuk bagaimana institusi-institusi mengintegrasikan dengan lebih formal strategi pengurusan risiko dengan pengurusan modal. Bank menjangka proses ini akan terus berkembang apabila institusi-institusi memperincikan lagi pendekatan mereka untuk menetapkan sasaran modal dalaman dan meningkatkan pengaturan dalaman untuk memantau dan secara yakin mengekalkan tahap sasaran modal dalaman.

Bank terus mengukuhkan piawaian tadbir urus dan pengurusan risiko di seluruh sektor kewangan. Langkah-langkah telah disarankan dan dalam proses untuk dimuktamadkan bagi meningkatkan kedudukan aktuari yang dilantik dalam penanggung insurans dan pengendali takaful serta memperkukuh keberkesanan fungsi kawalan yang dijalankan oleh aktuari dilantik, termasuk melalui pengasingan tanggungjawab yang lebih jelas bagi aktuari dilantik daripada tanggungjawab penentuan harga. Pada tahun itu, Bank turut memuktamadkan piawaian untuk menggalakkan penentuan harga yang teguh bagi pinjaman runcit dan produk pembiayaan lain.

Tumpuan terus diberikan pada usaha mengukuhkan perlindungan terhadap ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF). Bank, bersama-sama dengan agensi-agensi lain di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan untuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) menyarankan beberapa pindaan kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act, AMLATFA). Keperluan pengawalseliaan sedia ada juga telah disemak agar selaras dengan piawaian global dan untuk memastikan bahawa rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and combating the financing of terrorism, AML/CFT) kekal relevan dan berkesan dalam mencegah ancaman ML/TF. Kemajuan yang selanjutnya dicapai untuk meningkatkan piawaian pematuhan terhadap langkah-langkah mencegah ML/TF dalam industri perniagaan perkhidmatan wang. Bank juga mempergiatkan kajian semulanya ke atas keberkesanan kawalan AML/CFT dalam institusi-institusi kewangan. Amalan-amalan dalam institusi kewangan untuk menangani ancaman ML/TF secara umumnya telah tersedia dengan baik. Walau bagaimanapun, sistem dalam beberapa institusi-institusi boleh terus dipertingkat bagi menyokong pemantauan berterusan yang berkesan ke atas akaun dan corak urus niaga pelanggan, di samping pelaburan yang berterusan dalam latihan untuk pekerja barisan hadapan bagi melaksanakan penilaian yang berkesan terhadap profil risiko pelanggan. Tindakan penguatkuasaan dan penyeliaan telah diambil terhadap institusi-institusi kewangan yang

gagal untuk mengawal risiko ML/TF dalam operasi mereka dengan berkesan, sekali gus berperanan untuk memastikan institusi-institusi kewangan terus berwaspada terhadap ancaman ML/TF dan mengambil langkah yang sesuai untuk melindungi integriti sistem kewangan. Bank, dalam beberapa kes tertentu bertindak secara bersama dengan pihak berkuasa yang lain, turut membuat sebanyak 1,823 pertuduhan terhadap syarikat dan individu yang disiasat kerana melakukan pengubahan wang haram dan mengendali skim dan aktiviti haram.

Amalan pasaran dan pemerkasaan pengguna

Aktiviti pengawasan amalan pasaran oleh Bank pada tahun 2013 terus tertumpu pada pemantauan dan pengurusan risiko kepada pengguna yang berpunca daripada tekanan persaingan yang meningkat dalam pasaran runcit, persekitaran kadar faedah rendah yang berterusan dan seterusnya pencarian untuk kadar hasil yang lebih tinggi, serta penggunaan saluran penyampaian baharu yang lebih luas bagi produk dan perkhidmatan kewangan. Bagi menguruskan risiko-risiko ini, Bank telah memperkukuh piawaian mengenai amalan perniagaan, meningkatkan tahap penyeliaan dalam bidang yang didapati wujudnya peningkatan risiko kepada pengguna, dan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menangani isu amalan perniagaan.

Kajian semula oleh Bank ke atas pematuhan institusi-institusi kewangan terhadap keperluan pembiayaan yang bertanggungjawab yang telah diperkenalkan pada tahun 2012 menunjukkan bahawa amalan pemberian pinjaman oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) telah bertambah baik. Maklumat yang lebih lanjut disediakan kepada peminjam mengenai proses untuk menunjukkan kemampuan membayar balik hutang dan implikasi peningkatan yang mungkin berlaku dalam kos peminjaman. Institusi kewangan juga menggunakan andaian yang lebih realistik untuk menjalankan penilaian terhadap kemampuan membayar balik hutang dan telah menunjukkan usaha yang lebih terkawal dalam pemasaran produk pembiayaan kepada peminjam yang lebih lemah. Layanan yang adil kepada pelanggan kekal sebagai fokus utama Bank terhadap amalan pasaran. Dalam hal ini, tahap pematuhan terhadap keperluan ketelusan dan pendedahan dalam bahan pemasaran dan iklan yang dihasilkan oleh institusi-institusi kewangan terus bertambah baik pada tahun itu, walaupun penyediaan khidmat nasihat yang berkualiti mengenai produk kewangan kepada para pelanggan perlu dipertingkat. Bank terus mengambil tindakan tegas terhadap institusi-institusi kewangan yang gagal mematuhi prinsip panduan Bank mengenai fi dan caj, yang menyebabkan pembayaran balik lebih daripada RM13 juta kepada pelanggan yang terbabit. Tindakan yang sama telah diambil terhadap amalan penjualan terikat yang tidak adil terutamanya amalan penanggung insurans am yang mengehendaki pemegang polisi untuk membeli insurans kemalangan peribadi sebagai syarat kepada, atau bersama-sama dengan, pembelian insurans motor.

Bank terus berwaspada dalam usaha membanteras penipuan perbankan dan penipuan kewangan. Kes-kes penipuan Internet terus berkurangan hasil daripada usaha berterusan institusi perbankan untuk memastikan persekitaran perbankan elektronik yang selamat. Tindakan jenayah yang dikenakan ke atas skim pelaburan haram, kerjasama antara agensi yang lebih kukuh dan peningkatan kesedaran pengguna mengenai skim penipuan kewangan dan penipuan juga telah menyumbang kepada penurunan dalam insiden penipuan dan skim penipuan kewangan pada tahun 2013.

Bank terus memperuntukkan sumber yang banyak untuk meningkatkan keupayaan kewangan melalui inisiatif pendidikan. Kerjasama berterusan Bank dengan Kementerian Pendidikan untuk menyepadukan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah rendah mencapai kemajuan yang menggalakkan dengan kemasukan secara progresif tema pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah, bermula dari tahun 2014. Berlandaskan kejayaan pelaksanaan Program POWER!, Bank telah bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mengubah suai lagi program pendidikan kewangan bagi keperluan yang khusus dan keutamaan pengguna pada peringkat umur yang berbeza-beza, dengan memberikan tumpuan pada peringkat permulaan untuk program yang disasarkan bagi orang dewasa yang bekerja, yang diadakan di tempat kerja melalui perkongsian sektor awam-swasta. Satu Rangka Kerja Penilaian Pendidikan Kewangan dibangunkan pada tahun 2013 bagi membolehkan Bank untuk menilai keberkesanan program-program ini.

Saluran untuk bantuan penyelesaian pengguna terus dipertingkat. Untuk menguatkuasakan peruntukan di bawah FSA dan IFSA bagi penubuhan skim ombudsman kewangan, usaha untuk mengkaji semula fungsi-fungsi semasa (termasuk skop pertikaian yang ditangani), operasi dan pengaturan pembiayaan oleh Biro Pengantaraan Kewangan, dan memudahkan transformasinya kepada skim ombudsman kewangan, pada amnya telah siap. Bank menjangka untuk menerbitkan hasil kajian ini bagi mendapat maklum balas orang ramai pada bulan April 2014. Skop perkhidmatan pengurusan hutang AKPK telah diperluas pada tahun 2013 untuk meliputi peminjam koperasi kredit dan Malaysia Building Society Berhad, sebagai tambahan kepada peminjam daripada institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar untuk menyokong sistem kewangan dan ekonomi. Aktiviti penyeliaan pada tahun 2013 kekal tertumpu pada usaha memastikan kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran utama. Selain Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer or Funds and Securities System, RENTAS) yang terus mengekalkan 100% ketersediaan sistem sepanjang tahun 2013, sistem lain termasuk sistem pembayaran runcit utama seperti GIRO Antara Bank, Bursa Pemprosesan Kewangan, kad debit domestik dan Rangkaian ATM Perkongsian. Dengan peralihan kepada pembayaran elektronik (e-pembayaran) terus mencapai kemajuan, kestabilan sistem ini adalah penting untuk menyokong peningkatan bilangan dan jumlah urus niaga pembayaran elektronik. Di samping itu, langkah-langkah sebelum ini untuk mengukuhkan piawaian keselamatan bagi instrumen dan saluran pembayaran terus berjaya membendung kerugian daripada penipuan pada paras yang sedikit.

Kemajuan selanjutnya ke arah mencapai sasaran tinggi yang telah ditetapkan di bawah Pelan Sektor Kewangan telah dibuat pada tahun 2013 untuk penggunaan e-pembayaran yang meluas di Malaysia. Urus niaga e-pembayaran meningkat dari segi bilangan sebanyak 18.8% untuk tahun 2013. Berdasarkan per kapita, bilangan urus niaga e-pembayaran juga lebih tinggi kepada 65 urus niaga pada tahun 2013, dengan inisiatif yang sedang dilaksanakan dijangka terus memajukan penggunaan e-pembayaran ke arah mencapai sasaran 200 urus niaga per kapita pada tahun 2020. Walaupun bilangan urus niaga cek menurun pada kadar yang lebih cepat pada tahun 2013, jumlah bilangan cek yang dikeluarkan kekal tinggi dan perlu menurun pada kadar yang lebih cepat untuk mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Pelan Sektor Kewangan. Dalam satu perkembangan penting untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas, fasa pertama pembaharuan penentuan harga telah dilaksanakan pada tahun 2013 untuk menggalakkan penggunaan instrumen pembayaran yang lebih kos efektif, bersama-sama dengan langkah yang berterusan untuk meningkatkan akses serta memudahkan perkhidmatan pembayaran. Bank meneruskan kerjasama yang rapat dengan sektor-sektor utama ekonomi, termasuk sektor awam, sektor kewangan dan sektor pengangkutan, untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan perniagaan dan orang ramai mengenai manfaat e-pembayaran di samping ketersediaan pelbagai penyelesaian e-pembayaran. Bank juga memantau dengan rapi perkembangan yang menunjukkan trend yang semakin meningkat dalam fi pertukaran, yang boleh meningkatkan kos untuk perniagaan dan pengguna yang menggunakan kad pembayaran, dan akan mempertimbangkan rangka kerja yang sesuai bagi mengawal selia proses penentuan fi pertukaran domestik yang dapat mengimbang kepentingan pihak-pihak yang berkaitan.

3

PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2013

13 Tinjauan Keseluruhan

15 Menguruskan Risiko yang Berpunca Daripada Tahap Keberhutangan Isi Rumah

22 Menguruskan Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah dalam Negeri

23 *Rencana: Pengembangan Kredit dan Implikasi Terhadap Kestabilan Kewangan*

35 Menguruskan Dedahan Risiko Kredit Terhadap Perniagaan

39 Menguruskan Ketidaktentuan Pasaran Kewangan dan Risiko Penularan daripada Dedahan Luaran dan Operasi Luar Negeri

50 *Rencana: Kesalinghubungan Luaran dan Risiko Penularan kepada Sistem Perbankan Malaysia*

59 Kesalinghubungan Sistem Perbankan dengan Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB)

62 Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

70 Prospek Kestabilan Kewangan Domestik dan Tumpuan Pemantauan pada Tahun 2014

PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2013

TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan domestik terpelihara dengan baik sepanjang tahun 2013, sekali gus menghasilkan persekitaran yang terus kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sistem kewangan domestik memperlihatkan tahap daya tahan yang tinggi dalam suasana pasaran kewangan global yang lebih tidak menentu. Meskipun keadaan ekonomi bagi ekonomi maju utama pada amnya bertambah baik, perkembangan pasaran kewangan yang didorong terutamanya oleh sentimen telah mencetuskan beberapa episod aliran keluar modal dari beberapa ekonomi sedang pesat membangun pada tahun 2013. Pasaran kewangan yang mendalam dan kehadiran sekumpulan pelabur institusi yang kukuh di Malaysia menyokong keadaan pasaran kewangan domestik yang teratur semasa episod tersebut. Institusi kewangan dalam sektor perbankan, insurans dan takaful terus mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh, disokong oleh penambahbaikan yang berterusan dalam tadbir urus dan amalan pengurusan risiko, serta kawalan yang sewajarnya terhadap pengambilan risiko dalam persekitaran lebihan mudah tunai domestik yang berterusan. Ini memastikan akses kepada khidmat kewangan yang berterusan bagi memenuhi keperluan perniagaan dan isi rumah, disokong oleh amalan pemberian pinjaman yang terus diperkukuh. Keyakinan terhadap sistem kewangan Malaysia juga kekal utuh.

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara pada tahun 2013, disokong oleh keadaan pasaran kewangan yang teratur dan institusi kewangan yang kukuh

Sejajar dengan prospek yang diberikan oleh Bank dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran yang terdahulu, risiko utama terhadap kestabilan kewangan domestik pada tahun 2013 dikaitkan dengan pasaran kewangan yang lebih tidak menentu, pertumbuhan peminjaman isi rumah yang berterusan dan harga harta tanah yang semakin meningkat. Isu-isu ini menjadi tumpuan perbincangan oleh Jawatankuasa Kestabilan Kewangan, Jawatankuasa Dasar Bersama dan Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan Bank pada tahun 2013. Meskipun risiko-risiko tersebut kekal terkawal pada masa ini, langkah kehematan makro dan fiskal tambahan telah diperkenalkan untuk menggalakkan kestabilan makroekonomi dan sosioekonomi serta mengelakkan kemungkinan timbulnya risiko terhadap kestabilan kewangan domestik pada masa hadapan. Langkah kehematan makro diperluas buat kali pertama kepada institusi kewangan bukan bank (IKBB) bagi memastikan tindak balas yang lebih menyeluruh terhadap paras hutang isi rumah yang semakin meningkat, terutamanya dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan lebih rendah. Langkah selanjutnya, dari segi penawaran dan juga pembiayaan, yang bertujuan untuk membendung aktiviti spekulasi dan memperlahankan kenaikan harga rumah juga dijangka menyumbang kepada pengurangan beban hutang isi rumah secara keseluruhan. Pelaksanaan langkah-langkah ini melibatkan kerjasama yang erat dengan pihak berkuasa yang berkaitan, khususnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kedudukan kewangan dan keupayaan sektor isi rumah untuk membayar balik hutang kekal utuh meskipun paras keberhutangan terus meningkat. Ini disokong oleh keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan tahap pendapatan yang lebih tinggi, yang turut menyaksikan isi rumah mengumpul lebih banyak aset kewangan. Institusi kewangan juga mengekalkan piawaian pengunderaitan dan pengurusan risiko yang mantap. Kedudukan leveraj adalah stabil untuk peminjam yang mempunyai leveraj yang tinggi atau yang lebih terdedah kepada kesulitan kewangan dalam persekitaran kos sara hidup yang meningkat. Secara kolektifnya, semua faktor ini memastikan sebarang risiko yang mungkin menggugat kestabilan kewangan tetap terkawal dengan baik, yang diperkukuh lagi oleh keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang mungkin menjejaskan sektor isi rumah.

Meskipun harga rumah terus meningkat pada kadar yang tinggi, langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan pengawasan yang berterusan terhadap amalan pemberian pinjaman dan penilaian oleh bank seharusnya dapat mengekang spekulasi dan pengambilan risiko yang berlebihan. Risiko terhadap kedudukan kewangan isi rumah dan kestabilan kewangan sekiranya berlakunya pelarasan pada harga rumah sebahagian besarnya dikurangkan dengan peminjaman yang terhad oleh isi rumah untuk membiayai pembelian spekulasi dan amalan pemberian pinjaman yang lebih kukuh oleh institusi perbankan.

Meskipun pertumbuhan hutang isi rumah lebih perlahan, terutamanya dalam pembiayaan peribadi, paras keberhutangan dijangka kekal tinggi untuk beberapa tahun akan datang disebabkan oleh profil demografi isi rumah, akses kepada pembiayaan yang lebih meluas dan proses pembandaran yang semakin meningkat yang akan terus menjana permintaan yang kukuh bagi pengumpulan aset dan kekayaan. Keberhutangan isi rumah dijangka akan hanya mula menjadi sederhana setelah kesan daripada langkah berstruktur bagi meningkatkan penawaran perumahan mampu milik dan penambahbaikan sistem pengangkutan awam menjadi lebih kukuh. Beberapa siri langkah yang diperkenalkan sehingga ini bertujuan memastikan bahawa risiko kepada kestabilan kewangan, makroekonomi dan sosioekonomi domestik kekal terkawal sementara pelarasan ini dilaksanakan.

Risiko kredit institusi kewangan daripada dedahan kepada sektor perniagaan sebahagian besarnya kekal tidak berubah. Kedudukan kewangan sektor perniagaan yang kukuh, termasuk peminjam besar dan sistemik, secara amnya tidak berubah dengan kedudukan mudah tunai yang stabil. Kedudukan leveraj keseluruhan adalah lebih rendah meskipun peminjaman adalah lebih tinggi. Walaupun sesetengah sektor perniagaan lebih terjejas berikutan kos input yang tinggi dan kadar pertukaran asing yang tidak menentu, terutamanya perniagaan yang mempunyai kandungan import yang tinggi dan pinjaman luar negeri yang besar, keupayaan perniagaan untuk membayar balik hutang secara keseluruhannya masih kukuh di samping nisbah perlindungan faedah yang bertambah baik.

Institusi kewangan Malaysia terus mempunyai modal yang kukuh dan meraih keuntungan. Seperti yang dijangka, institusi perbankan berjaya membuat peralihan yang lancar kepada keperluan modal yang lebih kukuh, selaras dengan Basel III, yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2013. Sebilangan bank telah berjaya memperoleh modal baharu yang mempunyai ciri-ciri yang mematuhi Basel III, yang turut diterima dengan baik oleh pasaran. Keberuntungan sektor perbankan, insurans dan takaful secara keseluruhannya adalah mampan, walaupun sumbangan daripada aktiviti perdagangan dan pelaburan lebih tidak menentu, mencerminkan keadaan pasaran. Institusi kewangan juga kekal berhemat dalam mengambil kedudukan risiko pasaran, dan terus menguruskan secara aktif kedudukan pendanaan mata wang asing dan dedahan terhadap pergerakan kadar pertukaran asing. Strategi pengurusan risiko insurans yang lebih baik oleh penanggung insurans hayat dalam persekitaran kadar faedah semasa yang rendah terus menyokong daya tahan kewangan industri ini. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank berdasarkan andaian aliran keluar portfolio yang ekstrem dan keadaan ekonomi yang buruk mengesahkan bahawa bank dan penanggung insurans dijangka mengekalkan modal yang mencukupi.

Semasa perbincangan tahunan Artikel IV dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) pada bulan Disember 2013, penilai mengambil maklum akan kemajuan yang ketara dalam pelaksanaan saranan yang diketengahkan dalam Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Programme, FSAP) bagi Malaysia pada tahun sebelumnya. Secara khusus, undang-undang perkhidmatan kewangan yang baharu telah mengukuhkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan di Malaysia dengan ketara, dan pengaturan yang menyokong penyelarasan antara agensi dalam pengurusan krisis telah dipertingkat. Bank turut memperkukuh rangka kerja untuk ujian tekanan institusi kewangan dan meningkatkan usaha untuk menambah baik perincian data isi rumah bagi tujuan analisis risiko. Penilaian bebas Artikel IV oleh IMF turut mengesahkan daya tahan institusi perbankan, selaras dengan keputusan ujian tekanan yang dijalankan semasa FSAP sebelum ini.

Meskipun persekitaran luaran akan kekal mencabar pada tahun 2014, Bank menjangka kestabilan kewangan domestik akan terus terpelihara. Sektor kewangan Malaysia berada dalam keadaan yang baik untuk mengurus risiko yang timbul, dengan adanya institusi kewangan yang kukuh, pasaran kewangan yang mendalam, serta penyeliaan yang


rapi oleh Bank terhadap aktiviti pengambilan risiko oleh institusi kewangan dan pengurusan risiko penularan. Pengaturan keinstitusian yang menyeluruh yang sedia ada untuk menangani masalah kewangan akan membantu meningkatkan lagi keupayaan untuk mengurus kejutan. Risiko domestik, termasuk yang berpunca daripada IKBB dan perkembangan dalam sektor harta tanah, juga dijangka terkawal melalui pelbagai langkah yang telah dilaksanakan. Meskipun risiko ini dinilai sebagai terkawal, aktiviti pengawasan dan penyeliaan Bank akan diteruskan pada tahap pengawasan yang tinggi pada masa hadapan. Bank sentiasa bersedia untuk bertindak lebih awal bagi menangani sebarang peningkatan risiko dan ancaman yang mungkin timbul terhadap kestabilan kewangan domestik.

MENGURUSKAN RISIKO YANG BERPUNCA DARIPADA TAHAP KEBERHUTANGAN ISI RUMAH

Peminjaman isi rumah agregat berkembang pada kadar yang paling perlahan sebanyak 11.7% (2012: +13.5%; 2011: +13.5%; 2010: +15.1%) kepada RM854.3 bilion sejak pengenalan beberapa siri langkah pada tahun 2010 untuk mengawal peningkatan hutang yang berlebihan oleh isi rumah. Ini didorong terutamanya oleh kadar pertumbuhan pemberian pinjaman yang jauh lebih perlahan oleh IKBB, khususnya pada separuh kedua tahun 2013 (Rajah 1.1 dan Rajah 1.2). Kedudukan kewangan agregat isi rumah kekal kukuh, dengan keadaan guna tenaga dan pendapatan yang stabil sepanjang tahun, yang secara keseluruhan terus memberikan sokongan kepada kekukuhan kewangan dan

Rajah 1.1


Sektor Isi Rumah: Hutang dan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.2

Sektor Isi Rumah: Perubahan Tahunan dan Bahagian Pasaran Pinjaman Mengikut Bank dan Institusi Kewangan Bukan Bank




Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang isi rumah meningkat pada kadar yang paling perlahan sejak tahun 2010, dan pada kadar yang sepadan dengan pertumbuhan aset kewangan. Agregat leveraj bagi peminjam yang berpendapatan rendah kekal stabil

keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah. Aset kewangan isi rumah meningkat pada kadar yang lebih sejajar dengan kadar pertumbuhan hutang isi rumah berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Pada tahun 2013, aset kewangan isi rumah meningkat sebanyak 11.2% (2012: +12.7%) kepada RM1.9 trilion atau 193.5% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Seperti pada tahun-tahun sebelum ini, komposisi aset kewangan isi rumah secara amnya tidak banyak berubah di mana 42% daripada aset kewangan dipegang dalam bentuk deposit dan instrumen mirip deposit. Pelaburan dalam bentuk saham dan amanah saham berkembang sedikit untuk mencakupi kira-kira 25% (2012: 24%) daripada aset kewangan. Pada paras agregat, nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang kekal stabil pada 2.2 kali.

Rajah 1.3


Sektor Isi Rumah: Komposisi Penyedia Kredit



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan

Rajah 1.4

Sektor Isi Rumah: Profil Pinjaman dan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Meskipun pertumbuhan peminjaman isi rumah lebih perlahan, namun tahap keberhutangan isi rumah meningkat kepada 86.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2013 disebabkan oleh pertumbuhan KDNK nominal yang lebih perlahan sebanyak 4.5% (2012: +6.4%). Walau bagaimanapun, risiko kepada kestabilan kewangan domestik terus terkawal berikutan asas-asas yang kukuh dalam sektor kewangan dan isi rumah, serta langkah awalan yang sedia ada untuk mengawal tingkah laku berhutang yang berlebihan. Prospek ekonomi yang stabil dan prospek guna tenaga yang memberangsangkan mengukuhkan lagi asas ini.

Bank-bank kekal sebagai pemberi kredit yang utama bagi isi rumah, mencakupi 80.9% (2012: 80.6%) daripada hutang isi rumah (Rajah 1.3). Hampir 60% daripada pemberian pinjaman kepada isi rumah adalah untuk pembelian harta tanah dan pelaburan dalam ekuiti dan dana amanah saham yang menambah kekayaan isi rumah (Rajah 1.4). Kesan keseluruhan daripada langkah berperingkat yang diperkenalkan sejak tahun 2010 untuk mengawal keberhutangan yang berlebihan masih dirasai, khususnya untuk mengurangkan kelemahan isi rumah yang berpendapatan rendah dan menghindar isi rumah secara amnya daripada berhutang secara berlebihan.

Hasilnya, jumlah isi rumah yang berpendapatan sehingga RM3,000 sebulan mencakupi bahagian yang jauh lebih rendah daripada jumlah peminjaman isi rumah pada 27% (2012: 33%) atau RM230.7 bilion (2012: RM252.5 bilion). Walaupun agregat leveraj untuk isi rumah yang berpendapatan sehingga RM3,000 sebulan adalah stabil pada kira-kira tujuh kali (diukur sebagai nisbah peminjaman terkumpul kepada pendapatan tahunan), paras itu masih tinggi. Usaha untuk mengurangkan paras leveraj untuk kumpulan peminjam ini adalah penting bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk menghadapi kejutan pendapatan atau perbelanjaan. Bagi kategori pendapatan lain, walaupun paras leveraj jauh lebih rendah, adalah penting bagi isi rumah kumpulan ini memelihara kedudukan leveraj mereka. Isi rumah didapati memberikan lebih tumpuan pada pengurusan leveraj secara keseluruhan, seperti yang dirumuskan oleh kaji selidik Bank mengenai sentimen pengguna. Ini akan menyokong ke arah memelihara kekukuhan isi rumah pada masa hadapan.

Pakej langkah terbaharu yang diperkenalkan oleh Bank pada bulan Julai dan November 2013 merupakan tindak balas kepada amalan pemberian pinjaman yang didapati tidak selaras dengan penilaian kemampuan membayar yang berhemat dan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Amalan yang menimbulkan

kebimbangan meliputi (i) pelanjutan tempoh pembayaran balik sehingga 45 tahun bagi pinjaman perumahan baharu; (ii) tempoh pembayaran balik pinjaman yang panjang sehingga 25 tahun bagi pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh IKBB; dan (iii) peningkatan pemberian pinjaman untuk pembangunan dan pembelian harta kediaman di bawah projek perumahan yang menawarkan skim permodalan faedah (interest capitalisation schemes, ICS) (termasuk developer interest bearing schemes, DIBS). Skim sedemikian didapati menaikkan harga harta tanah sehingga setinggi 30%, selain menggalakkan aktiviti spekulasi dalam pasaran harta tanah dengan menurunkan kos kemasukan bagi pembeli. Memandangkan sebahagian besar peminjaman isi rumah adalah untuk pembelian harta tanah, pemberian pinjaman yang menjurus kepada skim ini, jika tidak dikawal akan turut menyumbang kepada paras hutang isi rumah yang lebih tinggi.


Langkah baharu ini mengehadkan tempoh pembayaran balik untuk pembelian harta tanah kepada 35 tahun dan bagi pembiayaan peribadi kepada 10 tahun. Penawaran kemudahan pembiayaan peribadi yang diluluskan terdahulu tanpa permohonan daripada peminjam juga tidak dibenarkan. Selain institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank, langkah ini dilanjutkan kepada semua koperasi kredit yang dikawal selia oleh SKM dan dua penyedia kredit runcit yang besar, iaitu Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan AEON Credit Service (M) Berhad. Amalan institusi pemberi pinjaman untuk mematuhi nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) yang berhemat bagi pemberian pinjaman isi rumah juga diselaras untuk memastikan bahawa jumlah obligasi hutang seseorang peminjam (termasuk pinjaman yang diambil daripada bank dan IKBB) direkodkan dengan sempurna dan secukupnya dalam pengiraan DSR. Dalam melanjutkan langkah ini kepada koperasi kredit, Bank bekerjasama rapat dengan SKM yang turut serta dalam keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan. Kerjasama ini meliputi penetapan keperluan terperinci supaya langkah ini memberikan kesan, memberikan taklimat bersama, pemantauan dan pemeriksaan terhadap koperasi untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan. Sebagai tindak balas terhadap kebimbangan dalam amalan pemberian pinjaman berkaitan dengan harta tanah yang merangsang kenaikan harga harta tanah, institusi kewangan dilarang daripada membiayai pembangunan dan pembelian harta tanah yang mempunyai unsur ICS, termasuk DIBS. Ini diikuti pengharaman oleh Kerajaan terhadap penawaran harta tanah untuk dijual oleh pemaju di bawah syarat tersebut.

Pemberian pinjaman bank kepada isi rumah

Pemberian pinjaman bank terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang sebanyak 12% kepada RM690.6 bilion atau 70.2% daripada KDNK pada akhir tahun 2013. Pertumbuhan itu terus didorong terutamanya oleh pemberian pinjaman untuk pembelian harta kediaman dan harta bukan kediaman (terutamanya kedai) (Rajah 1.5). Pertumbuhan pemberian pinjaman dalam segmen ini telah menyusut daripada kadar pertumbuhan tertinggi yang dicatat pada tahun 2010. Pembiayaan harta kediaman secara relatif kekal stabil sejak empat tahun yang lalu, manakala pembiayaan harta bukan kediaman terus menunjukkan trend menurun. Komposisi pemberian pinjaman bank kepada isi rumah keseluruhannya tidak berubah, dengan pemberian pinjaman untuk pembelian harta tanah terus mencakupi sebahagian besar (56.5%) daripada jumlah pinjaman isi rumah daripada sistem

Rajah 1.5

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pinjaman




* Dalam mata peratusan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.6

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Dedahan Mengikut Tujuan Pembiayaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

perbankan (Rajah 1.6). Pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam pemberian pinjaman bagi perumahan dan kenderaan bermotor mencerminkan profil demografi yang secara relatifnya muda dan peningkatan jumlah penduduk yang bekerja, yang bertambah mewah. Pada tahun 2013, bilangan tenaga kerja meningkat sebanyak 4.3% (2012: +3.5%), dengan lebih setengah daripada tenaga kerja berumur di bawah 35 tahun. Ramai rakyat Malaysia juga berpendapat bahawa memiliki atau melabur dalam harta tanah ialah matlamat kewangan yang penting dalam persediaan untuk berkahwin dan bersara, untuk membiayai pendidikan anak-anak, atau untuk menyediakan jaminan kewangan yang baik untuk generasi seterusnya.

Bahagian pembiayaan tidak bercagar adalah stabil di bawah 15% daripada pinjaman sistem perbankan kepada isi rumah. Pembiayaan untuk kegunaan peribadi khususnya berkembang pada kadar yang lebih perlahan, sebanyak 4.6% pada separuh tahun kedua, berbanding dengan 7.5% pada separuh tahun pertama (2012: +9.1%), ekoran langkah yang dilaksanakan oleh Bank pada bulan Julai. Baki kad kredit terkumpul meningkat sedikit, iaitu sebanyak 4.3% bagi tahun 2013, di mana kira-kira 93% daripada baki terkumpul merupakan baki semasa (yang belum melewati tarikh matang pembayaran) dan 6% lagi ialah baki tertunggak kurang daripada tiga bulan. Walaupun baki pusingan (baki kad kredit yang berulang) adalah lebih tinggi sedikit (+2.3%) berbanding dengan tahun sebelumnya, bilangan pemegang kad yang mempunyai baki pusingan terus menurun sebanyak 4% untuk mencakupi 48% daripada jumlah kad dalam edaran berikutan usaha berterusan oleh peminjam untuk menyatukan hutang kad kredit. Selain itu, pemegang kad yang membayar baki kad kredit sepenuhnya pada setiap bulan (lebih kurang sepertiga) terus berbuat demikian seperti pada tahun sebelumnya. Risiko kredit daripada dedahan terhadap segmen kad kredit kekal terhad seperti dicerminkan oleh tunggakan yang stabil dan rendah. Sejak tahun 2011, Bank menegaskan keperluan bagi pengeluar kad untuk memberikan penzahiran yang jelas mengenai implikasi jumlah faedah yang lebih tinggi yang ditanggung apabila pengguna menyelesaikan hanya sebahagian daripada baki terkumpul keseluruhan. Bank-bank juga sedang mempromosikan kad debit secara aktif sebagai satu alternatif untuk tujuan membuat pembayaran.

Piawaian pemberian pinjaman yang mantap diteruskan, dengan penambahbaikan berterusan dalam amalan penilaian kemampuan untuk membayar hutang

Secara amnya, bank-bank terus mengekalkan piawaian pemberian pinjaman yang kukuh meskipun dalam keadaan kredit yang amat kompetitif dan keadaan mudah tunai yang berlebihan. Sejak pelaksanaan Garis Panduan Pembiayaan yang Bertanggungjawab dua tahun lalu, penilaian kemampuan untuk membayar hutang yang dijalankan oleh bank semakin bertambah baik. Ini khususnya dilihat dari segi keperluan dokumentasi yang lebih kukuh untuk tujuan pengesahan pendapatan, serta andaian lebih konservatif yang digunakan untuk menganggarkan pendapatan berubah-ubah dalam menilai keupayaan peminjam untuk membayar balik hutang. Sebilangan bank juga mengkaji semula kad skor kredit runcit yang sedia ada untuk merekodkan maklumat tentang tingkah laku, serta maklumat tambahan yang lebih terperinci untuk menambah baik pemprofilan dan pemantauan risiko


mengikut segmen peminjam. Ini disokong oleh akses yang berterusan kepada maklumat kredit masa nyata mengenai peminjam menerusi Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS). Data yang dikumpul daripada dan interaksi dengan bank sejak bulan Julai menunjukkan bahawa DSR purata bagi kemudahan pembiayaan baharu yang diluluskan terus berada pada paras berhemat kurang daripada 40% dan disokong oleh penilaian pendapatan dan hutang yang lebih mantap.

Dari segi pinjaman harta tanah, Bank meningkatkan penelitian mengenai amalan penilaian berikutan kebimbangan mengenai kemungkinan pelonggaran amalan disebabkan oleh trend harga tanah yang semakin meningkat. Kajian semula terhadap pemberi pinjaman bank utama dalam pasaran pinjaman perumahan menunjukkan bahawa amalan penilaian secara amnya kekal kukuh. Meskipun kebanyakan bank, dalam persaingan untuk memberikan pinjaman, memproses permohonan pinjaman berdasarkan penilaian harta tanah indikatif, penilaian rasmi turut diperlukan dan digunakan untuk menentukan jumlah pinjaman yang akhirnya diluluskan menurut dasar nisbah pinjaman kepada nilai (loan-to-value, LTV) dalaman. LTV yang diluluskan juga berbeza mengikut segmen risiko, dengan tahap yang lebih rendah dikenakan ke atas harta tanah di lokasi yang kenaikan harga adalah lebih tinggi atau bagi peminjam yang mempunyai profil risiko kredit yang lebih tinggi berdasarkan kad skor kredit bank dan penilaian kemampuan. Bank-bank juga menggunakan penilaian harta tanah daripada pelbagai sumber untuk menyokong penilaian semula tahunan cagaran yang merupakan sebahagian daripada proses pengurusan portfolio dan kajian semula kredit. Bagi beberapa bank, sistem maklumat dalaman telah dipertingkat untuk menyokong proses ini dengan merekodkan maklumat yang lebih terperinci mengenai nilai transaksi harta tanah yang dibiayai, penilaian bebas serta maklumat perbandingan yang lain daripada sumber sekunder yang diyakini.

Pinjaman isi rumah daripada sistem perbankan terus meningkat dari segi kualiti bagi semua segmen dengan insiden delinkuensi yang rendah (Rajah 1.7 dan Jadual 1.1). Analisis vintaj bagi pinjaman perumahan, yang merupakan komponen terbesar dedahan bank kepada sektor isi rumah, telah menunjukkan kadar mungkir yang lebih rendah bagi pinjaman baharu yang dibuat dalam tempoh terkemudian sejak tahun 2004 (Rajah 1.8). Insiden kemungkiran menurun sejak beberapa tahun yang

Rajah 1.7

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Delinkuensi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.1


Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Tertunggak Kasar

	2011	2012	2013
	%		
Keseluruhan	2.6	2.5	2.1
Pembelian harta kediaman	2.0	1.9	1.6
Pembelian kenderaan bermotor	5.5	5.6	4.7
Pembiayaan peribadi	1.7	1.3	1.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.8

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Analisa Vintaj bagi Pinjaman Perumahan



Sumber: Bank Negara Malaysia

lalu, mencerminkan pengukuhan piawaian dan amalan pengunderaitan bank. Selaras dengan trend ini, pinjaman perumahan yang tertunggak antara satu dan tiga bulan terus menurun pada tahun 2013, mencakupi hanya 1.6% (2012: 1.9%) daripada jumlah pinjaman perumahan.

Meskipun terdapat penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pinjaman dan kualiti portfolio

pinjaman isi rumah, Bank telah mendapati penurunan yang beransur-ansur dalam peruntukan terjejas secara kolektif yang dibuat oleh bank sejak piawaian pelaporan kewangan baharu mengenai peruntukan diterima pakai pada tahun 2012. Di peringkat bank individu, Bank juga mendapati terdapat perbezaan dalam penentuan kadar kerugian dan jangka masa untuk penilaian kerugian. Dalam persekitaran pertumbuhan kredit yang terus kukuh, adalah berhemat bagi mengukuhkan penampan terhadap kemungkinan kerugian pada masa hadapan. Dengan mengambil kira perkara ini, bank-bank dikehendaki untuk mengekalkan secara agregat, peruntukan terjejas secara kolektif dan rizab pengawalseliaan tidak kurang daripada 1.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul (bersih daripada peruntukan terjejas individu) menjelang akhir Disember 2015. Bank-bank dijangka secara beransur-ansur menambah penampan yang diperlukan untuk mencapai pematuhan sepenuhnya menjelang akhir tahun 2015. Amalan penentuan harga secara berhemat oleh bank-bank yang sejajar dengan keperluan di bawah Piawaian Penentuan Harga Berpengetahuan Risiko yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2013 akan mengukuhkan lagi penampan bank terhadap kerugian yang mungkin dialami (sila rujuk Bab 3 mengenai 'Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan').

Langkah yang diperkenalkan untuk meningkatkan amalan peruntukan dan penetapan harga berdasarkan risiko oleh bank akan mengukuhkan lagi penampan terhadap kerugian yang mungkin dialami pada masa hadapan

Anggaran purata kerugian akibat mungkir (loss given default, LGD) dan kebarangkalian mungkir (probability of default, PD) kekal stabil (Jadual 1.2, Jadual 1.3 dan Jadual 1.4). Dalam keadaan operasi yang biasa, dengan andaian bahawa insiden mungkir berlaku serentak pada keseluruhan peminjaman yang berbeza oleh isi rumah yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah sebulan (yang mencakupi 24% (2012: 29%) daripada jumlah pemberian pinjaman bank kepada isi rumah), jangkaan kerugian kepada sistem perbankan dianggarkan sebanyak RM1.9 bilion atau 2.4% daripada penampan modal bank (2013: RM79.3 bilion) yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan Basel III. Sekiranya ada kemungkinan insiden mungkir yang serupa berlaku merentas semua kumpulan pendapatan, anggaran kerugian yang dijangka masih terkawal, iaitu sebanyak RM6.4 bilion atau 8.1% daripada modal lebihan sistem perbankan. Walaupun di bawah andaian yang teruk dengan PD lebih kurang tiga kali ganda dan LGD ketara lebih tinggi, jangkaan kerugian yang dianggar lebih kurang RM30.5 bilion masih berupaya diserap oleh sistem perbankan (Jadual 1.5).

Jadual 1.2

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Purata Kebarangkalian Mungkir (PD)

	2011	2012	2013
	%		
Pembelian harta kediaman	3.1	2.5	2.4
Pembelian kenderaan bermotor	3.2	2.8	2.4
Pembiayaan tidak bercagar	3.5	3.5	3.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.3

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Purata Kerugian Akibat Mungkir (LGD)

	2011	2012	2013
	%		
Pembelian harta kediaman	19	18	18
Pembelian kenderaan bermotor	48	49	49
Pembiayaan tidak bercagar	77	76	78

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.4

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Kerugian Dijangka

	2011	2012	2013
	RM bilion		
Pembelian harta kediaman	1.5	1.3	1.4
Pembelian kenderaan bermotor	1.9	1.8	1.6
Pembiayaan tidak bercagar	2.2	2.4	2.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.5

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Kemungkinan Kerugian Berdasarkan Andaian Teruk Terhadap Kejadian Mungkir dan Kerugian Akibat Mungkir Isi Rumah

	Pinjaman perumahan	Sewa beli kenderaan	Pembiayaan peribadi	Kad kredit	Jumlah[1]
Kebarangkalian mungkir (%)	7.2	7.2	10.5	10.5	
Kerugian akibat mungkir (%)	40	75	95	95	
Kemungkinan kerugian (RM bil)					
- Peminjam berpendapatan RM3,000 ke bawah setiap bulan	1.5	2.8	2.2	0.8	8.4
- Peminjam berpendapatan RM5,000 ke bawah setiap bulan	3.4	4.6	3.6	1.7	15.3
- Semua peminjam	9.4	7.5	5.7	3.5	30.5

[1]Termasuk pinjaman isi rumah lain seperti pembiayaan untuk pembelian harta bukan kediaman dan barangan pengguna tahan lama
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.6

Sektor Isi Rumah: Faktor-faktor yang Menyokong Penilaian Risiko kepada Kestabilan Kewangan Domestik yang Berpunca daripada Tahap Keberhutangan Sektor Isi Rumah

Institusi kewangan	• Penampan modal yang kukuh untuk menyerap kerugian yang dijangka akibat keadaan sukar yang mempengaruhi keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang • Kekukuhan piawaian pinjaman dikekalkan dengan penambahbaikan berterusan dalam penilaian mampu milik (termasuk IKBB), disiplin penetapan harga yang bertambah baik dan amalan penilaian yang dipertingkat • Infrastuktur pengurusan risiko yang mantap dan komprehensif, diperkukuh oleh peruntukan kerugian pinjaman yang mencukupi
Isi rumah	• Penampan kewangan yang kukuh, dengan pertumbuhan berterusan aset kewangan seiring dengan hutang isi rumah • Agregat keupayaan isi rumah membayar balik hutang dan trend pembayaran balik hutang yang kekal kukuh • Tahap leveraj peminjam yang mudah terjejas yang stabil
Pihak berkuasa	• Langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada, diperkukuh oleh langkah-langkah fiskal dan inisiatif lain oleh Kerajaan • Pengaturan dan kuasa yang jelas untuk melaksanakan dan menyesuaikan langkah-langkah yang sewajarnya jika tahap risiko meningkat • Kewaspadaan penyeliaan yang terus kukuh • Usaha merangsang celik kewangan dan pendidikan kewangan dipergiat • Penyelarasan yang lebih kukuh di peringkat kebangsaan dan antara agensi


Pemberian pinjaman IKBB kepada isi rumah

Berikutan pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh Bank pada bulan Julai 2013, pertumbuhan pemberian pinjaman terkumpul tahunan oleh IKBB (termasuk pemberian pinjaman oleh institusi kewangan pembangunan (IKP)) kepada sektor isi rumah pada tahun 2013 didapati menurun lebih daripada separuh (2013: +9.6%; 2012: +22.1%), seiring dengan penurunan yang ketara dalam pertumbuhan tahunan pembiayaan peribadi kepada 13.9% (ST1 2013: +25%) (Rajah 1.9). Berbanding dengan separuh tahun pertama 2013, bilangan dan nilai kemudahan pembiayaan peribadi baharu yang diluluskan oleh IKBB pada separuh tahun kedua itu merosot masing-masing sebanyak 25.5% dan 68.1% (Jadual 1.7). Meskipun pembiayaan peribadi berkembang dengan lebih perlahan, IKBB masih lagi merupakan pemberi pembiayaan peribadi terbesar yang mencakupi 60% (2012: 57%) daripada jumlah pembiayaan peribadi kepada isi rumah. Sama seperti bank, DSR peminjam yang memperoleh pembiayaan baharu daripada IKBB juga didapati bertambah baik pada separuh tahun kedua 2013, iaitu kira-kira 70% daripada pinjaman baharu diberikan kepada peminjam yang mempunyai DSR di bawah 40%. Purata amaun pembiayaan peribadi yang dikeluarkan oleh IKBB juga menurun lebih daripada 50%, iaitu kira-kira RM30,000 bagi setiap kemudahan.

Meskipun terdapat penyelarasan berikutan beberapa langkah yang dilaksanakan pada bulan Julai, keberuntungan tiga IKBB yang mencakupi

Rajah 1.9

Sektor Isi Rumah: Perubahan Tahunan dan Bahagian Pasaran Pembiayaan Peribadi Mengikut Bank dan Institusi Kewangan Bukan Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.7

Sektor Isi Rumah: Kelulusan Baharu bagi Pembiayaan Peribadi

Penyedia kredit	Bilangan peminjam		Jumlah (RM juta)	
	ST1 2013	ST2 2013	ST1 2013	ST2 2013
Bank	304,967	270,024	9,303	7,652
IKBB	286,215	213,318	20,422	6,508

Sumber: Bank Negara Malaysia

bahagian pasaran terbesar dalam pembiayaan peribadi (iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, MBSB dan AEON Credit Service (M) Berhad) kekal kukuh, dengan pertumbuhan keuntungan tahunan sebelum cukai antara 24% hingga 42%. Lebih 80% daripada portfolio pemberian pinjaman setiap entiti ini terdiri daripada pembiayaan peribadi. Daripada jumlah ini, kira-kira 80% daripada portfolio pemberian pinjaman merupakan pinjaman kepada penjawat awam berdasarkan skim potongan gaji secara automatik yang ditadbir oleh Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Sebagai langkah perlindungan, skim ini menetapkan nilai potongan maksimum sebanyak 60% daripada jumlah pendapatan peminjam, termasuk potongan untuk pembayaran balik pinjaman (kini diperkukuh untuk merangkumi juga pinjaman lain yang bukan ditadbir di bawah BPA), potongan berkanun dan obligasi pembayaran yang lain. Ciri ini bertujuan mengurangkan risiko kredit yang ditanggung oleh IKBB, yang mana nisbah pinjaman terjejas yang rendah sebanyak 1.7% dicatat bagi portfolio pembiayaan peribadi oleh IKBB, serupa dengan nisbah terjejas yang dicatat oleh bank. Ini membolehkan IKBB mengekalkan kadar pembiayaan pada paras yang rendah (serendah 3.25% setahun berasaskan kadar sama rata).

Paras keberhutangan isi rumah yang tinggi ini dijangka berterusan selama beberapa tahun akan datang berikutan permintaan yang terus kukuh untuk kediaman dan pengangkutan dengan proses pembandaran yang semakin pesat serta penduduk yang secara relatifnya muda dan lebih mewah. Apabila kesan langkah kehematan makro yang dilaksanakan sebelum ini oleh Bank serta langkah berstruktur yang lebih luas oleh Kerajaan, khususnya untuk meningkatkan penawaran perumahan mampu milik dan menambah baik sistem pengangkutan awam, menjadi lebih nyata pada tahun-tahun akan datang, paras dan pertumbuhan keberhutangan isi rumah sepatutnya mula menyederhana. Dalam keadaan pertumbuhan hutang isi rumah yang secara relatifnya kekal kukuh pada masa hadapan, penekanan yang berterusan terutamanya terhadap disiplin pemberian pinjaman yang mantap dan penilaian kemampuan membayar hutang oleh institusi kewangan perlu dikekalkan. Ini dilengkapkan dengan inisiatif pendidikan yang terus dipergiat, yang akan memperkukuh amalan peminjaman yang bertanggungjawab (rujuk Bab 4 tentang 'Amalan Pasaran dan Pemerkasaan Pengguna').

MENGURUSKAN PERKEMBANGAN DALAM PASARAN HARTA TANAH DALAM NEGERI

Harga rumah pada tahun 2013 kekal tinggi dan terus menjadi tumpuan yang memerlukan pemantauan yang teliti memandangkan kesan harga rumah yang lebih tinggi ini terhadap hutang isi rumah keseluruhannya dan dedahan institusi kewangan yang besar terhadap pasaran harta tanah. Sebarang pelarasan harga harta tanah yang ketara boleh menambahkan tekanan terhadap kedudukan kewangan institusi kewangan.

Jumlah dedahan institusi kewangan kepada sektor harta tanah (sebahagian besarnya dalam bentuk pinjaman langsung kepada pemaju dan pembeli

Pengembangan Kredit dan Implikasi terhadap Kestabilan Kewangan

Sistem kewangan yang berfungsi dengan baik, melalui peranannya dalam transformasi tempoh matang dan mudah tunai, pempelbagaian risiko dan sistem pembayaran, membolehkan pengantaraan dana yang efisien yang menyokong aktiviti ekonomi. Pengembangan kredit kepada perniagaan dan isi rumah menyumbang kepada pendalaman kewangan selain menyokong aktiviti pelaburan dan penggunaan yang menjana pertumbuhan. Walau bagaimanapun, pengembangan kredit yang berlebihan dan melangkaui asas-asas ekonomi dan potensi keluaran boleh menimbulkan risiko ketidakstabilan ekonomi dan sistem kewangan. Pertumbuhan kredit sepesat itu dalam tempoh yang berlarutan selalunya mendahului krisis perbankan, dan sering dikaitkan dengan peningkatan kerapuhan makroekonomi dan kewangan. Meskipun pertumbuhan kredit yang berlebihan secara keseluruhannya dianggap sebagai penunjuk yang berguna bagi kemungkinan terdapatnya kelemahan sistemik, kajian juga menunjukkan bahawa tempoh pertumbuhan kredit yang tinggi secara berterusan lebih berkemungkinan mengamplifikasikan kebarangkalian atau keseriusan tekanan sistemik sekiranya sistem kewangan itu bercirikan kerapuhan struktur atau ketidakseimbangan kewangan yang lain.

Keadaan kredit di Malaysia adalah kondusif untuk keperluan pembiayaan ekonomi, dan mencerminkan pendalaman kewangan yang lebih nyata di Malaysia. Dalam tempoh kebelakangan ini, pertumbuhan kredit juga didorong oleh keadaan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik. Sejak tahun 2001, pertumbuhan kredit berkembang pada kadar purata sekitar 9.2%. Tempoh pengembangan kredit yang kukuh ini selari dengan tempoh pelaksanaan pelbagai pembaharuan untuk memperkukuh sektor perbankan berikutan Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC). Berlatarbelakangkan keadaan ini, rencana ini mengenal pasti penentu pengembangan kredit di Malaysia dan mengkaji sama ada terdapat tanda-tanda pertumbuhan kredit yang berlebihan berdasarkan analisis metrik yang lazim digunakan untuk membandingkan pertumbuhan kredit dengan trend jangka panjang. Rencana ini juga membincangkan batasan berkaitan dengan metodologi yang lazim digunakan bagi menentukan tahap pertumbuhan kredit yang berlebihan. Batasan ini menandakan terdapat keperluan untuk memberikan perhatian kepada ciri sesebuah sistem kewangan domestik yang boleh mengamplifikasikan atau mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan dalam persekitaran pertumbuhan kredit yang tinggi secara berterusan.

Penentu-penentu Pengembangan Kredit

Untuk menentukan pendorong utama pertumbuhan kredit, jumlah kredit sektor swasta (pinjaman dan sekuriti hutang swasta) dianalisis secara regresi dengan satu set pemboleh ubah bebas[1] yang mempengaruhi permintaan dan penawaran kredit menggunakan *Error Correction Model* (ECM[2]). Tiga pemboleh ubah penting secara statistik didapati mendorong pengembangan kredit dalam jangka panjang iaitu jumlah deposit, KDNK dan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM). Deposit pelanggan secara konsisten menjadi sumber pendanaan yang dominan bagi penyedia kredit utama di Malaysia. Oleh itu, peningkatan yang berterusan dalam jumlah deposit di bank-bank (Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun (Compounded Annual Growth Rate, CAGR) sebanyak 9.4% dari tahun 2001 hingga 2013) merupakan pendorong utama aktiviti pembiayaan oleh bank (CAGR sebanyak 9.1% bagi tempoh yang sama), yang menambah bekalan dana pinjaman. Permintaan terhadap kredit oleh isi rumah dan perniagaan juga lazimnya meningkat sejajar dengan aktiviti penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi dalam keadaan ekonomi yang sedang berkembang. Bersama-sama dengan proses pendalaman kewangan secara berterusan di Malaysia, ini telah meningkatkan permintaan dan penawaran kredit yang seterusnya menyokong

[1] Faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran kredit yang dipertimbangkan termasuk KDNK nominal dan benar, kadar pinjaman purata, purata hasil 10 tahun bagi sekuriti hutang swasta (PDS) bertaraf AAA, Indeks Harga Pengguna (IHP), IHRM, nilai transaksi purata rumah, FBM Indeks Komposit Kuala Lumpur (FBM KLCI), penduduk yang bekerja, jumlah deposit domestik, aliran modal portfolio, permodalan pasaran saham, kadar simpanan, bekalan wang, kadar dasar Amerika Syarikat, dan pulangan ke atas aset dan ekuiti bank-bank.

[2] ECM membolehkan anggaran dibuat bagi hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah gabungan terintegrasi dengan potensi sisihan jangka pendek daripada hubungan jangka panjang.

aktiviti dan pertumbuhan ekonomi. Akhir sekali, harga harta tanah ialah penentu penting bagi keupayaan peminjaman sektor swasta, mencerminkan kelaziman penggunaannya sebagai cagaran untuk pembiayaan. Harga harta tanah juga mempengaruhi kesediaan penyedia kredit untuk memberikan pinjaman kerana perubahan harga boleh memberikan kesan yang ketara terhadap lembaran imbangan bank melalui pegangan aset berkaitan dengan harta tanah atau potensi kerugian yang lebih tinggi terhadap pinjaman yang bercagarkan harta tanah. Di Malaysia, 28.1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan diberikan untuk membiayai pembelian harta kediaman dan 12.6% lagi untuk pembelian harta bukan kediaman. Termasuk pinjaman yang diberikan untuk tujuan lain, kira-kira RM587.1 bilion (atau 47.9%) daripada pinjaman terkumpul dicagarkan kepada harta tanah. Oleh itu, tidak menghairankan bahawa IHRM dengan pertumbuhan CAGR sebanyak 5.5% sejak tahun 2001 muncul sebagai faktor penting yang mempengaruhi penawaran dan permintaan kredit.

Anggaran Trend Pertumbuhan Kredit dan Batasan yang Berkaitan

Satu cabaran besar dalam membina penunjuk yang andal (reliable) untuk pertumbuhan kredit yang berlebihan[3] ialah menentukan paras nilai ambang yang boleh menimbulkan risiko yang signifikan terhadap kestabilan sistem kewangan. Bagi tujuan kajian ini, kaedah yang biasa digunakan dalam kajian yang mengaplikasikan penuras statistik Hodrick-Prescott (HP filter) telah digunakan untuk memperoleh trend daripada siri masa nisbah kredit kepada KDNK (credit-to-GDP ratio, CTG). Kaedah ini juga dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) bagi tujuan menetapkan penampan modal antikitaran (countercyclical capital buffer), iaitu alat kehematan makro yang bertujuan melindungi sektor perbankan daripada tempoh pertumbuhan kredit yang berlebihan[4]. Sisihan antara nilai sebenar dengan trend jangka panjang (jurang nisbah CTG) dibandingkan dengan nilai ambang yang biasa digunakan dalam kajian untuk menentukan tempoh pertumbuhan kredit yang berlebihan (Jadual 1).

Jadual 1

Nilai Ambang yang Lazim Digunakan dalam Kajian

Nilai Ambang[5]	Definisi
A	Jurang nisbah CTG >1.5 kali sisihan piawainya
B	Kadar pertumbuhan tahunan nisbah CTG >10%

Kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat tanda-tanda kukuh yang menunjukkan pertumbuhan kredit berlebihan berdasarkan nilai ambang yang dinyatakan di atas. Nisbah CTG dalam 7 suku tahunan yang lalu didapati melebihi trend jangka panjang, tetapi terus kekal dalam nilai ambang A (Rajah 1). Berbanding dengan tempoh tahun 1994-1998 yang menunjukkan pertumbuhan kredit melebihi trend yang diperhatikan untuk tempoh 13 suku tahunan berturut-turut sebelum AFC,

[3] Data bagi kredit termasuk (i) kredit yang disediakan oleh bank-bank Malaysia dan sektor ekonomi lain; (ii) kredit kepada syarikat bukan kewangan, isi rumah dan institusi bukan keuntungan yang memberikan perkhidmatan kepada isi rumah; dan (iii) pinjaman dan sekuriti hutang.


[4] BCBS (2010a) mencadangkan bahawa matlamat utama untuk menggunakan penampan modal antikitaran ini adalah untuk mencapai matlamat kehematan makro bagi melindungi sektor perbankan daripada tempoh pertumbuhan kredit berlebihan dengan memastikan modal yang mencukupi untuk membantu mengekalkan aliran kredit dalam ekonomi, ketika sistem kewangan mengalami tekanan selepas tempoh pertumbuhan kredit berlebihan. Dalam menangani matlamat untuk melindungi sektor perbankan, penampan modal ini juga boleh membantu untuk membendung pembentukan ketidakseimbangan kewangan dengan menaikkan kos kredit dan melembabkan permintaannya.

[5] Dell' Aricia et al (IMF, 2012) mengklasifikasikan satu episod ledakan kredit sekiranya salah satu daripada dua syarat berikut dipenuhi: (i) sisihan daripada trend adalah lebih besar daripada 1.5 kali sisihan piawaian dan kadar pertumbuhan tahunan nisbah kredit kepada KDNK melebihi 10%; atau (ii) kadar pertumbuhan tahunan nisbah kredit kepada KDNK melebihi 20%. Syarat kedua diperkenalkan untuk mengesan episod apabila agregat kredit meningkat secara beransur-ansur tetapi pertumbuhan kredit mencapai paras yang jauh melebihi paras dalam negeri yang diperhatikan sebelum itu.

nisbah CTG dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini telah meningkat pada kadar yang lebih perlahan dan lebih beransur-ansur. Kadar ini juga masih jauh di bawah paras tertinggi yang dicatat pada tahun 1997. Beralih kepada nilai ambang B (Rajah 2), pertumbuhan tahunan nisbah CTG dan kredit sepanjang 14 tahun yang lalu kekal di bawah paras yang telah diperhatikan sebelum AFC. Kadar ini didapati melebihi nilai ambang buat sementara waktu semasa Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis) pada tahun 2008-2009, tetapi sebahagian besarnya didorong oleh perubahan dalam denominator (KDNK) akibat kejutan luaran terhadap ekonomi, manakala keadaan domestik terus menyokong permintaan dan penawaran kredit. Pertumbuhan tahunan nisbah CTG turun dengan cepat di bawah nilai ambang apabila ekonomi pulih semula. Ini berbeza dengan tempoh sebelum AFC yang menyaksikan pengembangan kredit yang meningkat dengan pesat bagi tempoh yang

Rajah 1


Nisbah Kredit kepada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank for International Settlements dan pengiraan dalaman

Rajah 2

Kredit dan Nisbah Kredit kepada KDNK: Pertumbuhan Tahunan




Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank for International Settlements dan pengiraan dalaman

berpanjangan (apabila pertumbuhan kredit melebihi 20% dan nilai ambang B dilangkaui selama lebih daripada tiga tahun berturut-turut), di samping piawaian pengunderaitan yang lebih lemah.

Walaupun HP filter sering digunakan untuk menentukan trend dalam pemboleh ubah makroekonomi dan merupakan kaedah yang efektif untuk mengesan keretakan struktur, metodologi ini mempunyai beberapa batasan. Anggaran trend siri masa sebahagian besarnya amat bergantung pada tempoh siri masa yang digunakan, ini akan menghasilkan pelbagai anggaran jurang nisbah CTG dan nilai ambang sebagaimana yang digambarkan dengan menggunakan dua set siri masa (Rajah 3). Kajian ini menggunakan tempoh masa 20 tahun[6] memandangkan siri masa yang lebih panjang memberikan anggaran yang lebih baik untuk mencerminkan kedudukan sesebuah negara dalam kitaran kredit[7]. Kelemahan lain berkaitan dengan sensitiviti anggaran trend kepada parameter pelicinan (lambda)[8] (Rajah 4). Selanjutnya, isyarat yang berbeza kepada pembuat dasar mungkin timbul dengan mengaplikasikan HP filter secara rekursif untuk menentukan trend berdasarkan data sedia ada pada setiap suku tahunan (penuras satu sisi (one-sided filter), seperti yang dicadangkan oleh BCBS dan digunakan dalam kajian ini), dan bukannya siri masa keseluruhan (penuras dua sisi (two-sided filter)) (Rajah 5). Ini boleh menimbulkan beberapa cabaran untuk menentukan sekiranya tindak balas dasar diperlukan untuk mengawal pertumbuhan kredit yang berlebihan dan jika diperlukan, keamatan tindak balas itu. Satu lagi pertimbangan yang relevan adalah berkaitan dengan penggunaan denominator selain KDNK seperti aset kewangan dan bukan kewangan sektor swasta yang berkaitan dengan penilaian keupayaan membayar hutang dan kredit yang berlebihan (Rajah 6).

Rajah 3


Jurang Nisbah Kredit kepada KDNK: Perbandingan antara Tempoh Siri Masa



Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank for International Settlements dan pengiraan dalaman

Rajah 4

Jurang Nisbah Kredit kepada KDNK: Perbandingan antara Parameter Pelicinan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank for International Settlements dan pengiraan dalaman


[6] BCBS mencadangkan sekurang-kurangnya tempoh masa 20 tahun dalam konteks penampan modal antikitaran.

[7] Drehman et al (2012) yang mengkaji tentang kitaran kewangan mendapati bahawa penilaian dengan menggunakan siri masa yang lebih lama akan merekod komponen turun naik jangka masa sederhana dalam kitaran kredit dengan lebih baik.

[8] Analisis empirikal oleh Drehman et al (2010) mendedahkan bahawa komponen trend yang dikira menggunakan 400,000 lambda (seperti yang digunakan dalam kajian ini) menunjukkan prestasi yang baik dalam mengutip trend keberhutangan jangka panjang dalam sektor swasta. Begitu juga, Ravn et al (2002) mencadangkan 1,600 lambda digunakan untuk kitaran perniagaan dan pemerhatian suku tahunan. Bagi kitaran dengan tempoh yang lebih lama seperti kitaran kredit, nilai yang lebih tinggi dianggap wajar.

Rajah 5


Jurang Nisbah Kredit kepada KDNK: Perbandingan antara One-sided dan Two-sided HP Filter



Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank for International Settlements dan pengiraan dalaman

Rajah 6

Sektor Isi Rumah: Nisbah Hutang kepada Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan

Menilai Faktor yang Mempengaruhi Kelemahan dalam Persekitaran Pertumbuhan Kredit yang Lebih Tinggi

Batasan dalam metodologi semasa yang digunakan untuk menilai sekiranya pertumbuhan kredit adalah berlebihan menandakan bahawa sebarang kesimpulan yang diambil juga perlu mengambil kira faktor lain yang relevan dan penting. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, faktor-faktor ini harus merangkumi kekuatan atau kelemahan yang sedia ada dalam sistem kewangan yang boleh mengamplifikasikan atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan dan makroekonomi. Bagi pasaran sedang pesat membangun atau ekonomi sedang dalam tempoh peralihan, kajian telah mencadangkan bahawa pertumbuhan kredit yang pesat juga mungkin bererti pelarasan ke arah paras kredit purata bagi ekonomi maju[9], dan tidak semestinya menunjukkan paras pinjaman yang berlebihan.

Terdapat beberapa faktor yang boleh menunjukkan kelemahan dalam sistem kewangan yang berserta kadar pengembangan kredit yang pantas dan berlarutan, boleh membawa kepada ancaman yang akan menjejaskan kestabilan kewangan jika dibiarkan tanpa pengawasan dan langkah bersesuaian. Ini termasuk (i) amalan pengunderaitan pinjaman yang tidak berhemat dan penentuan harga risiko yang tidak tepat; (ii) penampan kewangan yang tidak mencukupi untuk menyerap kejutan sementara; (iii) penyeliaan yang lemah terhadap penyedia kredit utama yang mungkin merangkumi pengantara kewangan bukan bank; (iv) peratusan yang tinggi sumber pinjaman luaran dalam mata wang asing yang terdedah kepada risiko pertukaran asing dan pembiayaan semula; (v) herotan harga aset yang didorong kredit; dan (vi) kedudukan leveraj isi rumah dan perniagaan yang tinggi dan semakin meningkat.

Bank telah memantau dengan rapi perkembangan dalam pertumbuhan kredit domestik, khususnya dalam keadaan mudah tunai yang berlebihan, kos pinjaman yang rendah dan harga harta tanah yang kian meningkat. Namun demikian, sejak tahun 2010, Bank telah mengambil satu siri langkah awalan bagi mengatasi potensi kelemahan yang boleh meningkatkan risiko kepada kestabilan kewangan dalam jangka masa panjang. Langkah-langkah ini mencerminkan pendekatan bersasaran dan

[9] Untuk tujuan ini, rujukan kajian yang sedia ada mencadangkan penggunaan anggaran panel pensampelan luaran dengan set negara yang bersesuaian untuk menganggarkan dengan lebih baik hubungan keseimbangan yang betul antara asas ekonomi dengan pinjaman swasta.

inkremental yang bertujuan untuk mengelakkan kesan tidak diingini yang boleh mengakibatkan pelarasan yang berlebihan dalam ekonomi, dan pada masa yang sama membolehkan peserta pasaran, termasuk isi rumah dan perniagaan, untuk menyesuaikan jangkaan, tingkah laku dan kesanggupan mengambil risiko secara beransur-ansur, dan seterusnya memastikan risiko kepada kestabilan kewangan terus diurus dengan baik.

Rujukan

Basel Committee on Banking Supervision (2010), 'Guidance for National Authorities Operating the Countercyclical Capital Buffer'.

Borio, C. (2012), 'The Financial Cycle and Macroeconomics: What Have We Learnt?', BIS Working Paper No. 395.

Dell'Ariccia, G., D. Igan, L. Laevan dan H. Tong (2012), 'Policies for Macrofinancial Stability: How to Deal with Credit Booms', IMF Staff Discussion Note SDN/12/06.

International Monetary Fund (2004), `Are Credit Booms in Emerging Markets a Concern?´, World Economic Outlook, April.


Drehmann, M., C. Borio dan K. Tsatsaronis (2012), 'Characterising the Financial Cycle: Don't Lose Sight of the Medium Term!', BIS Working Paper No. 380.

Drehmann, M., C. Borio, L. Gambacorta, G. Jiménez dan C. Trucharte (2010), 'Countercyclical Capital Buffers: Exploring Options', BIS Working Paper No. 317.

Ravn, M. O. dan H. Ulig (2002), 'On Adjusting the Hodrick-Prescott Filter for the Frequency of Observations', Review of Economics and Statistics Vol. 84.

Rajah 1.10


Pasaran Harta Tanah: Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah



Sumber: Bank Negara Malaysia dan penyata kewangan institusi kewangan bukan bank

Rajah 1.11

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) dan Purata Jangka Panjang



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

harta tanah, dan selebihnya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang yang diterbitkan oleh syarikat berkaitan harta tanah dan pelaburan dalam harta tanah) meningkat sebanyak 14.3% (2012: +15.1%) pada tahun 2013 kepada RM553.5 bilion, atau 21.9% daripada jumlah aset sistem kewangan (Rajah 1.10). Daripada jumlah ini, dedahan agregat sistem perbankan kepada pasaran harta tanah meningkat sebanyak 14.7% kepada RM526.2 bilion, atau 25.4% daripada jumlah aset. Kira-kira 65% daripada dedahan tersebut terdiri daripada pembiayaan akhir yang diberikan untuk pembelian harta kediaman, manakala kira-kira 29% adalah untuk pemerolehan harta bukan kediaman. Kemudahan kredit untuk modal kerja dan pembiayaan penyambung bagi pembinaan dan pembangunan harta tanah mencakupi 4% lagi daripada dedahan bank kepada pasaran harta tanah. Dedahan penanggung insurans dan pengendali takaful kepada pasaran harta tanah, kebanyakannya menerusi pemegangan sekuriti hutang dan pelaburan dalam harta tanah, berjumlah RM10 bilion atau hanya 4.3% daripada jumlah aset. Beberapa penanggung insurans hayat yang utama juga menyediakan pinjaman untuk pembelian harta kediaman agar berpadanan dengan profil kematangan liabiliti insurans hayat. Namun, pinjaman ini hanya mencakupi 1.6% daripada jumlah aset industri ini, atau 1% daripada jumlah pembiayaan akhir untuk pembelian harta kediaman.

Penurunan jumlah transaksi harta kediaman pada separuh tahun pertama 2013 mempunyai kesan yang sedikit sahaja terhadap harga rumah. Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) meningkat naik manakala harga rumah di pusat bandaraya utama kekal tinggi (Rajah 1.11 dan Jadual 1.8). Meskipun jumlah transaksi harta kediaman merosot dengan ketara sebanyak 12.6% pada separuh tahun pertama 2013 disebabkan pembeli dan pelabur rumah menangguhkan aktiviti jual beli sebelum

Jadual 1.8


Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan Harga Rumah Mengikut Negeri

Perubahan tahunan (%)	Purata '01-'10	S4'11	S4'12	S2'12	S1'13	S2'13
Malaysia	3.6	10.0	12.2	11.2	10.7	11.3
Kuala Lumpur	4.7	13.9	17.4	9.1	13.6	25.3
Selangor	3.1	11.9	10.4	16.5	7.5	8.1
Johor	0.2	9.1	15.8	8.1	20.0	24.1
Pulau Pinang	4.3	11.4	12.5	11.9	12.6	15.6

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Rajah 1.12

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan Harga Rumah Mengikut Segmen




Nota: Data berdasarkan purata bergerak tiga suku tahunan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Rajah 1.13


Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Indeks Unit yang Dilancarkan Mengikut Harga



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Rajah 1.14

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Transaksi dan Penambahan Stok Rumah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara


pilihan raya umum, nilai agregat urus niaga meningkat sedikit iaitu sebanyak 1.1%. Harga rumah naik secara menyeluruh untuk semua kategori harta tanah, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dilihat dalam segmen rumah sesebuah dan harta tanah bertingkat tinggi (Rajah 1.12). Tumpuan terhadap pelancaran harta tanah mewah baharu (Rajah 1.13) terus menyebabkan tekanan menaik terhadap harga harta tanah yang lain. Kemampuan isi rumah di bandar utama untuk memiliki rumah kekal mencabar dalam masa terdekat ini kerana penawaran unit perumahan yang akan datang di bawah inisiatif Kerajaan akan mengambil masa untuk dilaksanakan.

Harga rumah kekal tinggi dan terus didorong oleh ketidakpadanan struktur antara penawaran dengan permintaan. Pembelian spekulasi harta kediaman yang didorong kredit kekal rendah

Tekanan menaik terhadap harga rumah sebahagian besarnya masih disebabkan oleh faktor struktur. Permintaan (menggunakan purata unit transaksi sebagai proksi) terus mengatasi bekalan rumah baharu (diukur dengan penambahan dalam stok rumah) dengan margin yang besar (Rajah 1.14), terutamanya dalam segmen rumah kos rendah hingga sederhana dan di pusat pekerjaan utama. Faktor demografi, berdasarkan penduduk dan tenaga kerja Malaysia yang secara relatifnya muda (Jadual 1.9), proses pembandaran yang meningkat dan kecenderungan untuk memiliki rumah secara amnya, dijangka mengekalkan permintaan yang kukuh terhadap harta kediaman mampu milik di pusat bandaraya utama, dan berkemungkinan mengatasi penawaran dalam jangka terdekat dan jangka sederhana. Sebahagian daripada ketidakpadanan ini disebabkan oleh harga tanah dan kos pembinaan yang meningkat, yang mendorong pemaju membina harta tanah mewah berikutan marginnya lebih tinggi. Ini telah memperkukuh trend yang sebahagian besar

Rajah 1.15

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Keuntungan Modal daripada Pelaburan Pasaran Perumahan



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan pengiraan dalaman

permintaan untuk rumah mampu milik dipenuhi melalui pasaran sekunder oleh pemilik rumah yang menjual harta tanah mereka pada harga yang lebih tinggi. Transaksi pasaran sekunder mencakupi kira-kira 80% daripada urus niaga harta kediaman pada tahun 2013.

Pembelian harta kediaman bagi tujuan pelaburan juga telah didorong oleh pulangan bersih pelaburan yang menarik dan secara relatifnya stabil dalam persekitaran kadar faedah yang berterusan rendah (Rajah 1.15). Meskipun permintaan untuk pelaburan kekal kukuh, sebahagian besar pembelian rumah masih lagi untuk tempat kediaman atau sebagai pelaburan jangka sederhana hingga jangka panjang. Ini disokong oleh data yang menunjukkan bahawa 84% peminjam pinjaman perumahan mempunyai satu akaun pinjaman perumahan terkumpul sahaja. Pembelian harta kediaman untuk tujuan spekulasi yang didorong oleh kredit kekal rendah berikutan pelaksanaan had LTV terhadap peminjam yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul sejak bulan November 2010. Pertumbuhan tahunan dalam bilangan peminjam yang mempunyai beberapa pinjaman perumahan telah menurun dengan ketara daripada paras tertinggi 15.8% sejurus sebelum pelaksanaan langkah-langkah tersebut, untuk mencakupi hanya 3% daripada bilangan individu yang mempunyai akaun pinjaman perumahan terkumpul dengan bank, iaitu paras yang telah dikekalkan sejak had LTV diperkenalkan. Pembelian untuk tujuan pelaburan oleh pihak asing (biasanya secara tunai dan dalam pasaran harta tanah mewah) turut menyumbang kepada permintaan yang tinggi terhadap rumah di lokasi tertentu, namun transaksi sebegini adalah kecil, mencakupi kurang 2% daripada jumlah transaksi pasaran harta tanah.

Risiko kepada kewangan isi rumah yang berpunca daripada potensi pelarasan harga rumah diimbangi oleh beberapa faktor termasuklah pembelian spekulasi yang dibiayai melalui peminjaman adalah tidak ketara. Berdasarkan pemantauan penyeliaan oleh Bank, tiada juga bukti kukuh yang menyeluruh dalam peningkatan trend menyeluruh pemilik rumah meningkatkan leveraj pemilik rumah dengan mengambil lebih banyak pinjaman (melalui pembiayaan semula) bersandarkan kenaikan nilai harta tanah mereka untuk tujuan penggunaan. Ini disokong oleh pertumbuhan yang mampan sebanyak 6.7% (2012: +6.5%) dalam pembayaran balik pinjaman perumahan pada

Jadual 1.9

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pecahan Demografi mengikut Umur di Pusat Pekerjaan Utama

Kumpulan Umur	Lembah Klang		Johor		Pulau Pinang		Malaysia	
	Orang	(%)	Orang	(%)	Orang	(%)	Orang	(%)
0 - 14 tahun	1,742,216	24.4	910,413	27.2	361,081	23.1	7,827,907	27.6
15 - 24 tahun	1,421,967	19.9	631,233	18.9	279,771	17.9	5,689,674	20.1
25 - 44 tahun	2,536,659	35.5	1,038,112	31.0	506,742	32.5	8,525,994	30.1
45 - 64 tahun	1,160,073	16.3	590,520	17.6	313,128	20.1	4,863,220	17.1
+65 tahun	275,847	3.9	178,005	5.3	100,661	6.4	1,427,340	5.1
Jumlah	7,136,762	100	3,348,283	100	1,561,383	100	28,334,135	100

Sumber: Banci 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan dalaman

tahun 2013. Beberapa langkah yang diambil oleh Bank untuk mengukuhkan penilaian bank-bank terhadap kemampuan membayar balik hutang terus memastikan peminjaman baharu disokong oleh pendapatan isi rumah dan bukannya peningkatan dalam nilaian harta tanah.

Bank-bank telah menunjukkan kewaspadaan yang lebih tinggi dalam mematuhi piawaian pengunderaitan berhemat. Bahagian pinjaman perumahan terkumpul dengan LTV melebihi 70% menurun kepada 46.6% (2012: 50.1%). Ini membolehkan bank-bank mempunyai penampan yang selesa sekiranya berlaku kemungkiran apabila menghadapi penurunan nilai yang mendasari cagaran berbanding jumlah terkumpul bagi pinjaman perumahan. Bank-bank juga telah menunjukkan ketelitian yang lebih tinggi dalam penilaian faktor yang menyokong penilaian harta tanah, seperti tahap pembangunan di lokasi tertentu, kepadatan penduduk, status harta tanah yang tidak terjual, permintaan sedia ada dan potensi permintaan serta bilangan dan nilai perolehan harta tanah di kawasan persekitarannya. Faktor ini didapati lebih kerap dikemas kini dengan mengambil kira pembangunan dan trend baharu. Margin pembiayaan yang lebih rendah juga diguna pakai oleh bank-bank dalam pinjaman perumahan baharu untuk harta tanah di lokasi yang mengalami kenaikan harga yang lebih tinggi. Dalam tempoh kebelakangan ini, penilaian yang digunakan untuk tujuan ini tidak lagi mengambil kira nilai yang meningkat akibat insentif yang ditawarkan oleh pemaju kepada pembeli rumah yang boleh menaikkan harga rumah antara 10% hingga 30% melebihi nilai intrinsik.

Peminjam yang memiliki satu akaun pinjaman perumahan lazimnya ialah pemilik-penghuni atau pelabur strategik dengan tempoh pelaburan jangka sederhana hingga jangka panjang. Bagi peminjam sedemikian, kecenderungan mengekalkan pembayaran balik hutang biasanya tinggi dan jika berlaku kejutan pendapatan sementara, peminjam ini mempunyai kesediaan yang tinggi untuk mendapatkan bantuan pengurusan hutang dari peringkat awal. Peminjam sedemikian tidak berapa cenderung untuk menjual harta tanah tersebut sebagai tindak balas terhadap penurunan harga harta tanah kerana keupayaan membayar balik hutang tidak bergantung pada nilai ekuiti rumah atau jangkaan keuntungan modal memandangkan tempoh pemilikan dan pelaburan adalah bersifat jangka sederhana hingga jangka panjang. Keadaan ini boleh mengehadkan kemungkinan kenaikan kejadian mungkir yang mendadak dan dengan itu kerugian kredit kepada bank-bank jika berlaku pelarasan harga dalam pasaran harta tanah. Berdasarkan analisis kepekaan (sensitivity) faktor tunggal ke atas portfolio pinjaman perumahan bank dengan tekanan PD sehingga 10% (kira-kira empat kali PD semasa) dan penurunan harga rumah sebanyak 40%, lebihan penampan modal bank berada pada paras lebih daripada lima kali ganda anggaran jangkaan kerugian.

Penampan modal bank-bank berada pada paras lebih daripada lima kali ganda anggaran kerugian daripada penurunan harga rumah sebanyak 40% dan tekanan kebarangkalian mungkir

Ujian tekanan makro atas-bawah bagi tempoh tiga tahun yang dijalankan ke atas dedahan sistem perbankan kepada sektor harta kediaman, harta bukan kediaman dan pembinaan, menunjukkan potensi kerugian sebanyak RM11.3 bilion setahun. Ini berdasarkan andaian tekanan PD pada paras antara 6% hingga 10%, dan pelarasan harga rumah yang teruk sehingga 40%. Daripada jumlah ini, kira-kira RM9.2 bilion ialah potensi kerugian yang dikaitkan dengan bank-bank konvensional dan RM2.1 bilion dengan bank-bank Islam. Data pada akhir tahun 2013 menunjukkan keupayaan yang tinggi untuk menyerap andaian kejutan berdasarkan lebihan penampan modal bagi bank-bank konvensional dan bank-bank Islam masing-masing menampung 7.3 kali dan 5.9 kali potensi kerugian tahunan yang dianggarkan.

Sejak tahun 2010, pelbagai langkah kehematan makro dan fiskal telah diambil untuk mengawal aktiviti spekulasi dan menggalakkan pasaran harta tanah yang kukuh dan mampan. Pada bulan Julai 2013, Bank bertindak mengehadkan tempoh maksimum bagi pembiayaan yang diberikan untuk membeli harta tanah kepada 35 tahun bagi memastikan penilaian ke atas kemampuan membayar balik hutang isi rumah tidak terjejas oleh tempoh pembiayaan yang panjang. Langkah ini juga bertujuan untuk mencegah peminjam

spekulatif. Seterusnya, pada bulan November 2013, Bank melarang institusi kewangan daripada membiayai projek pembangunan dan pembelian akhir harta tanah baharu dengan elemen ICS, termasuk DIBS atau apa-apa permutasi, yang telah menyumbang kepada harga harta tanah yang melebihi penilaian sebenar dan kos kemasukan yang lebih rendah untuk spekulator harta tanah. Kerajaan juga mengharamkan pembangunan harta tanah baharu yang menawarkan ICS ini. Langkah tambahan juga diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengawal aktiviti spekulasi, termasuk menaikkan lagi cukai keuntungan harta tanah, nilai ambang yang lebih tinggi bagi pembelian harta tanah oleh warga asing, dan meningkatkan ketelusan dalam harga harta tanah.


Dalam Bajet 2014, Kerajaan memberikan ikrar untuk meningkatkan akses kepada pemilikan rumah pada harga mampu milik, dengan pembinaan kira-kira 223,000 unit rumah mampu milik tambahan di pelbagai lokasi strategik di seluruh negara. Berdasarkan trend kebelakangan ini, harga unit perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dijangka sekitar 20% di bawah harga pasaran semasa. Penubuhan Majlis Perumahan Kebangsaan (National Housing Council) oleh Kerajaan pada tahun 2014, yang melibatkan agensi persekutuan, kerajaan negeri, Jabatan Perumahan Negara, Perbadanan PR1MA Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad dan sektor swasta, merupakan satu perkembangan penting untuk memastikan penyelarasan yang berkesan dan pelaksanaan yang tepat pada masanya dalam langkah menyediakan bekalan perumahan. Bahagian yang penting dalam mandatnya termasuk menambah liputan dan kekinian data bagi memudahkan analisis perkembangan dalam pasaran harta tanah dan kesan daripada langkah yang diambil.

Dedahan institusi kewangan kepada segmen bukan kediaman pasaran harta tanah terdiri terutamanya daripada pembiayaan akhir oleh bank-bank bagi pembelian kedai dan tanah. Pembiayaan keseluruhan oleh bank-bank untuk pembelian harta tanah bukan kediaman (termasuk tanah) berkembang dengan lebih perlahan sebanyak 17.7% (2012: +19.4%) pada tahun 2013. Pembiayaan untuk pembelian kedai meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 17.3% (2012: +16.1%) untuk mencakupi 5% daripada jumlah pinjaman bank, manakala pembiayaan untuk pembelian tanah dan ruang pejabat mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, masing-masing sebanyak 15.7% dan 15.2% (2012: masing-masing +17.7% dan +37.6%) untuk mencakupi masing-masing 2.7% dan 1.9% daripada jumlah pinjaman bank (Rajah 1.16). Kira-kira 42% daripada pinjaman bank untuk pembelian harta bukan kediaman dianggarkan berkait dengan pembelian oleh isi rumah dan pelabur runcit, dengan pembelian kedai menjadi pilihan paling utama dalam opsyen pelaburan alternatif kepada harta kediaman. Oleh itu, individu dengan peminjaman terkumpul untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman mencatat peningkatan sebanyak 12.4% (2012: +13.1%). Ini turut menjelaskan korelasi positif yang sangat tinggi iaitu 0.96 antara harga untuk kedai dengan harta kediaman. Pelaburan dalam kedai dan harta bukan kediaman melibatkan risiko yang lebih meluas dan berbeza. Oleh itu, isi rumah dan pelabur runcit perlu memahami sepenuhnya risiko ini dan mempunyai jangkaan yang lebih realistik ke atas pulangan bagi pelaburan dalam bentuk ini.

Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate, CAGR) bagi harga kedai antara tahun 2009 hingga 2013 ialah 11.1%. Pada tahun 2013, harga kedai naik sebanyak 7.3% sejajar dengan kadar sewa yang tinggi (Rajah 1.17). Harga tanah di pusat pekerjaan utama juga berada pada trend menaik sejak tahun 2009, mencatat kenaikan CAGR sebanyak 14.5% bagi tempoh sehingga suku ketiga tahun 2013 (Rajah 1.18).

Rajah 1.16


Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman: Pertumbuhan Pinjaman dan Sumbangan Kepada Pertumbuhan Mengikut Segmen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.17


Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman, Kedai: Nilai Transaksi Purata



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Rajah 1.18

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman, Tanah: Nilai Transaksi Purata Mengikut Negeri




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Harga purata tanah (diukur sebagai nisbah nilai transaksi purata kepada bilangan transaksi) di Kuala Lumpur didapati agak stabil sejak tahun 2010, tetapi masih jauh lebih tinggi berbanding purata kebangsaan dan paras yang didapati di kebanyakan negeri. Sebahagian besar transaksi tanah melibatkan pembelian oleh pemaju harta tanah untuk menambah bekalan tanah dan memperoleh pendedahan kepada kawasan pertumbuhan tinggi di dalam dan di sekitar pusat bandaraya utama. Pada masa ini, dedahan pembiayaan bank bagi pembelian kedai dan tanah kekal rendah dengan paras delinkuensi yang rendah dan stabil (Rajah 1.19).

Rajah 1.19

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman: Nisbah Pinjaman Tertunggak




Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam segmen ruang pejabat, kadar sewa untuk bangunan lama bertambah baik sedikit pada tahun 2013 tetapi masih menerima tekanan daripada bekalan bangunan baharu yang lebih banyak pada masa akan datang, terutamanya di Lembah Klang. Pemilik bangunan bagi ruang pejabat lama terus menawarkan pelbagai insentif untuk menarik minat bakal penyewa. Sebaliknya, ruang pejabat di bangunan baharu yang dilengkapi kemudahan moden, keselamatan yang lebih baik dan ciri-ciri hijau telah berjaya mengekalkan kadar sewa yang lebih tinggi, walaupun kadar ini juga mula mengalami tekanan ke bawah pada tahun 2013 apabila bekalan baharu mengatasi permintaan (Rajah 1.20). Kadar kekosongan keseluruhan bagi ruang pejabat kekal tinggi pada 17.1% dan dijangka meningkat lagi berikutan penawaran ruang pejabat yang telah dirancang dalam tempoh beberapa tahun akan datang (Rajah 1.21). Kadar kekosongan bagi kompleks beli-belah juga semakin meningkat,

Rajah 1.20


Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman, Ruang Pejabat: Kadar Sewa di Lembah Klang



Sumber: Knight Frank

Rajah 1.21

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman, Ruang Pejabat dan Kompleks Beli-belah: Kadar Kekosongan



a Awalan


Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

secara purata pada 20.2% bagi tempoh tahun 2010-2013, dengan kemasukan bekalan baharu ke dalam pasaran dalam tempoh beberapa tahun yang lepas. Meskipun kadar kekosongan tinggi, kompleks beli-belah yang diurus dengan baik dengan kawasan tumpuan yang besar terus menerima permintaan yang tinggi, seterusnya menyokong kenaikan kadar sewa yang stabil (Rajah 1.22).

Menuju ke hadapan, adalah penting bagi permintaan terhadap harta tanah komersial diberikan ruang supaya dapat merapatkan

Rajah 1.22

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman: Kompleks Beli-belah di Lembah Klang



Sumber: Jones Lang Wootton

jurang dengan bekalannya bagi mengelakkan kenaikan kadar kekosongan selanjutnya dalam segmen ini. Walaupun risiko langsung terhadap kestabilan kewangan domestik didapati terhad memandangkan dedahan pembiayaan bank kepada segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah hanya mencakupi 3% daripada jumlah pinjaman bank, dan pinjaman tertunggak bagi tempoh antara satu hingga tiga bulan kekal stabil dan di bawah 0.6% daripada jumlah pinjaman dalam segmen ini, namun implikasi yang meluas mungkin timbul daripada sentimen yang secara amnya lemah dan kelembapan dalam sektor pembinaan jika berlaku kenaikan kadar kekosongan secara mendadak.

MENGURUSKAN DEDAHAN RISIKO KREDIT TERHADAP PERNIAGAAN


Risiko kredit institusi kewangan yang berpunca daripada dedahan kepada sektor perniagaan sebahagian besarnya kekal tidak berubah meskipun tahap peminjaman yang lebih tinggi oleh perniagaan pada tahun 2013. Kedudukan kewangan perniagaan yang terus mantap, dan amalan pengurusan risiko dan pemberian pinjaman yang mampan oleh institusi kewangan menyumbang kepada pengurangan risiko mungkir. Prospek ekonomi yang stabil turut menyumbang kepada potensi yang rendah berlakunya insiden mungkir dalam skala besar.

Kedudukan agregat leveraj perniagaan adalah lebih rendah, dan pinjaman perniagaan tertunggak terus menurun

Keteguhan kedudukan kewangan dan kunci kira-kira perniagaan, termasuk peminjam besar dalam sistem perbankan, pada amnya tidak terjejas. Margin operasi agregat bertambah baik kepada 12.8% (2012: 11.7%), meskipun purata pulangan atas aset lebih rendah pada 4.7% (2012: 5%) pada tahun 2013, dalam keadaan kos input yang tinggi dan pergerakan kadar pertukaran asing yang lebih tidak menentu (Rajah 1.23). Perniagaan turut mencatat kedudukan agregat leveraj yang lebih rendah dengan nisbah hutang kepada ekuiti sebanyak 39.7% (2012: 41.3%), manakala kedudukan mudah tunai dan baki tunai

Rajah 1.23


Sektor Perniagaan: Penunjuk Keberuntungan



Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.24


Sektor Perniagaan: Leveraj dan Penunjuk Mudah Tunai



Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.25

Sektor Perniagaan: Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Prospek Risiko Kredit




r Ramalan

Sumber: Moody's KMV Credit Edge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

keseluruhan secara relatifnya tidak berubah (Rajah 1.24). Selain itu, perniagaan terus menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang kukuh, dengan nisbah perlindungan faedah meningkat kepada 7.7 kali (2012: 5.4 kali) (Rajah 1.25). Keupayaan membayar balik hutang yang mantap ini ditunjukkan oleh trend pembayaran balik yang stabil dan nisbah pembayaran balik kepada pengeluaran hutang yang tinggi sebanyak 94.1%. Pinjaman perniagaan yang tertunggak bagi tempoh antara satu dan kurang daripada tiga bulan terus menurun kepada 0.4% (2012: 1%) daripada jumlah pinjaman perniagaan. Penurunan dilihat dalam sektor yang mempunyai dedahan kredit terbesar terhadap institusi kewangan Malaysia (Rajah 1.26 dan Jadual 1.10). Nisbah pinjaman tertunggak bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus menurun kepada 0.5% daripada jumlah pinjaman yang diberikan kepada

Rajah 1.26

Sektor Perniagaan, Sistem Perbankan: Delinkuensi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.10

Sektor Perniagaan, Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Tertunggak Kasar

	2011	2012	2013
	%		
Keseluruhan	**1.0**	**1.0**	**0.4**
Pembinaan	0.3	0.7	0.3
Harta tanah	0.1	0.1	0.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	0.7	0.6	0.4
Pengangkutan	1.3	1.0	1.0
Utiliti	0.1	0.1	0.02
Perusahaan kecil dan sederhana	1.5	0.9	0.5

Sumber: Bank Negara Malaysia


segmen tersebut (2012: 0.9%), yang secara amnya mencerminkan kedudukan kewangan perniagaan yang kukuh.

Jumlah hutang terkumpul (peminjaman domestik dan luar negeri) bagi perniagaan, merangkumi kemudahan pinjaman dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) (termasuk sukuk) (tidak termasuk institusi kewangan), berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 10.4% (2012: +12.7%). Peminjaman oleh sektor perniagaan dalam bentuk terbitan PDS meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 7.7% (2012: +24%) disebabkan sebahagiannya oleh penangguhan sementara pemerolehan dana dalam pasaran modal domestik sebelum pengesahan tarikh pilihan raya umum. Bank-bank, penanggung insurans dan pengendali takaful merupakan pelabur utama yang mencakupi kira-kira 53.9% daripada jumlah PDS dan sukuk yang diterbitkan oleh perniagaan domestik. Pinjaman perniagaan daripada bank-bank Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 8.5% (2012: +10.9%) dengan peningkatan kukuh diperhatikan bagi pembiayaan kepada PKS (2013: +12.8%; 2012: +15.5%). Paras nisbah hutang sektor perniagaan kepada KDNK secara keseluruhan meningkat kepada 97.1% (2012: 92%), namun masih lagi berada jauh di bawah paras yang dicatatkan semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis) (Rajah 1.27).

Secara agregat, institusi kewangan Malaysia paling terdedah kepada sektor berkaitan harta tanah, perdagangan borong dan runcit, pengangkutan, utiliti dan infrastruktur, yang mencakupi 46.1% daripada jumlah dedahan kepada sektor perniagaan. Pada tahun 2013, sektor berkaitan

Rajah 1.27


Sektor Perniagaan: Nisbah Hutang kepada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Rajah 1.28

Sektor Perniagaan: Pertumbuhan Hutang Domestik dan Sumbangan kepada Pertumbuhan Mengikut Industri



Sumber: Bank Negara Malaysia

harta tanah dan perdagangan borong dan runcit paling banyak menyumbang kepada keseluruhan peningkatan hutang sektor perniagaan (Rajah 1.28). Peminjaman menerusi bank dan PDS oleh sektor berkaitan harta tanah meningkat sebanyak 15.7% (2012: +23.4%), mencerminkan aktiviti pasaran harta tanah domestik yang mampan, manakala peminjaman oleh sektor perdagangan borong dan runcit meningkat sebanyak 10.4% (2012: +11.5%), sejajar dengan penggunaan swasta yang mampan. Berdasarkan anggaran dalaman oleh Bank, bank-bank mempunyai kapasiti dan mudah tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pembiayaan perniagaan yang lebih tinggi pada masa hadapan termasuk projek di bawah Program Transformasi Ekonomi menerusi pembiayaan langsung dan pelaburan dalam sekuriti hutang, tanpa meminggirkan keperluan pembiayaan sektor swasta yang lain, meskipun keperluan modal yang lebih ketat dilaksanakan berdasarkan Basel III.

Dedahan hutang luar negeri bagi perniagaan Malaysia secara keseluruhannya meningkat sebanyak 22.3% (2012: +1.5%) pada tahun 2013 kepada RM168 bilion untuk mencakupi 17.6% (2012: 15.9%) daripada jumlah hutang perniagaan. Peningkatan ini sebahagiannya didorong oleh peminjaman dalam kumpulan oleh syarikat Malaysia daripada syarikat induk di luar negeri. Paras peminjaman luar negeri (sebagai peratusan daripada KDNK) kekal di bawah paras yang dicatat semasa Krisis Kewangan Global

(Global Financial Crisis, GFC). Memandangkan sebahagian besar peminjaman tersebut dibuat dalam denominasi dolar AS, sesetengah syarikat korporat yang mempunyai hutang luar negeri yang besar dan menjalankan perniagaan yang mempunyai kandungan import yang tinggi (termasuk syarikat korporat dalam sektor tenaga, penerbangan, sektor berkaitan bahan bangunan dan pembinaan, dan automotif) menerima kesan daripada dedahan berdenominasi mata wang asing yang mengalami ketidaktentuan yang lebih ketara. Sehingga kini, syarikat korporat tersebut tidak menunjukkan kemerosotan yang ketara dalam keupayaan untuk membayar balik obligasi peminjaman, dan terus mengekalkan kedudukan kewangan dan aliran tunai yang kukuh. Fleksibiliti yang lebih tinggi untuk syarikat korporat melindung nilai dedahan dalam mata wang asing memberikan perlindungan tambahan terhadap turun naik kadar pertukaran. Di bawah senario simulasi aliran keluar portfolio yang ketara, yang boleh menyebabkan penambahan nilai dolar AS yang nyata berbanding ringgit (lebih daripada dua kali pergerakan yang ditunjukkan pada tahun 2013), potensi kerugian kredit akibat kemungkiran oleh syarikat korporat besar yang terpilih di Malaysia yang terjejas berikutan pergerakan negatif dalam mata wang, dianggarkan kecil, iaitu kira-kira 4% daripada lebihan modal bank.


Dedahan agregat bank dan IKP (melalui pembiayaan langsung serta pemegangan PDS dan sukuk) kepada peminjam besar (syarikat korporat yang mempunyai peminjaman melebihi RM1 bilion daripada institusi kewangan Malaysia) mencakupi 17.8% (2012: 19%) daripada jumlah dedahan bank dan IKP. Dedahan agregat sektor insurans dan takaful kepada peminjam besar mencakupi 26.2% daripada jumlah aset dana. Peminjam besar terutamanya terdiri daripada syarikat dalam sektor infrastruktur dan utiliti dan konglomerat dengan fokus perniagaan yang pelbagai. Kekukuhan kewangan peminjam besar ini kekal tidak terjejas, disokong oleh penambahbaikan keupayaan membayar balik hutang dan mudah tunai yang mampan. Nisbah perlindungan faedah agregat dan nisbah semasa bagi peminjam besar, masing-masing berada pada 4.6 kali (2012: 4 kali) dan 1.5 kali (2012: 1.6 kali). Ini seterusnya menyokong trend pembayaran balik yang stabil dan berpadanan dengan tahap delinkuensi yang rendah, iaitu pada 0.2% (2012: 0.1%) daripada pinjaman perniagaan kepada peminjam besar.

Amalan pengunderaitan dan fungsi kawalan mengurus risiko oleh bank dalam pengurusan dedahan risiko kredit kepada sektor perniagaan terus bertambah kukuh sejak beberapa tahun yang lalu. Selain pendekatan yang lebih baik untuk menentukan kriteria tahap kesanggupan mengambil risiko dan penerimaan risiko bagi sektor perniagaan dan pasaran sasaran yang berbeza, bank terus mengukuhkan pengurusan risiko penumpuan kredit. Ini termasuk menetapkan had dedahan kepada kumpulan peminjam tertentu dan segmen berisiko tinggi. Bank-bank juga membuat persediaan ke arah mencapai pematuhan sepenuhnya terhadap keperluan had dedahan rakan niaga tunggal yang disemak semula menjelang bulan Mac 2015. Pematuhan kepada keperluan ini akan mengukuhkan lagi pengurusan risiko penumpuan terutamanya kepada peminjam besar dan entiti yang berkaitan. Sehubungan itu, bank-bank terus mencatat kemajuan yang baik dalam usaha memperbaik kaedah dalaman untuk mengukur dan memantau penumpuan terhadap sektor dan rakan niaga, yang menyokong Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) di bawah Tunggak 2 rangka kerja modal. Berdasarkan penilaian penyeliaan Bank, piawaian penilaian kredit bank berhubung dengan dedahan terhadap sektor perniagaan pada amnya disokong dengan baik oleh infrastruktur pengurusan risiko kredit yang teguh, proses pemantauan dan pemulihan kredit yang teliti dan amalan peruntukan kerugian pinjaman yang konservatif, serta pengaturan pengawasan yang kukuh.

Keupayaan perniagaan untuk membayar balik hutang secara keseluruhan dijangka kekal utuh seperti yang diperhatikan dalam Kebarangkalian Jangkaan Mungkir (Expected Default Frequency, EDF), iaitu ukuran bagi prospek risiko kredit, yang terus bertambah baik kepada 0.2% pada tahun 2014 (2013: 0.5%) (Rajah 1.25). EDF bagi lima industri terbesar berdasarkan saiz dedahan kepada institusi kewangan Malaysia, pada amnya bertambah baik pada tahun 2013, kecuali EDF bagi industri pengangkutan yang merosot sedikit (Rajah 1.29). Prospek risiko kredit yang lemah bagi industri pengangkutan adalah disebabkan oleh tekanan penurunan terhadap kadar hasil penumpang (passenger yield) dalam industri penerbangan global. Berbanding dengan tahun sebelumnya, industri yang berkaitan dengan bahan bangunan dan pembinaan (building- and construction-related materials, BCM) mencatat pemulihan EDF yang

Rajah 1.29

Sektor Perniagaan: Keberuntungan dan EDF bagi Industri Pengangkutan




Sumber: Moody's KMV Credit Edge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

ketara kepada 0.7% (2012: 2.2%) disebabkan oleh subsegmen simen yang menerima permintaan kukuh daripada projek pembinaan infrastruktur yang sedang berjalan, meskipun paras tersebut masih lagi tinggi berbanding dengan industri lain (Rajah 1.30). Walau bagaimanapun, pengeluar keluli domestik terus mengalami penyusutan margin keuntungan akibat harga dan jumlah jualan yang lebih rendah berikutan persaingan daripada import yang lebih murah. Insiden mungkir yang berlaku serentak dalam sektor pengangkutan dan BCM, dinilai sebagai terkawal dengan anggaran kerugian berjumlah RM1 bilion atau 1.3% daripada lebihan modal bank. Di bawah simulasi senario makroekonomi yang terjejas selama tiga tahun terhadap dedahan perniagaan secara keseluruhan, lebihan penampan modal bank dianggarkan mencukupi untuk

Rajah 1.30

Sektor Perniagaan: Keberuntungan dan EDF bagi Industri BCM



Sumber: Moody's KMV Credit Edge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

menampung potensi kerugian kredit sebanyak lebih daripada 4 kali (rujuk keputusan hasil ujian tekanan makro di bawah tajuk 'Kekukuhan dan Daya Tahan Industri Kewangan' dalam bab ini).

MENGURUSKAN KETIDAKTENTUAN PASARAN KEWANGAN DAN RISIKO PENULARAN DARIPADA DEDAHAN LUARAN DAN OPERASI LUAR NEGERI


Pasaran kewangan domestik masih berfungsi dengan teratur dan membantu aktiviti pengantaraan walaupun menghadapi kesan limpahan daripada ketidaktentuan yang berterusan dan perkembangan luaran. Perkembangan global ini memberikan kesan yang ketara terhadap sentimen dan tingkah laku umum pelabur sepanjang tahun 2013 dan menyebabkan berlakunya turun naik dalam aliran modal jangka pendek. Perkembangan dalam negeri yang merangkumi kebimbangan tentang inflasi dan pertumbuhan dalam negeri, serta rancangan konsolidasi fiskal negara turut menyumbang kepada ketidaktentuan yang lebih tinggi. Pasaran kewangan domestik yang lebih dalam dan lebih berpelbagai terus menyokong kelancaran pengantaraan aliran modal jangka pendek dan dua hala, dan pada masa yang sama mengawal pergerakan yang ketara dalam harga aset dan kadar hasil, sekaligus mengekalkan keadaan pasaran yang teratur. Keadaan ini turut disokong oleh kehadiran pelabur institusi domestik yang kukuh dalam pasaran ini. Institusi kewangan di Malaysia mencatat keuntungan bersih daripada urus niaga dan portfolio pelaburan, manakala keadaan pendanaan ringgit dan dolar AS terus menggalakkan. Dedahan lain yang berpunca daripada tuntutan institusi kewangan Malaysia terhadap rakan niaga luar negeri, dan sebaliknya, serta limpahan daripada pengembangan operasi luar negeri oleh bank Malaysia juga dapat dikawal dengan baik. Kesan yang mungkin timbul daripada penyahleveraj oleh institusi kewangan luar negeri terutamanya di Eropah, kekal rendah dan semakin reda berikutan keadaan ekonomi yang semakin baik.

Pengantaraan aliran portfolio jangka pendek yang tidak menentu dalam pasaran kewangan domestik

Aliran portfolio jangka pendek adalah tidak menentu pada tahun 2013, dengan aliran masuk yang besar dicatat dalam tempoh lima bulan pertama. Antara bulan Mei hingga Ogos 2013, ketidakpastian yang meningkat tentang masa dan kadar pengurangan pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE) oleh Federal Reserve AS menyebabkan aliran modal

Rajah 1.31

Pasaran Kewangan: Aliran Portfolio Bersih dan Kasar Suku Tahunan




[1] Pengerusi Federal Reserve Ben Bernanke memberi bayangan buat pertama kali mengenai pengurangan pembelian aset pada 22 Mei 2013
[2] Ketidakpastian yang berterusan mengenai strategi Federal Reserve sehingga Federal Reserve membuat pengumuman yang tidak dijangka pada 18 September 2013 bahawa "tiada pengurangan"
[3] Federal Reserve mengumumkan pengurangan pembelian aset secara beransur-ansur yang pertama sebanyak USD10 bilion pada 18 Disember 2013

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia

keluar daripada ekonomi sedang pesat membangun termasuk Malaysia. Aliran masuk portfolio bersih kembali semula pada bulan September dan Oktober 2013 apabila Federal Reserve AS mengekalkan pembelian aset berskala besar. Dalam tempoh dua bulan terakhir tahun 2013, aliran keluar portfolio bersih sekali lagi dicatat ekoran jangkaan pasaran bahawa pengurangan QE akan bermula berikutan penunjuk ekonomi AS yang lebih baik. Federal Reserve AS kemudiannya mengumumkan bahawa ia akan mula mengurangkan pembelian aset dari bulan Januari 2014 dan bulan-bulan seterusnya. Secara keseluruhan, tahun 2013 mencatat aliran keluar

Rajah 1.32

Pasaran Kewangan: Pemegangan MGS, BNMN dan Ekuiti oleh Bukan Pemastautin




Pemegangan MGS dan BNMN disebut sebagai peratusan daripada jumlah terkumpul manakala pemegangan ekuiti disebut sebagai peratusan daripada jumlah permodalan pemasaran

Sumber: Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

Rajah 1.33

Pasaran Kewangan: Kadar Hasil MGS




Sumber: Bank Negara Malaysia

portfolio bersih sebanyak RM2.8 bilion, berbanding dengan aliran masuk bersih sebanyak RM58.4 bilion pada tahun sebelumnya (Rajah 1.31). Pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) oleh bukan pemastautin secara amnya tidak berubah pada 44.9% daripada MGS terkumpul (2012: 44.4%), manakala pemegangan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) meningkat dengan ketara kepada 72.5% daripada BNMN terkumpul (2012: 51.4%) pada akhir tahun 2013. Pemegangan ekuiti oleh bukan pemastautin juga secara umumnya tidak berubah pada 23.9% daripada jumlah permodalan pasaran (2012: 24.5%) (Rajah 1.32).

Dari bulan Mei hingga Ogos 2013, tekanan jualan oleh bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan menyebabkan kadar hasil MGS meningkat antara 58 ke 92 mata asas bagi spektrum tempoh lima sehingga sepuluh tahun (Rajah 1.33). Walau bagaimanapun, mudah tunai dalam pasaran bon kekal mantap sepanjang tempoh tersebut ekoran pelabur institusi domestik memberikan sokongan yang kukuh dan terus mengisi kekosongan berikutan tekanan jualan oleh bukan pemastautin. Kadar hasil MGS 5 tahun dan MGS 10 tahun meningkat, masing-masing daripada paras paling rendah iaitu 3.03% dan 3.08% pada bulan Mei 2013 untuk mencapai paras tertinggi masing-masing pada 3.68% dan 4.14% pada bulan Ogos dan Disember 2013, sebelum masing-masing mencatat 3.66% dan 4.13% pada akhir tahun. Dalam pasaran ekuiti, FBM KLCI meningkat dan mencapai paras tertinggi pada 1,873 mata pada bulan Disember 2013, sebelum mencatat 1,867 mata pada akhir tahun (2012: 1,689 mata). Nisbah harga kepada perolehan FBM KLCI terus meningkat kepada 17.7 kali pada akhir

Rajah 1.34


Pasaran Kewangan: Indeks Harga dan Nisbah Harga kepada Perolehan FBM KLCI



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.36


Pasaran Kewangan: Spread Bida-tawar Purata FBM KLCI dan MGS (% daripada Harga Penengah)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan pengiraan dalaman

Rajah1.35


Pasaran Kewangan: Turun Naik 90 Hari FBM KLCI dan Kadar Hasil MGS



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.37

Pasaran Kewangan: Nisbah Pusing Ganti Bulanan FBM KLCI dan MGS




Sumber: Bloomberg

tahun 2013 (2012: 15.1 kali). Harga ekuiti terus didorong oleh asas ekonomi dan prestasi perolehan yang kukuh dan stabil secara berterusan (Rajah 1.34). Ketidaktentuan dalam pasaran bon dan ekuiti domestik meningkat masing-masing pada kadar purata 11.6% dan 9% bagi tahun 2013 dengan mencatat paras tertinggi antara bulan Julai dan September 2013 (Rajah 1.35). Walau bagaimanapun, tahap ketidaktentuan kekal amat rendah berbanding dengan yang dialami semasa GFC dan juga oleh negara serantau.

Mudah tunai dagangan juga tidak mengalami pengetatan yang ketara dari segi harga dan jumlah (Rajah 1.36 dan Rajah 1.37). Sepanjang tahun 2013, spread bida-tawar secara keseluruhan bagi MGS meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya seiring dengan pergerakan aliran portfolio yang tidak menentu, terutamanya pada bulan Ogos apabila spread purata meningkat kepada paras tertinggi sebanyak 18 mata asas sebelum menurun semula kepada 13 mata asas menjelang akhir tahun 2013. Sementara itu, spread bida-tawar purata bagi FBM KLCI meningkat dengan ketara pada bulan Disember, tetapi ini merupakan reaksi pasaran terhadap berita korporat dan tidak mempunyai kesan ketara terhadap harga keseluruhan dan ketidaktentuan FBM KLCI. Walaupun terdapat pergerakan yang tidak menentu dalam aliran modal jangka pendek, kos dan ketersediaan pendanaan dalam pasaran PDS domestik (termasuk sukuk) sebahagian besarnya tidak terjejas. Jumlah PDS baharu yang diterbitkan (semua penerbit termasuk

Rajah 1.38

Pasaran Kewangan: Kadar Hasil PDS




Sumber: Bank Negara Malaysia

institusi kewangan) ialah sebanyak RM121 bilion pada tahun 2013. Meskipun kadar hasil PDS mengikuti pergerakan kadar hasil MGS, paras keseluruhannya kekal kondusif bagi memenuhi keperluan pendanaan perniagaan (Rajah 1.38). Sejajar dengan perkembangan dalam pergerakan aliran modal, pada tahun 2013 keseluruhannya, ringgit mengalami peningkatan turun naik dan nilai menyusut sebanyak 6.8% berbanding dengan dolar AS pada akhir tahun 2013 (Rajah 1.39).

Pasaran kewangan yang lebih mendalam dan kehadiran pelabur institusi yang kukuh menyumbang kepada pengantaraan teratur aliran portfolio jangka pendek yang tidak menentu

Rajah 1.39


Pasaran Kewangan: Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.40

Pasaran Kewangan: Pemegangan Sekuriti oleh Pelabur Institusi Domestik




Sumber: Bank Negara Malaysia

Semasa episod aliran keluar portfolio antara bulan Mei dengan Ogos, sebahagian besar penjualan sekuriti hutang oleh bukan pemastautin diserap oleh sekumpulan besar institusi domestik iaitu bank, kumpulan wang simpanan dan pencen, serta syarikat insurans yang memberikan sokongan kepada pasaran modal domestik (Rajah 1.40). Sepanjang tempoh ini, pemegangan MGS oleh kumpulan wang simpanan dan pencen serta syarikat insurans berkembang, masing-masing sebanyak 5.7% dan 17.6% untuk mencakupi 23.7% dan 10.8% daripada jumlah MGS terkumpul (pada akhir bulan Mei 2013: masing-masing sebanyak 23.1% dan 9.4%). Pemegangan MGS oleh bank juga meningkat sebanyak 29.5% atau RM23.9 bilion untuk mencakupi sebanyak 35% daripada jumlah MGS terkumpul (pada akhir bulan Mei 2013: 27.7%). Pada masa yang sama, bank mengurangkan pemegangan BNMN kerana pelabur bukan pemastautin yang masih berada dalam pasaran domestik menambah permintaan terhadap sekuriti dengan tempoh matang yang lebih pendek. Oleh itu, pemegangan BNMN oleh bank pada akhir tahun berkurang dengan ketara untuk mencakupi sebanyak 8.2% (2012: 21.3%) daripada portfolio sekuriti sistem perbankan, manakala pemegangan sekuriti kerajaan, PDS, instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposit, NID) dan ekuiti pula meningkat untuk mencakupi masing-masing sebanyak 32.4%, 42.1%, 15.2% dan 1% daripada jumlah portfolio sekuriti (2012: masing-masing sebanyak 24.8%, 38.8%, 13.1% dan 0.3%) (Rajah 1.41). Secara umumnya, tidak ada perubahan ketara dalam kesanggupan mengambil risiko dan tingkah laku institusi kewangan. Walau bagaimanapun, bank dengan dedahan akaun dagangan yang lebih besar mengalami turun naik pendapatan yang lebih ketara

Rajah 1.41

Sistem Perbankan: Komposisi Portfolio Sekuriti




Sumber: Bank Negara Malaysia

pada tahun 2013 (sekuriti dagangan merangkumi 3.2% daripada jumlah aset sistem perbankan manakala pendapatan dagangan terdiri daripada 18.3% daripada keuntungan sebelum cukai sistem perbankan). Bank pelaburan khususnya, mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah disebabkan perolehan yang lebih rendah daripada aktiviti pelaburan dan dagangan. Secara keseluruhan, sistem perbankan terus mencatat untung bersih daripada portfolio dagangan dan pelaburan, yang meningkat sebanyak 2.9% untuk menyumbang sebanyak 20.1% (2012: 19.9%) daripada jumlah keuntungan sebelum cukai.

Pengurusan risiko dan aktiviti perlindungan nilai yang terus aktif oleh bank-bank telah membendung dedahan risiko pasaran pada tahap yang terkawal (Rajah 1.42). Dedahan sistem perbankan kepada

Rajah 1.42

Sistem Perbankan: Risiko Ekuiti, Pertukaran Asing dan Kadar Faedah (% daripada Jumlah Modal)



Sumber: Bank Negara Malaysia


risiko ekuiti adalah minimum iaitu kurang daripada 1% daripada jumlah modal walaupun terdapat sedikit kenaikan dalam jumlah pemegangan. Caj modal terhadap risiko kadar faedah dalam akaun dagangan berkurang kepada 1.6% (2012: 1.7%) daripada jumlah modal dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2013, bank terus berusaha melindung nilai dedahan kadar faedah melalui swap kadar faedah (Interest Rate Swap, IRS) dan kontrak derivatif berkaitan kadar faedah lain, yang meningkat dalam nilai nominal sebanyak 8.3% kepada RM786.2 bilion. Risiko asas ('basis risk') kadar faedah kekal terkawal, disokong oleh turun naik spread yang semakin reda antara kadar MGS dengan IRS. Pada tahun 2013, perbezaan harian terbesar antara perubahan dalam kadar hasil MGS 10 tahun dengan kadar IRS mengecil sebanyak 4 mata asas kepada 12 mata asas (2012: 16 mata asas).

Dedahan risiko pertukaran asing (foreign exchange, FX) secara agregat bagi sistem perbankan menurun dan menaik seiring dengan pergerakan kadar pertukaran yang lebih ketara pada tahun 2013, dan mencapai paras tertinggi sebanyak 7.9% daripada jumlah modal pada akhir suku tahun pertama. Ini mencerminkan aktiviti dan dedahan beberapa bank asing yang diperbadankan di dalam negara yang mempunyai portfolio derivatif berkaitan FX dan pendanaan mata wang asing (foreign currency, FCY) yang aktif. Dedahan risiko FX terutamanya berpunca daripada kontrak derivatif berikutan permintaan yang berterusan oleh perniagaan bagi menguruskan risiko berkaitan kadar pertukaran dengan lebih baik, urus niaga antara bank, serta pemberian pinjaman dan pendanaan FCY. Bank-bank terus menguruskan dedahan FX secara aktif, dengan disokong oleh had nilai berisiko (value-at-risk) dalaman, sekali gus menyebabkan pengecilan kedudukan terbuka bersih (net open position, NOP) kepada 5.7% (2012: 6.1%) daripada jumlah modal pada akhir tahun apabila bank mengurangkan dedahan terhadap dolar AS. Oleh itu, NOP untuk dolar AS bagi sistem perbankan kekal stabil pada 0.3% (2012: 0.2%) daripada jumlah modal, manakala NOP untuk mata wang utama yang lain, seperti euro, dolar Singapura, paun sterling dan dolar Australia, adalah kurang daripada 0.3% daripada jumlah modal bagi setiap mata wang. Bank-bank juga secara aktif melindung nilai kedudukan FCY melalui swap, urus niaga hadapan dan kontrak derivatif lain yang berkaitan, yang berkembang dalam nilai nominal sebanyak 11.8% kepada RM585.3 bilion.

Kedudukan pendanaan dan mudah tunai bank terus kukuh dan stabil sepanjang tahun dengan disokong oleh empat faktor utama. Pertama, bank-bank mengekalkan struktur pendanaan deposit yang sebahagian besarnya dalam denominasi ringgit. Pada tahun 2013, jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan meningkat dengan kukuh sebanyak 8.5%. Sementara itu, nisbah pinjaman kepada deposit meningkat sedikit kepada 84.5% (2012: 82.1%). Profil pendeposit secara umumnya tidak berubah dengan pengagihan yang seimbang antara individu (35.8%) dan perusahaan perniagaan domestik (35.5%). Deposit bukan pemastautin hanya merangkumi 3.8% daripada jumlah deposit dan secara relatifnya adalah stabil sejak lima tahun yang lalu. Meskipun secara relatifnya komposisi deposit yang mudah dikeluarkan (at call) yang terdiri daripada NID, deposit semasa, tabungan, dan deposit tetap adalah tinggi, deposit ini terus menunjukkan paras kestabilan yang tinggi walaupun semasa tempoh ketidaktentuan yang ketara dalam pasaran kewangan domestik. Kedua, penampan mudah tunai ringgit dan FCY bagi sistem perbankan sebanyak 14.7% daripada jumlah deposit untuk keperluan mudah tunai yang matang dalam tempoh kurang daripada satu minggu (atau tiga hari bagi bank pelaburan) jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum yang ditetapkan. Simpanan antara bank-bank bersih dengan Bank berjumlah RM130.2 bilion atau 8.5% daripada jumlah deposit (Rajah 1.43) manakala kadar antara bank ringgit secara relatifnya tidak berubah merentas semua tempoh matang, dengan hampir tiada tanda segmentasi pasaran atau penghindaran risiko rakan niaga yang ketara di kalangan bank-bank (Rajah 1.44). Bank-bank juga terus

Rajah 1.43


Sistem Perbankan: Penampan Mudah Tunai dan Simpanan Antara Bank Bersih dengan Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.44


Pasaran Kewangan: Kadar Antara Bank bagi Ringgit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.45

Sistem Perbankan: Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset dan Liabiliti Jangka Pendek



Sumber: Bank Negara Malaysia
Nota: Mulai Januari 2012, deposit antara bank tidak termasuk dalam pengiraan aset mudah tunai

mengekalkan tahap aset mudah tunai yang selesa yang mencakupi sebanyak 11.5% (2012: 13.8%) daripada jumlah aset atau 36.5% (2012: 42.5%) daripada liabiliti jangka pendek (Rajah 1.45).

Ketiga, bank-bank tidak bergantung pada pasaran pendanaan borong luar pesisir untuk membiayai operasi dalam negeri. Dana sedemikian terus merangkumi kurang daripada 11% daripada jumlah pendanaan, sekali gus mengurangkan risiko ekoran sebarang gangguan dalam pengantaraan kewangan domestik sekiranya mudah tunai global menguncup atau diagihkan semula ke bahagian lain dunia. Mudah tunai dolar AS di dalam negeri kekal tidak terjejas dengan spread swap mata wang bersilang yang lebih rendah pada akhir tahun 2013 berbanding dengan tahun sebelumnya, dan mengecil dengan ketara antara 45 mata asas hingga 77 mata asas untuk

Rajah 1.46


Pasaran Kewangan: Spread Swap Asas Mata Wang Bersilang USD/MYR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.47


Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti Luaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.48

Sistem Perbankan: Ketakpadanan Mudah Tunai Dolar AS




Sumber: Bank Negara Malaysia

seluruh tempoh matang daripada paras tertinggi pada bulan Jun 2013 (Rajah 1.46). Keempat, jurang pendanaan FCY sistem perbankan juga kekal kecil pada 0.2% daripada jumlah modal, dengan ketidakpadanan mata wang atau tempoh kematangan yang rendah berikutan dedahan luaran kepada rakan niaga bukan pemastautin. Pada tahun 2013, beberapa bank meningkatkan jumlah peminjaman FCY sebagai sebahagian daripada operasi pengurusan mudah tunai FCY berpusat untuk membiayai operasi luar negeri dan pelaburan asing, serta untuk memenuhi keperluan pendanaan FCY bagi pelanggan tempatan. Ini telah menyumbang kepada peningkatan liabiliti luar negeri bagi sistem perbankan Malaysia. Walaupun jumlah liabiliti luar negeri meningkat sebanyak 28.1% pada tahun itu, sistem perbankan mengekalkan kedudukan aset luar negeri bersih sebanyak RM14.7 bilion pada akhir tahun 2013 disebabkan oleh pemberian pinjaman asing dan pelaburan langsung dalam sekuriti asing yang lebih tinggi, yang sebahagiannya disebabkan oleh pempelbagaian portfolio serta peningkatan operasi dan urus niaga luar negeri (Rajah 1.47). Pada suku terakhir tahun 2013, sistem perbankan mencatat kedudukan lebihan bersih dalam mudah tunai dolar AS sebanyak RM1.5 bilion dan RM5.3 bilion masing-masing dalam kelompok kematangan kurang daripada satu minggu dan kurang daripada satu bulan (Rajah 1.48).

Sama seperti bank, tiada perubahan yang ketara dalam tingkah laku pengambilan risiko oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Pelaburan dalam ekuiti meningkat sebanyak 22.6% untuk mencakupi bahagian yang lebih besar sebanyak 17.6% (2012: 15.4%) daripada jumlah aset insurans dan dana takaful tetapi ini tidak menjejaskan profil pelaburan keseluruhan penanggung insurans dan pengendali takaful. Pemegangan ekuiti yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh strategi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga untuk mengimbangi semula portfolio dalam usaha untuk menambah baik pulangan pelaburan keseluruhan ke atas polisi yang masih berkuat kuasa di bawah persekitaran kadar faedah rendah yang berpanjangan. Secara umum, pelaburan penanggung insurans hayat dan pengendali

Rajah 1.49


Sektor Insurans Hayat: Komposisi Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.50

Sektor Insurans Am: Komposisi Aset




Sumber: Bank Negara Malaysia

takaful keluarga terus tertumpu pada MGS dan PDS yang diberikan penarafan AA dan ke atas, yang mencakupi 50.9% daripada jumlah aset. Aset dalam denominasi FCY kekal kecil pada 8.1% (2012: 8%) daripada jumlah modal. Pemegangan aset mudah tunai oleh penanggung insurans am dan pengendali takaful, dalam bentuk deposit dengan institusi kewangan domestik bagi memenuhi obligasi jangka pendek, kekal stabil pada 22.8% (2012: 24.6%) daripada jumlah aset (Rajah 1.49 dan Rajah 1.50). Secara agregat, dedahan risiko pasaran bagi penanggung insurans dan pengendali takaful merosot sedikit untuk mencakupi sebanyak 12.2% daripada jumlah modal (2012: 12.5%), yang terdiri terutamanya daripada risiko ekuiti dan kadar faedah (Rajah 1.51). Beberapa penanggung insurans dan pengendali takaful dengan pelaburan yang secara

Rajah 1.51

Sektor Insurans: Komposisi Risiko Pasaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

relatifnya lebih besar dalam sekuriti hutang lebih terjejas oleh ketidaktentuan pasaran yang meningkat pada tahun 2013 yang menyebabkan kerugian yang dinilai mengikut pasaran (mark-to-market-losses) yang lebih tinggi serta penurunan dalam pendapatan berkaitan pelaburan. Secara keseluruhan, sektor insurans hayat dan takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih rendah sebanyak RM13 bilion (2012: RM17.9 bilion), didorong oleh kerugian modal bersih sebanyak RM1.5 bilion (2012: keuntungan bersih sebanyak RM2.2 bilion).

Bank dan penanggung insurans dijangka dapat menyerap kerugian yang dinilai mengikut pasaran dan kerugian kredit di bawah simulasi senario aliran keluar portfolio yang teruk

Aliran portfolio dua hala dan keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu dijangka berterusan pada tahun 2014 walaupun institusi kewangan telah mengambil kira pendorong utama seperti prospek pertumbuhan dan pengurangan QE dalam strategi pelaburan mereka. Institusi kewangan Malaysia kekal pada kedudukan yang baik untuk menguruskan aliran portfolio yang dijangka tidak menentu. Di bawah simulasi senario aliran keluar portfolio yang teruk (lebih dua kali ganda paras yang dialami semasa GFC)


bagi tempoh yang singkat, bank dan penanggung insurans dijangka terus mencatat keuntungan, walaupun pada paras yang lebih rendah. Penilaian ini telah mengambil kira pelbagai parameter kejutan yang ekstrem, termasuk kerugian yang dinilai mengikut pasaran daripada pemegangan ekuiti, risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan dedahan FCY dalam lembaran imbangan, serta kerugian kredit daripada perniagaan yang terjejas akibat ketidaktentuan kadar pertukaran yang ketara. Tanpa mengambil kira penampan daripada keuntungan tertahan yang sedia ada untuk menghadapi kejutan sedemikian, nisbah jumlah modal bank dianggar kekal hampir pada 14% dan nisbah kecukupan modal penanggung insurans akan kekal melebihi 200%. Dari segi kekurangan mudah tunai dalam dolar AS di bawah senario simulasi ini, kemungkinan kekurangan mudah tunai bagi sistem perbankan dinilai sebagai terhad iaitu kurang daripada 5% daripada rizab antarabangsa Bank pada akhir tahun 2013.

Risiko rakan niaga daripada dedahan luar negeri institusi kewangan

Risiko rakan niaga yang berpunca daripada tuntutan oleh institusi kewangan Malaysia ke atas pihak luar kekal terurus pada tahun 2013. Tuntutan oleh bank-bank Malaysia ke atas semua rakan niaga luar atau luar negeri (termasuk rakan niaga di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, IBFC)), meningkat sebanyak 13.1% pada tahun 2013 kepada RM165.7 bilion. Tuntutan sedemikian mencakupi 8% daripada jumlah aset sistem perbankan dan sebahagian besarnya dikaitkan dengan tuntutan yang lebih tinggi ke atas rakan niaga di Labuan IBFC, RR China dan AS. Kira-kira 69% daripada jumlah tuntutan luaran adalah ke atas ekonomi di Asia, termasuk Labuan IBFC, sejajar dengan perdagangan dalam serantau yang berterusan dan peluasan operasi bank Malaysia di luar negeri (Rajah 1.52 dan Rajah 1.53). Sebahagian besar tuntutan ini adalah ke atas Singapura, Indonesia, Hong Kong SAR dan Thailand, yang sebahagian besarnya adalah tuntutan terhadap cawangan dan subsidiari kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBG) di luar negeri dalam bentuk pelaburan ekuiti, perolehan tertahan, simpanan antara bank dan baki akaun nostro dalam entiti-entiti ini. Lebih daripada 70% daripada tuntutan antara kumpulan ini adalah dalam denominasi dolar AS dan dolar Singapura, dan secara amnya menimbulkan risiko rakan niaga dan penularan yang secara relatif rendah terhadap operasi di dalam negeri. Tuntutan ke atas rakan niaga di Labuan IBFC terutamanya adalah terhadap bank dan institusi kewangan, yang mana lebih separuh daripadanya merupakan entiti yang berkaitan dengan bank-bank tempatan Malaysia.

Rajah 1.52


Sistem Perbankan: Komposisi Tuntutan Luaran Mengikut Lokasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.53

Sistem Perbankan: Komposisi Tuntutan Luaran Mengikut Mata Wang, Instrumen dan Rakan Niaga



Sumber: Bank Negara Malaysia


Sebahagian besar daripada tuntutan ini adalah juga dalam bentuk pelaburan ekuiti dan simpanan antara bank dalam denominasi dolar AS.

Tuntutan oleh bank-bank Malaysia ke atas rakan niaga di AS dan Eropah kekal stabil pada 18.5% (2012: 18.4%) daripada jumlah tuntutan luaran sepanjang tahun berikutan aliran modal yang masuk semula ke dalam ekonomi maju utama dalam keadaan terdapatnya penunjuk pertumbuhan yang lebih kukuh. Pada tahun 2013, tuntutan ke atas rakan niaga di AS meningkat sebanyak 61% kepada RM16 bilion, dengan lebih daripada 70% adalah dalam bentuk sekuriti perbendaharaan AS, sekuriti hutang swasta dalam denominasi dolar AS dan baki akaun nostro. Tuntutan oleh bank-bank tempatan Malaysia ke atas rakan niaga Eropah menurun sedikit kepada RM14.7 bilion berikutan simpanan antara bank dan baki akaun nostro yang lebih rendah, yang sebahagian besarnya tertumpu terutamanya di EU-3 (United Kingdom (UK), Perancis dan Jerman). Tuntutan lain dalam bentuk urus niaga derivatif, dan pemegangan instrumen pasaran wang, sekuriti hutang dan ekuiti yang diterbitkan oleh rakan niaga Eropah kekal sangat kecil iaitu kurang daripada 0.4% daripada jumlah aset sistem perbankan. Dedahan kepada kerugian penilaian yang berpunca daripada pergerakan mata wang euro terus terhad, memandangkan tuntutan luar dalam denominasi euro kekal rendah pada 0.9% (2012: 1.1%) daripada jumlah modal. Di samping itu, dedahan risiko kredit bank daripada pinjaman berjangka yang diberikan kepada syarikat swasta bukan bank di kawasan euro berjumlah hanya 0.5% daripada jumlah modal. Kajian mengenai potensi kesan penularan dengan menggunakan analisis simulasi rangkaian tentang kesalinghubungan melalui tuntutan dan liabiliti merentas sempadan, juga mengesahkan kesan penularan yang terhad ke atas sistem perbankan Malaysia, daripada masalah tunggal atau serentak dalam sistem perbankan bagi satu atau dua negara pencetus (rujuk rencana mengenai 'Kesalinghubungan Luaran dan Risiko Penularan kepada Sistem Perbankan Malaysia').

Tuntutan luar negeri oleh penanggung insurans Malaysia (termasuk pengendali takaful) kebanyakannya adalah dalam bentuk pelaburan luar negeri langsung dan dedahan insurans semula. Jumlah pelaburan luar negeri kekal kecil pada 2.9% daripada jumlah aset atau 9.2% daripada jumlah modal asas, dengan kira-kira 58.6% di Asia yang terdiri terutamanya daripada ekuiti yang dilaburkan di Indonesia dan Singapura. Pelaburan di Eropah meningkat dengan ketara kepada RM2.2 bilion

Rajah 1.54

Sektor Insurans: Dedahan Pelaburan Luar Negeri Mengikut Rantau




Sumber: Bank Negara Malaysia

(2012: RM0.4 bilion) atau 3.1% daripada jumlah modal asas didorong oleh beberapa penanggung insurans besar sejajar dengan pemulihan ekonomi di Eropah. Ini terdiri terutamanya daripada pelaburan dalam dana ekuiti persendirian dan ekuiti yang dilaburkan di UK, Perancis dan Jerman (Rajah 1.54).

Pada tahun 2013, penanggung insurans am Malaysia menginsurans semula jumlah premium yang lebih rendah kepada penanggung insurans dan insurans semula yang beroperasi di Labuan IBFC dan di luar negeri (insurans semula perniagaan hayat adalah sangat kecil). Jumlah ini berkurang sebanyak 3.7% kepada RM2.9 bilion atau 18.1% (2012: 20.1%) daripada jumlah premium kasar, terutamanya bagi risiko besar dan khusus dalam

Rajah 1.55


Sektor Insurans: Nisbah Insurans Semula Tersid Mengikut Kelas Perniagaan Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.56


Sektor Insurans: Dedahan Insurans Semula Asing Mengikut Negara-negara Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.57

Sektor Insurans: Modal dan Nisbah Gabungan Penanggung Insurans Semula Global



*Modal berdasarkan angka suku ketiga tahun 2013
Sumber: Aon Benfield dan Standard & Poor's Ratings Services

kelas penerbangan, kebakaran, minyak dan gas, kejuruteraan dan badan kapal (Rajah 1.55). Dedahan insurans dan insurans semula kepada penanggung insurans semula di luar negeri adalah terutamanya kepada entiti yang berpangkalan di Eropah dan AS, yang secara terkumpul mencakupi 65.3% (2012: 52%) daripada jumlah dedahan insurans dan insurans semula asing. Dedahan kepada penanggung insurans dan insurans semula Eropah meningkat sebanyak 13.3% kepada RM1.75 bilion atau 18.5% daripada jumlah modal asas penanggung insurans am. Risiko rakan niaga ekoran dedahan kepada entiti sedemikian, terutamanya yang mempunyai ibu pejabat di Jerman, Switzerland dan UK (Rajah 1.56), kekal rendah memandangkan penarafan kukuh yang dikekalkan dan kedudukan kewangan yang teguh. Kira-kira 30% daripada dedahan adalah daripada penempatan insurans semula dengan cawangan Malaysia yang dimiliki oleh tiga penanggung insurans semula yang berpangkalan di Eropah. Pada akhir tahun 2013, cawangan-cawangan itu mencatat gabungan nisbah kecukupan modal sebanyak 239% (dikira berdasarkan dana kerja bersih di Malaysia).

Dedahan tuntutan insurans semula kepada entiti Labuan IBFC, yang sebahagian besarnya terdiri daripada cawangan atau subsidiari penanggung insurans global dengan penarafan kredit dan kedudukan kewangan yang kukuh, berjumlah RM1.5 bilion atau 17.6% daripada jumlah modal asas bagi industri insurans am. Pasaran insurans semula global mencatat anggaran kerugian yang lebih rendah kira-kira USD45 bilion pada 2013 (2012: USD75 bilion; 2011: USD124 bilion), paras terendah sejak tahun 2009, berikutan bilangan malapetaka yang berkurangan. Penanggung insurans semula global mencatat keberuntungan yang mampan dengan pulangan purata ke atas ekuiti sebanyak 11.4% (2012: 12.2%). Permodalan penanggung insurans semula global yang digabung mencapai paras tertinggi kira-kira USD525 bilion (2012: USD505 bilion), memberikan lebihan keupayaan insurans semula yang lebih tinggi (Rajah 1.57). Spread swap kredit mungkir penanggung insurans semula global mengecil dan secara relatifnya terus rendah sepanjang tahun 2013.

Kesan yang mungkin timbul ke atas Malaysia berikutan aktiviti penyahleveraj oleh institusi kewangan Eropah kekal rendah, dengan risiko yang terus berkurangan sejak GFC. Pada akhir suku ketiga tahun 2013, tuntutan bank Eropah ke atas Malaysia (termasuk entiti Labuan IBFC) meningkat kepada USD66.5 bilion (2012: USD63 bilion) atau 22% daripada KDNK, menurut *Consolidated Banking Statistics* yang diterbitkan oleh *Bank for International Settlements* (statistik BIS). Profil tuntutan ini tetap tidak berubah, dengan kira-kira 58% terdiri daripada tuntutan dalam denominasi ringgit oleh subsidiari bank Eropah di Malaysia. Tuntutan sedemikian merupakan pelaburan ekuiti oleh syarikat induk Eropah dan aset subsidiari Eropah di Malaysia. Malaysia mempunyai tujuh entiti perbankan Eropah yang diperbadankan di negara ini (locally incorporated European banking entities, LIEB) yang beribu pejabat di UK, Perancis dan Jerman. LIEB terus menunjukkan prestasi operasi dan pulangan yang kukuh serta konsisten di samping mengekalkan bahagian pasaran yang stabil. Sebahagian besar operasi domestik

Kesalinghubungan Luaran dan Risiko Penularan kepada Sistem Perbankan Malaysia

Persekitaran yang semakin kompleks dan globalisasi perkhidmatan kewangan telah meningkatkan kesalinghubungan antara institusi kewangan, pasaran dan negara. Kesalinghubungan pada tahap yang lebih tinggi ini menggalakkan inovasi, pertumbuhan dan persaingan, memberikan lebih ruang untuk pempelbagaian dan pengagihan semula risiko, serta meningkatkan kecekapan pengagihan mudah tunai dan kredit. Walau bagaimanapun, kesalinghubungan sistem kewangan yang meluas juga boleh meningkatkan risiko penularan merentas pasaran dan sempadan menerusi rangkaian obligasi kewangan dalam dan luar lembaran imbangan serta hubungan reputasi antara bank dengan rakan niaga mereka. Rangkaian obligasi kewangan yang semakin kompleks telah meningkatkan lagi potensi kejutan idiosinkratik yang menjejaskan institusi kewangan yang aktif pada peringkat antarabangsa (atau sistem perbankan dengan kesalinghubungan yang tinggi) untuk mengakibatkan kesan limpahan yang lebih meluas terhadap sistem kewangan lain seperti yang telah dialami semasa Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC). Skala kejutan penularan ini juga mungkin menjadi lebih besar.

Rencana ini membuat penilaian tentang tuntutan dan liabiliti merentas sempadan bank-bank Malaysia, dan potensi risiko yang dikaitkan dengan peningkatan integrasi kewangan dari perspektif analisis rangkaian. Analisis rangkaian ini digunakan untuk meneliti hubungan antara sistem perbankan Malaysia dengan sistem perbankan di negara lain, termasuk negara yang merupakan ibu pejabat bagi bank-bank yang aktif pada peringkat antarabangsa[1], bagi tujuan menentukan sama ada dan sejauh mana, hubungan luaran telah mengakibatkan risiko penularan yang ketara kepada bank-bank Malaysia.

Kesalinghubungan Merentas Sempadan Bank-bank Malaysia


Sifat dan tahap hubungan kewangan luaran sistem perbankan Malaysia telah berubah dan semakin meningkat semenjak GFC. Tuntutan terhadap, dan obligasi liabiliti kepada, rakan niaga bukan pemastautin masing-masing meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate, CAGR) sebanyak 13% dan 12% sepanjang lima tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, jumlah dedahan luaran kekal rendah, iaitu kurang daripada 10% dan 15% daripada jumlah aset dan jumlah pendanaan sistem perbankan pada akhir tahun 2013. Sebahagian besar daripada dedahan luaran sistem perbankan adalah berkait dengan urus niaga dalam kumpulan antara institusi perbankan di Malaysia dengan syarikat induk, subsidiari dan entiti sekutu mereka di luar negara, yang kebanyakannya dalam bentuk simpanan dan peminjaman antara bank (Rajah 1). Risiko rakan niaga yang berkaitan dengan urus niaga ini dinilai sebagai terkawal berdasarkan kebarangkalian mungkir yang rendah oleh rakan niaga, yang juga menghindari penyahstabilan dari segi kejutan kredit atau pendanaan pada kemuncak GFC.

Selain simpanan dan peminjaman antara bank, peningkatan dedahan merentas sempadan juga disebabkan oleh pemegangan dan terbitan sekuriti hutang yang masing-masing lebih tinggi (CAGR sebanyak 29% dan 17%). Dedahan ini masing-masing mencakupi 16% dan 5% daripada tuntutan dan liabiliti luaran. Lebih 40% daripada pemegangan sekuriti hutang bukan pemastautin oleh bank adalah sekuriti yang mempunyai kedudukan kredit yang baik, dan diterbitkan oleh institusi kewangan, kerajaan dan entiti swasta bukan bank di AS dan Singapura. Dari segi liabiliti, lebih kurang 83% daripada jumlah sekuriti hutang yang diterbitkan oleh bank-bank domestik di pasaran modal antarabangsa adalah dalam denominasi dolar AS dan dolar Singapura. Pemegangan dan terbitan sekuriti hutang yang lebih tinggi ini sebahagiannya didorong oleh pempelbagaian portfolio perdagangan dan pelaburan, serta untuk memenuhi keperluan mudah tunai dan pendanaan yang semakin meningkat dalam mata wang utama, khususnya untuk operasi di luar negara. Bagi bank asing yang diperbadankan di Malaysia, perkembangan berterusan di Malaysia pada masa ini juga telah menghasilkan penambahan modal berbayar dan perolehan tertahan pada CAGR sebanyak 9%, yang merangkumi 13% daripada jumlah liabiliti luaran bank-bank Malaysia.

[1] Terdapat 12 buah bank yang penting dari segi sistemik pada peringkat global (global systematically important bank, G-SIB) yang beroperasi di Malaysia menerusi subsidiari yang diperbadankan di Malaysia, dan beberapa buah bank ini mempunyai rangkaian cawangan yang beroperasi secara meluas di beberapa bandaraya utama negara.

Rajah 1

Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti Luar Negeri mengikut Lokasi, Instrumen dan Mata Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Komposisi dedahan merentas sempadan mengikut negara didominasi oleh urus niaga dalam lembaran imbangan dengan (i) pusat kewangan serantau; (ii) negara di mana bank-bank Malaysia beroperasi; dan (iii) negara yang mempunyai bank yang aktif pada peringkat antarabangsa, khususnya yang mempunyai subsidiari yang diperbadankan di Malaysia. Tuntutan terhadap, serta liabiliti kepada, negara-negara Asia mencakupi 62.8% daripada jumlah dedahan luaran bank-bank Malaysia. Tuntutan merentas sempadan terhadap ASEAN meningkat pada CAGR sebanyak 8% sepanjang lima tahun yang lalu sejajar dengan pengambilalihan perniagaan baharu serta peluasan organik di Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Laos dan Kemboja oleh beberapa kumpulan perbankan domestik. Dalam tempoh yang sama, tuntutan terhadap negara Asia Timur juga meningkat sebanyak 15%, didorong oleh peningkatan simpanan deposit antara bank dan baki nostro yang lebih tinggi dengan bank induk dan entiti sekutu di Hong Kong SAR dan RR China untuk memudahkan penyelesaian urusan perdagangan dan penjelasan mata wang serantau yang semakin meningkat. Kira-kira satu perlima daripada tuntutan merentas sempadan adalah terhadap AS dan UK, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pemegangan Bil Perbendaharaan AS dan urus niaga antara bank domestik atau bank asing yang diperbadankan di Malaysia dengan bank induk dan entiti sekutu di London dan New York. Ekoran peningkatan dedahan merentas sempadan, bank-bank di Malaysia lebih terdedah kepada perkembangan buruk dalam pasaran pertukaran asing dan pergerakan kadar hasil di negara lain. Kesan limpahan yang sederhana dirasai dalam pasaran domestik ketika berlakunya keadaan mudah tunai dolar AS yang ketat pada tahun 2008, seperti yang terbukti dalam peningkatan spread kadar swap mata wang bersilang USD-MYR dalam negeri serta peluasan kedudukan ketidakpadanan mudah tunai dolar AS jangka pendek bagi bank-bank di Malaysia. Walau bagaimanapun, risiko ini sebahagian besarnya dikurangkan oleh kebergantungan yang rendah oleh bank-bank di Malaysia kepada pendanaan mata wang bersilang dan pasaran pendanaan borong luar pesisir, had dedahan rakan kongsi serta pengurusan mudah tunai berpusat yang lebih aktif terhadap dana dolar AS di dalam kumpulan perbankan. Ini disokong oleh analisis rangkaian seperti yang berikut.

Pendekatan Rangkaian untuk Menilai Penularan Merentas Sempadan dan Eksternaliti Rangkaian

Analisis simulasi rangkaian digunakan untuk (i) mengukur dan mengesan penyebaran kejutan kredit dan pendanaan (laluan penularan) merentas sistem perbankan yang disebabkan oleh andaian kejadian mungkir di dalam sebuah negara tertentu; (ii) mengenal pasti potensi hubungan sistemik dan kesan domino merentas sempadan antara bank yang aktif pada peringkat antarabangsa dengan sistem perbankan Malaysia; dan (iii) mengukur tahap kelemahan sistem perbankan terhadap limpahan luaran dan kecenderungannya untuk meluaskan penularan merentas sempadan. Untuk tujuan kajian ini, analisis rangkaian dirumus berdasarkan matriks tuntutan dan liabiliti[2] merentas sempadan antara sistem perbankan yang melibatkan negara-negara terpilih yang mempunyai tahap kesalinghubungan yang secara relatif lebih tinggi dengan sistem perbankan Malaysia, disebabkan sama ada oleh (i) tuntutan luaran langsung dan obligasi pendanaan yang tinggi dengan bank-bank Malaysia; (ii) kehadiran operasi bank-bank Malaysia pada peringkat serantau yang ketara; atau (iii) hubungan dalam kumpulan yang tinggi antara bank asing yang diperbadankan di Malaysia dengan bank induk atau institusi yang berkaitan di luar negara. Sistem perbankan di 11 buah negara ini mewakili lebih 80% daripada jumlah tuntutan luaran dan jumlah liabiliti luaran terhadap semua bank di Malaysia.

Model simulasi rangkaian ini diaplikasikan dengan menjana kesan terhadap permodalan sistem perbankan dalam sampel tersebut daripada (i) andaian bahawa sistem perbankan sebuah negara tertentu (negara pencetus) mungkir; atau (ii) andaian mungkir secara serentak oleh dua sistem perbankan. Model ini mensimulasikan kesan gabungan daripada kejutan kredit dan pendanaan terhadap obligasi antara bank merentas sempadan[3] tanpa mengambil kira sebarang tindak balas dasar oleh pihak berkuasa seperti bantuan mudah tunai atau sokongan modal. Untuk mensimulasikan kejutan kredit, sistem perbankan di negara pencetus diandaikan mungkir bagi peminjaman antara bank merentas sempadan terkumpul, menyebabkan sistem perbankan rakan niaga lain mengalami kerugian 100%[4] yang seterusnya ditampung sepenuhnya melalui modal dalam seluruh sistem. Bagi kejutan pendanaan, sistem perbankan di negara pencetus menghentikan penyediaan pembiayaan antara bank merentas sempadan[5], yang menyebabkan tekanan mudah tunai dalam sistem perbankan rakan niaga lain. Sistem perbankan rakan niaga yang terjejas itu diandaikan akan menggantikan sebahagian dana yang hilang[6] menerusi jualan aset secara paksa. Potongan nilai yang ketara[7] diaplikasikan dalam model ini untuk mengambil kira peningkatan risiko sistemik yang boleh timbul ekoran dedahan kepada kelas aset yang sama, dan selanjutnya memperkukuh penurunan terus-menerus dalam nilai aset dan mencetus kejatuhan yang teruk dalam nilai pasaran portfolio bank lain. Kesan gabungan kejutan penularan kredit dan pendanaan ini disimulasikan secara berulang sehingga tiada sistem perbankan lain mengalami kemerosotan permodalan di bawah 8%.

---

[2] Data untuk analisis rangkaian ini diambil daripada *Bank for International Settlements (BIS) Locational Statistics*, dengan interpolasi dan anggaran yang konservatif bagi dedahan kredit dan pendanaan dua hala untuk negara-negara terpilih. Sebagai alternatif, analisis merentas negara ini boleh dibuat dengan menggunakan *BIS Consolidated Statistics* (asas peminjam segera atau asas risiko terakhir).

[3] Dedahan merentas sempadan meliputi (i) pinjaman dan deposit; (ii) pegangan atau terbitan sendiri sekuriti hutang; dan (iii) tuntutan lain dan liabiliti.

[4] Kerugian akibat mungkir sebanyak 100% mencerminkan ketidakupayaan sistem perbankan pemiutang untuk mendapatkan semula mana-mana pinjaman kerana bank lazimnya menghadapi ketidakpastian tentang kadar kutipan semula pinjaman dalam jangka pendek, khususnya apabila masa yang panjang diperlukan untuk mengambil kira kos instrumen baru mungkir dalam pasaran hutang yang bermasalah.

[5] Andaian tiada pelanjutan pendanaan luaran yang terkumpul tanpa mengambil kira kematangan dan sumber pendanaan.

[6] 50% daripada keperluan pendanaan diandaikan tidak akan dibiaya semula dalam simulasi. Sejauh mana sesebuah bank boleh menggantikan kemerosotan pendanaan antara bank di luar jangkaan bergantung pada keadaan mudah tunai dalam pasaran wang global atau domestik. Seperti yang dilihat dalam GFC baru-baru ini, kompleksiti dan kelegapan perbankan merentas sempadan menyebabkan kekangan mudah tunai pada seluruh sistem akibat daripada kebimbangan mengenai kesolvenan dan penghindaran risiko rakan niaga yang meningkat.

[7] Model ini mengandaikan bahawa aset didagangkan dengan diskaun (nilai pasaran adalah lebih rendah daripada nilai buku) apabila ketersediaan mudah tunai yang banyak dan segera dalam pasaran wang dan modal berkurang sewaktu tempoh kesukaran.

[8] Simulasi ini mengandaikan secara rambang bahawa hanya sebahagian (75%) daripada sistem perbankan mungkir.

Rangka kerja analitis ini tidak bertujuan untuk meramal kemungkinan kesukaran yang dihadapi oleh sistem perbankan tertentu. Sebaliknya, ia bertujuan memberikan maklumat berguna tentang potensi limpahan merentas sempadan secara langsung dan tidak langsung kepada sistem perbankan Malaysia, serta keupayaannya untuk menampung kerugian daripada kejadian risiko yang jarang berlaku (risiko hujung atau `tail risks´). Simulasi andaian yang menggunakan data agregat menganggap setiap sistem perbankan sebagai rakan niaga asing tunggal dan dengan itu, mengandaikan kemungkiran yang menyeluruh oleh semua bank di dalam sesebuah negara terhadap dedahan asingnya[8]. Meskipun kemungkinan peristiwa yang ekstrem sebegitu berlaku dengan serentak dan seragam adalah rendah, andaian yang ketat digunakan untuk menganggarkan potensi kesan penularan maksimum yang berpunca daripada kemungkiran kredit berbilang dan kejutan pendanaan berlaku serentak, dengan tidak mengambil kira kesan pemindahan risiko kredit, tindak balas mengurangkan kerugian oleh bank atau intervensi dasar oleh pihak berkuasa. Pemodelan statik berhubung kelakuan institusi pada tahap agregat juga membolehkan penilaian dibuat terhadap kesan masalah tahap pertama (penularan luaran langsung) dan terhadap kesan yang tersebar luas merentas sistem perbankan, akibat daripada limpahan tidak langsung yang disebabkan oleh eksternaliti rangkaian. Kesan domino yang saling mengukuh ini tidak semestinya menyebabkan kegagalan seluruh sistem, tetapi ia boleh menunjukkan tahap kelemahan sesuatu sistem perbankan disebabkan oleh transmisi kesukaran kewangan merentas sempadan.

Hasil Simulasi

Negara pencetus tunggal

Analisis rangkaian menunjukkan bahawa kesukaran sistem perbankan yang disimulasikan di sebuah negara pencetus mempunyai kesan penularan langsung yang terhad terhadap sistem perbankan Malaysia. Daripada 11 negara yang diandaikan mungkir, enam negara pencetus didapati tidak mempunyai kesan penularan terhadap sistem perbankan domestik. Tahap mudah terjejas bank-bank Malaysia kepada limpahan merentas sempadan yang ketara hanya meningkat apabila masalah sistem perbankan merebak kepada dua negara atau lebih pada pusingan penularan yang seterusnya. Dalam kesemua simulasi negara pencetus tunggal, permodalan sistem perbankan Malaysia hanya terjejas dengan teruk pada pusingan terakhir penularan (apabila pusingan penularan daripada satu simulasi berakhir), selepas sistem perbankan lain dalam sampel analisis itu juga telah mengalami masalah kewangan yang ekstrem. Sebagai contoh, dalam simulasi yang melibatkan negara pencetus yang terletak di luar Asia, nisbah jumlah modal sistem perbankan Malaysia hanya turun di bawah 8% setelah kesukaran pada seluruh sistem menjejaskan bank-bank utama yang aktif pada peringkat antarabangsa dalam sekurang-kurangnya tujuh ekonomi maju di dalam sampel analisis. Ini menunjukkan bahawa limpahan tidak langsung hanya dialami berikutan kerugian besar yang berpunca daripada eksternaliti rangkaian.

Seperti yang dijangkakan, kesan penularan terhadap sistem perbankan domestik adalah lebih ketara apabila masalah kewangan berpunca dari negara pencetus yang mempunyai hubungan dalam dan luar lembaran imbangan yang lebih kukuh dengan bank-bank di Malaysia. Contohnya, jumlah tuntutan merentas sempadan oleh bank-bank Malaysia terhadap Singapura mencakupi 23% daripada jumlah aset luaran sistem perbankan domestik pada akhir bulan Disember 2013, manakala liabiliti luaran bank-bank Malaysia terhadap rakan niaga Singapura mewakili 46% daripada jumlah liabiliti luaran sistem perbankan domestik. Ini disebabkan terutamanya oleh kehadiran yang kukuh bank-bank Malaysia di Singapura dan sebaliknya. Operasi cawangan bank-bank Malaysia di Singapura sahaja mencakupi sekurang-kurangnya 4% daripada aset kumpulan, dengan keuntungan operasi di Singapura menyumbang antara 4% hingga 25% kepada keuntungan kumpulan. Bank-bank Singapura yang beroperasi di Malaysia mencakupi 8.4% daripada jumlah aset sistem perbankan Malaysia. Meskipun terdapat hubungan ini, kesan penularan yang disimulasikan terhadap sistem perbankan Malaysia yang berpunca daripada andaian senario masalah sistem perbankan di Singapura hanya dirasai pada pusingan penularan yang ketiga. Bagi negara yang mempunyai ibu pejabat bank yang aktif pada peringkat antarabangsa seperti di AS dan UK, kesan penularan tidak langsung terhadap sistem perbankan Malaysia hanya berlaku setelah semua sistem perbankan utama dalam sampel itu mengalami masalah kewangan yang teruk. Hasil kajian ini menyokong tahap kecenderungan sistem

perbankan Malaysia yang terhad terhadap potensi limpahan tidak langsung yang berasal daripada enam anak syarikat G-SIB di Malaysia yang beribu pejabat di AS dan UK sekiranya masalah pada seluruh sistem berlaku di dalam negara-negara ini. Hasil kajian yang serupa juga dilihat bagi dua G-SIB Eropah yang beroperasi di Malaysia.

Dua negara pencetus

Potensi kesan penularan langsung kepada sistem perbankan Malaysia daripada masalah sistem perbankan yang berlaku serentak di dua buah negara juga didapati terkawal. Kejadian kemungkiran yang disimulasikan terhadap kedua-dua negara menjejaskan bank domestik dalam pusingan kedua hingga keempat, setelah semua sistem perbankan lain dalam sampel mengalami masalah kewangan yang ekstrem. Kadar dan kelajuan laluan penularan bertambah dengan ketara apabila krisis merentas sempadan menjejaskan sistem perbankan utama dalam ekonomi maju dan sedang pesat membangun secara serentak. Laluan penularan yang baharu didapati muncul bagi negara yang tidak menyebabkan masalah kewangan dalam sistem perbankan lain di bawah simulasi negara pencetus tunggal. Kesimpulan yang dirangkumkan daripada pilih atur yang berbeza daripada simulasi masalah bersama bagi dua sistem perbankan menunjukkan bahawa kebarangkalian kesan penularan kepada sistem perbankan Malaysia didapati adalah dua kali ganda lebih tinggi berbanding dengan simulasi yang melibatkan negara pencetus tunggal. Ini sebahagiannya diterangkan oleh laluan penularan baharu yang disebabkan oleh masalah yang ekstrem di negara yang tidak mempunyai limpahan merentas sempadan atas asas sendirian. Dengan kata lain, potensi kerugian boleh menjadi bertambah buruk disebabkan oleh hubungan antara kedua-dua sistem perbankan yang secara bersama boleh menyebabkan limpahan yang lebih meluas berbanding dengan secara individu.

Penularan oleh bank-bank Malaysia

Tahap potensi penularan langsung dan tidak langsung daripada sistem perbankan Malaysia kepada bank-bank merentas sempadan dalam ekonomi serantau dan ekonomi maju juga didapati terhad. Simulasi masalah kewangan dalam sistem perbankan Malaysia sahaja tidak mengancam kesolvenan keseluruhan sistem di negara lain. Selain itu, simulasi kesukaran bersama dalam sistem perbankan Malaysia dengan satu sistem perbankan di luar rantau Asia Pasifik yang mempunyai ibu pejabat bank yang aktif pada peringkat antarabangsa tidak menyebabkan masalah tambahan terhadap seluruh sistem di negara lain dalam sampel ini. Ini menunjukkan bahawa potensi kerugian daripada masalah yang tersebar luas dalam kalangan bank yang beribu pejabat di ekonomi maju tidak bertambah ketara akibat daripada hubungan dengan sistem perbankan di Malaysia. Walau bagaimanapun, apabila kesukaran dalam seluruh sistem melibatkan sistem perbankan lain di rantau Asia Pasifik secara serentak, potensi kesan penularan terhadap negara-negara lain dalam sampel meningkat, dengan tambahan dua laluan penularan yang dapat diperhatikan (Gambar Rajah 1). Ini konsisten dengan kesalinghubungan merentas sempadan yang lebih nyata di dalam rantau ini, ekoran peningkatan perdagangan di dalam rantau dan aktiviti bank-bank Malaysia pada peringkat serantau.

Keutamaan Dasar


Tahap hubungan kewangan dan bukan kewangan yang semakin meningkat dalam kalangan bank yang aktif pada peringkat antarabangsa atau serantau menekankan kepentingan memantau kesalinghubungan sebagai sumber potensi kelemahan sistemik. Walau bagaimanapun, struktur rangkaian kewangan adalah kompleks, sentiasa berubah-ubah dan oleh itu, selalunya sukar untuk ditentukan. Meskipun Bank akan terus membangunkan dan meningkatkan penggunaan kaedah pengawasan kehematan makro untuk memantau hubungan kewangan yang sistemik di dalam dan di luar sistem kewangan, termasuk aplikasi secara praktikal analisis rangkaian kewangan, penggubal dasar mempunyai peranan secara kolektif untuk menggembleng usaha bagi meningkatkan pemantauan hubungan sistemik global dan serantau. Ini harus meliputi pengaturan perkongsian maklumat dan pengawasan berbagai hala yang berkesan, serta liputan pelaporan yang lebih meluas mengenai obligasi kewangan merentas sempadan. Pada peringkat serantau, Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of the East Asia Pacific Central Banks, EMEAP) berperanan sebagai platform yang penting untuk memantau potensi risiko yang dikaitkan dengan kesalinghubungan global dan serantau yang lebih luas. Rangka kerja kerjasama berbagai hala


Gambar Rajah 1

Kesalinghubungan Sistem Perbankan Malaysia dan Kesan Eksternaliti Rangkaian terhadap Penularan

Tumpuan dedahan merentas sempadan adalah terhad dan tiada kesan penularan atas asas sendirian

Simulasi masalah kewangan bersama boleh meluaskan potensi kesan domino dan kerugian melalui rangkaian





Negara pencetus | **Tiada kesukaran pada seluruh sistem** | **Pusingan penularan pertama** | **Pusingan penularan kedua** | **Pusingan penularan ketiga**

Nota: Setiap nod mewakili sistem perbankan sebuah negara dalam sampel analisis (12 secara keseluruhan, termasuk Malaysia). Kelebaran garisan mewakili tahap relatif kesalinghubungan antara dua sistem perbankan, diukur berasaskan dedahan merentas sempadan bersih. Saiz nod dalam gambar rajah kanan mewakili ukuran relatif bagi kerugian modal kumulatif yang berpunca daripada simulasi kejutan kredit dan pendanaan pada semua pusingan penularan.

Sumber: Bank for International Settlements, Bank Negara Malaysia dan anggaran dalaman

ini telah mewujudkan penyelarasan merentas sempadan yang kukuh di dalam rantau ini dalam bidang yang berkaitan dengan pengawasan, jaring keselamatan kewangan dan pengelakan, pengurusan dan penyelesaian krisis. Pada masa hadapan, EMEAP akan terus memainkan peranan yang penting untuk memperkukuh pengaturan serantau sedemikian apabila integrasi kewangan di dalam Asia dan antara Asia dengan rantau yang lain menjadi semakin mendalam.

Memandangkan kejutan penularan luaran berpotensi mendedahkan kelemahan domestik dan memburukkan risiko ketidakstabilan dalam sistem kewangan domestik, Bank memberikan keutamaan yang tinggi untuk memastikan institusi domestik kukuh dan diurus dengan berhemat, serta pengaturan untuk pengawalan, pengurusan dan penyelesaian krisis yang menyeluruh dan berkesan. Usaha ini disokong dengan baik oleh pengaturan kestabilan kewangan yang dipertingkat di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 serta Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011. Ini termasuk keupayaan Bank untuk mengambil langkah yang meluas untuk menangani risiko kepada kestabilan kewangan yang berpunca daripada dedahan dan aktiviti institusi yang tidak dikawalselia; pengaturan tadbir urus yang diperkukuhkan untuk mengawasi dan menyelaras langkah sedemikian menerusi Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan yang ditubuhkan bawah CBA; kuasa menyeluruh untuk mengendalikan penyelesaian institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank; serta sistem insurans deposit yang berkesan dan komprehensif yang menyediakan insentif yang diperkukuh untuk pengurusan risiko yang teguh. Rangka kerja kehematan yang kukuh serta peningkatan aturan kerjasama merentas sempadan yang sedang dilaksanakan untuk pengawasan kumpulan kewangan (dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab 3) akan meningkatkan lagi daya tahan sistem kewangan domestik terhadap penularan luaran.


subsidiari ini terdiri daripada pemberian pinjaman kepada peminjam Malaysia, pemegangan sekuriti yang diterbitkan oleh entiti Malaysia, deposit yang disimpan dengan institusi kewangan di Malaysia, dan urus niaga yang melibatkan kontrak kewangan dengan rakan niaga Malaysia. Tidak termasuk bank-bank yang berpangkalan di UK, jumlah tuntutan asing oleh bank-bank Eropah terhadap Malaysia seperti yang dilaporkan dalam statistik BIS hanya mencakupi USD16 bilion atau 5.3% daripada KDNK. Bagi industri insurans, penanggung insurans yang berpangkalan di Eropah dalam pasaran domestik mencakupi sebanyak 21.8% daripada jumlah premium. Entiti induk penanggung insurans ini terus menunjukkan kedudukan kewangan yang kukuh sepanjang tahun, sekali gus mengehadkan risiko penularan terhadap operasi di Malaysia.

Operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri

Operasi DBG di luar negeri terus berkembang pada tahun 2013 terutamanya di rantau Asia, memperoleh manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam ekonomi Asia. Jumlah aset subsidiari dan cawangan DBG di luar negeri meningkat sebanyak 16.3% sejak akhir tahun 2012 kepada RM410 bilion pada akhir tahun 2013 (2012: RM353 bilion). Ini mencakupi sebanyak 23.2% daripada jumlah aset DBG yang mempunyai operasi luar negeri, antara 2.9% hingga 39.1% untuk DBG secara individu. Indonesia dan Singapura merupakan tuan rumah kepada sebahagian besar operasi luar negeri DBG, dengan aset operasi luar negeri DBG di kedua-dua negara ini mencakupi kira-kira 62% daripada jumlah operasi luar negeri bank-bank tersebut (Rajah 1.58). Dedahan daripada operasi luar negeri di Labuan IBFC kekal rendah pada 2.8% daripada jumlah aset DBG dan berada antara 1.2% hingga 7.5% daripada jumlah aset DBG secara individu.

Rajah 1.58

Sistem Perbankan: Komposisi Aset Operasi di Labuan IBFC dan Luar Negeri



Sumber: Bank Negara Malaysia


Sumbangan operasi luar negeri kepada keuntungan kumpulan perbankan domestik terus stabil, disokong oleh pengurusan risiko di peringkat kumpulan yang diperkukuh

Risiko penularan daripada operasi luar negeri DBG terus diterhadkan oleh: (i) profil aset yang stabil, yang terutamanya terdiri daripada aktiviti pemberian pinjaman tradisional; (ii) struktur pendanaan yang berisiko rendah, kebanyakannya disokong oleh deposit mata wang tempatan; (iii) pengurusan risiko yang aktif pada peringkat entiti dan peringkat kumpulan; dan (iv) kedudukan dan prestasi kewangan yang kukuh. Semasa episod keadaan pasaran kewangan dan pergerakan kadar pertukaran asing serantau yang lebih tidak menentu, faktor-faktor ini telah menyokong pertumbuhan aktiviti perbankan pengguna dan komersial yang berterusan, serta mengekalkan sumbangan operasi luar negeri kepada keberuntungan kumpulan DBG secara keseluruhan.

Pada tahun 2013, beberapa ekonomi serantau yang mempunyai kehadiran DBG yang ketara telah melaksanakan beberapa langkah pengetatan yang melibatkan pasaran pembiayaan harta tanah dan runcit. Walaupun ini telah menjejaskan pertumbuhan pemberian pinjaman dalam ekonomi-ekonomi ini, kesan ke atas kumpulan DBG secara keseluruhannya adalah terhad. Pelaksanaan nisbah pinjaman kepada nilai yang lebih ketat untuk pinjaman perumahan serta syarat pembiayaan yang lebih ketat di Indonesia, ditambah pula dengan kadar faedah yang lebih tinggi dan kadar pertukaran mata wang yang lebih lemah menyebabkan pertumbuhan pemberian pinjaman yang lebih perlahan antara 8% hingga 10% (2012: antara 15% hingga 20%) untuk beberapa DBG yang besar, manakala portfolio runcit terpilih di ekonomi-ekonomi lain juga berkembang dengan lebih sederhana sebagai

Rajah 1.59


Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Operasi Luar Negeri Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.60


Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Runcit Operasi Luar Negeri Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.61

Sistem Perbankan: Struktur Pendanaan Operasi Luar Negeri Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

tindak balas terhadap peraturan pembiayaan yang baharu. Walaupun aset keseluruhan bagi operasi luar negeri terus berkembang, kesan pergerakan kadar pertukaran mata wang serta perkembangan ekonomi dan pengawalseliaan telah mendorong kepada sedikit pengurangan dalam sumbangan kepada jumlah aset dari Hong Kong SAR dan Indonesia, berbanding dengan sumbangan dari Singapura dan Thailand. Walau bagaimanapun, secara agregat, operasi luar negeri terus mencatat pertumbuhan pinjaman yang positif sebanyak 14.4% (2012: +17.1%) pada tahun 2013.

Pinjaman dan pelaburan dalam sekuriti hutang biasa terus mendominasi profil aset operasi luar negeri, masing-masing mencakupi sebanyak 62.3% dan 14.5% daripada jumlah aset operasi luar negeri. Sebahagian besar daripada pemegangan sekuriti hutang adalah dalam sekuriti kerajaan dan PDS dengan gred pelaburan. Profil aktiviti pemberian pinjaman berbeza antara ekonomi, mencerminkan struktur ekonomi dan peringkat pembangunan ekonomi dan sektor kewangan yang berbeza-beza dalam ekonomi masing-masing (Rajah 1.59). Ini secara sebahagiannya telah menyumbang kepada pempelbagaian risiko yang timbul daripada operasi luar negeri DBG dan mengurangkan kesan pertumbuhan yang lebih perlahan yang dialami oleh beberapa ekonomi ke atas keuntungan dan modal kumpulan DBG secara keseluruhan. Pinjaman runcit sebahagian besarnya adalah bercagar. Pembiayaan tidak bercagar mencakupi kurang daripada 20% daripada jumlah pinjaman runcit terkumpul operasi luar negeri (Rajah 1.60). Tahap penelitian yang lebih tinggi juga telah diperhatikan dalam amalan penilaian dan pengunderaitan DBG, terutamanya, dalam ekonomi-ekonomi yang mengalami tekanan kenaikan terhadap harga aset.


Operasi luar negeri DBG terus dibiayai sebahagian besarnya oleh deposit pelanggan tempatan, sekali gus mengehadkan potensi risiko pendanaan merentas sempadan (Rajah 1.61). Nisbah pinjaman kepada deposit bagi operasi luar negeri yang besar dengan aktiviti pembiayaan yang lebih nyata secara relatifnya kekal stabil pada tahun 2013, antara 60.8% hingga 111% untuk entiti individu walaupun dalam tempoh pasaran kewangan yang tidak menentu dan kadar pertukaran di rantau ini. DBG yang lebih besar terus mengembangkan jumlah deposit mata wang tempatan pada kadar purata melebihi 10% lantas mengukuhkan lagi keupayaan pendanaan bagi operasi luar negeri dan mengurangkan

pergantungan kepada pendanaan daripada entiti induk. Ini terus diperkukuh oleh sistem dan amalan pengurusan risiko peringkat kumpulan yang lebih mantap, yang disokong oleh penunjuk risiko yang bertambah baik, lantas mengurangkan lagi kemungkinan tekanan pendanaan daripada operasi luar negeri merebak ke operasi di Malaysia.

Nisbah modal subsidiari besar DBG kekal kukuh, antara 10.8% hingga 21% (Rajah 1.62). Nisbah ini sudah pun mencerminkan keperluan kecukupan modal yang diperkukuh di beberapa ekonomi yang telah melaksanakan piawaian Basel III. Ekonomi-ekonomi ini juga merupakan ekonomi di mana DBG mempunyai operasi luar negeri yang berskala lebih besar. Kualiti pinjaman keseluruhan kekal kukuh dengan median nisbah pinjaman terjejas kasar yang sebahagian besarnya kekal tidak berubah pada 1.8%. Kira-kira 80% daripada pendapatan masih diperoleh daripada aktiviti perbankan teras, manakala sumber pendapatan bukan faedah menyumbang kira-kira 20% daripada pendapatan. Kadar pertukaran asing serantau yang tidak menentu pada tahun 2013 menyebabkan kerugian pertukaran asing yang lebih tinggi pada pendapatan kumpulan dan pendapatan bersih daripada portfolio dagangan dan pelaburan yang lebih rendah untuk beberapa DBG. Walau bagaimanapun, sumbangan operasi luar negeri kepada keberuntungan DBG individu kekal agak stabil dan berada dalam julat 1.2% hingga 36.2%, dengan median pulangan ke atas ekuiti sebanyak 11.2% (2012: 10.8%). Penambahbaikan yang berterusan dalam kecekapan operasi dan strategi pendanaan juga menyumbang kepada median yang lebih rendah untuk nisbah kos kepada pendapatan sebanyak 53.1% (2012: 60.6%).

Rajah 1.62

Sistem Perbankan: Julat Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama Operasi Luar Negeri Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Berdasarkan andaian senario tekanan yang teruk bagi operasi utama di luar negeri, yang merangkumi susut nilai mata wang tempatan yang ketara dan penguncupan besar dalam aktiviti sektor benar dan sekali gus mengurangkan pertumbuhan pinjaman, DBG secara umumnya dijangka terus meraih keuntungan walaupun sumbangan keuntungan dari luar negeri adalah nyata lebih rendah. Malah, dengan andaian suntikan modal tambahan ke dalam operasi luar negeri, permodalan DBG dijangka terus kukuh dengan Nisbah Jumlah Modal (Total Capital Ratio, TCR) dalam julat antara 11% hingga 13%.

Operasi merentas sempadan penanggung insurans domestik masih sangat kecil. Jumlah aset operasi luar negeri bagi penanggung insurans domestik hanya meningkat sedikit kepada RM1,046.4 juta (2012: RM959.8 juta), mencakupi 0.5% daripada jumlah aset industri insurans, yang secara amnya tidak berubah sejak tahun 2012. Operasi tersebut adalah terutamanya dalam segmen perniagaan insurans am di Singapura, Indonesia dan Brunei.

Penyeliaan bersepadu oleh Bank ke atas institusi kewangan domestik merangkumi penilaian risiko yang berpunca daripada operasi luar negeri. Ini disokong oleh laporan pengawalseliaan secara berkala yang dikemukakan oleh DBG berhubung dengan operasi luar negeri dan pemeriksaan tahunan di premis bagi operasi luar negeri yang utama. Bank juga menjalankan ujian tekanan secara berkala bagi operasi luar negeri yang melibatkan andaian bahawa keadaan ekonomi dan kewangan serantau yang buruk boleh memberikan kesan kepada kualiti aset dan kedudukan mudah tunai entiti itu. Pada tahun 2013, Bank terus mengadakan perbincangan dan interaksi secara kerap dengan pengawal selia tuan rumah tentang prestasi tiga DBG utama melalui forum penyeliaan dan mesyuarat dua hala. Perbincangan dan interaksi ini juga memberikan peluang untuk mengetahui perkembangan keadaan ekonomi dan kewangan tempatan, termasuk implikasi langkah kehematan makro yang diambil baru-baru ini dan peraturan kehematan lain ke atas operasi DBG di luar negeri. Perbincangan dan interaksi pengawal selia setempat-tuan rumah (home-host) dan penyeliaan bersepadu yang terus kukuh membolehkan pengenalpastian kelemahan pada peringkat entiti

dan kumpulan secara awal, serta memudahkan tindak balas penyeliaan yang tepat pada masanya oleh Bank.

KESALINGHUBUNGAN SISTEM PERBANKAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BUKAN BANK (IKBB)

IKBB telah berkembang sejak beberapa tahun lalu dari segi saiz lembaran imbangan dan bilangan entiti. GFC telah memperhatikan betapa pentingnya menguruskan peranan dan skop IKBB tertentu dalam transmisi risiko kepada sistem perbankan, di mana aktiviti kompleks yang melibatkan transformasi mudah tunai dan kematangan, leveraj keterlaluan dan pemindahan risiko kredit yang tidak sempurna boleh menjadi sumber risiko sistemik yang berpunca daripada kesalinghubungan yang erat antara IKBB tertentu dengan sistem perbankan biasa. Aktiviti pengantaraan kewangan IKBB di Malaysia masih tidak kompleks, kebanyakannya tertumpu pada aktiviti pemberian pinjaman asas dan pelaburan dalam sekuriti hutang biasa dan ekuiti. Tahap aktiviti transformasi mudah tunai dan tempoh kematangan oleh IKBB sebagai satu kumpulan juga kekal rendah. Ini mengehadkan kemungkinan risiko dipindahkan kepada sistem perbankan, yang timbul terutamanya daripada pelaburan dalam kelas aset yang sama. Bagi tujuan pemantauan, Bank memberikan tumpuan kepada IKBB yang tidak tertakluk kepada pengawasan berhemat Bank, yang terdiri daripada kumpulan wang simpanan dan pencen, IKP lain, syarikat gadai janji, syarikat perumahan, koperasi, pemberi pinjam wang, pemegang pajak gadai, syarikat pemajakan dan pemfaktoran serta penyedia perkhidmatan


Gambar Rajah 1.1

Pengawalseliaan dan Kesalinghubungan Institusi Kewangan Bukan Bank

Institusi kewangan bukan bank (IKBB) merujuk kepada institusi yang menjalankan aktiviti pengantaraan kewangan (termasuk pengantaraan kredit) yang **bukan** di bawah pengawasan dan penyeliaan oleh Bank Negara Malaysia.


Aktiviti pengantaraan kewangan terdiri daripada: (i) pelaburan ekuiti; (ii) originasi pinjaman; (iii) pelaburan sekuriti hutang; (iv) pensekuritian; (v) jaminan atau penambahbaikan kredit; dan (vi) penerbitan pemarkahan atau penarafan kredit. **Pengantaraan kredit** terdiri daripada (ii) – (vi).

Pengantaraan Kewangan dalam Sistem Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengawalseliaan dan kesalinghubungan IKBB dengan sistem perbankan



^ Merujuk kepada sekuriti bersandarkan aset terkumpul dan saiz aset perbadanan gadai janji kebangsaan. Penawaran sekuriti bersandarkan aset dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

* Termasuk pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang, penyedia pembiayaan sewa beli bukan bank dan pertubuhan keselamatan sosial

** IKP yang dikawal selia oleh Akta Institusi Kewangan Pembangunan (AIKP) 2002 - Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

Sumber: Kaji selidik Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, pelbagai penyata kewangan dan anggaran dalaman

Gambar Rajah 1.2

Kuasa Perundangan, Pemantauan dan Kerjasama antara Agensi

Kuasa Perundangan

- Peruntukan kuasa yang komprehensif bagi menangani risiko yang berpunca daripada aktiviti IKBB

Akta Bank Negara Malaysia 2009	• Mengumpul maklumat bagi tujuan **pemantauan dan pengawasan** • **Mengeluarkan arahan** bagi membendung risiko terhadap kestabilan kewangan akibat aktiviti IKBB • Memberi **nasihat atau membuat syor** kepada mana-mana pihak berkuasa penyeliaan mengenai hal kestabilan sistem kewangan
Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013	• Meletakkan IKBB di bawah pengawalan dan penyeliaan Bank *secara berterusan*

Pemantauan

- Rangka kerja pemantauan dan pengawasan Bank adalah setara dengan risiko yang timbul daripada IKBB individu
- IKBB yang tidak di bawah pengawasan kehematan Bank dipantau melalui pengawasan luar premis dan jika wajar, melalui perbincangan dan interaksi yang kerap dan erat dengan pihak berkuasa atau agensi pengawalseliaan masing-masing



1	Penyerahan data kedudukan kewangan dan profil kematangan aset dan liabiliti secara tahunan oleh IKBB terpilih
2	Penyerahan data kedudukan kewangan dan profil kematangan aset dan liabiliti secara tahunan oleh IKBB terpilih
3	Pemantauan yang lebih rapi disokong oleh liputan yang lebih meluas, penyerahan maklumat yang lebih terperinci dan penyerahan maklumat yang lebih kerap bagi IKBB dengan kebimbangan arbitraj pengawalseliaan dan kesalinghubungan yang erat dengan sistem kewangan

Kerjasama antara Agensi

- Memperkukuh pengaturan kerjasama antara agensi (contohnya Memorandum Persefahaman dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia) serta perbincangan dan interaksi secara berkala bagi mempertingkat pertukaran maklumat serta penyelarasan dan pelaksanaan dasar

sewa beli bukan bank. Institusi ini tidak termasuk penanggung insurans, pengendali takaful dan enam IKP besar yang dikawal dan diselia secara langsung oleh Bank.

Berdasarkan takrifan di atas, aktiviti pengantaraan kewangan IKBB adalah 107.4% daripada KDNK. Jumlah aset IKBB mencakupi 38.4% daripada aset sistem kewangan pada akhir tahun 2013. Daripada jumlah ini, aset yang dipegang dalam bentuk pinjaman dan pelaburan dalam sekuriti hutang mencakupi kira-kira 65.9% daripada KDNK atau 16.1% daripada jumlah aset dalam sistem kewangan (Gambar Rajah 1.1). Tahap pengantaraan kewangan oleh IKBB adalah kira-kira separuh daripada saiz aktiviti pengantaraan kewangan yang dijalankan oleh entiti yang dikawal selia oleh Bank. Struktur pendanaan IKBB berbeza dari entiti ke entiti, bergantung pada jenis aktiviti kewangan yang dijalankan. Secara amnya, kumpulan wang simpanan dan pencen didana melalui sumbangan ahli, manakala pengurus dana didana oleh pelabur dan pemegang unit. Penyedia kredit bukan bank didana oleh dana secara dalaman, pinjaman bank, terbitan sekuriti hutang dan beberapa pula dibiayai oleh pengambilan deposit. Selain kumpulan wang simpanan dan pencen serta pengurus dana yang mewakili sebahagian besar (84%) daripada aset IKBB, majoriti IKBB adalah bersaiz kecil, dengan purata aset kewangan kurang daripada RM7.5 juta yang dipegang oleh entiti individu. Oleh kerana kepelbagaian saiz dan tahap kesalinghubungan IKBB dengan sistem perbankan adalah berbeza-beza, rangka kerja pemantauan dan pengawasan Bank untuk IKBB dirangka supaya setara dengan risiko berkaitan dengan entiti berkenaan, sama ada secara individu atau sebagai satu sektor ke atas kestabilan sistem kewangan (Gambar Rajah 1.2).

Sepanjang dekad yang lalu, aset IKBB berkembang sebanyak tiga kali ganda berikutan perkembangan sistem kewangan yang lebih mendalam dan lebih berpelbagai. IKBB berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate, CAGR) sebanyak 14.4% sepanjang tempoh itu, di mana 66.2% daripada

pertumbuhan IKBB didorong oleh kumpulan wang simpanan dan pencen, dan pengurus dana, yang masing-masing mencatat CAGR sebanyak 11.8% dan 22.3% dalam tempoh itu. Berdasarkan aktiviti yang dijalankan oleh IKBB, transmisi risiko kepada sistem perbankan boleh timbul daripada kesalinghubungan kewangan secara langsung dan tidak langsung yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti IKBB. Walaupun terdapat perkembangan dalam saiz dan aktiviti IKBB, ciri kesalinghubungan kewangan antara IKBB dengan sistem perbankan secara amnya tidak berubah. Kemungkinan transmisi risiko kepada sistem perbankan daripada aset IKBB boleh berpunca daripada dua saluran: (i) secara langsung melalui penempatan deposit dengan bank; dan (ii) secara tidak langsung melalui pelaburan dalam aset yang sama yang dipegang oleh bank. Saluran pindahan risiko daripada liabiliti IKBB kebanyakannya mungkin berpunca daripada dedahan kredit secara langsung dalam bentuk pemberian pinjaman oleh bank kepada IKBB dan pegangan sekuriti hutang terbitan IKBB yang dipegang oleh bank. Walaupun dedahan sistem perbankan melalui saluran aset-liabiliti telah meningkat dari segi nilai seiring dengan pertumbuhan ekonomi dalam negeri dan sektor kewangan, namun dedahan secara langsung daripada penempatan deposit di bank hanya mencakupi 6% daripada asas deposit sistem perbankan, manakala pemberian pinjaman oleh bank kepada IKBB dan pegangan sekuriti hutang IKBB mencakupi 2.1% daripada jumlah aset sistem perbankan.

IKBB yang besar memegang sebahagian daripada aset dalam bentuk wang tunai untuk tujuan pengurusan mudah tunai. Wang tunai termasuk deposit dengan bank biasanya mempunyai tempoh kematangan kurang daripada setahun dan diuruskan secara aktif untuk menghasilkan pulangan yang optimum dan memudahkan pengimbangan semula pengagihan aset. Walaupun keadaan ini menyebabkan turun naik dalam penempatan deposit IKBB dengan bank, risiko mudah tunai kepada bank didapati terkawal atas beberapa faktor. Pertama, seperti yang dinyatakan sebelum ini, sistem perbankan secara keseluruhan tidak terlalu bergantung pada deposit IKBB sebagai sumber utama pendanaan. Kedua, penumpuan deposit IKBB kekal rendah di bank-bank individu, dengan deposit IKBB secara purata mencakupi kurang daripada 5% asas deposit kebanyakan bank-bank individu. Ketiga, terdapat tahap penampan mudah tunai yang tinggi secara kumulatif dalam sistem perbankan. Ini juga dapat diperhatikan bagi bank-bank pelaburan dan bank-bank Islam yang mempunyai penumpuan deposit yang lebih tinggi, dengan lebihan mudah tunai antara 17% hingga 56.7%, dan 13.3% hingga 27.3% daripada deposit bagi kelompok kematangan, masing-masing untuk satu minggu dan satu bulan.

Walaupun kesalinghubungan langsung antara aset IKBB dengan bank adalah kecil dan terhad, kehadiran nyata IKBB yang lebih besar dalam pasaran modal domestik telah menyebabkan wujudnya kesalinghubungan yang tidak langsung dengan sistem perbankan. Pelaburan IKBB besar secara kolektif mencakupi 28.4% daripada sekuriti hutang awam terkumpul, 19.3% daripada PDS terkumpul dan 24.1% daripada permodalan pasaran ekuiti pada akhir tahun 2013. Bagi tempoh dari tahun 2007 hingga 2013, komposisi pegangan pelaburan IKBB secara relatifnya stabil. Pelaburan dalam sekuriti hutang asas dan ekuiti tersenarai terus membentuk lebih daripada 65% daripada portfolio IKBB. Dalam tempoh kebelakangan ini, beberapa IKBB besar telah meningkatkan pegangan MGS semasa tempoh berlakunya jualan yang tinggi oleh pelabur bukan pemastautin, dan secara beransur-ansur meningkatkan pelaburan dalam aset di luar negeri sebagai sebahagian daripada strategi mempelbagaikan portfolio. Risiko daripada kadar pertukaran yang tidak menentu masih kecil berikutan komposisi aset kewangan asing kepada jumlah aset kewangan IKBB yang terus terkawal dalam julat 2.8% hingga 19.9%. Secara keseluruhannya, keuntungan IKBB terus kekal dan mencatat tahap pulangan ke atas aset yang kukuh, dengan purata antara 5.6% hingga 7.3% pada peringkat entiti individu.

IKBB biasanya menggunakan strategi pelaburan strategik dan jangka panjang untuk mengurangkan saiz dan tahap transformasi tempoh kematangan. Sebagai contoh, pegangan aset secara jangka panjang membolehkan pemadanan yang lebih baik bagi sumbangan jangka panjang yang diterima oleh kumpulan wang simpanan dan pencen. Kedudukan ketidaksepadanan tempoh kematangan yang rendah bagi IKBB akan mengurangkan risiko pelupusan aset secara tiba-tiba dan berskala besar yang boleh menghasilkan pergerakan mendadak dalam harga aset, dan seterusnya boleh memberikan kesan limpahan ke atas bank. Pergerakan harga ekuiti mungkin mempunyai kesan yang sangat kecil terhadap sistem perbankan kerana pegangan ekuiti bank adalah kurang daripada 1% daripada jumlah modal sistem perbankan. Bank lebih terdedah

kepada pergerakan harga sekuriti hutang berikutan dedahan yang secara relatifnya lebih tinggi. Walau bagaimanapun, di bawah simulasi senario tekanan bagi pergerakan yang ketara dalam kadar hasil dan harga bon, sistem perbankan terus mempunyai modal yang kukuh (rujuk keputusan ujian tekanan makro di bawah 'Kekukuhan dan Ketahanan Institusi Kewangan' dalam bab ini).

Kesalinghubungan liabiliti IKBB dengan sistem perbankan kekal rendah dan bersifat tidak kompleks. IKBB besar tidak bergantung pada terbitan sekuriti hutang atau pinjaman bank untuk membiayai aktiviti pengantaraan kewangan. IKBB tersebut, terutamanya kumpulan wang simpanan dan pencen serta pengurus dana, mempunyai struktur pendanaan di mana pengantaraan kewangan didana oleh caruman ahli, pemegang unit dan pelabur. Ini mengehadkan kesalinghubungan secara langsung dengan sistem perbankan. Selain itu, akses kepada pasaran antara bank dan penggunaan pembiayaan bercagar seperti perjanjian belian semula dan pemberian pinjaman sekuriti untuk mewujudkan kedudukan leveraj yang tinggi dan kesalinghubungan yang kompleks oleh IKBB masih sangat kecil di Malaysia. IKBB yang lebih kecil, iaitu penyedia kredit bukan bank termasuk pertubuhan koperasi, pemberi pinjaman wang, pemegang pajak gadai, syarikat pemajakan dan pemfaktoran, syarikat perumahan dan penyedia perkhidmatan pembiayaan sewa beli bukan bank, mempunyai struktur pendanaan yang tidak kompleks iaitu penjanaan dana secara dalaman, peminjaman bank dan sebahagian kecil daripada pengambilan deposit. Beberapa penyedia kredit bukan bank memperoleh dana tambahan daripada penerbitan sekuriti hutang. Ketidaksepadanan tempoh kematangan masih rendah dan diurus dengan baik di mana tempoh purata sekuriti hutang swasta yang diterbitkan ialah 6.8 tahun, manakala tempoh matang pembiayaan yang diberikan secara purata tidak melebihi 10 tahun. Jumlah dedahan sistem perbankan kepada IKBB yang lebih kecil melalui saluran ini kekal kecil. Secara agregat, jumlah pemberian pinjaman bank kepada IKBB dan pegangan sekuriti hutang IKBB oleh bank ialah masing-masing sebanyak 14.7% (2012: 12.6%) dan 8.2% (2012: 7.4%) daripada jumlah modal sistem perbankan atau secara kolektif pada 2.1% daripada aset sistem perbankan.

KEKUKUHAN DAN DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Institusi kewangan terus berdaya tahan sepanjang tahun walaupun berdepan dengan persekitaran operasi yang mencabar. Keadaan ini disokong oleh amalan pengurusan risiko dan tadbir urus yang mantap serta peningkatan selanjutnya dalam kecekapan operasi. Profil risiko bagi kebanyakan institusi kewangan, seperti yang ditunjukkan melalui penarafan penyeliaan Bank (juga dikenali sebagai penarafan risiko komposit atau composite risk rating, CRR) untuk setiap institusi adalah stabil pada tahun 2013. Kedudukan kewangan institusi-institusi ini juga kekal kukuh. CRR mengambil kira penilaian tahunan Bank ke atas risiko yang sedia ada dan kualiti pengurusan risiko institusi kewangan dalam semua aktiviti utamanya dan subsidiari. Ia juga mengambil kira kekukuhan permodalan dan amalan pengurusan modal institusi serta kemampanan perolehan. Bagi tahun 2013, enam bank dan penanggung insurans mencatat peningkatan dalam penarafan penyeliaan mereka berikutan pelbagai langkah yang telah diambil untuk memperkukuh amalan pengurusan risiko dalaman dan penampan kewangan.


Sektor perbankan

Tahap dan kualiti modal bank yang kekal kukuh membolehkan pelaksanaan yang lancar bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel III, yang dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Januari 2013. Secara keseluruhannya, sistem perbankan (termasuk bank-bank Islam) mengekalkan nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1), nisbah modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal (Total Capital Ratio, TCR), masing-masing sebanyak 12.1%, 13% dan 14.4% pada akhir tahun 2013. Kekukuhan modal bank telah disokong oleh pengumpulan rizab secara berterusan (+21%) dan terbitan ekuiti yang baharu (+9.1%) dengan jangkaan kematangan atau pelupusan berperingkat instrumen modal yang diterbitkan di bawah Basel II. Keupayaan bank-bank untuk menjana modal dalaman kekal kukuh dengan perolehan tertahan berjumlah lebih daripada RM56 bilion di peringkat sistem. Perolehan tertahan mencakupi lebih daripada 30% modal CET1 (sebelum pelarasan pengawalseliaan). Tahun 2013 juga menyaksikan kejayaan pelaksanaan rancangan pelaburan semula dividen oleh tiga kumpulan perbankan domestik yang besar untuk mengekalkan kekukuhan modal, yang merupakan perkembangan positif bagi tahap ekuiti dan permodalan pasaran bank ini.

Risiko portfolio bank sebahagian besarnya adalah stabil pada tahun 2013. Secara agregat, nisbah jumlah aset berwajaran risiko (risk-weighted assets, RWA) kepada jumlah aset (atau kepadatan RWA) berada pada 63.3% (2012: 62.1%). Laporan awal menunjukkan nisbah leveraj untuk sistem perbankan

Rajah 1.63

Sistem Perbankan: Nisbah Kecukupan Modal dan Lebihan Modal




Sumber: Bank Negara Malaysia

berada pada paras melebihi 6% berasaskan takrifan Basel III pada akhir bulan September 2013, yang jauh lebih tinggi berbanding paras minimum sebanyak 3%. Tiada perubahan besar diperhatikan sepanjang 2013 berhubung struktur operasi perniagaan bank, tahap kesanggupan mengambil risiko atau model modal pengawalseliaan dalaman. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, perkembangan yang stabil dalam aset sistem perbankan juga disokong dengan baik oleh pengumpulan modal berkualiti tinggi yang berterusan. Ini memastikan bank-bank terus mempunyai penampan yang besar untuk menyerap kerugian, iaitu sebanyak RM79.3 bilion pada akhir 2013 yang melebihi keperluan modal pengawalseliaan minimum yang ditetapkan (Rajah 1.63). Dalam senario konservatif, di mana pematuhan sepenuhnya kepada tahap modal minimum Basel III dikenakan ke atas sistem perbankan pada hari semasa (iaitu tidak mengambil kira sebarang pengaturan untuk peralihan), bank-bank masih mempunyai penampan melebihi keperluan TCR minimum sebanyak RM27 bilion.

Secara keseluruhannya, sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM29.8 bilion bagi tahun 2013, sekitar paras yang sama seperti tahun sebelumnya, dengan pulangan tahunan ke atas aset dan ekuiti, masing-masing berpurata 1.5% dan 15.9% (2012: masing-masing 1.6% dan 17.4%). Pendorong utama prestasi keuntungan adalah daripada aktiviti pembiayaan dan pendanaan (+7.3%), yang menyumbang

Rajah 1.64


Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.65

Sistem Perbankan: Margin Faedah Kasar dan Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada 42.8% daripada pendapatan kasar operasi bank. Pendapatan daripada perniagaan berasaskan fi yang meningkat dengan stabil sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terus mencerminkan peningkatan tumpuan yang diberikan oleh bank untuk menjana fi bagi mengatasi penyusutan margin pemberian pinjaman dalam pasaran pemberian pinjaman runcit yang sangat kompetitif. Walaupun turun naik pendapatan lebih ketara bagi portfolio akaun dagangan dan pelaburan, seiring dengan keadaan pasaran yang lebih tidak menentu, keuntungan bersih yang dicatat pada tahun itu adalah lebih tinggi secara keseluruhannya.

Tekanan persaingan dalam pasaran kredit terus memberikan tekanan kepada margin yang sememangnya kecil. Walaupun paras delinkuensi yang terendah dalam sejarah bagi segmen-segmen

pembiayaan utama dan nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang tinggi melebihi 100% telah memberikan sedikit penampan (Rajah 1.64), margin faedah/pembiayaan (ditolak perbelanjaan ke atas peruntukan kerugian) mengecil kepada 0.61 mata peratusan (2012: 0.66 mata peratusan) (Rajah 1.65). Kadar pemberian pinjaman masih amat kompetitif dalam segmen runcit, sebelum penguatkuasaan amalan penentuan harga berasaskan pengetahuan risiko bagi bank pada bulan Mac 2014.

Pempelbagaian kepada pendapatan berasaskan fi (7.5% daripada pendapatan kasar) telah memberikan sedikit kestabilan dalam keuntungan bank-bank terhadap penyusutan margin. Komisen dan caj perkhidmatan daripada aktiviti pembrokeran (+39.6%), pensindiketan pinjaman dan jaminan kredit (+11.4%) serta perkhidmatan pembayaran (+159.4%) menyumbang sebahagian besar kepada pertumbuhan pendapatan fi (+14.1%). Pengurusan risiko yang aktif oleh bank-bank semasa episod ketidaktentuan pasaran kewangan yang meningkat juga penting dalam menyokong perolehan bank daripada aktiviti perdagangan dan pelaburan proprietari secara keseluruhannya bagi tahun 2013. Ini mencerminkan kemampuan pengurusan risiko bank yang dipertingkat untuk menguruskan kedudukan akaun dagangan secara aktif, dan disokong oleh rangka kerja peringkat institusi dan kumpulan yang lebih maju untuk memantau dan mengawal dedahan risiko pasaran. Rangka kerja tersebut merangkumi had kehematan dalaman, strategi henti kerugian dan perlindungan nilai, serta penggunaan sistem pembahagian keuntungan dan kerugian akaun dagangan yang berkesan yang membolehkan pemantauan prestasi perbendaharaan yang lebih baik.


Inisiatif yang diambil oleh bank-bank untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi telah membantu mengawal kos operasi yang mencatat peningkatan paling sederhana (+1.8%) dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Perbelanjaan pentadbiran, pemasaran dan am meningkat pada kadar yang lebih perlahan (+5.7%) berbanding tahun sebelumnya, manakala perbelanjaan kakitangan, yang mencakupi separuh daripada jumlah kos operasi bank-bank menurun sebanyak 1.8%. Keadaan ini menyumbang kepada penurunan kos bagi setiap pekerja dengan penurunan sebanyak 0.7%, manakala penunjuk produktiviti dari segi keuntungan sebelum cukai mengikut kiraan bilangan pekerja dan nisbah kos kakitangan kepada pendapatan terus bertambah baik.

Sektor perbankan Islam

Risiko kadar pulangan bagi industri perbankan Islam kekal terurus, dalam keadaan pasaran pendanaan ringgit yang secara amnya stabil dan lebihan mudah tunai yang berterusan. Bank-bank Islam terus aktif menguruskan risiko ini menerusi strategi pengurangan risiko terhadap dedahan aset dan liabiliti. Dari segi liabiliti, bank-bank Islam mengeluarkan lebih banyak instrumen pendanaan berkadar tetap dengan tempoh yang lebih panjang serta melanjutkan tarikh penentuan semula harga liabiliti untuk mengecilkan jurang penentuan semula harga antara aset dengan liabiliti. Deposit pulangan tetap seperti *murabahah* komoditi mencatat pertumbuhan eksponen (exponential) sebanyak 37.7% pada tahun 2013 (Rajah 1.66), dengan sebahagian besar daripada deposit baharu mempunyai tempoh lebih enam bulan. Pada akhir tahun 2013, deposit kadar tetap mencakupi 20.8% (2012: 17.2%) daripada jumlah dana bank-bank Islam. Dana deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposit, NID) Islam merosot kepada 6.7% (2012: 7.4%) daripada jumlah dana bank-bank Islam. Peralihan juga diperhatikan dalam tempoh matang NID Islam daripada tempoh kurang daripada satu bulan kepada tempoh yang lebih panjang, iaitu tiga hingga enam bulan dan enam hingga sembilan bulan. Beberapa bank Islam juga telah memanjangkan struktur kematangan pendanaan menerusi terbitan sukuk jangka sederhana. Lebih kurang 38% daripada deposit dan instrumen pelaburan yang diterima oleh bank-bank Islam mempunyai kematangan antara satu minggu hingga enam bulan. Bahagian pendanaan daripada deposit dan pelaburan dengan baki kematangan antara enam bulan hingga satu tahun meningkat daripada tahun sebelumnya kepada 25.2% (2012: 23.4%). Lanjutan tempoh

Rajah 1.66


Perbankan Islam: Komposisi Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.67

Perbankan Islam: Pembiayaan Kadar Tetap dan Kadar Berubah




Nota: Semua jumlah adalah dalam RM bilion

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.68

Perbankan Islam: Kadar Akaun Pelaburan Am (GIA) dan Kadar Deposit Tetap (FD) Disebut



Sumber: Bank Negara Malaysia

keseluruhan pendanaan telah menyumbang kepada pengurangan tekanan dalam pengurusan ketakpadanan pendanaan oleh bank-bank Islam.

Dari segi aset, pengimbangan semula antara kadar pembiayaan tetap dengan kadar boleh ubah terus berlaku. Berikutan bank-bank Islam mengurangkan lagi tumpuan terhadap pulangan pembiayaan tetap jangka panjang, lalu memendekkan tempoh aset pembiayaan, bahagian aset kadar boleh ubah dalam buku pembiayaan (Rajah 1.67) berkembang dengan kukuh sebanyak 34% untuk mencakupi 49.4% (2012: 44.2%) daripada jumlah pembiayaan. Kebanyakan aset boleh ubah adalah dalam bentuk kontrak *musharakah* (perkongsian), *ijarah* (pajakan) dan *murabahah* (tokokan) boleh ubah. Pembiayaan runcit terus mendominasi portfolio pembiayaan bank-bank Islam, mencakupi sebanyak 61.8% daripada jumlah pembiayaan dan lebih kurang 42% ialah pembiayaan bagi pembelian harta kediaman dan kenderaan bermotor.

Keadaan pendanaan yang stabil juga mengurangkan cabaran yang dikaitkan dengan pengurusan risiko komersial teralih (displaced commercial risks, DCR). DCR ialah risiko yang dikaitkan dengan bank-bank Islam yang melepaskan sebahagian atau semua keuntungannya (atau menyerap sebahagian atau semua kerugian) untuk memenuhi jangkaan pemegang akaun pelaburan untuk menerima kadar pulangan yang berdaya saing (berbanding dengan produk konvensional). Risiko ini wujud dalam struktur dwiperbankan seperti yang terdapat di Malaysia. Perbezaan antara kadar pulangan bagi akaun pelaburan am dengan kadar deposit tetap konvensional disebut (Rajah 1.68) mengecil pada tahun 2013 dengan kestabilan yang berterusan diperhatikan dalam pendanaan bank-bank Islam. Ini seterusnya meredakan lagi tekanan terhadap bank-bank Islam untuk memadankan pulangan yang ditawarkan bagi deposit konvensional berdasarkan pulangan yang lebih setara bagi penyedia dana. Berbanding dengan dahulu di mana rizab penyamaan keuntungan (profit equalisation reserves) lazimnya digunakan untuk memadankan pulangan yang ditawarkan bagi deposit tetap konvensional, pengurusan DCR kini bergantung pada penggunaan konsep *tanazul* yang membolehkan bank-bank Islam mengetepikan sebahagian atau semua keuntungannya (dalam kontrak nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui) untuk memenuhi jangkaan pemegang akaun pelaburan. Meskipun penggunaan konsep *tanazul* berpotensi untuk meningkatkan ketidaktentuan pendapatan bersih bank-bank Islam, ini tidak diperhatikan pada tahun 2013. Kos purata deposit bagi bank-bank Islam kekal stabil pada 2.53% (2012: 2.51%).

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 menyatakan dengan jelas perbezaan antara instrumen deposit dengan akaun pelaburan. Di bawah perundangan ini, instrumen akaun pelaburan am yang ditawarkan oleh bank-bank Islam yang tidak dijamin prinsipalnya perlu ditetapkan dengan jelas sebagai akaun pelaburan dan dibezakan daripada deposit yang mana prinsipalnya dijamin, dari segi terma dan syarat instrumen itu serta cara instrumen itu diurus. Untuk membolehkan peralihan yang terkawal,

bank-bank Islam telah diberikan tempoh dua tahun, iaitu sehingga bulan Jun 2015, untuk menyelaraskan akaun pelaburan sedia ada dengan peruntukan undang-undang. Kebanyakan bank dijangka menawarkan produk deposit alternatif yang dijamin prinsipal kepada pemegang akaun pelaburan am sedia ada yang berhasrat untuk mempunyai akaun deposit dan bukannya akaun pelaburan. Ini seharusnya mengekalkan kestabilan pendanaan untuk bank-bank Islam pada tempoh peralihan ini. Pada akhir tahun 2013, akaun pelaburan am mencakupi 26.2% (2012: 26.3%) daripada jumlah akaun deposit dan akaun pelaburan Islam, dengan komposisi antara 5% hingga 45.4% merentas bank-bank Islam secara individu.

Berdasarkan penilaian Bank terhadap operasi bank-bank Islam, tidak terdapat peristiwa ketidakpatuhan Syariah yang ketara berlaku pada tahun 2013. Bank-bank Islam terus mengukuhkan fungsi pengawasan dan kawalan Syariah, termasuk proses penilaian dan fungsi audit Syariah. Pada masa ini, Bank berada di pelbagai peringkat pembangunan piawaian Syariah dan pengoperasian, untuk kontrak Syariah utama yang akan memberikan kejelasan yang lanjut mengenai keperluan pengawalan yang dikenakan kepada kontrak Syariah yang berbeza, seterusnya meminimumkan potensi risiko ketidakpatuhan Syariah (rujuk rencana bertajuk 'Pempelbagaian Perniagaan dan Produk Perbankan Islam yang Didorong oleh Kontrak Syariah').


Sektor insurans dan takaful

Permodalan industri insurans bertambah kukuh pada tahun 2013. Nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) agregat, yang dikira dari nisbah jumlah modal yang tersedia kepada jumlah modal yang diperlukan bagi industri meningkat kepada 245.9% (2012: 219.1%) dengan penampan modal berjumlah RM23.5 bilion (Rajah 1.69). Kadar hasil MGS yang lebih tinggi mempunyai kesan yang positif dan ketara terhadap permodalan penanggung insurans hayat menerusi penilaian liabiliti insurans yang lebih rendah (dengan itu meningkatkan lebihan yang tersedia untuk memenuhi keperluan modal yang lebih daripada mengimbangi kerugian pelaburan yang dialami pada tahun 2013), dan mengurangkan caj modal untuk risiko pasaran. Risiko insurans, yang mengukur risiko ketidakcukupan liabiliti insurans, pengalaman tuntutan yang buruk, risiko perbelanjaan dan luput, dan sebahagiannya termasuk impak daripada pendiskaunan liabiliti insurans kekal sebagai komponen risiko yang terbesar, mencakupi 50.7% daripada jumlah modal yang diperlukan. Caj risiko insurans keseluruhan kekal stabil pada tahun 2013 memandangkan kestabilan dasar rizab dan andaian anggaran terbaik utama yang digunakan tanpa kewujudan bencana besar dan peristiwa wabak dalam pasaran domestik.

Walau bagaimanapun, keadaan pasaran kewangan dan pergerakan kadar hasil bon yang lebih tidak menentu meninggalkan kesan yang buruk terhadap prestasi keseluruhan dan keberuntungan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful. Sektor insurans hayat dan takaful keluarga mencatat paras lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih rendah sebanyak RM13 bilion (2012: RM17.9 bilion) bagi tahun 2013 (Rajah 1.70). Meskipun premium bersih meningkat, penanggung insurans dan sedikit sebanyak pengendali takaful, mengalami kerugian penilaian semula

Rajah 1.69


Sektor Insurans: Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.70


Sektor Insurans: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.71


Sektor Insurans Hayat: Komposisi Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.72

Sektor Insurans Hayat: Pertumbuhan Premium Bersih dan Komposisi Produk Insurans Hayat



Sumber: Bank Negara Malaysia


portfolio yang besar, berjumlah RM1.5 bilion (2012: keuntungan bersih RM2.2 bilion). Kerugian penilaian semula daripada pelaburan sekuriti hutang menyumbang kepada 88.6% daripada kerugian keseluruhan yang dinilai mengikut pasaran (mark-to-market losses). Selain itu, pembayaran manfaat bersih juga meningkat sebanyak 14.8%, disebabkan terutamanya oleh pembayaran kepada bilangan polisi lebih besar yang matang pada tahun 2013 dan pembayaran yang lebih tinggi untuk manfaat perubatan yang meningkat sebanyak 26.4% daripada tahun sebelumnya (Rajah 1.71).

Premium bersih secara keseluruhan untuk insurans hayat dan perniagaan takaful keluarga meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.4% (2012: +11.3%), didorong oleh pertumbuhan lebih perlahan akibat polisi berkaitan dengan pelaburan iaitu sebanyak 9.4% (2012: +18.8%), mencerminkan keadaan pasaran yang lebih tidak menentu (Rajah 1.72). Sejak tahun 2010, polisi berkaitan dengan pelaburan mencakupi bahagian premium perniagaan baharu yang semakin ketara (40% daripada premium perniagaan baharu pada tahun 2013) yang juga telah menyebabkan ketidaktentuan yang lebih tinggi dalam pertumbuhan perniagaan baharu selaras dengan keadaan pasaran kewangan. Ini lebih ketara dalam sektor insurans konvensional yang boleh menimbulkan beberapa cabaran kepada penanggung insurans hayat yang mempunyai tumpuan yang lebih tinggi dalam segmen perniagaan ini. Bagi penanggung insurans ini, ketidaktentuan yang dikaitkan dengan pertumbuhan harus dibandingkan dengan penggunaan modal lebih cekap yang lazimnya dikaitkan dengan perniagaan yang berkaitan dengan pelaburan (perniagaan yang berkaitan dengan pelaburan adalah kurang berintensifkan modal kerana risiko pelaburan ditanggung oleh pemegang polisi). Premium bersih daripada perniagaan sertaan (participating) dan tanpa sertaan (non-participating) terus memberikan sedikit kestabilan kepada pendapatan industri secara keseluruhan. Pertumbuhan premium dalam segmen ini secara relatif kekal stabil, berpurata sebanyak 5.9% sepanjang lima tahun yang lalu disebabkan oleh permintaan yang mampan untuk produk perlindungan dan simpanan yang terus mencakupi sebahagian besar jumlah premium bersih (56.5%). Kadar penyerahan polisi juga kekal rendah pada 1.7% daripada jumlah polisi yang masih berkuat kuasa.

Hasil keseluruhan pelaburan penanggung insurans hayat kekal di bawah paras sebelum GFC. Pada tahun 2013, hasil pelaburan penanggung insurans adalah antara 5% dan 6% setahun, jauh lebih rendah berbanding hasil sebanyak 9% setahun bagi tempoh sebelum krisis. Ini terus menimbulkan cabaran kepada penanggung insurans hayat yang telah menentukan harga dan menjual produk berasaskan andaian kadar pulangan yang lebih tinggi pada masa lalu. Bagi polisi yang masih berkuat kuasa, hasil daripada aset yang dilabur bersama-sama dengan penampan dan lebihan yang dikumpul sejak beberapa tahun, sebahagian besarnya adalah mencukupi untuk mengekalkan manfaat tidak dijamin kepada pemegang polisi, dan jangkaan hasil yang lebih tinggi mampu mengurangkan risiko pelaburan semula pada masa hadapan. Bagi produk

Rajah 1.73


Sektor Insurans Am: Pertumbuhan Premium dan Komposisi Perniagaan Insurans Am



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.74

Sektor Insurans Am: Nisbah Gabungan dan Nisbah Kerugian bagi Kelas Perniagaan Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang lebih baharu, penanggung insurans telah mula menggunakan andaian yang lebih konservatif untuk mencerminkan keadaan pasaran semasa dengan lebih baik. Keperluan yang diperkukuh terhadap pengurusan risiko produk, penzahiran dan amalan jualan juga akan mengukuhkan lagi disiplin yang berterusan dalam amalan penentuan harga oleh penanggung insurans hayat, sambil memastikan bahawa pemegang polisi tidak terkeliru berkaitan dengan jangkaan pulangan pada masa hadapan.

Prestasi penanggung insurans dan pengendali takaful am adalah lebih baik, mencatat keuntungan yang lebih tinggi sebanyak RM3.2 bilion (+11.1%) disebabkan oleh pertumbuhan kukuh premium dalam segmen insurans motor dan kebakaran, serta nisbah kerugian yang stabil (57.1%) (Rajah 1.73). Meskipun mencatat keuntungan operasi yang lebih kukuh, penanggung insurans dan pengendali takaful am terus menghadapi cabaran menguruskan ketidakjajaran antara kadar premium dengan kerugian daripada tuntutan bagi perniagaan insurans liabiliti motor kecederaan anggota pihak ketiga (motor 'Akta') yang diwajibkan. Meskipun nisbah tuntutan keseluruhan bagi perniagaan motor berkurang sedikit kepada 71.2% (2012: 72.4%), tuntutan yang lebih tinggi daripada perniagaan motor 'Akta' (yang jauh melebihi 100%) terus memberikan kesan yang ketara terhadap tuntutan keseluruhan dan prestasi pengunderaitan bagi segmen motor (Rajah 1.74). Pelarasan yang progresif kepada tarif motor sejak tahun 2012 seiring dengan pembaharuan lebih meluas yang dilaksanakan di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu untuk mengawal kos tuntutan menjadi amat penting untuk menjajar harga kepada risiko dengan lebih baik serta mengekalkan akses yang berterusan kepada perlindungan insurans motor pada kadar yang berpatutan dalam jangka panjang.

Ujian tekanan terhadap bank dan penanggung insurans

Bank dan penanggung insurans, pada peringkat sistem dan institusi, menunjukkan pendapatan dan penampan modal yang mencukupi untuk menghadapi keadaan makroekonomi dan kewangan yang ekstrem berdasarkan ujian tekanan makro yang dijalankan oleh Bank. Ujian tekanan kesolvenan berasaskan senario bagi tahun 2014 hingga 2016 menggabungkan kejutan serentak terhadap hasil, pendanaan, dedahan risiko kredit, pasaran dan insurans, dengan mengambil kira siri peristiwa risiko yang jarang-jarang berlaku dan risiko prospek pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih perlahan. Limpahan yang disimulasikan terhadap ekonomi domestik digunakan untuk menilai impak terkompaun secara tahunan terhadap pendapatan dan perbelanjaan kendalian, pertumbuhan lembaran imbangan dan permodalan institusi kewangan, dengan mengetepikan tindak balas untuk mengurangkan kerugian oleh institusi kewangan atau intervensi dasar oleh pihak berkuasa (Jadual 1.11). Senario yang diandaikan untuk ujian tekanan meliputi pelarasan dasar fiskal dan monetari yang tidak teratur dalam ekonomi maju, kelemahan struktur sistem perbankan utama yang tidak diselesaikan, serta pertumbuhan yang lebih lemah dalam

ekonomi sedang pesat membangun yang disebabkan oleh pelarasan struktur tempatan, keadaan pendanaan luaran yang lebih ketat serta pergerakan aliran modal yang tidak menentu.

Meskipun dalam senario buruk, nisbah modal agregat TCR dan CET1 sistem perbankan pasca kejutan masing-masing kekal pada 10% dan 7%, kekal melebihi keperluan minimum


Jadual 1.11

Ujian Tekanan Kesolvenan: Andaian dan Parameter Kejutan Utama untuk Senario Buruk

	Andaian utama
Kejutan KDNK Malaysia	Kegawatan yang ketara (lebih teruk daripada kegawatan ekonomi pada tahun 2009) diikuti dengan pemulihan beransur-ansur yang mengambil kira: • Limpahan daripada perkembangan buruk di ekonomi maju, RR China dan ekonomi sedang pesat membangun • Implikasi yang mungkin timbul pada sistem kewangan domestik berikutan pelarasan yang tidak teratur dalam pasaran kewangan antarabangsa disebabkan oleh pengurangan pelonggaran kuantitatif di AS - Simulasi pembalikan (reversal) aliran portfolio yang lebih teruk daripada pengalaman semasa Krisis Kewangan Global (dari segi magnitud dan kadar aliran)
Unjuran kunci kira-kira dan pendapatan	• Penurunan pertumbuhan pendapatan dibezakan mengikut segmen (pendapatan faedah, pendapatan berdasarkan fi dan pendapatan lain) sehingga 62% • Pertumbuhan kredit yang semakin lemah sehingga 2.7 mata peratusan
Kejutan risiko kredit	• Kejutan kebarangkalian mungkir (probability of default, PD) - Pinjaman perniagaan sehingga 12% - Pinjaman isi rumah sehingga 11% • Kejutan kerugian akibat mungkir (loss given default, LGD) - Pinjaman perniagaan sehingga 56% - Pinjaman isi rumah sehingga 90% - Pinjaman perumahan sehingga 30%, mencerminkan pelarasan ketara harga harta tanah • Kemungkiran peminjam perniagaan terpilih - Korporat besar di bawah pemantauan rapi - Korporat yang terjejas oleh turun naik dalam pergerakan kadar pertukaran
Kejutan risiko pasaran	• Peningkatan kadar hasil Sekuriti Hutang Kerajaan (MGS) sehingga 330 mata asas • Spread kredit sekuriti hutang swasta (PDS) yang makin luas sehingga 200 mata asas • Risiko asas yang lebih tinggi • Penurunan FBM KLCI sehingga 40% • Penyusutan nilai mata wang utama sehingga 16%
Kejutan risiko pendanaan luar	Pembalikan (reversal) tuntutan oleh bukan pemastautin yang berjumlah sehingga 30% daripada peminjaman antara bank dan deposit

Rajah 1.75


Sistem Perbankan: Nisbah Jumlah Modal Selepas Kejutan dalam Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia dan anggaran dalaman

Rajah 1.76

Sistem Perbankan: Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 Selepas Kejutan dalam Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia dan anggaran dalaman

pengawalseliaan di bawah Basel III berdasarkan pengaturan berperingkat yang konsisten dengan garis masa global. Sebanyak 75% bank mencatat TCR melebihi 8.8% dan nisbah modal CET1 ekuiti am sebanyak 6.7% pada akhir tempoh ujian tekanan (Rajah 1.75 dan Rajah 1.76). Meskipun kerugian kumulatif daripada kejutan kredit, pasaran dan pendanaan dalam senario buruk meningkat sebanyak 54.7% berbanding dengan senario dasar, penurunan TCR sebanyak 4.5 mata peratusan sepanjang tiga tahun dapat ditampung oleh bank tanpa mengambil kira aktiviti pemerolehan modal yang dirancang pada tempoh tersebut.

Bagi industri insurans secara keseluruhan, CAR pasca kejutan juga kekal melebihi keperluan minimum dalam senario buruk, iaitu antara 157.1% dan 256.4% bagi tahun 2014 hingga 2016. Kesan terhadap permodalan adalah lebih ketara bagi industri insurans am disebabkan oleh kesan kejutan daripada peruntukan yang lebih tinggi untuk tuntutan motor. Kerugian kendalian mengakibatkan pengurangan CAR bagi penanggung insurans am kepada 143% pada tahun 2014 (2013: 230.7%), sebelum beransur-ansur meningkat kepada 153% pada tahun 2016. Penanggung insurans hayat pula lebih terjejas disebabkan oleh kerugian yang dinilai mengikut pasaran pada tahun 2014, tetapi mengekalkan CAR yang kukuh sebanyak 162% sebelum beransur-ansur meningkat kepada 297% pada tahun 2016.

PROSPEK KESTABILAN KEWANGAN DOMESTIK DAN TUMPUAN PEMANTAUAN PADA TAHUN 2014

Institusi kewangan di Malaysia terus berada pada kedudukan yang baik untuk menguruskan risiko luaran yang disebabkan oleh langkah keluar daripada dasar monetari yang tidak konvensional, berikutan prospek pemulihan ekonomi yang bertambah baik dalam ekonomi maju utama. Ketidaktentuan yang berterusan dijangka terus berlaku dalam pasaran kewangan domestik apabila pelabur membuat penyesuaian terhadap kehendak yang berubah dalam dasar monetari di AS serta perkembangan di kawasan euro dan RR China. Sepanjang tempoh kebelakangan ini, institusi kewangan di Malaysia telah menunjukkan daya tahan, khususnya semasa berlaku episod ketidaktentuan yang meningkat dan telah terus mengukuhkan sokongan daya tahan ini, khususnya dengan mengekalkan penampan kewangan yang kukuh, memastikan ketidakpadanan pendanaan mata wang asing kekal rendah dan meneruskan kehematan dalam pengambilan risiko. Pasaran kewangan yang dalam dan lebih cekap juga akan terus memberikan sokongan kepada keadaan pasaran yang teratur.

Keadaan ekonomi dalam negeri dan serantau yang menggalakkan dan berterusan akan menyumbang kepada pengurusan dedahan risiko kredit institusi kewangan Malaysia terhadap perniagaan dan isi rumah. Ini terus disokong oleh pengawasan yang berterusan dalam pengurusan risiko mudah tunai kredit dan pasaran institusi kewangan, termasuklah dalam operasi di luar negara, dan kapasiti membayar balik hutang keseluruhan yang bertambah baik (dengan kedudukan leveraj yang rendah) serta kekukuhan lembaran imbangan perniagaan seperti yang dinyatakan dalam Laporan ini. Menangani kos sara hidup yang lebih tinggi juga akan menjadi lebih mencabar kepada isi rumah yang mudah terjejas manakala sesetengah perniagaan yang mempunyai pinjaman luaran yang tinggi dan struktur kos yang lebih ketat harus menangani kadar pertukaran yang lebih tidak menentu serta kenaikan kos bahan dan input. Secara agregat, risiko terhadap kestabilan kewangan adalah terurus dan dijangka terkawal dengan baik. Memandangkan kesan daripada langkah yang diambil oleh Bank dan Kerajaan untuk menggalakkan daya tahan isi rumah dan memastikan pasaran harta yang mampan menjadi lebih nyata pada masa akan datang, ini seharusnya mengurangkan sebarang implikasi yang ketara terhadap institusi kewangan daripada dedahan kepada sektor ini.

Kesan terhadap keadaan kestabilan kewangan domestik daripada perkembangan di dalam dan luar negeri akan sangat bergantung pada usaha mengekalkan asas domestik yang kukuh, termasuk sistem kewangan domestik yang berdaya tahan. Oleh itu, keutamaan pengawasan dan penyeliaan Bank pada tahun 2014 akan terus difokuskan kepada usaha:

- memastikan bahawa bank-bank terus mengekalkan piawaian pemberian pinjaman yang kukuh, dan penambahbaikan dalam amalan pemberian pinjaman oleh IKBB diteruskan. Ini seharusnya menyumbang kepada pengurusan leveraj isi rumah, khususnya dalam kalangan golongan yang lebih mudah terjejas;
- menyokong pembangunan yang mampan dalam pasaran harta kediaman, dengan memastikan bahawa pemberian pinjaman

bank untuk pembangunan dan pembelian harta tidak menggalakkan aktiviti spekulasi dan amalan penilaian terus diyakini dan kukuh;

- memantau perkembangan dalam pasaran harta bukan kediaman, secara khususnya memberikan tumpuan pada permintaan yang kukuh dan kenaikan harga dalam segmen kedai, dan risiko yang semakin meningkat terhadap kemungkinan penawaran ruang pejabat yang berlebihan pada masa hadapan;
- memantau tahap pinjaman luaran dan kedudukan leveraj sektor perniagaan, serta memastikan bahawa penampan sistem perbankan kekal kukuh untuk menghadapi kerugian yang mungkin berlaku daripada perniagaan yang lebih terdedah kepada kemungkinan tekanan kewangan;
- menilai perubahan dalam kesanggupan mengambil risiko dan strategi perniagaan institusi kewangan serta memastikan bahawa perubahan ini sejajar dengan pengambilan risiko yang berhemat dalam persekitaran pemulihan ekonomi global yang masih mudah terjejas oleh langkah keluar yang tidak teratur daripada dasar monetari yang tidak konvensional di ekonomi maju. Bank akan meningkatkan pengawasannya terhadap operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri memandangkan cabaran berbeza yang akan dihadapi oleh setiap negara dalam peralihan ini;
- memastikan infrastruktur pasaran kewangan terus kukuh, khususnya sistem pembayaran dan penyelesaian;
- menilai perkembangan dalam kalangan IKBB yang penting dari segi sistemik serta kemungkinan implikasi terhadap sistem kewangan;
- mengukuhkan lagi pengaturan pengurusan krisis domestik melalui kerjasama yang rapat dengan pihak berkuasa dalam pengawalseliaan domestik yang lain serta agensi kerajaan; dan
- terus menggalakkan kerjasama serantau yang berkesan dan penyelarasan dalam pengawalan kewangan, penyeliaan bersepadu dan pengurusan krisis menerusi forum penyeliaan dan penglibatan Bank yang aktif dalam platform pelbagai hala untuk bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan.

3

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

75 Memastikan Pengantaraan yang Berkesan dan Cekap

77 *Rencana: Membangunkan Ekosistem Pembiayaan PKS*

84 Memperkukuh Industri Insurans dan Takaful

85 *Rencana: Pembaharuan dalam Industri Insurans Hayat dan Takaful Keluarga*

87 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Inklusif

89 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh

92 Memperkukuh Kesalinghubungan Malaysia Dengan Ekonomi Serantau dan Antarabangsa

93 Malaysia Sebagai Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa

96 *Rencana: Pempelbagaian Perniagaan dan Produk Perbankan Islam yang Didorong oleh Kontrak Syariah*

102 Pembangunan Modal Insan yang Berterusan

103 Keutamaan Penting Melangkah ke Hadapan

Sektor kewangan terus mencatat pertumbuhan dan pembangunan pada tahun 2013 untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk memenuhi keperluan ekonomi. Teras kepada perkembangan ini ialah pelaksanaan secara progresif strategi dan inisiatif yang terkandung dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Ekosistem pembiayaan terus diperkukuh bagi memastikan sektor kewangan terus memenuhi keperluan ekonomi Malaysia yang sentiasa berubah, dan pengantaraan kewangan kekal tidak tergugat dengan persekitaran ekonomi global yang lebih mencabar. Rangkuman kewangan terus disokong oleh pelbagai rangkaian saluran penyampaian, dan penawaran produk dan perkhidmatan yang baharu oleh penyedia perkhidmatan kewangan bagi memenuhi keperluan asas pengguna yang pelbagai dan sentiasa berubah.

Pelaksanaan secara progresif strategi dan inisiatif yang terkandung dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 terus menyokong pertumbuhan dan pembangunan sektor kewangan


Hubungan serantau dan antarabangsa terus berkembang apabila institusi kewangan di Malaysia mula mengembangkan operasi serantau untuk menyokong keperluan pembiayaan korporat yang semakin meningkatkan kehadiran mereka di luar negara. Kemasukan institusi kewangan asing yang baharu sejak beberapa tahun lalu telah menambah kepelbagaian serta bertujuan untuk mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif, dan menyumbang kepada keupayaan sistem kewangan domestik untuk menyokong transformasi ekonomi Malaysia. Rangka kerja integrasi Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) dan perkembangan kewangan Islam terus memperkukuh aspek serantau dan antarabangsa sektor kewangan. Pembangunan tenaga mahir untuk memacu sektor kewangan ke hadapan terus menjadi agenda penting pada tahun 2013 dan seterusnya. Seiring dengan pengukuhan pengaturan keinstitusian bagi memenuhi tuntutan landskap kewangan yang berubah-ubah, tumpuan kini adalah pada usaha untuk meningkatkan bekalan tenaga kerja berkaliber tinggi yang bercirikan standard profesionalisme, etika dan kualiti yang tinggi.

MEMASTIKAN PENGANTARAAN YANG BERKESAN DAN CEKAP

Pada tahun 2013, institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) terus menggembleng dana dengan berkesan untuk menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Pinjaman kepada isi rumah terus mencakupi sebahagian besar daripada aset pembiayaan dalam sistem perbankan, meningkat kepada 57.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul (2012: 56.4%). Kadar pertumbuhan pinjaman isi rumah yang baharu telah menjadi sederhana berikutan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Bank untuk mengukuhkan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab dalam persekitaran paras hutang isi rumah yang meningkat. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat kepada 42.1% daripada jumlah pembiayaan perniagaan pada akhir

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

tahun 2013 (2012: 40.5%). Pasaran sekuriti hutang dan sukuk terus menjadi saluran utama bagi sektor korporat untuk memperoleh pembiayaan, mencakupi 61.5% daripada jumlah pembiayaan korporat terkumpul (2012: 61%).

Pertumbuhan pembiayaan yang berterusan kepada PKS mencerminkan ekosistem pembiayaan yang kukuh di Malaysia yang telah dibangunkan melalui strategi yang terperinci dan menyeluruh yang dilaksanakan sejak penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada tahun 2004. Ini dihuraikan dengan lebih lanjut dalam rencana `Membangunkan Ekosistem Pembiayaan PKS´. Dana-dana khas sedia ada di bawah seliaan Bank juga terus memastikan ketersediaan pembiayaan kepada PKS pada kos yang berpatutan dalam sektor terpilih seperti makanan, perkilangan dan perkhidmatan. Pada akhir tahun 2013, pembiayaan berjumlah RM24.3 bilion telah diluluskan kepada lebih daripada 58,000 PKS di bawah dana-dana ini. Sokongan pembiayaan yang berterusan telah membolehkan syarikat-syarikat ini untuk tumbuh dan berkembang menjadi perusahaan-perusahaan yang besar. Pada tahun 2013, sebanyak 563 lagi akaun PKS yang secara kolektif telah menerima jumlah pembiayaan bernilai RM2.1 bilion ditakrifkan semula sebagai akaun perusahaan besar, sekali gus mencerminkan kejayaan inisiatif-inisiatif ini.

PKS terus mendapat sokongan daripada pembiayaan dan skim jaminan yang disediakan oleh Perbadanan Jaminan Kredit Malaysia Berhad (Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, CGC). Pada tahun 2013, CGC dengan kerjasama sebuah institusi kewangan Islam telah melancarkan Skim Jaminan Portfolio Islam (Skim) yang pertama, yang membolehkan PKS mendapat akses dengan cepat kepada kemudahan pembiayaan patuh Syariah dengan jumlah antara RM100,000 hingga RM800,000, dengan tempoh pembiayaan antara 36 hingga 84 bulan. Di bawah Skim ini, masa pusingan yang lebih cepat untuk kelulusan jaminan dan pengeluaran pinjaman dipermudah melalui suatu set kriteria kelayakan yang ditentukan terlebih dahulu dan prosedur permohonan serta dokumentasi yang mudah. Ciri-ciri ini dijangka akan menarik minat lebih banyak institusi kewangan Islam untuk menyertai Skim yang disasarkan untuk memberikan manfaat kepada sehingga 1,500 PKS. CGC telah melancarkan dua skim jaminan lain, Enhancer Bumi dan Enhancer Bumi-i, yang memudahkan akses kepada pembiayaan untuk PKS Bumiputera dengan menyediakan jaminan sehingga 90% daripada pembiayaan, pada fi jaminan yang kompetitif. Di bawah Enhancer Bumi, sasaran CGC adalah bagi menyediakan jaminan untuk pembiayaan bernilai RM80 juta kepada 200 PKS pada tahun 2014.

Perusahaan mikro terus menerima sokongan pembiayaan daripada sektor kewangan di bawah skim Pembiayaan Mikro. Sejak ditubuhkan pada tahun 2006, jumlah pembiayaan sebanyak RM2.4 bilion telah diluluskan kepada lebih daripada 150,000 akaun pembiayaan mikro. Masa pemprosesan purata bagi permohonan pembiayaan di bawah skim tersebut telah bertambah baik kepada lima hari (daripada tujuh hari sebelumnya), mencerminkan proses yang terus dipermudah dan bank serta IKP pula semakin biasa dengan penilaian kredit untuk kumpulan peminjam ini.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan keupayaan institusi kewangan bagi menyokong aktiviti nilai tambah yang tinggi, Bank terus memudahkan sesi perbincangan dan interaksi serta perkongsian ilmu pengetahuan supaya institusi kewangan memahami dengan lebih baik keperluan pembiayaan dan prospek perniagaan perusahaan yang inovatif, dan menyediakan saluran untuk berdialog mengenai produk dan perkhidmatan yang diperlukan oleh perusahaan-perusahaan ini. Pada bulan Mei 2013, Bank, bersama-sama dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia, menganjurkan Sidang Meja Bulat mengenai Penilaian Harta Intelek (Intellectual Property, IP) bagi membincangkan isu-isu berkaitan penggunaan IP sebagai cagaran dan kaedah yang digunakan untuk menilai IP. Ini bertujuan untuk merintis jalan bagi institusi perbankan mempertimbangkan alternatif yang berdaya maju kepada aset tradisional yang boleh diterima sebagai cagaran untuk pembiayaan.

Usaha akan terus dijalankan untuk meningkatkan keupayaan institusi kewangan bagi menyokong aktiviti nilai tambah yang tinggi

Satu lagi bidang pertumbuhan penting yang terus disokong oleh Bank ialah pembiayaan untuk teknologi hijau. Pada akhir tahun 2013,

Membangunkan Ekosistem Pembiayaan PKS

Pengenalan


Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan komponen penting ekonomi Malaysia, yang menyumbang sepertiga daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan menyediakan pekerjaan kepada lebih daripada empat juta pekerja atau 60% daripada jumlah guna tenaga (Gambar Rajah 1). Berdasarkan data banci terkini yang dikumpulkan pada tahun 2011, bilangan PKS berkembang sebanyak 20% kepada lebih daripada 662,000 berbanding dengan data banci terdahulu pada tahun 2005. PKS mencakupi 97.3% (2005: 99.2%) daripada jumlah pertubuhan perniagaan. Pembangunan sektor PKS adalah penting bagi memastikan pertumbuhan yang seimbang dan kemakmuran dikongsi bersama dalam peralihan negara menjadi ekonomi yang bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Secara khusus, sektor ini menyumbang dengan ketara kepada pembasmian kemiskinan disebabkan perusahaan mikro mencakupi lebih tiga perempat daripada jumlah PKS. Sektor ini merupakan sumber pendapatan dan pekerjaan sendiri yang penting bagi isi rumah berpendapatan rendah, terutamanya di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Gambar Rajah 1

Sumbangan PKS kepada Ekonomi


Bilangan perusahaan

(% daripada jumlah perusahaan)




Sumbangan kepada KDNK

(%)



Sumbangan kepada Guna Tenaga

(Bilangan pekerja; % daripada jumlah tenaga kerja)




Menyedari pentingnya sumbangan PKS kepada pertumbuhan yang mampan, Bank telah bekerjasama dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan sejak tahun 2001 untuk menyusun rangka kerja yang menyeluruh dan terselaras bagi pembangunan sektor ini. Bagi menerajui usaha ini, pada bulan Jun 2004 Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ditubuhkan sebagai badan penggubal dasar tertinggi bagi pembangunan PKS. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan terdiri

daripada 16 Kementerian dan agensi utama. MPPK memainkan peranan penting dalam usaha memacu dasar, memantau pelaksanaan program pembangunan serta meningkatkan kualiti dan akses kepada maklumat bagi memaklumkan keputusan dasar dan perniagaan. Fokus penting MPPK adalah pada usaha menggalakkan akses yang lebih luas kepada pembiayaan dan meneruskan inisiatif untuk membina dan mengukuhkan keupayaan PKS agar dapat berkembang dan maju.

MPPK menerajui beberapa inisiatif utama seperti pewujudan asas data PKS kebangsaan melalui Banci PKS pada tahun 2005 serta penggunaan definisi seragam bagi memberikan fokus yang lebih jelas untuk program pembangunan. Definisi PKS telah disemak baru-baru ini untuk menunjukkan perubahan dalam struktur ekonomi, trend perniagaan dan penunjuk saiz terlaras inflasi. Ini akan memastikan dasar dan program ditumpukan pada segmen sasaran. Sejajar dengan agenda transformasi ekonomi negara, MPPK terus memberikan fokus pada usaha mewujudkan persekitaran yang diperlukan untuk kemajuan PKS serta memupuk dan membangunkan keupayaan PKS agar berdaya maju dari segi komersial dan dapat bersaing dalam pasaran global.

Gambar Rajah 2

Perkembangan Ekosistem Pembiayaan PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank berfungsi sebagai Sekretariat MPPK sehingga tahun 2008, apabila peranan tersebut diambil alih oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Small and Medium Industries Development Corporation, SMIDEC), yang kemudiannya ditransformasikan pada tahun 2009 menjadi SME Corporation Malaysia (SME Corp). SME Corp bertindak sebagai agensi penyelaras pusat untuk dasar dan program PKS merentas Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia juga berfungsi sebagai pusat rujukan setempat untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat.

Satu elemen penting dalam rangka kerja pembangunan yang menyeluruh ini ialah ekosistem pembiayaan yang inklusif. Ini merangkumi pengaturan keinstitusian yang berkesan untuk pembiayaan dan pembangunan melalui penyediaan skim khusus; saluran untuk maklumat, nasihat dan bantuan penyelesaian serta pengurusan dan penyelesaian hutang; dan program jangkauan.

Membina Asas Ekosistem Pembiayaan PKS

Peringkat awal pembinaan ekosistem pembiayaan melibatkan pembangunan infrastruktur utama dan pengaturan keinstitusian yang meningkatkan akses kepada pembiayaan di samping menggalakkan budaya kredit yang kukuh. Antara inisiatif yang diperkenalkan oleh Bank termasuk garis panduan Piagam Pelanggan PKS yang meningkatkan piawaian kecekapan dan keberkesanan dalam penyediaan perkhidmatan kewangan kepada usahawan. Piawaian ini telah ditingkatkan lagi pada tahun-tahun kebelakangan ini di bawah inisiatif ABMPARTNER, yang telah memperkemas proses permohonan dan masa yang diambil untuk meluluskan permohonan bagi seluruh industri kewangan. Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) juga telah memainkan peranan yang penting dalam usaha meningkatkan keupayaan institusi perbankan untuk menjalankan penilaian kredit dan memantau prestasi peminjam. Usaha ini dilengkapkan oleh Biro Kredit Malaysia (Credit Bureau Malaysia) yang membolehkan penyediaan rekod kredit, yang seterusnya akan meningkatkan prospek PKS untuk mendapatkan pembiayaan.

Pada tahun 2006, Skim Pembiayaan Mikro diperkenalkan di bawah Rangka Kerja Pembiayaan Mikro Kebangsaan. Skim ini membolehkan akses yang pantas, mudah dan senang kepada pembiayaan perniagaan tanpa cagaran daripada institusi kewangan peserta (participating financial institutions, PFI), sekali gus mengatasi masalah yang timbul akibat kekurangan rekod kredit dan cagaran yang sering menghalang PKS daripada layak menerima dan mendapat kemudahan pembiayaan. Platform penjenamaan bersama telah membolehkan skim ini mencapai skala dan meluaskan jangkauannya kepada usahawan mikro di seluruh negara. Di bawah skim ini, PFI mengurus dedahan risiko kredit masing-masing dengan memberikan lebih penekanan pada penilaian daya maju perniagaan dan pola aliran tunai peminjam. Di samping itu, jumlah pembiayaan yang diberikan akan bertambah mengikut peredaran masa apabila rekod kewangan pembayaran balik oleh peminjam bertambah baik. PFI turut diberikan akses kepada pendanaan pada kos yang lebih rendah daripada Tabung Usahawan Mikro Bank Negara Malaysia. Kemampanan skim ini terus disokong oleh jaminan daripada Credit Guarantee Corporation (CGC) yang meliputi kumpulan peminjam dengan profil risiko yang serupa serta keupayaan PFI untuk menentukan kadar pembiayaan yang mencerminkan risiko ditanggung. PFI yang berpengalaman juga telah menghasilkan produk yang diubah suai bagi memenuhi keperluan peminjam kecil. Sebagai contoh, produk pembiayaan tertentu dipakejkan bersama latihan dalam pengurusan kewangan dan khidmat nasihat yang disediakan oleh PFI atau dengan kerjasama agensi lain seperti SME Corp. Khidmat nilai ditambah sedemikian akan membantu perusahaan mikro mengurus perniagaan masing-masing dengan lebih baik, seterusnya menyumbang kepada kemampanan skim ini.

Skim Pembiayaan Mikro melengkapi program pembiayaan mikro tajaan Kerajaan yang lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN). Sejak diwujudkan, pembiayaan berjumlah RM2.4 bilion telah diluluskan di bawah skim ini, yang disokong oleh lebih daripada 2,400 pusat akses kewangan di seluruh negara. Pada akhir tahun 2013, bilangan akaun di bawah skim ini ialah sebanyak 68,000 dengan jumlah pembiayaan terkumpul bernilai RM857 juta.

Skim jaminan turut memainkan peranan penting yang membolehkan PKS yang berdaya maju tetapi tidak mempunyai cagaran yang mencukupi atau rekod kewangan untuk memperoleh pembiayaan. Sehubungan dengan itu, CGC ditubuhkan pada tahun 1972 untuk mempelopori penyediaan skim jaminan dan sejak itu telah membangunkan rangkaian pelbagai produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan PKS melalui cawangan yang meluas di seluruh negara. Sehingga kini, CGC telah membantu lebih daripada 417,100 PKS untuk memperoleh pembiayaan bernilai RM50.3 bilion. Baru-baru ini, penggunaan model penentuan harga berasaskan risiko dan penawaran jaminan portfolio telah membolehkan CGC terus memperluas jangkauannya kepada lebih banyak PKS yang berdaya maju. Perbadanan ini turut memberikan ganjaran rebat kepada peminjam yang mempunyai rekod pembayaran balik yang cemerlang sebagai insentif tambahan. CGC telah mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh dalam usaha melaksanakan mandatnya, yang membolehkannya membayar balik pinjaman mengikut jadual sebanyak RM2.2 bilion yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia, termasuk pinjaman sebanyak RM300 juta, yang antaranya, RM150 juta dibayar balik dan bakinya ditukarkan kepada ekuiti. Ini juga menunjukkan bahawa dengan adanya struktur yang sesuai dan proses tadbir urus yang wajar, inisiatif dasar berserta mandat sosial boleh dilaksanakan secara mampan dari segi kewangan.

Dengan adanya struktur yang sesuai dan proses tadbir urus yang wajar, inisiatif dasar berserta mandat sosial boleh dilaksanakan secara mampan dari segi kewangan

Institusi kewangan pembangunan (IKP) memainkan peranan penting dalam usaha menyokong sektor yang diutamakan. Antara institusi sedemikian termasuk Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank) yang memberikan perkhidmatan kepada PKS merentas semua sektor, Bank Simpanan Nasional yang memfokuskan penyediaan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro, dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) yang memberikan perkhidmatan kepada usahawan dalam sektor pertanian. Sejak tanggungjawab untuk mengawal dan menyelia institusi-institusi ini diletakkan di bawah kawal selia Bank menurut Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, pelbagai langkah telah diambil untuk mengukuhkan dengan ketara kapasiti dan keupayaan institusi-institusi ini melaksanakan mandat masing-masing dengan lebih baik secara mampan. Rangka kerja kehematan yang dirangka khusus telah dilaksanakan untuk menggalakkan tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan kehematan kewangan yang kukuh. Pada akhir tahun 2013, jumlah pembiayaan terkumpul oleh IKP mencapai RM13.3 bilion, yang disalurkan kepada 101,865 akaun pembiayaan. Kedudukan kewangan IKP telah bertambah baik dengan begitu ketara. Antara tahun 2005 hingga 2013, pembiayaan terjejas bersih yang dicatat bertambah baik daripada 10.4% kepada 5.6% dan kedudukan modal kekal kukuh pada 20.9% pada akhir tahun 2013 (akhir tahun 2008: 22.4%).

Bank juga telah menyediakan dana khas bagi memastikan ketersediaan dana pada kos yang berpatutan. Antara dana ini ialah Tabung untuk Makanan, Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i), Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2, Tabung Usahawan Baru 2 dan Tabung Usahawan Mikro yang menyediakan sokongan pembiayaan untuk PKS dalam sektor tertentu termasuk bidang pertumbuhan baharu. Dengan peruntukan permulaan sebanyak RM11.4 bilion, lebih daripada 58,000 PKS telah menerima pembiayaan daripada dana-dana ini. Pada asas pusingan, jumlah pembiayaan yang diberikan setakat ini berjumlah RM24 bilion kerana pembayaran balik pembiayaan disalurkan semula untuk membiayai pinjaman baharu. Pada tahun 2009, Bank memperkenalkan TPUB-i yang diurus oleh CGC untuk menyediakan pembiayaan kontrak atau projek kepada usahawan Bumiputera dengan peruntukan permulaan sebanyak RM300 juta. Pada akhir bulan Disember 2013, pembiayaan berjumlah RM418 juta telah diluluskan, dengan manfaatnya dinikmati oleh lebih daripada 700 usahawan Bumiputera. Kualiti aset kekal stabil disebabkan oleh proses penilaian kredit yang diperkukuh dengan menggunakan analisis aliran tunai berserta proses pemulihan yang giat dilaksanakan.

Langkah-langkah turut dilaksanakan untuk membantu PKS menghadapi cabaran yang timbul akibat krisis ekonomi dan kewangan serta bencana alam. Semasa Krisis Kewangan Global berlaku pada tahun 2008-2009, lebih daripada 10,500 PKS menerima bantuan melalui pelbagai saluran termasuk Skim Jaminan Modal Kerja, Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri, serta Kemudahan Bantuan PKS dan Kemudahan Pemodenan PKS. Bagi meningkatkan kemudahan jaring keselamatan dan bantuan kecemasan akibat bencana alam, SME Corp telah menyediakan Dana Kecemasan PKS sebanyak RM10 juta. Institusi-institusi kewangan turut tampil menghulurkan bantuan kewangan dalam bentuk yang lain, termasuk moratorium sementara untuk pembayaran balik pembiayaan, seperti yang ditunjukkan semasa banjir melanda pada bulan Disember 2013. Sokongan yang serupa diberikan di bawah Kemudahan Jaminan Bantuan Khas kepada 4,640 PKS yang terjejas akibat banjir yang berlaku sebelum itu pada tahun 2007.

Sempadan Pembiayaan PKS yang Kian Meluas

Bermanfaatkan asas kukuh yang disediakan oleh langkah-langkah terdahulu untuk memastikan akses kepada pembiayaan, fokus dasar telah beralih ke arah usaha memudahkan pembiayaan untuk bidang pertumbuhan baharu selain meningkatkan keupayaan dan potensi pertumbuhan melalui khidmat nasihat dan pendidikan kewangan.

Bank, bersama-sama dengan sektor kewangan, agensi Kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain telah bekerjasama untuk merangsang pelaburan dan pembiayaan untuk bidang pertumbuhan baharu seperti pembiayaan hijau serta sektor inovatif dan strategik yang lain. Bank menyediakan kemudahan melalui pelbagai saluran untuk mempertemukan syarikat perniagaan dan pembiaya bagi mewujudkan pemahaman yang lebih baik mengenai dinamik pembiayaan yang diperlukan dalam bidang baharu ini. Saluran ini termasuklah Forum Pembiayaan Teknologi Hijau dan seminar yang diadakan dengan kerjasama Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) bagi menggalakkan dialog dan meningkatkan kesedaran mengenai penyelesaian transformatif untuk pembiayaan teknologi hijau. Sokongan untuk kemudahan pembiayaan dalam bidang pertumbuhan baharu pada masa ini merangkumi Skim Pembiayaan Teknologi Hijau yang diwujudkan pada tahun 2010 dengan dana berjumlah RM3.5 bilion untuk

Gambar Rajah 3

Penunjuk Utama Pembiayaan PKS

	2003[1]	2006[2]	2013[2]
Pembiayaan PKS terkumpul dalam RM juta (Bilangan akaun)	81,995 (406,086)	117,631 (615,634)	212,900 (676,144)
Pembiayaan Mikro terkumpul dalam RM juta (Bilangan akaun)	-	84 (10,181)	857 (68,360)
Pembiayaan teknologi hijau di bawah GTFS dalam RM juta (Bilangan akaun)	-	-	1,580 (120)
% kepada jumlah pembiayaan perniagaan	38.4	44.5	42.1
Saiz purata pembiayaan PKS (RM)	202,000	191,000	315,000
Nisbah hutang tertunggak (%)	14.5	10.4	3.8

[1] Merujuk kepada institusi perbankan sahaja
[2] Merangkumi institusi perbankan dan IKP

Sumber: Bank Negara Malaysia


memudahkan pembiayaan dalam sektor tenaga, bangunan, pengurusan air dan bahan buangan, dan pengangkutan. Selain itu, Dana Industri Kreatif berjumlah RM200 juta dilancarkan untuk merangsang aktiviti komersial dalam industri kreatif, dan Skim Pembiayaan PKS-Islamik berjumlah RM2 bilion diwujudkan untuk memenuhi keperluan pelbagai sektor inovatif.

Dengan ekosistem pembiayaan yang semakin kompleks, ketersediaan saluran untuk PKS mendapatkan maklumat dan bantuan penyelesaian menjadi bertambah penting. Saluran ini boleh didapati dengan meluas melalui institusi-institusi kewangan, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) dan SME Corp. Sokongan ini dilengkapkan lagi oleh Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB) sebagai saluran tambahan kepada peminjam untuk menyelesaikan pertikaian dengan institusi-institusi kewangan, serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menyediakan khidmat kaunseling dan pengurusan hutang kepada individu dan pemilik tunggal. Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS) diwujudkan oleh Bank pada tahun 2003 sebagai platform untuk membantu PKS menyelesaikan hutang dan untuk mengelakkan kegagalan membayar hutang. Sejak diwujudkan, skim ini telah membantu 875 PKS dan menyusun semula lebih daripada RM925 juta pinjaman terjejas.

Program jangkauan telah diperhebat untuk mendidik PKS terutamanya perusahaan mikro secara berterusan mengenai ketersediaan sumber pembiayaan, bantuan, dan syarat kelayakan. Dewan perniagaan dan persatuan terus mengendalikan Pusat Khidmat Bantuan Pembiayaan PKS di seluruh negara susulan program latihan yang diperkenalkan oleh Bank untuk kakitangan dan ahli persatuan sejak tahun 2011. Bank juga terus mengedarkan bahan pendidikan dan mengambil bahagian secara aktif dalam acara jangkauan yang dianjurkan oleh Kementerian dan agensi dengan kerjasama persatuan dan rakan kongsi strategik yang lain.

Gambar Rajah 4

Rangka Kerja Pembangunan PKS yang Menyeluruh



Sumber: Bank Negara Malaysia dan SME Corporation Malaysia

Pendekatan yang komprehensif dan kolaboratif untuk membangunkan ekosistem pembiayaan telah memberikan hasil yang nyata. Jumlah pembiayaan telah meningkat sekali ganda sepanjang sedekad yang lalu, manakala kualiti pembiayaan telah bertambah baik dengan ketara, daripada nisbah pinjaman terjejas sebanyak 14.5% pada tahun 2003 kepada 3.8% pada tahun 2013. Amalan pembiayaan yang bertanggungjawab oleh institusi-institusi kewangan, serta pelanggan yang mempunyai lebih banyak maklumat dan bertanggungjawab mendapatkan dan menggunakan kemudahan pembiayaan, juga telah menyumbang kepada profil risiko peminjam yang lebih baik. Perkembangan ini telah meletakkan Malaysia pada kedudukan pertama bagi kategori `Mendapatkan Kredit´ dalam laporan `Doing Business´ oleh Bank Dunia untuk enam tahun berturut-turut sejak tahun 2009. Malaysia juga berada pada kedudukan tempat kelima yang diberikan oleh Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum) untuk `Kemudahan Akses kepada Pinjaman´.

Melangkah ke hadapan, sokongan berterusan terhadap pembangunan sektor ini kekal sebagai sesuatu yang amat penting bagi transformasi ekonomi Malaysia. Pelan Induk PKS 2012-2020 (PIPKS) menekankan kepentingan sektor ini sebagai sektor strategik untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi dan bernilai tambah tinggi di samping mengekalkan pertumbuhan yang seimbang dan inklusif. Dengan pelan-pelan tindakan diarahkan pada bidang fokus seperti teknologi dan inovasi, pemasaran, modal insan dan keusahawanan, infrastruktur, persekitaran undang-undang dan pengawalseliaan, serta akses kepada pembiayaan, sumbangan sektor ini kepada KDNK diunjurkan meningkat kepada 41% pada tahun 2020. Hal ini dilengkapkan oleh saranan di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 (PSK) yang menyasarkan untuk membangunkan dan meluaskan lagi ekosistem pembiayaan. Dengan kejayaan pelaksanaan PIPKS dan PSK, PKS akan terus menjadi peneraju utama bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

jumlah pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme) meningkat kepada RM1.6 bilion (2012: RM1.1 bilion), dengan pembiayaan diberikan kepada 120 syarikat. Hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Bank pada bulan Januari 2013 mendapati bahawa 36 bank atau 58% daripada keseluruhan institusi perbankan, termasuk IKP, menyertai pembiayaan teknologi hijau, dengan 10 lagi bank menunjukkan minat untuk menyokong pembiayaan teknologi hijau di bawah pelan perniagaan mereka dalam tempoh tiga tahun yang akan datang. Beberapa bank juga telah meluaskan lagi produk yang ditawarkan oleh mereka pada tahun 2013 untuk menyokong syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti yang mesra alam sekitar serta melaksanakan pemasangan sistem *photovoltaic* di rumah. Trend ini dijangka berterusan dengan peningkatan pengetahuan dan pengalaman institusi kewangan dalam pembiayaan teknologi hijau.

Bank juga menambah baik kualiti dan liputan maklumat mengenai aktiviti pembiayaan teknologi hijau dan prestasinya, bermula dengan pelaporan penunjuk utama mengenai trend dan prestasi pembiayaan teknologi hijau oleh institusi kewangan. Maklumat ini perlu dikemukakan setiap tahun bermula pada tahun 2014 dan selanjutnya. Maklumat yang diperoleh daripada pelaporan ini akan digunakan sebagai input untuk membangunkan dan menghalusi strategi dasar dan maklumat yang berkaitan dikongsi bersama dengan industri untuk menyokong aktiviti pembiayaan. Bank juga akan terus berhubung rapat dengan Kerajaan dan pihak berkepentingan yang utama yang lain untuk memudahkan pendekatan yang holistik kepada pembangunan industri teknologi hijau bagi merealisasikan potensi industri ini sepenuhnya sebagai industri pertumbuhan masa hadapan di Malaysia.

MEMPERKUKUH INDUSTRI INSURANS DAN TAKAFUL

Industri insurans dan takaful telah berkembang sejak beberapa tahun yang lalu untuk menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Industri ini mencatat pertumbuhan premium dan caruman bersih yang positif pada purata 8.9% setiap tahun dari tahun 2003 hingga 2013. Keseluruhan aset yang digabung bagi industri insurans dan takaful juga meningkat sebanyak 7.3% kepada RM230.2 bilion. Premium dan caruman bersih yang dikutip oleh industri insurans dan takaful pada tahun 2013 mencakupi sebanyak 4.9% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Bagi industri insurans hayat dan takaful keluarga, jumlah bilangan polisi yang berkuat kuasa sebagai peratusan daripada jumlah penduduk telah meningkat daripada 40.9% pada tahun 2003 kepada 53.1% pada tahun 2013. Industri ini kini lebih berdaya saing dengan pengaturan keinstitusian yang lebih kukuh, termasuk rangkaian pengantara dan saluran edaran yang menyampaikan pelbagai produk kepada pengguna. Kemajuan dalam rangka kerja pengawalan dan penyeliaan telah memastikan bahawa pertumbuhan dalam sektor insurans dan takaful juga disokong oleh sumber kewangan yang mencukupi dan amalan pengurusan risiko yang mantap.

Berlandaskan perkembangan ini, Bank telah menerbitkan satu kertas konsep mengenai Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (Rangka Kerja) pada bulan November 2013 untuk merintis jalan bagi kuasa pasaran berfungsi dengan lebih berkesan dalam usaha menggalakkan lagi kecekapan operasi dan inovasi yang lebih tinggi dalam industri ini. Ini seterusnya akan menyumbang kepada penembusan insurans dan takaful yang lebih tinggi. Rangka Kerja ini menggariskan cadangan-cadangan untuk meningkatkan fleksibiliti operasi kepada penanggung insurans dan pengendali takaful sambil meningkatkan manfaat kepada pengguna, mempelbagaikan lagi saluran penyampaian, mengukuhkan penzahiran maklumat kepada pengguna dan mendorong standard profesional yang lebih tinggi dalam kalangan pengantara. Maklumat lanjut mengenai Rangka Kerja ini dihuraikan dalam rencana `Pembaharuan dalam Industri Insurans Hayat dan Takaful Keluarga´.

Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga akan merintis jalan bagi kuasa pasaran untuk berfungsi dengan lebih berkesan dalam usaha menggalakkan lagi kecekapan operasi dan inovasi yang lebih tinggi dalam industri ini

Dalam sektor insurans dan takaful am, Bank masih menumpukan pada pencapaian objektif

Pembaharuan dalam Industri Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Pada bulan November 2013, Bank membentangkan cadangan untuk melaksanakan pakej pembaharuan dalam industri insurans hayat dan takaful keluarga yang bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan saluran penyampaian serta menggalakkan inovasi produk pada tahap yang lebih tinggi. Cadangan itu, yang digariskan dalam kertas konsep mengenai Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (Rangka Kerja), dijangka memberi pengguna pengalaman yang lebih baik dan mendorong produktiviti yang lebih tinggi dalam sektor insurans, sekali gus menyumbang kepada paras penembusan produk insurans hayat dan takaful keluarga yang lebih tinggi di Malaysia (rujuk Jadual 1).

Jadual 1

Ringkasan Cadangan di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Memberikan fleksibiliti operasi yang lebih tinggi	Meningkatkan keberkesanan saluran penyampaian	Memperkasakan pengguna dan meningkatkan profesionalisme pengantara
• **Memansuhkan had kos operasi yang terpakai untuk produk berkaitan pelaburan dalam bentuk komisen dan perbelanjaan berkaitan agensi** ↳ Untuk memelihara nilai pemegang polisi, peratusan tertentu daripada premium/caruman mesti diperuntukkan kepada unit dana pemegang polisi/peserta sebelum apa-apa bayaran caj • **Memansuhkan had komisen untuk produk perlindungan asas (produk hayat sementara, perubatan dan kesihatan serta penyakit kritikal) dengan syarat penanggung insurans dan pengendali takaful menawarkan produk tersebut melalui saluran edaran langsung**	• **Menyelaraskan had komisen bagi bankasurans dan ejen korporat** • **Memberikan insentif untuk perkembangan penasihat kewangan (financial adviser, FA) dengan:** i. **Mengurangkan keperluan modal berbayar daripada RM100,000 kepada RM50,000** ii. **Menambah senarai kelayakan yang diiktiraf** iii. **Memastikan FA mempunyai akses yang luas kepada rangkaian produk yang boleh disyorkan bagi memenuhi keperluan dan keutamaan pengguna**	• **Melaksanakan kad skor seimbang (balanced scorecard) untuk ganjaran pengantara** • **Meningkatkan standard penzahiran produk untuk membantu pengguna membuat keputusan** • **Memperkenalkan pengagregat produk (product aggregator) untuk membantu dalam perbandingan produk** • **Memperkenalkan akaun insurans/takaful dalam talian bagi menyediakan maklumat tentang status polisi** • **Memansuhkan had ke atas skim pembiayaan agensi**

Cadangan tersebut menyokong tiga teras utama seperti yang berikut:

(i) Memberikan fleksibiliti operasi yang lebih tinggi

Pemansuhan had operasi yang ditetapkan bagi ganjaran agensi dan perbelanjaan pengurusan bertujuan untuk menggalakkan pelaburan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dalam pembangunan produk baharu dan inovatif yang ditawarkan. Ini dijangka dapat dicapai apabila penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menjadi lebih fleksibel dalam pengurusan perbelanjaan operasi mereka. Bagi memudahkan peralihan yang teratur ke arah persekitaran yang lebih liberal, fleksibiliti ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan perlindungan yang wajar untuk melindungi pengguna. Pada peringkat awal, had operasi akan dimansuhkan untuk produk berkaitan pelaburan dan produk perlindungan asas. Bagi memastikan premium/caruman polisi dipelihara supaya nilai untuk pemegang polisi diwujudkan dan tidak terjejas akibat perbelanjaan agensi dan pengurusan yang berlebihan, sebahagian premium/caruman (sebelum caj) yang minimum perlu diperuntukkan kepada dana pemegang polisi yang diasingkan untuk pelaburan. Fleksibiliti ini akan diperluas secara progresif pada rangkaian produk yang lebih banyak, bergantung pada persaingan yang berkesan dan tumpuan yang mencukupi oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga bagi menjaga kepentingan pemegang polisi.

(ii) Meningkatkan keberkesanan saluran penyampaian

Penggunaan bankasurans akan terus digalakkan melalui kajian semula ke atas struktur komisen,

manakala saluran penasihat kewangan akan terus dibangunkan untuk melengkapkan tenaga agensi dalam usaha memberikan khidmat kepada pengguna dalam segmen produk insurans hayat dan takaful keluarga yang lebih kompleks. Langkah ini akan menggalakkan kepelbagaian saluran penyampaian kepada pengguna bagi mengakses produk melalui saluran yang paling mudah, berkesan dari segi kos dan sesuai dengan keperluan mereka, dan sekali gus memastikan pelbagai lapisan masyarakat diberikan khidmat yang memuaskan.

(iii) Memperkasakan pengguna dan meningkatkan profesionalisme pengantara

Bagi meningkatkan kualiti nasihat dan perkhidmatan yang disediakan oleh pengantara kepada pemegang polisi, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga akan diberikan lebih fleksibiliti untuk memberikan ganjaran kepada pengantara melalui sistem ganjaran yang berbeza berdasarkan produktiviti, profesionalisme, kualiti perkhidmatan dan kelayakan yang dicapai. Keadaan ini dijangka dapat meningkatkan standard profesional pengantara melalui penyediaan insentif yang kukuh untuk menaikkan tahap kemahiran mereka dan meningkatkan nilai tambah kepada pengguna. Peningkatan tahap kemahiran pengantara juga akan menambah peluang mereka untuk mengembangkan perniagaan. Selain menambah baik kualiti nasihat, sokongan kepada pengguna untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi akan diperkukuh melalui standard penzahiran yang lebih tinggi, pewujudan pengagregat produk dalam talian dan pengenalan akaun dalam talian. Ini bagi menyediakan maklumat yang berkaitan dan tepat pada masanya kepada pengguna dalam bentuk yang menggalakkan perbandingan antara produk dan penyedia perkhidmatan. Langkah ini akan disokong oleh pendidikan kewangan dan inisiatif kesedaran yang berterusan bagi mengukuhkan keupayaan kewangan pengguna.

Landskap masa hadapan

Rangka Kerja ini dijangka dapat meningkatkan standard operasi seluruh industri, memenuhi keperluan seluruh lapisan pengguna melalui produk dan perkhidmatan yang berinovasi, saluran penyampaian yang pelbagai dan penzahiran produk sewajarnya yang disokong oleh nasihat yang berkualiti. Ini akan disokong oleh pelaksanaan inisiatif pemerkasaan pengguna yang berterusan supaya pengguna dapat memahami keperluan insurans hayat dan takaful keluarga mereka (rujuk Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1

Ciri yang Dikehendaki bagi Industri Insurans Hayat dan Takaful Keluarga di bawah Landskap Masa Hadapan



Maklum balas tentang Rangka Kerja

Sepanjang tempoh rundingan selama dua bulan yang berakhir pada 9 Januari 2014, Bank telah menerima maklum balas daripada 254 responden. Bank sedang mengkaji semua maklum balas tersebut dan akan berbincang selanjutnya dengan pihak berkepentingan yang utama sebelum Rangka Kerja itu dimuktamadkan.

serampang dua mata yang ditetapkan di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu yang diperkenalkan pada tahun 2011, iaitu untuk meningkatkan kecekapan dalam proses penyelesaian tuntutan motor dan memastikan akses berterusan kepada perlindungan insurans dan takaful motor secara berdaya maju. Pada tahun 2013, inisiatif selanjutnya telah dilaksanakan untuk tujuan ini, termasuk:

- **Pelaksanaan pusingan kedua daripada empat pusingan pelarasan premium motor yang berkuat kuasa mulai bulan Februari 2013.** Pelarasan ini adalah sebahagian daripada peralihan ke arah satu mekanisme penentuan harga yang berasaskan pasaran untuk risiko insurans dan takaful motor menjelang tahun 2016. Pelarasan premium tahunan polisi pihak ketiga untuk sebahagian besar motosikal dan kereta persendirian adalah antara RM2 hingga RM34, serupa dengan tahap pelarasan yang dilaksanakan pada tahun 2012;
- **Penubuhan Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan (Accident Assist Call Centre, Accident Assist) yang mula beroperasi pada 3 Jun 2013**. Accident Assist menyediakan perkhidmatan awam kepada mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya dengan memudahkan pemberitahuan tuntutan awal kepada penanggung insurans dan pengendali takaful, dan menghubungkan pemilik kenderaan dengan bengkel membaiki kenderaan yang diluluskan. Akses 24 jam kepada Accident Assist disediakan bagi orang ramai melalui nombor talian *hotline* 1300-22-1188 bagi perkhidmatan berikut yang disediakan di seluruh negara:
  - Bantuan untuk mendapatkan perkhidmatan kecemasan di tepi jalan seperti mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel yang diluluskan;
  - Maklumat tentang cara membuat tuntutan insurans atau takaful motor; dan
  - Maklumat tentang hospital, balai polis, balai bomba dan bengkel yang diluluskan yang berdekatan dengan lokasi kemalangan jalan raya;
- **Pembentukan dan penyebarluasan Panduan Tuntutan Motor (Panduan) yang mengandungi maklumat penting tentang cara membuat tuntutan insurans atau takaful motor.** Panduan ini, yang kini boleh didapati secara elektronik di laman sesawang Bank, Persatuan Insurans Am Malaysia dan Persatuan Takaful Malaysia, bertujuan untuk membantu pemilik kenderaan dan mangsa kemalangan jalan raya melalui proses tuntutan motor dengan lebih yakin dan melindungi mereka daripada amalan penipuan dan ugutan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab selepas sesuatu kemalangan. Panduan ini juga akan disediakan di pusat perhubungan orang ramai yang utama di seluruh negara pada tahun 2014, termasuk hospital Kerajaan dan balai polis.

Setakat ini, lapan daripada 11 inisiatif yang dikenal pasti di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu telah dilaksanakan. Secara kolektif, inisiatif tersebut telah menyumbang kepada penambahbaikan proses dan amalan penyelesaian tuntutan, sebagaimana yang diperhatikan dalam pengurangan masa purata yang diambil untuk menyelesaikan tuntutan kecederaan anggota pihak ketiga pada tahun 2013, sehingga tiga bulan berbanding dengan masa yang diambil pada tahun 2011.

Sebagai sebahagian daripada langkah ke arah sistem penentuan harga dan sistem insentif yang lebih berorientasikan pasaran dalam sektor insurans dan takaful am, langkah-langkah juga sedang diambil untuk meningkatkan lagi kecekapan pengunderaitan dan mengatasi kenaikan kos, khususnya mengawal kos yang berkaitan dengan penipuan dan penyelewengan. Ini termasuk pengaturan untuk menyokong perkongsian maklumat yang lebih berkesan dalam kalangan peserta industri bagi memantau dan mencegah aktiviti penipuan. Ini akan dapat membendung peningkatan kos tuntutan akibat amalan tidak bertanggungjawab yang ditanggung oleh industri dan akhirnya dipindahkan kepada pengguna melalui premium yang lebih tinggi. Langkah-langkah mengawal kos sedemikian adalah penting untuk memastikan bahawa premium insurans dan caruman takaful kekal mampu dalam jangka panjang dalam persekitaran penentuan harga yang berasaskan pasaran.

MENGGALAKKAN SISTEM KEWANGAN YANG INKLUSIF

Memastikan semua segmen penduduk mempunyai peluang untuk menyertai sistem kewangan formal terus menjadi agenda penting Bank. Pada tahun 2013, Bank terus menggalakkan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kewangan melalui pelbagai saluran penyampaian dan menyokong penggunaan

perkhidmatan kewangan yang lebih berkesan melalui pengembangan dalam rangkaian produk dan perkhidmatan yang diubah suai mengikut keperluan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Hasilnya, bilangan akaun deposit bagi setiap 10,000 orang dewasa terus meningkat kepada 32,846 (2012: 30,735) pada akhir tahun 2013.

Inisiatif yang bertujuan untuk meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan mencapai kejayaan yang ketara pada tahun 2013. Rangka Kerja Perbankan Ejen, selepas hanya lebih setahun pelaksanaannya, memberikan kesan yang penting dalam usaha memberikan perkhidmatan kewangan kepada rakyat Malaysia di seluruh negara. Semua daerah dan kawasan Parlimen kini mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan asas. Jumlah mukim yang menerima perkhidmatan kewangan telah meningkat kepada 92.5% (2011: 46.4%), jauh melebihi paras sasaran 90% menjelang akhir tahun 2014. Jumlah Dewan Undangan Negeri yang menerima perkhidmatan kewangan juga telah meningkat kepada 99.8% (2011: 72.9%) dan dijangka mencapai 100% pada bulan Mac 2014. Bank ejen telah mendapat sambutan yang menggalakkan, dengan manfaat yang jelas untuk semua pihak yang terlibat. Kos penubuhan yang lebih rendah memberikan penjimatan yang besar kepada institusi kewangan, ejen telah mendapat manfaat daripada aliran pelanggan yang meningkat ke premis perniagaan mereka, dan pengguna di daerah yang lebih kecil menyambut baik peluang untuk menjalankan perkhidmatan perbankan dalam persekitaran yang kurang formal dan lebih sesuai dengan mereka. Peluasan saluran perbankan ejen terus dilaksanakan melalui rangka kerja pengawalseliaan yang menggalakkan tingkah laku profesional ejen serta melindungi keselamatan dan integriti urus niaga perbankan ejen. Pada tahun 2014, kajian semula Garis Panduan Perbankan Ejen akan dilaksanakan oleh Bank untuk meluaskan skop perkhidmatan yang disediakan oleh bank ejen untuk memenuhi keperluan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Pelaksanaan MyMobile, platform perbankan dan pembayaran mudah alih juga telah memberikan kesan penting dalam usaha menambah baik akses kepada perkhidmatan kewangan. Platform MyMobile ini dikendalikan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) dengan penyertaan oleh tiga bank dan tiga pengendali rangkaian mudah alih. MyMobile memanfaatkan liputan rangkaian telefon mudah alih untuk membolehkan pelanggan yang memiliki telefon bimbit untuk mengakses perkhidmatan seperti pertanyaan baki, pemindahan dana, pembayaran bil dan tambah nilai prabayar mudah alih tanpa perlu sambungan Internet atau penggunaan telefon pintar. Dalam tempoh sembilan bulan sejak dilancarkan pada bulan Mac 2013, MyMobile menarik minat lebih daripada 130,000 pelanggan dengan membolehkan urus niaga bernilai RM16.2 juta dijalankan. Beberapa langkah sedang diambil oleh MyClear untuk memudahkan lagi penggunaan MyMobile bagi menggalakkan penggunaan yang lebih meluas.

Semua daerah dan kawasan Parlimen kini mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan asas

Mencerminkan keutamaan yang tinggi untuk memajukan agenda rangkuman kewangan domestik dan peranan Bank yang aktif dalam menyokong inisiatif rangkuman kewangan pada peringkat antarabangsa, Bank dan Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) menganjurkan secara bersama Forum Dasar Global (Global Policy Forum, GPF) ke-5 pada bulan September 2013. AFI merupakan satu rangkaian global yang terdiri daripada 108 penggubal dasar kewangan dari ekonomi membangun dan sedang pesat membangun untuk berganding bahu bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi 2.5 bilion orang yang tidak mempunyai akses kepada sistem kewangan formal. Bertemakan `Memacu Dasar bagi Impak yang Optimum´, GPF dihadiri oleh lebih daripada 400 peserta dari 80 buah negara. Acara tiga hari itu telah membincangkan strategi dasar rangkuman kewangan yang optimum bagi mencapai objektif rangkuman kewangan, kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna. Tema penting yang berbangkit daripada perbincangan ini ialah peranan pengawalan kewangan seimbang dalam usaha meningkatkan rangkuman kewangan, kepentingan memberikan perhatian yang sama kepada aspek-aspek kualiti rangkuman kewangan dan keperluan untuk data yang lebih komprehensif untuk menyokong matlamat negara yang boleh diukur dan boleh dinilai. GPF dirumuskan dengan pelancaran Sasana Accord oleh rangkaian AFI, yang

bertujuan untuk mengukuhkan dan menguatkan komitmen ahli AFI di bawah Deklarasi Maya ke arah meningkatkan rangkuman kewangan. Khususnya, ahli-ahli komited terhadap perkara yang berikut di bawah Sasana Accord:

- Mengukuhkan lagi komitmen rangkaian AFI di bawah Deklarasi Maya dengan menerima pakai sasaran rangkuman kewangan yang boleh diukur dan boleh dinilai;
- Memastikan bahawa penggubalan dasar dan strategi rangkuman kewangan memberikan hasil yang disokong oleh bukti dan data yang diyakini, serta melaksanakan penilaian yang mantap terhadap kesan program rangkuman kewangan; dan
- Memberikan tumpuan ke arah membina kapasiti keinstitusian dan tenaga mahir dalam kalangan ahli rangkaian AFI untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar rangkuman kewangan yang akan memberikan kesan yang optimum kepada masyarakat yang tiada perkhidmatan kewangan.

MEMBANGUNKAN PASARAN KEWANGAN YANG MENDALAM DAN TEGUH

Pasaran sekuriti hutang terus berkembang sebagai suatu platform yang cekap untuk memperoleh dana dan pelaburan. Jumlah sekuriti hutang terkumpul dalam pasaran berjumlah RM1,058.9 bilion, iaitu pertumbuhan sebanyak 2.9% dari tahun 2012. Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal yang terbesar di rantau Asia Tenggara, iaitu 107.6% daripada KDNK. Terbitan pada tahun 2013 berkurang kepada RM504.4 bilion (2012: RM639.5 bilion), mencerminkan keadaan ekonomi global yang mencabar yang telah membendung aktiviti perolehan dana korporat. Namun begitu, pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal kondusif untuk terbitan hutang dengan pelbagai profil kematangan. Satu perkembangan penting dalam pasaran sekuriti hutang Kerajaan pada tahun 2013 ialah terbitan sulung Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) untuk tempoh 30 tahun yang bernilai RM2.5 bilion pada bulan September 2013. Terbitan itu, dengan kadar hasil sebanyak 4.9%, menerima sokongan yang kukuh daripada pelabur dalam dan luar negeri sebagai pilihan pelaburan jangka panjang, yang boleh dilihat daripada nisbah bida-lindungan yang tinggi sebanyak 2.4. Terbitan itu juga dijangka menjadi pemangkin untuk terbitan sekuriti jangka lebih panjang, sekali gus memanjangkan profil kematangan terbitan dalam pasaran domestik. Dari segi permintaan, profil pelabur dalam pasaran sekuriti hutang juga terus berkembang merangkumi gabungan pelabur runcit, korporat dan institusi yang lebih pelbagai, dengan penyertaan pelabur antarabangsa yang semakin meningkat.


Terbitan sulung Sekuriti Kerajaan Malaysia untuk tempoh 30 tahun dijangka menjadi pemangkin untuk terbitan sekuriti jangka lebih panjang dalam pasaran domestik

Meskipun pasaran kewangan domestik telah berkembang dengan ketara dari segi keluasan dan kedalaman sepanjang dekad yang lalu, pembangunan pasaran kewangan yang selanjutnya pada masa akan datang akan tertumpu pada usaha untuk memenuhi keperluan ekonomi Malaysia yang lebih maju dan bersepadu pada peringkat antarabangsa. Ini memerlukan penyediaan pelbagai alat pengurusan mudah tunai dan instrumen perlindungan nilai, peraturan pentadbiran pertukaran asing yang fleksibel, infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang amat cekap bagi membolehkan pemindahan dan penjelasan sekuriti dan dana yang lancar, serta rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang lebih baik.

Dalam pasaran wang, penyumbangan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala

Rajah 2.2

Sekuriti Hutang dan Sukuk Terkumpul (Awam dan Swasta)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) terus dipantau dengan rapi oleh Bank. Berikutan rangka kerja tadbir urus bagi proses penyumbangan KLIBOR yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2013, semua penyumbang KLIBOR kini telah menyediakan rangka kerja tadbir urus yang diperlukan untuk menyokong penyumbangan yang lebih mantap. Langkah-langkah ini secara kolektif telah meningkatkan kredibiliti dan integriti pasaran wang domestik dan khususnya, penggunaan KLIBOR sebagai kadar rujukan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan, penggunaan renminbi sebagai mata wang tambahan untuk penyelesaian terus ditambah baik. Rangkaian instrumen pasaran wang sedia ada dan fleksibiliti pertukaran asing telah diperluas untuk menggalakkan peningkatan penggunaan renminbi oleh perniagaan dan korporat. Ini termasuk pengenalan Kemudahan Mudah Tunai Renminbi (Renminbi Liquidity Facility, RLF), yang terhasil daripada Pengaturan Swap Mata Wang antara Bank dengan People's Bank of China, untuk memudahkan pengurusan mudah tunai renminbi yang lebih berkesan oleh institusi kewangan di Malaysia melalui saluran tambahan untuk meminjam atau memberikan pinjaman renminbi daripada/kepada Bank. Instrumen yang diperkenalkan di bawah RLF termasuk instrumen pasaran wang renminbi, instrumen pertukaran asing renminbi/ringgit semerta, niaga hadapan dan swap serta kemudahan pembelian semula renminbi yang disediakan bersandarkan pelbagai cagaran yang layak yang dikeluarkan oleh Kerajaan, Bank dan anggota kerajaan Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Timur-Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP).

Rajah 2.3

Pasaran Sekuriti Hutang Mata Wang Tempatan Terkumpul ASEAN



* Pada akhir September 2013
Sumber: Asian Bonds Online

Rangkaian instrumen pasaran wang yang lebih meluas diperkenalkan untuk menyokong penggunaan renminbi sebagai mata wang tambahan untuk penyelesaian

Dalam pasaran pertukaran asing domestik, jumlah perolehan urus niaga pertukaran asing pada tahun 2013 mencatat sedikit penurunan sebanyak 2.6% kepada USD2.6 trilion (2012: USD2.7 trilion), sebahagian besarnya mencerminkan sentimen bukan pemastautin yang lebih berhati-hati disebabkan oleh ketidakpastian mengenai pengurangan program pembelian aset oleh Federal Reserve AS. Walaupun menghadapi keadaan luaran yang mencabar, urus niaga harian purata dalam pasaran pertukaran asing secara relatif kekal stabil pada USD10.4 bilion (2012: USD10.8 bilion), menyumbang sebanyak 3.4% kepada KDNK. Ini menyediakan sokongan yang berterusan untuk aktiviti pelaburan, perdagangan dan perniagaan merentas sempadan. Ini turut dibuktikan oleh kedudukan Malaysia yang kukuh dalam Kaji Selidik Bank Pusat Setiap Tiga Tahun yang diterbitkan oleh Bank for International Settlements (BIS) pada bulan Disember 2013. Dalam kaji selidik tersebut, Malaysia menduduki tempat ketiga bagi pasaran pertukaran asing paling pesat berkembang dalam kalangan 53 negara di seluruh dunia sepanjang tempoh tahun 2007-2013, dengan mencatatkan peningkatan sebanyak tiga kali ganda atau pertumbuhan tahunan sebanyak 21.3%.

Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk memperdalam pasaran pertukaran asing domestik, liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing selanjutnya telah dilaksanakan pada tahun 2013. Fleksibiliti bagi perlindungan nilai telah diperluas bagi membolehkan pengurusan risiko pertukaran asing yang lebih cekap dan menyokong penawaran produk kewangan yang inovatif oleh institusi kewangan domestik untuk memudahkan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Fleksibiliti yang diperluas itu termasuk peluang yang lebih banyak bagi pemastautin dan bukan pemastautin untuk menjalankan urus niaga perlindungan nilai

antisipatori yang melibatkan mata wang ringgit dengan bank tempatan berlesen. Mencerminkan penambahan peluang perlindungan nilai yang tersedia, keseluruhan jumlah derivatif pertukaran asing telah berkembang lebih daripada 2.5 kali ganda dalam tempoh tahun 2007-2013, atau pada kadar tahunan 16.6% dan kini terdiri daripada pelbagai instrumen dalam pelbagai pasangan mata wang. Ini termasuk swap pertukaran asing dan mata wang bersilang, yang merupakan 82% daripada keseluruhan jumlah derivatif pertukaran asing domestik pada tahun 2013, pertukaran asing hadapan pada 16% dan opsyen pada 2%. Dari segi dedahan nosional kasar, pasaran derivatif kadar faedah terus membentuk bahagian terbesar pasaran derivatif domestik dan terus memenuhi keperluan institusi kewangan, perniagaan dan pelabur institusi untuk menguruskan risiko kadar faedah, dengan jumlah nosional kasar terkumpul sebanyak RM621.1 bilion pada akhir tahun 2013, yang merupakan pertumbuhan sebanyak 3.5% dari tahun 2012.

Fleksibiliti yang selanjutnya juga diberikan untuk pelaburan dalam aset mata wang asing dan penawaran sekuriti mata wang asing di Malaysia untuk merangsang inovasi produk yang lebih tinggi. Pemastautin dan bukan pemastautin kini dibenarkan untuk melabur dalam aset mata wang asing yang ditawarkan di dalam negeri dan juga untuk menerbitkan sekuriti mata wang asing di Malaysia. Fleksibiliti ini bertujuan untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing domestik melalui pengumpulan dana mata wang asing dan menggalakkan lagi pempelbagaian kelas aset di Malaysia, di samping meluaskan spektrum pelabur dan penerbit dalam pasaran domestik. Mencerminkan peningkatan fleksibiliti ini, mudah tunai dalam pasangan mata wang bukan ringgit, seperti yang dikira oleh jumlah urus niaga harian pasangan mata wang ketiga meningkat sebanyak 30% kepada USD2.4 bilion pada tahun 2013 (2012: USD1.8 bilion). Fleksibiliti juga diberikan kepada institusi kewangan bukan pemastautin yang layak serta memenuhi keperluan berhemat yang ditetapkan oleh Bank untuk menawarkan kemudahan pembiayaan perdagangan dalam denominasi ringgit dengan kerjasama sebuah bank tempatan berlesen. Fleksibiliti ini bertujuan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dengan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan dan dengan itu, mengurangkan dedahan pertukaran asing. Langkah ini juga telah meningkatkan potensi peluang perniagaan untuk bank tempatan berlesen melalui kerjasama dengan institusi kewangan bukan pemastautin. Pada akhir tahun 2013, dua cawangan bank Malaysia di Republik Rakyat China telah diberikan fleksibiliti untuk menawarkan pembiayaan perdagangan dalam ringgit untuk memudahkan penyelesaian perdagangan dengan Malaysia.

Penyertaan asing dalam pasaran sekuriti hutang domestik terus dipermudah melalui infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang cekap. Pada bulan November 2013, perkhidmatan yang ditawarkan oleh Euroclear ditambah baik untuk membolehkan perkhidmatan pembayaran pendapatan pada hari sama bagi MGS dan sekuriti hutang swasta Malaysia. Selaras dengan piawaian perkhidmatan kebanyakan pusat kewangan antarabangsa, semua Depositori Sekuriti Pusat Antarabangsa (International Central Securities Depositories) yang menyertai pasaran domestik kini dapat menyediakan penyelesaian harian nilai sama untuk sekuriti ringgit, sekali gus membolehkan pelabur asing untuk menerima perolehan sekuriti hutang mereka pada hari yang sama. Penyertaan Malaysia dalam Platform Inisiatif Persekutuan Depositori Sekuriti Pusat Pan-Asia (Pan-Asian Central Securities Depository Alliance Initiative Platform) juga telah meningkatkan pelaburan dalam pasaran sekuriti hutang Malaysia. Sejak pelancaran platform itu pada bulan Mac 2012, jumlah pelaburan asing dalam sekuriti hutang dalam denominasi ringgit dalam pasaran kewangan Malaysia telah meningkat sebanyak 71.6%.

Menyedari akan kepentingan penguatkuasaan perkiraan penghasilan bersih (netting) untuk mengukuhkan keyakinan pelabur dan supaya pasaran kewangan berfungsi dengan cekap, Kerajaan telah mencadangkan penggubalan satu undang-undang penghasilan bersih sebagai sebahagian daripada langkah yang diumumkan dalam Belanjawan 2014. Selain langkah-langkah dalam tempoh terdekat untuk meminda undang-undang sedia ada yang boleh menghalang penghasilan bersih, undang-undang penghasilan bersih yang dicadangkan itu akan menjamin status mesra penghasilan bersih (netting-friendly) yang lebih kukuh bagi Malaysia dengan melindungi hak penghasilan bersih di bawah kontrak pasaran kewangan daripada sebarang kesan yang tidak disengajakan oleh undang-undang yang dikuatkuasakan pada masa akan datang.

Peraturan-peraturan baharu di AS yang melarang aktiviti perdagangan empunya dan pelaburan dalam, atau penajaan, dana lindung nilai dan ekuiti swasta berkemungkinan memberikan cabaran yang besar kepada aktiviti pasaran kewangan dalam pasaran utama, yang boleh memberikan kesan ke atas mudah tunai dalam pasaran bon dan derivatif, khususnya berhubung dengan aktiviti perdagangan empunya. Walau bagaimanapun, implikasi terhadap pasaran kewangan domestik dijangka adalah minimum disebabkan perdagangan aset Kerajaan, seperti MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII), oleh bank-bank AS di negara tuan rumah dikecualikan di bawah peraturan-peraturan itu, tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu. Ini juga disokong oleh asas peserta pasaran yang pelbagai, yang akan memastikan mudah tunai yang berterusan dalam pasaran kewangan domestik.

MEMPERKUKUH KESALINGHUBUNGAN MALAYSIA DENGAN EKONOMI SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi serantau dan antarabangsa terus bertambah kukuh. Pada akhir tahun 2013, enam kumpulan perbankan domestik kini telah menjalankan operasi di luar negeri di 22 negara di seluruh dunia, termasuk semua negara ASEAN. Jumlah aset kumpulan perbankan domestik di luar negeri meningkat sebanyak 15.4% kepada RM362.1 bilion pada tahun 2013 (2012: RM313.8 bilion), mencakupi 20.5% daripada jumlah aset kumpulan perbankan ini (2012: 19.2%).

Usaha integrasi kewangan serantau telah mencapai kemajuan selanjutnya pada tahun 2013, dengan prinsip dan elemen peringkat tinggi Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF) kini di peringkat terakhir sebelum dimuktamadkan. Elemen utama ABIF ialah pembentukan satu set prinsip untuk mengenal pasti kumpulan bank ASEAN yang layak, yang akan berfungsi sebagai pemilik piawaian serantau dan menerajui proses integrasi perbankan dalam rantau ASEAN. Bank-bank ASEAN yang layak ini dijangka akan diberikan lebih banyak akses pasaran dan fleksibiliti operasi secara berperingkat, berdasarkan penilaian manfaat bersama kepada negara asal dan negara tuan rumah. Keadaan ini akan mempertingkat peranan utama bank-bank ASEAN untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan dalam rantau, seterusnya memberikan sumbangan yang penting kepada pertumbuhan serantau. Pelaksanaan ABIF akan disokong oleh pengaturan infrastruktur dan pengawalseliaan yang diperkukuh bagi memastikan kestabilan kewangan terpelihara. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan ABIF, negara-negara ASEAN turut berusaha menentukan pengaturan yang jelas bagi memantau pelaksanaan ABIF dan memastikan aktiviti bank-bank ASEAN yang layak tertakluk kepada pengawasan pengawalan dan penyeliaan yang berkesan secara berterusan, secara individu dan juga bersepadu.

Memandangkan ASEAN semakin menghampiri tarikh sasaran tahun 2015 untuk membentuk komuniti ekonomi yang bersepadu, Gabenor Bank-bank Pusat ASEAN telah mengeluarkan satu laporan ringkas pada tahun 2013 sebagai panduan bagi melaksanakan inisiatif integrasi kewangan menjelang tahun 2020. Laporan ringkas yang bertajuk `*The Road to ASEAN Financial Integration - A Combined Study on Assessing the Financial Landscape*´ ini merupakan inisiatif bersama antara bank pusat dengan pihak berkuasa monetari ASEAN, Sekretariat ASEAN dan Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank). Laporan ini menyatakan perspektif pengawal selia tentang landskap kewangan semasa di ASEAN dan memperincikan pendekatan yang disarankan untuk integrasi ASEAN seperti yang dihasratkan oleh Gabenor Bank-bank Pusat ASEAN. Yang penting, laporan ini memberikan kejelasan tentang prasyarat utama ASEAN dan pencapaian yang dihasratkan untuk melaksanakan liberalisasi perkhidmatan kewangan, akaun modal, sistem pembayaran dan penyelesaian, serta pasaran modal dalam rantau.

Usaha menggalakkan kerjasama dan penyelarasan yang berkesan antara agensi-agensi pengawalseliaan serantau untuk mengekalkan kestabilan sistem kewangan menjadi semakin penting memandangkan lebih banyak institusi kewangan terlibat dalam aktiviti merentas sempadan pada peringkat serantau dan antarabangsa. Melalui Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan EMEAP, bank-bank pusat serantau terus bekerjasama rapat pada tahun 2013 dalam pengawasan risiko dan perbincangan tentang isu berbangkit yang mungkin menjejaskan kestabilan monetari dan kewangan serantau. Di bawah forum ini, Bank menerajui inisiatif untuk memperkukuh

pengaturan bagi pengurusan dan penyelesaian krisis serantau – termasuk pengaturan untuk menambah baik aliran maklumat, menyelaraskan respons bank pusat serantau dan menambah baik alat dasar sedia ada jika berkenaan – bagi mengatasi senario krisis yang mungkin berlaku. Pengaturan ini diluluskan pada Mesyuarat Gabenor EMEAP ke-18, yang dianjurkan oleh Bank di Kuala Lumpur pada 29 Jun 2013.

Sebagai mencerminkan hubungan kewangan dan ekonomi yang semakin erat antara Republik Rakyat China dengan Malaysia, Bank menubuhkan suatu pejabat perwakilan di Beijing yang dibuka secara rasmi pada bulan November 2013. Sehubungan dengan penubuhan pejabat perwakilan di Beijing, kerjasama kewangan antara kedua-dua negara ini diperkukuh melalui penandatanganan Pengaturan Gadaian Merentas Sempadan (Cross-Border Collateral Arrangement, CBCA) antara Bank dengan People's Bank of China. Di bawah CBCA ini, cagaran dalam mata wang negara asal dalam bentuk sekuriti atau wang tunai boleh digunakan oleh institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia dan Republik Rakyat China untuk mendapatkan mudah tunai dalam mata wang tempatan di negara tuan rumah, sekali gus memudahkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan oleh institusi kewangan semasa keadaan normal dan juga semasa krisis. Bank juga telah menandatangani CBCA dengan Monetary Authority of Singapore pada tahun 2011 dan Bank of Thailand pada tahun 2012.

Kerjasama dengan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) terus dipertingkat pada tahun 2013 melalui pengaturan yang baru diwujudkan antara Bank dengan HKMA pada bulan Ogos 2013 bagi membangunkan perniagaan renminbi luar pesisir dan mengukuhkan kerjasama dalam bidang kewangan Islam. Pengaturan ini merangkumi penubuhan platform untuk mengkaji semula peluang dan keadaan yang diperlukan bagi membangunkan produk dan perkhidmatan renminbi luar pesisir. Dalam bidang kewangan Islam, forum bersama yang diterajui sektor swasta telah diadakan untuk membincangkan perkembangan semasa dalam kewangan Islam dan langkah-langkah bagi memajukan pembangunan pasaran modal Islam di Hong Kong SAR. Forum bersama ini turut bersetuju untuk memanfaatkan rangka kerja pengiktirafan bersama untuk dana Islam yang diwujudkan antara Hong Kong SAR dengan Malaysia, bagi menggalakkan tawaran pelbagai dana patuh Syariah di Hong Kong SAR dan Malaysia.

Kesepakatan dan kerjasama yang lebih meluas dengan rakan kongsi strategik turut digalakkan pada tahun 2013 melalui pelbagai perjanjian kerjasama dua hala untuk mengukuhkan hubungan kewangan dan ekonomi serta mempertingkat kesepakatan bersama. Bank telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman baharu pada tahun 2013 dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Central Bank of the United Arab Emirates dan Central Bank of Myanmar, serta pengaturan swap dua hala dengan Bank of Korea. Memorandum Persefahaman tersebut merangkumi pengaturan untuk kerjasama dalam pembangunan sektor kewangan termasuk kewangan Islam, penyeliaan perbankan merentas sempadan, serta kerjasama dalam pembangunan modal insan dan inisiatif bina upaya. Pengaturan swap mata wang tempatan dua hala antara Bank dengan Bank of Korea akan memudahkan pertukaran mata wang tempatan sehingga KRW5 trilion atau RM15 bilion antara kedua-dua bank pusat tersebut bagi menyokong perdagangan dua hala dengan mengurangkan kos urus niaga melalui penggunaan mata wang tempatan untuk penyelesaian perdagangan.


MALAYSIA SEBAGAI PASARAN KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA

Industri kewangan Islam terus mencatat pertumbuhan pada tahun 2013, dengan disokong oleh beberapa inisiatif utama yang telah memajukan lagi pengantarabangsaan kewangan Islam. Pada tahun 2013, sektor perbankan Islam (termasuk IKP) mencatat pertumbuhan sebanyak 16.5%, yang mencakupi 25.7% daripada jumlah aset dalam keseluruhan sistem perbankan. Jumlah perniagaan mata wang asing yang dijalankan oleh Bank-bank Islam Antarabangsa (International Islamic Banks) dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa (International Currency Business Units) juga terus meningkat, dengan jumlah aset mata wang asing bernilai RM18.1 bilion pada tahun 2013 (2012: RM14.6 bilion).

Dalam sektor takaful, jumlah aset dana takaful meningkat sebanyak 10% kepada RM20.9 bilion, manakala jumlah caruman takaful mencakupi 14% daripada jumlah premium dan caruman dalam industri insurans dan takaful (termasuk insurans semula dan takaful semula). Bagi meningkatkan

Rajah 2.4

Aset, Pembiayaan dan Deposit Mata Wang Asing bagi Bank Islam Antarabangsa dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa




Sumber: Bank Negara Malaysia

potensi pulangan kepada pencarum, fleksibiliti lanjut diberikan kepada pengendali takaful untuk melabur dana berkaitan pelaburan milik pelanggan pemastautin di luar negara tanpa had. Ini merupakan peningkatan daripada had yang dibenarkan sebelum ini, iaitu 50% daripada nilai aset bersih dana milik pelanggan pemastautin mereka yang mempunyai pinjaman ringgit domestik.

Pada tahun 2013, Bank telah memberikan status `Emas´, iaitu gelaran untuk sukuk berdenominasi mata wang asing yang berasal dari Malaysia, kepada dua terbitan sukuk oleh

Rajah 2.5

Jumlah Sukuk Terkumpul Global Tahun 2013



Sumber: Islamic Finance Information Service, Zawya, Bloomberg, Kuwait Finance House Research

Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank) dan sebuah syarikat di Malaysia. Sejak diperkenalkan pada tahun 2009, 11 terbitan sukuk telah diberikan status `Emas´, yang mencerminkan perkembangan Malaysia ke arah platform pelbagai mata wang untuk terbitan sukuk. Malaysia kekal sebagai peneraju global dalam pasaran sukuk, dengan jumlah terbitan sukuk kira-kira USD82.4 bilion pada tahun 2013, mencakupi 68.8% daripada terbitan sukuk global, dan jumlah sukuk terkumpul sebanyak USD158.2 bilion pada akhir tahun 2013.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk meluaskan skop aktiviti pembiayaan Islam, Bank terus mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah sepenuhnya. Rangka kerja ini menyediakan parameter operasi yang diperlukan bagi membolehkan institusi kewangan menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan perkongsian risiko yang lebih pelbagai, di samping memastikan produk dan perkhidmatan itu berlandaskan Syariah. Rangka kerja ini disokong oleh piawaian kontrak berasaskan Syariah yang menyeluruh yang merangkumi keperluan Syariah dan operasi untuk pelbagai kontrak Syariah. Piawaian ini memberikan tahap kejelasan yang lebih tinggi berkenaan aplikasi kontrak Syariah berdasarkan terma dan syarat produk kewangan Islam, selain mengukuhkan pengurusan urus niaga kewangan Islam. Bagi perincian tentang profil risiko dan pulangan yang berbeza-beza untuk pelbagai kontrak Syariah, sila rujuk rencana bertajuk `Pempelbagaian Perniagaan dan Produk Perbankan Islam yang Didorong oleh Kontrak Syariah'.

Pada tahun 2013, kesalinghubungan global dalam kewangan Islam terus diperkukuh melalui beberapa inisiatif utama. Ini termasuk meluaskan ketersediaan instrumen kewangan untuk menyokong pengurusan aliran kewangan Islam merentas sempadan yang cekap. Bagi memudahkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang cekap oleh institusi kewangan Islam, pada bulan Ogos 2013, Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) menerbitkan sukuk merentas sempadan jangka pendek yang pertama bernilai USD490 juta yang diberikan penarafan A-1 oleh Standard & Poor's Rating Services. Sukuk tersebut mempunyai tempoh matang tiga bulan dan bersandarkan aset Kerajaan. Rangkaian yang terdiri daripada tujuh peniaga utama dari Asia

(termasuk dua institusi perbankan Malaysia), Timur Tengah dan Eropah telah dilantik untuk mendagangkan sukuk tersebut pada peringkat global, sekali gus meningkatkan tahap mudah tunainya. Sistem Tender/Penawaran Automatik Sepenuhnya Bank telah digunakan sebagai platform terbitan. Sukuk itu telah diberikan pengiktirafan pengawalseliaan di Malaysia sebagai suatu aset mudah tunai bagi tujuan mematuhi keperluan mudah tunai, serta kredit risiko yang rendah di bawah rangka kerja kecukupan modal yang terpakai bagi institusi perbankan.

Bagi memudahkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang cekap oleh institusi kewangan Islam, Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa menerbitkan sukuk merentas sempadan jangka pendek yang pertama

Sebagai sebahagian daripada usaha meluaskan asas pelabur untuk sukuk Kerajaan, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan GII sulung bernilai RM4 bilion pada bulan Julai 2013 berdasarkan konsep *murabahah* bagi menggantikan konsep *bai' inah* yang digunakan untuk terbitan terdahulu. Di bawah konsep *murabahah*, kontrak GII ialah sijil hutang yang terhasil daripada urus niaga jualan tokokan tertangguh bagi sesuatu aset asas berdasarkan prinsip Syariah. Konsep ini bakal menarik penyertaan lebih ramai pelabur domestik dan antarabangsa dan meningkatkan kedalaman dan kedinamikan pasaran sukuk Malaysia. Respons yang menggalakkan daripada para pelabur dapat dilihat daripada lebihan langganan terbitan ini sebanyak hampir tiga kali ganda.

Pada 1 Ogos 2013, Perdana Menteri memperkenalkan identiti jenama global baharu Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC), iaitu `Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia (Malaysia: World's Islamic Finance Marketplace)´. Identiti baharu ini menandakan kesalinghubungan institusi kewangan Islam Malaysia dengan komuniti kewangan global yang semakin meningkat melalui pasaran urus niaga pelbagai mata wang merentas sempadan yang lebih dalam, disokong oleh infrastruktur kewangan yang sepatutnya. Bersempena dengan pelancaran tersebut, portal MIFC yang ditambah baik turut diperkenalkan. Portal ini menyediakan berita tentang kewangan Islam, data pasaran mengenai sekuriti dan indeks secara langsung, serta analisis dan kertas kajian tematik. Susulan penambahbaikan ini, laluan ke laman sesawang tersebut telah meningkat hampir tiga kali ganda berdasarkan purata kunjungan sebulan dari lebih 145 negara.

Memandangkan dimensi kewangan Islam antarabangsa semakin maju, satu lagi tumpuan penting ialah usaha membangunkan Malaysia menjadi pusat rujukan untuk urus niaga kewangan Islam. Satu perkembangan penting dalam usaha ini ialah kajian semula perundangan yang berkaitan secara menyeluruh oleh Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang (Jawatankuasa), bertujuan untuk mewujudkan persekitaran undang-undang yang lebih kondusif untuk kendalian urus niaga kewangan Islam yang cekap. Jawatankuasa itu mengeluarkan Laporan Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang pada bulan Oktober 2013 yang mendokumenkan saranan Jawatankuasa. Antaranya ialah saranan untuk:

- Memperkenalkan peruntukan dalam undang-undang mahkamah tentang pengenaan caj pembayaran lewat terhadap penghakiman bagi hutang dalam kes kewangan Islam, seperti yang dibenarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank dan Suruhanjaya Sekuriti. Saranan ini telah dilaksanakan dengan jayanya;
- Meningkatkan akses pengguna kepada pembiayaan Islam yang melibatkan pencagaran tanah rizab, melalui pindaan yang dicadangkan terhadap perundangan tanah rizab di semua negeri di Malaysia;
- Memudahkan pembiayaan Islam yang melibatkan harta tanah melalui pengiktirafan kewangan Islam dalam Kanun Tanah Negara 1965; dan
- Memudahkan pengenalan dan penggunaan struktur produk inovatif berlandaskan Syariah dan diterima di seluruh dunia bagi pasaran wang Islam melalui pengubahsuaian yang sewajarnya terhadap Akta Syarikat 1965 untuk membolehkan urus niaga *murabahah* komoditi bercagar dikendalikan dengan lebih cekap.

Pempelbagaian Perniagaan dan Produk Perbankan Islam yang Didorong oleh Kontrak Syariah

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 menyediakan asas perundangan bagi rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif untuk industri kewangan Islam di Malaysia. Fokus penting rangka kerja ini ialah pembangunan piawaian Syariah dan operasi untuk kontrak-kontrak Syariah yang utama. Piawaian ini menggariskan prinsip asas Syariah serta menyediakan panduan bagi amalan berhemat dan tadbir urus berkesan untuk setiap kontrak. Piawaian ini bertujuan untuk menggalakkan ketelusan dan keseragaman dalam aplikasi kontrak Syariah bagi meningkatkan kepastian dan mengukuhkan pematuhan Syariah oleh institusi kewangan Islam, di samping turut berperanan sebagai satu rujukan penting yang menjadi pemangkin kepada sikap saling menghormati dalam mengeluarkan pendapat Syariah dari pelbagai negara. Akhirnya, piawaian ini dijangka dapat menggalakkan penawaran pelbagai produk kewangan Islam yang boleh memenuhi keperluan dan pilihan pelanggan.

Dalam beberapa dekad yang lalu, tumpuan bank-bank Islam adalah perkhidmatan pembiayaan kepada individu dan syarikat, yang kebanyakannya untuk pembiayaan pembelian aset dan modal kerja (perniagaan ini dirujuk sebagai `pembiayaan´ dalam rencana ini). Walau bagaimanapun, pada masa ini semakin banyak tumpuan diberikan pada kontrak Syariah lain, termasuk kontrak berasaskan ekuiti atau perkongsian risiko seperti *musyarakah* (perkongsian), dan kontrak berdasarkan pertukaran seperti *ijarah* (pajakan) (kontrak-kontrak ini dirujuk sebagai `primer´ dalam rencana ini). Kontrak Syariah primer ini dapat membezakan produk perbankan Islam daripada produk bank konvensional serta menyokong pilihan pembiayaan tambahan yang boleh ditawarkan oleh bank-bank Islam. Rencana ini meneliti implikasi kontrak-kontrak Syariah dengan pelbagai profil risiko-pulangan kepada bank-bank Islam dan pelanggan mereka, serta bagaimana kepelbagaian kontrak Syariah tersebut boleh meningkatkan peluang pertumbuhan untuk perniagaan perbankan Islam.

Profil Risiko-Pulangan Pelbagai Kontrak Syariah

Hubungan antara risiko dengan pulangan dalam kewangan Islam dinyatakan dalam prinsip undang-undang Islam `*Al ghunm bil ghurm*´, yang secara dasarnya merujuk kepada konsep `tanpa risiko, tiada pulangan´. Prinsip undang-undang ini menghendaki pihak yang memeterai kontrak mengambil risiko dan memikul tanggungjawab sebagai prasyarat untuk memperoleh keuntungan. Ia memerlukan bank-bank Islam dan pelanggan untuk memikul tanggungjawab tertentu termasuk mengambil risiko secara bersama. Keuntungan yang diperoleh bank-bank Islam dan penentuan harga perkhidmatan perbankan perlu mencerminkan tanggungjawab dan tahap risiko sepadan yang ditanggung oleh setiap pihak.

Berpandukan prinsip ini, sistem kewangan Islam menyediakan spektrum kontrak Syariah yang pelbagai dengan profil risiko dan pulangan yang berbeza melalui dua model, iaitu model primer dan model pembiayaan. Model primer beroperasi melalui kontrak Syariah tunggal dengan pihak-pihak yang berkontrak berkongsi jenis risiko yang sama (di bawah kontrak perkongsian risiko), atau bank-bank Islam mengambil risiko khusus (di bawah kontrak berasaskan pertukaran). Di bawah model primer, bank-bank Islam akan terdedah kepada risiko yang lebih luas seperti risiko perniagaan serta risiko yang berkaitan dengan pemegangan dan pengurusan aset fizikal, di samping risiko kewangan.


Sebaliknya, model pembiayaan diaplikasikan melalui gabungan kontrak Syariah yang tertentu dengan kontrak sampingan seperti *wa'd* (janji) dan *wakalah* (ejen). Kontrak sampingan ini membolehkan bank-bank Islam untuk mengurangkan risiko dan mencapai matlamat utama bagi sesuatu urus niaga. Sebagai contoh, sekiranya objektif sebuah bank Islam adalah untuk menyediakan pembiayaan kepada seorang pelanggan dengan membeli aset bagi pihak pelanggan, *wa'd* digunakan untuk melaksanakan pemindahan akhir aset tersebut kepada pelanggan kerana bank tidak mempunyai niat untuk memiliki aset yang dibeli. Oleh itu, selaras dengan matlamat utama menyediakan pembiayaan di bawah model ini, profil risiko dan pulangan akhirnya adalah serupa dengan profil bagi pembiayaan konvensional.

Model-model ini mempunyai profil risiko dan pulangan berbeza yang sepadan dengan tahap tanggungjawab dan tahap risiko yang ditanggung oleh bank-bank Islam dan pelanggan. Gambar Rajah 1 memberikan satu contoh bagaimana profil risiko dan pulangan berbeza bagi kontrak Syariah yang berlainan di bawah model primer dan model pembiayaan.

Gambar Rajah 1


Contoh Profil Risiko-Pulangan Berbeza dalam Dua Kontrak Syariah (*Ijarah* dan *Musyarakah*) di bawah Model Primer dan Model Pembiayaan (dari Perspektif Bank)

Penggunaan Kontrak
Kontrak *Ijarah* ialah kontrak sewaan yang memindahkan pemilikan manfaat aset kepada pelanggan sebagai pertukaran kepada bayaran sewa. Pemilikan aset sewaan masih kekal dengan bank Islam selaku penyewa sepanjang tempoh sewaan.



Perubahan dalam profil risiko
- Primer : Risiko pemilikan melibatkan bank-bank Islam untuk menanggung kos penyelenggaraan yang berkaitan hak milik aset seperti cukai tanah
- Pembiayaan : Pemindahan hak milik aset kepada pelanggan apabila tempoh sewaan matang melalui *wa'd* mewujudkan komitmen dari pelanggan untuk membeli aset tersebut, dan seterusnya, membolehkan bank-bank Islam untuk mengalih risiko pemilikan kepada pelanggan melalui *wakalah*

Penggunaan Kontrak
Musyarakah terutamanya digunakan untuk menubuhkan sebuah usaha niaga antara rakan kongsi yang menyumbangkan modal, dan bahagian keuntungan perniagaan tersebut adalah mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang telah ditetapkan. Apabila berlaku mungkir atau penamatan perkongsian, kedua-dua rakan kongsi akan menamatkan kontrak melalui pembubaran perkongsian atau penjualan perniagaan kepada pihak ketiga pada harga yang dipersetujui bersama.




Perubahan dalam profil risiko
- Primer : Bank-bank Islam dan pelanggan akan berkongsi risiko usaha niaga, serta, melibatkan perkongsian risiko berkaitan dengan pelaburan ekuiti
- Pembiayaan : Pengakuan janji oleh pelanggan untuk akhirnya membeli usaha niaga akan menyebabkan pendedahan risiko bank Islam hanya tertumpu kepada risiko kredit

Kesan Penentuan Harga kepada Pelanggan

Tahap risiko berbeza dan obligasi yang ditanggung oleh bank-bank Islam dan pelanggan di bawah pelbagai aplikasi kontrak Syariah akan menghasilkan tahap harga yang berbeza, seperti yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2.

Gambar Rajah 2

Ilustrasi Hubungan Bertentangan antara Tahap Risiko Ditanggung oleh Pelanggan dengan Penentuan Harga Produk Perbankan Islam yang Dikenakan kepada Pelanggan



Di bawah model pembiayaan, bank-bank Islam menanggung terutamanya risiko kredit, manakala pelanggan memikul tanggungjawab yang lebih besar untuk risiko lain seperti dalam berurusan secara langsung dengan pembekal atau kerosakan dalam aset yang diperoleh. Margin keuntungan yang diperoleh oleh bank Islam adalah lebih rendah dan setimpal, manakala pelanggan mendapat manfaat daripada harga yang lebih rendah bagi pembiayaan yang diperoleh. Sebaliknya, di bawah model primer, harga produk perbankan Islam secara relatifnya lebih tinggi setimpal dengan tanggungjawab dan tahap risiko yang lebih tinggi ditanggung oleh bank Islam.

Ciri-ciri model pembiayaan dan model primer yang berbeza ini menyediakan rangkaian pilihan produk yang lebih luas kepada pelanggan dengan harga yang berbeza untuk memenuhi pilihan dan keperluan khusus mereka. Gambar Rajah 3 menunjukkan satu contoh produk yang ditawarkan di bawah kontrak *murabahah*.


Kehendak Pengawalseliaan untuk Operasi Perbankan Islam

Risiko dan obligasi yang ditanggung oleh bank-bank Islam di bawah pelbagai kontrak Syariah memerlukan pengubahsuaian yang ketara kepada infrastruktur di bank-bank Islam. Risiko dan obligasi ini juga mempunyai implikasi secara langsung terhadap pengaturan tadbir urus, amalan perniagaan, strategi dan pengurusan risiko bagi memastikan bank-bank Islam melaksanakan tugas fidusiari mereka dengan cekap dan berkesan.

Gambar Rajah 4 memaparkan kehendak pengawalseliaan yang berbeza untuk operasi bank-bank Islam apabila menawarkan produk di bawah model pembiayaan dan model primer. Kehendak pengawalseliaan ini merupakan fokus penting piawaian Syariah dan operasi yang pada masa ini dalam pelbagai peringkat pembangunan oleh Bank. Sehingga ini, Bank telah mengeluarkan piawaian Syariah dan operasi untuk kontrak *murabahah* pada bulan April 2013, manakala kertas konsep mengenai 11 piawaian Syariah lain dan dua piawaian operasi telah dikeluarkan untuk maklum balas pihak industri.

Gambar Rajah 3

Contoh Produk yang Ditawarkan di bawah Kontrak *Murabahah*




Produk di bawah model primer memerlukan tadbir urus dan langkah pengurusan risiko tambahan bagi menangani risiko yang wujud dalam kontrak itu, sebagai tambahan kepada pengaturan sedia ada untuk menguruskan risiko kewangan. Keperluan modal pengawalseliaan juga harus mencerminkan jenis dan tahap risiko yang terlibat bagi memastikan dedahan risiko sesebuah bank Islam disokong oleh jumlah modal berkualiti tinggi dan mencukupi. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa risiko dan infrastruktur yang diperlukan diberi pertimbangan sewajarnya dalam strategi perniagaan bank-bank Islam yang menawarkan produk tersebut.

Terma dan syarat setiap produk perlu mencerminkan dengan jelas aspek-aspek utama kontrak, supaya pelanggan dimaklumkan sepenuhnya akan hak dan obligasi mereka. Keperluan amalan pasaran termasuk penzahiran juga berbeza berdasarkan jenis produk yang ditawarkan bagi memastikan tahap ketelusan yang tinggi dan setara dengan risiko yang ditanggung oleh pelanggan. Produk hendaklah distruktur agar dana yang dilabur oleh pelanggan disalurkan dengan betul mengikut terma dan syarat yang dipersetujui. Dasar dan infrastruktur ini adalah penting untuk memastikan kepentingan pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain dilindungi, bagi menjamin keyakinan dan kepercayaan kepada bank-bank Islam.

Gambar Rajah 4

Kehendak Pengawalseliaan Berbeza ke atas Operasi Bank-bank Islam Kesan Aplikasi Pelbagai Kontrak Syariah



Bank-bank Islam juga perlu menjalankan penilaian kesesuaian bagi memastikan produk yang disarankan merupakan yang terbaik untuk memenuhi keperluan dan pilihan pelanggan daripada pelbagai kalangan jenis kontrak Syariah yang berbeza. Penyertaan aktif pelanggan dalam mendapatkan pemahaman yang lebih jelas mengenai sesuatu produk perbankan Islam, terutamanya bagaimana ia berbeza daripada produk perbankan konvensional, juga penting bagi memastikan bahawa kehendak pelanggan dipenuhi melalui manfaat yang diperoleh dan tanggungjawab yang dipikul di bawah sesuatu urus niaga kewangan Islam. Usaha juga diperlukan bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran pelanggan mengenai pilihan yang berbeza yang ada di bawah kedua-dua

model pembiayaan dan model primer. Antara inisiatif pihak Bank untuk melahirkan pelanggan yang berpengetahuan adalah Garis Panduan mengenai Ketelusan dan Penzahiran Produk yang menggariskan prinsip dan keperluan penzahiran yang mesti dipatuhi oleh bank.

Kesimpulan

Terdapat peluang yang luas untuk bank-bank Islam mengembangkan produk mereka yang kini sebahagian besarnya tertumpu pada model pembiayaan ke arah produk berasaskan model primer. Potensi perniagaan baharu ini sedang meningkat memandangkan permintaan terhadap produk sedemikian, terutamanya daripada perusahaan kecil dan sederhana. Gabungan produk yang komprehensif berasaskan model primer dan model pembiayaan merupakan satu langkah penting yang akan mengubah model perniagaan perbankan Islam dengan ketara. Oleh itu, bank-bank Islam perlu memastikan bahawa infrastruktur untuk menyokong perubahan ini dibangunkan. Akhirnya, pempelbagaian ini dijangka meletakkan bank-bank Islam pada kedudukan yang lebih baik untuk memenuhi permintaan pelanggan dan seterusnya meningkatkan daya saing bank-bank Islam, serta menyediakan persekitaran untuk pertumbuhan perniagaan kewangan Islam yang mampan dan berkembang pada masa hadapan.

Jawatankuasa ini sedang bekerjasama dengan kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan yang berkenaan untuk meneruskan pelaksanaan saranan tersebut.

Melangkah ke hadapan, Jawatankuasa akan memberikan tumpuan kepada isu undang-undang susulan yang mungkin timbul apabila piawaian operasi Syariah diperkenalkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA 2013). Jawatankuasa akan turut menilai kecukupan mekanisme yang ada bagi menyelesaikan pertikaian yang melibatkan urus niaga kewangan Islam dengan tujuan untuk terus menambah baik pengaturan penyelesaian pertikaian merentas sempadan yang sedia ada.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG BERTERUSAN

Pada dekad yang lalu, inisiatif untuk pembangunan modal insan dalam sektor kewangan tertumpu pada penyediaan latihan dan pendidikan berkualiti tinggi untuk profesional perkhidmatan kewangan pada semua peringkat dalam sesuatu organisasi. Dalam tempoh tersebut, institusi baharu untuk pendidikan dan latihan telah ditubuhkan manakala institusi yang sedia ada ditransformasikan selaras dengan keperluan sektor kewangan yang berubah-ubah. Melangkah ke hadapan, institusi ini akan menjadi penting untuk memenuhi tuntutan standard yang tertinggi dari segi kualiti, profesionalisme dan etika dalam sektor kewangan memandangkan ia menyokong peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Bagi memenuhi keperluan industri dengan lebih baik, pada bulan Disember 2013, Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) telah menyusun semula kedudukannya sebagai Asian Institute of Chartered Bankers, selain melancarkan Asian Banking School. Transformasi IBBM bakal meluaskan jangkauannya kepada ahli profesional perbankan dalam rantau ini dan meningkatkan profilnya sebagai badan profesional menerusi penginstitusian standard profesional, pengendalian peperiksaan dan pemberian anugerah. Transformasi ini juga membolehkan struktur dan mandat berasingan yang bersesuaian dengan fokus strategik khas dan kebebasan pengoperasian Asian Institute of Chartered Bankers dan Asian Banking School. Kurikulum baharu Asian Banking School bakal diperkenalkan pada tahun 2014, untuk memenuhi keperluan pembelajaran industri yang berubah-ubah dan melangkaui penggunaan kaedah pengajaran tradisional di dalam kelas untuk memanfaatkan teknologi terkini dalam pendidikan.

Melangkah ke hadapan, inisiatif pembangunan tenaga mahir akan tertumpu pada usaha memastikan standard yang tinggi bagi kualiti, profesionalisme dan etika dalam sektor kewangan

Untuk memastikan bahawa pelaburan dalam latihan memenuhi keperluan industri dan meningkatkan standard kualiti pembangunan profesional, Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency, FAA) telah dilancarkan pada 6 September 2013 dengan sokongan Bank dan Suruhanjaya Sekuriti. FAA menyediakan perkhidmatan jaminan kualiti dan akreditasi yang bebas bagi program latihan dan pembangunan yang ditawarkan dalam industri perkhidmatan kewangan. Kemajuan yang besar telah dicapai pada tahun 2013, dengan 97 program pembelajaran menerima akreditasi di bawah Rangka Kerja Kualiti FAA dan 15 penyedia latihan dari seluruh dunia telah mendaftar dengan FAA sebagai pelopor kepada penyerahan program latihan yang ditawarkan oleh penyedia ini kepada FAA untuk akreditasi pada masa hadapan. FAA pada masa ini sedang membangunkan Standard Pembelajaran untuk pelbagai sektor dalam industri perkhidmatan kewangan sebagai panduan yang jelas kepada penyedia latihan mengenai standard minimum yang diperlukan untuk akreditasi dari segi rangka, pembangunan dan penyampaian program pembelajaran.

Iktibar utama yang diperoleh daripada krisis dan episod manipulasi pasaran kewangan baru-baru ini ialah betapa pentingnya budaya profesionalisme dan etika yang mantap dalam industri kewangan untuk memastikan kemampanan jangka panjang dan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Berdasarkan matlamat ini, lembaga pengarah Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance) menyokong penubuhan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan

(Lembaga) untuk menggalakkan, menyokong dan memudahkan pembangunan dan penggunaan standard profesional dan amalan etika merentas sektor yang berlainan dalam industri kewangan yang akan memberikan jaminan standard kecekapan dan integriti yang tertinggi oleh tenaga kerja perkhidmatan kewangan. Lembaga ini akan diterajui oleh industri kewangan yang merangkumi pengamal kewangan, dan disokong oleh pakar industri bukan kewangan, yang ternama pada peringkat antarabangsa. Peranannya akan meliputi sokongan terhadap tatakelakuan profesional yang kukuh dan rangka kerja bagi kelayakan dan pembangunan profesional yang berterusan untuk golongan profesional perkhidmatan kewangan. Dalam usaha mewujudkan standard profesional, Lembaga akan berunding dengan pengawal selia dan wakil dari industri insurans, perbankan, kewangan Islam dan pasaran modal.

Penubuhan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan untuk memberikan jaminan terhadap standard kecekapan dan integriti yang tertinggi oleh tenaga kerja perkhidmatan kewangan

Institusi pendidikan dan latihan yang sedia ada terus menambah baik program masing-masing untuk memenuhi keperluan industri dengan lebih berkesan.

- Bagi pengurusan kanan dan lembaga pengarah institusi kewangan, Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif (Iclif Leadership and Governance Centre, Iclif) telah menganjurkan `Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan´ serta melancarkan inisiatif `Kamar Pemimpin´ yang menampilkan siri ceramah dan wawancara dengan pemimpin yang terkemuka. Indeks Kepimpinan Asia (Indeks), iaitu satu lagi inisiatif baharu yang dirancang untuk tahun 2014, bertujuan untuk memprofil landskap kepimpinan merentas 18 buah negara di rantau ini. Indeks ini akan memberikan pemahaman yang mendalam mengenai jurang dalam kepemimpinan seperti jantina, generasi, tahap pendidikan, bangsa, jenis organisasi dan industri, dan akan memaklumkan tentang perkembangan program Iclif untuk pemimpin pada masa hadapan.
- Dalam kewangan Islam, Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) memperkenalkan program baharu, iaitu program Ijazah Doktor Falsafah Industri yang bertujuan meningkatkan kualiti pemimpin berwawasan yang utama dalam industri. INCEIF juga bekerjasama dengan kumpulan perunding pengurusan global untuk membangunkan rangka tindakan kompetensi tingkah laku kepimpinan untuk industri kewangan Islam global.

Melangkah ke hadapan, Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Majlis) berperingkat tinggi akan ditubuhkan bagi merangka strategi yang disasarkan untuk memastikan kemampanan kumpulan tenaga mahir berkualiti tinggi bagi sektor kewangan. Menerusi usahanya, Majlis ini dijangka memainkan peranan utama dalam pembentukan hala tuju strategi tenaga mahir untuk menguruskan cabaran terbesar dalam pengurusan modal insan yang dihadapi oleh industri kewangan. Ini akan meliputi usaha menguruskan cabaran yang berpunca daripada bertambahnya pergerakan tenaga kerja merentas sempadan dan institusi, tenaga kerja daripada pelbagai generasi yang mempunyai pelbagai dorongan kerjaya dan aspirasi, serta keperluan untuk program latihan dan struktur penyampaian untuk terus kekal relevan dalam industri yang pesat berubah.

KEUTAMAAN PENTING MELANGKAH KE HADAPAN

Fokus yang berterusan akan diberikan kepada pembangunan sektor kewangan yang progresif, mampan dan inklusif, yang berupaya untuk mendorong transformasi Malaysia ke arah ekonomi yang bernilai tambah dan berpendapatan tinggi pada dekad ini. Ini akan dipandu oleh Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, dengan fokus dalam bidang berikut:

- Pertama, usaha akan digiatkan untuk meningkatkan kapasiti institusi kewangan dan pasaran kewangan ke arah menyediakan produk dan perkhidmatan yang meningkatkan nilai bagi bidang pertumbuhan baharu, terutamanya dalam sektor teknologi dan sektor berasaskan pengetahuan, yang amat penting untuk menyokong negara bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai ekonomi. Ini akan melibatkan skim

pembiayaan dan pendekatan yang lebih inovatif untuk menyokong entiti pada fasa permulaan yang awal;

- Kedua, fokus akan tertumpu pada usaha menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan yang lebih meluas untuk memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai dan berbeza-beza, termasuklah golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Bank akan bekerjasama dengan industri untuk mempertingkat penyediaan produk simpanan jangka panjang yang membawa pulangan yang baik dan komitmen simpanan berkala yang rendah untuk memupuk budaya menyimpan yang sihat dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, yang akan membantu mereka memenuhi matlamat kewangan, seperti memiliki rumah, dan mencapai jaminan kewangan. Untuk memberikan perlindungan yang lebih baik kepada golongan berpendapatan rendah dan perniagaan kecil daripada kejadian yang tidak diingini dan tidak diduga, Bank juga akan berusaha untuk meluaskan produk insurans dan takaful kepada golongan yang mudah terjejas menerusi saluran yang mudah diakses;
- Bidang fokus yang ketiga ialah pelaksanaan pembaharuan berasaskan pasaran untuk meningkatkan persaingan serta menambah baik kecekapan dan ketelusan dalam industri insurans dan takaful. Keutamaan segera adalah untuk memastikan perlindungan yang mencukupi disediakan dan berfungsi dengan berkesan untuk melindungi kepentingan pengguna dan menyokong peralihan yang lebih teratur ke arah landskap insurans dan takaful yang lebih liberal. Perbincangan yang aktif dengan persatuan industri akan dilaksanakan untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih proaktif bagi memudahkan liberalisasi industri secara beransur-ansur dan terkawal sambil mengekalkan disiplin pasaran dalam kalangan penanggung insurans dan pengendali takaful;
- Bidang fokus yang keempat ialah pembangunan rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif untuk memudahkan pempelbagaian perniagaan dan produk kewangan Islam. Bank akan melaksanakan rancangan peralihan untuk memudahkan klasifikasi pelbagai jenis akaun kewangan Islam yang ditawarkan oleh bank-bank, sama ada sebagai akaun pelaburan (tidak memberi jaminan prinsipal) atau deposit Islam (memberikan jaminan prinsipal), menurut keperluan IFSA 2013. Melangkah ke hadapan, usaha untuk menggalakkan kepastian dan mengukuhkan pematuhan Syariah urus niaga kewangan Islam akan diteruskan menerusi terbitan Syariah dan standard pengoperasian kontrak Syariah utama. Infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong penawaran produk yang lebih meluas juga sedang dibangunkan, termasuklah inisiatif bersama antara Bank dengan industri perbankan Islam bagi mewujudkan platform yang membolehkan pendanaan langsung kepada usaha perniagaan oleh pemegang akaun pelaburan; dan
- Bidang fokus yang kelima adalah untuk terus membina dan mengukuhkan hubungan kewangan Malaysia pada peringkat serantau dan antarabangsa. Ini akan meliputi pengoperasian Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN dan promosi terbitan sukuk yang lebih meluas untuk memudahkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan serta menyokong kecekapan pengantaraan aliran dana Islam antarabangsa yang semakin meningkat.

2013

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

107 Memperkukuhkan Rangka Kerja Kehematan

114 Memelihara Integriti Sistem Kewangan

118 *Rencana: Memperkukuh Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)*

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan keadaan yang menyumbang kepada kestabilan kewangan di samping menyokong pembangunan sektor kewangan. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) yang dikuatkuasakan pada Jun 2013 telah memperkukuh kuasa yang diperuntukkan kepada Bank untuk melaksanakan peranan pengawalan dan penyeliaan secara berkesan dalam landskap kewangan yang semakin kompleks. Susulan itu, keutamaan dalam pengawalseliaan Bank telah ditumpukan pada usaha menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang baharu, termasuk mengorientasikan semula tumpuan penyeliaan kewangan melangkaui institusi kewangan secara individu untuk mengambil kira risiko pada peringkat kumpulan dan sistem. Rangka kerja kehematan turut diperkukuh pada tahun 2013 sejajar dengan pembaharuan pengawalseliaan antarabangsa. Ini termasuk pelaksanaan piawaian modal yang diperkukuh di bawah Basel III dan keperluan yang lebih tinggi bagi dedahan kepada sesuatu rakan niaga (single counterparties). Bank juga terus mencapai kemajuan dalam usahanya untuk mengukuhkan lagi piawaian mudah tunai untuk institusi perbankan, di samping inisiatif yang lebih luas bagi menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap dalam industri kewangan.

Keutamaan dalam pengawalseliaan Bank telah ditumpukan pada usaha menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang baharu

Tumpuan terus diberikan pada usaha memperkukuh perlindungan daripada ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Kemajuan terus dicapai dalam usaha menaikkan tahap pematuhan terhadap langkah-langkah untuk membanteras ancaman tersebut dalam industri perniagaan perkhidmatan wang. Bank juga telah mempergiat usaha menilai keberkesanan kawalan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and countering the financing of terrorism, AML/CFT) dalam institusi kewangan. Tindakan penguatkuasaan dan penyeliaan diteruskan terhadap institusi kewangan yang gagal mengawal risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan secara berkesan dalam operasi mereka. Langkah ini bertujuan memastikan institusi kewangan terus berwaspada terhadap ancaman tersebut, termasuk ancaman baharu yang timbul, dan mengambil langkah yang wajar untuk melindungi integriti sistem kewangan.

MEMPERKUKUH RANGKA KERJA KEHEMATAN

Pengawalan dan penyeliaan kumpulan kewangan

FSA dan IFSA menyediakan peruntukan untuk Bank melaksanakan pengawasan terhadap kumpulan kewangan bagi memastikan risiko daripada aktiviti syarikat gabungan institusi berlesen diurus dan dikawal dengan sewajarnya. Langkah ini merupakan suatu penambahbaikan yang ketara kepada rangka kerja undang-undang untuk sektor kewangan dan merintis jalan untuk Bank menyediakan rangka kerja kehematan bagi kumpulan kewangan yang akan memperkukuh rangka kerja kehematan sedia ada yang tertumpu pada peringkat entiti untuk melindungi pendeposit dan pemegang polisi. Rangka kerja tersebut akan menjadi semakin penting apabila institusi kewangan menawarkan produk yang inovatif dan memasuki pasaran yang baharu dalam usaha mencapai pertumbuhan dan kepelbagaian yang lebih tinggi.

Berikutan kajian menyeluruh ke atas struktur kumpulan serta ciri-ciri dan skop aktiviti kumpulan yang ada di Malaysia, Bank menggariskan pendekatan yang akan diambil untuk mengawasi kumpulan kewangan pada awal tahun 2014. Bank menjelaskan bagaimana sempadan kumpulan kewangan akan ditentukan untuk tujuan pengawalan dan penyeliaan berhemat,

dan seterusnya skop pengawalan dan penyeliaan yang akan digunakan. Secara amnya, Bank akan menghendaki institusi berlesen atau syarikat pemegangan kewangan yang berada pada kedudukan tertinggi dalam struktur sesebuah kumpulan kewangan sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan piawaian kehematan pada peringkat kumpulan – termasuk yang berkaitan dengan kecukupan modal dan mudah tunai, tadbir urus korporat dan pengurusan risiko. Entiti yang berada pada kedudukan tertinggi ini juga akan menjadi tumpuan utama dalam aktiviti penyeliaan, seperti mendapatkan maklumat bagi tujuan penilaian risiko ke atas kekukuhan kewangan kumpulan tersebut. Piawaian pada peringkat kumpulan ini akan melengkapi pendekatan pengawalan dan penyeliaan tradisional yang memberikan tumpuan kepada institusi berlesen atas asas sendirian (standalone basis) dengan memastikan rangka kerja kehematan juga mengambil kira risiko yang mungkin timbul kepada institusi berlesen akibat kesalinghubungan dan kebergantungannya dengan entiti lain dalam sebuah kumpulan kewangan dan pada peringkat kumpulan yang lebih luas. Sekiranya entiti ini dikawal selia oleh pihak berkuasa yang lain, Bank akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan dan asing yang berkaitan untuk memastikan kumpulan kewangan memenuhi piawaian kehematan yang dikehendaki. Ini termasuk kerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan negara asal bagi institusi berlesen milik asing untuk memastikan operasi di Malaysia berada di bawah penyeliaan dan pengawalan yang menangani secukupnya risiko di seluruh kumpulan terhadap institusi berlesen tersebut di Malaysia.

Bagi kumpulan dengan pelbagai entiti yang beroperasi dalam kedua-dua sektor perbankan dan sektor insurans atau takaful, entiti perbankan dan insurans atau takaful perlu diasingkan. Ini bagi membolehkan piawaian modal peringkat kumpulan yang merupakan rangka kerja kehematan yang penting dapat dilaksanakan secara berkesan kepada kumpulan entiti yang beroperasi dalam dua sektor yang berbeza. Pengasingan itu juga bertujuan memastikan Bank dan kumpulan kewangan mempunyai tumpuan yang jelas terhadap pengurusan dan kawalan risiko seluruh kumpulan kepada institusi perbankan dan entiti insurans atau takaful. Sekiranya sesebuah syarikat pemegangan kewangan yang diluluskan merupakan sebahagian daripada konglomerat perindustrian, Bank boleh menghendaki supaya langkah perlindungan tambahan dilaksanakan bagi mengurangkan risiko penularan ke atas kumpulan kewangan dan institusi berlesen dalam kumpulan tersebut. Ini termasuk keperluan untuk memastikan urus niaga dan dedahan dalam kumpulan berada dalam had yang berhemat.

Piawaian kehematan pada peringkat kumpulan akan diperkenalkan secara beransur-ansur bermula tahun 2014

Kebanyakan kumpulan perbankan tempatan yang terbesar telah pun diterajui oleh institusi perbankan berlesen atau syarikat pemegangan kewangan yang ditetapkan oleh Bank sebelum penggubalan FSA dan IFSA. Institusi dan syarikat tersebut akan terus menjadi entiti tertinggi bagi tujuan penyeliaan dan pengawalan seluruh kumpulan di bawah FSA dan IFSA. Untuk kumpulan kewangan yang selebihnya, Bank menjangka akan meluluskan entiti tertinggi yang berkaitan pada separuh pertama tahun 2015. Entiti tertinggi yang diluluskan akan bertanggungjawab mewujudkan dan melaksanakan dasar dan prosedur pada peringkat kumpulan untuk memastikan kumpulan kewangan mematuhi keperluan kehematan secara bersepadu. Ini juga akan membolehkan Bank mempunyai pandangan yang wajar terhadap risiko peringkat kumpulan yang ketara yang boleh memberikan kesan kepada institusi berlesen.

Piawaian kehematan pada peringkat kumpulan akan diperkenalkan secara berperingkat bermula dari tahun 2014. Set pertama piawaian yang berkaitan dengan kecukupan modal untuk kumpulan perbankan yang diterajui oleh syarikat pemegangan kewangan akan dikeluarkan untuk maklum balas industri pada separuh pertama tahun 2014. Ini akan diikuti oleh piawaian tadbir urus korporat dan pengurusan risiko untuk semua kumpulan kewangan, dan piawaian pengurusan mudah tunai untuk kumpulan perbankan.

Pembangunan piawaian kecukupan modal untuk kumpulan insurans juga sedang dirancang, namun ia tidak akan dilaksanakan dalam

tempoh yang terdekat. Ini bagi membolehkan Bank mengambil kira hasil usaha yang sedang dijalankan oleh Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS) untuk membentuk satu piawaian modal insurans global yang akan menyediakan satu pendekatan antarabangsa yang seragam untuk mengendalikan dedahan merentas sempadan. Piawaian kecukupan modal kumpulan yang dicadangkan juga akan dibangunkan bagi menangani dedahan risiko tergabung dalam operasi konvensional dan takaful. Pada masa ini, kebanyakan kumpulan insurans di Malaysia tidak mempunyai operasi yang ketara di luar Malaysia atau dalam sektor bukan insurans. Sebilangan kecil kumpulan insurans aktif dalam industri pengurusan dana yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti. Faktor-faktor ini mengehadkan potensi risiko penularan daripada mengancam keselamatan dan kekukuhan entiti insurans dan takaful berlesen pada masa ini, sementara piawaian modal seluruh kumpulan bagi kumpulan insurans di Malaysia dibangunkan.

Keperluan kecukupan modal dan mudah tunai dalam sektor perbankan

Piawaian modal kawal selia yang lebih tinggi di bawah pakej pembaharuan Basel III telah dilaksanakan di Malaysia bermula 1 Januari 2013. Selain meningkatkan tahap modal minimum yang diperlukan, kualiti penampan modal dalam sistem perbankan sedang ditingkatkan melalui keperluan bagi instrumen modal supaya memiliki ciri menyerap kerugian yang jelas, seperti penukaran kepada ekuiti atau menghapus kira instrumen apabila institusi perbankan tidak lagi berdaya maju. Pengiraan modal yang lebih berhemat juga telah diterima pakai untuk mengambil kira, antara lain, tahap ketidakpastian yang lebih tinggi berkaitan dengan penilaian instrumen kewangan dan harta tanah yang tertentu.

Institusi perbankan terus mengekalkan kedudukan modal yang kukuh di bawah piawaian modal yang lebih tinggi, dan menyokong aktiviti pengantaraan domestik. Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1) untuk sistem perbankan Malaysia berada pada 12.1% pada akhir tahun 2013, jauh melebihi 3.5% yang diperlukan pada tahun 2013 dan 4.0% yang akan berkuat kuasa pada tahun 2014. Tahun 2013 juga menyaksikan institusi perbankan terus menggunakan program pelaburan semula dividen dan menerbitkan instrumen modal baharu yang mematuhi piawaian Basel III untuk mengukuhkan lagi penampan modal lebih awal dari garis masa yang diberi untuk keperluan pengawalseliaan tersebut dikuatkuasakan sepenuhnya. Setakat akhir tahun 2013, enam institusi perbankan telah memperoleh lebih daripada RM3.3 bilion melalui terbitan instrumen modal Kumpulan 2 yang memenuhi keperluan untuk menampung kerugian yang lebih tinggi.

Enam institusi perbankan telah memperoleh lebih daripada RM3.3 bilion melalui terbitan instrumen modal Kumpulan 2 yang memenuhi keperluan untuk menampung kerugian yang lebih tinggi

Penentukuran piawaian mudah tunai baharu yang selaras dengan piawaian Basel III juga telah mencapai kemajuan. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Bank, piawaian ini akan dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2015. Berikutan semakan ke atas Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision) pada bulan Januari 2013 untuk meminda takrifan aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) dan perincian semula kadar aliran masuk dan aliran keluar tunai, Bank telah mengemas kini keperluan pelaporan `tempoh pemerhatian´ (`observation period´) pada bulan Julai 2013 bagi memudahkan penilaian ke atas kesan kuantitatif daripada peraturan baharu bagi sektor perbankan domestik. Walaupun LCR dari segi konsepnya sama dengan rangka kerja mudah tunai sedia ada yang dilaksanakan di Malaysia, namun pengukuran yang lebih luas dan lebih terperinci ke atas dedahan risiko mudah tunai di bawah LCR akan terus memperkukuh kedudukan daya tahan sistem perbankan terhadap kejutan mudah tunai yang teruk.

Institusi perbankan telah menambah baik sistem pengumpulan maklumat dan pelaporan untuk mematuhi keperluan pelaporan mengenai kedudukan mudah tunai berdasarkan piawaian Basel III. Keperluan pelaporan ini telah diperkenalkan sejak tahun 2012 sebagai sebahagian daripada tempoh pemerhatian sebelum peraturan mudah tunai yang muktamad

diterima pakai di Malaysia. Walaupun kedudukan LCR sebenar akan ditentukan berdasarkan bagaimana parameter akhirnya disesuaikan di bawah peraturan mudah tunai Bank yang muktamad, laporan awal menunjukkan bahawa purata LCR sektor perbankan pada akhir tahun 2013 melebihi 90%, dengan majoriti institusi perbankan melaporkan kedudukan LCR yang melebihi 100% – jauh melebihi tahap pematuhan minimum 60% yang diperlukan pada tahun 2015 di bawah Basel III. Walau bagaimanapun, kedudukan ini dijangka terus meningkat kerana institusi perbankan terus mengukuhkan kedudukan pendanaan mereka – termasuk melalui mempelbagaikan sumber pendanaan, membangunkan produk baharu seperti deposit jangka kematangan tetap dengan pembatasan yang eksplisit untuk pengeluaran awal, dan menerbitkan instrumen hutang senior jangka panjang – dan meningkatkan lagi kualiti sistem dalaman untuk mengumpul dan melaporkan maklumat tentang risiko mudah tunai.

Data daripada laporan dalam tempoh pemerhatian juga menunjukkan sebahagian besar daripada stok HQLA yang dipegang oleh institusi perbankan mempunyai kualiti yang paling tinggi, dan termasuk dalam takrif aset `Peringkat 1´ (`Level 1´). Aset Peringkat 1 ini – yang ditakrifkan sebagai aset yang boleh ditukar dengan mudah dan serta-merta kepada wang tunai dengan sedikit atau tanpa kehilangan nilai walaupun dalam keadaan tertekan, dan termasuk sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh kerajaan dan bank-bank pusat – mencakupi hampir 80% daripada HQLA yang dilaporkan, jauh melebihi paras minimum 60% seperti yang dinyatakan dalam peraturan itu. HQLA selebihnya yang dilaporkan terdiri daripada aset `Peringkat 2´ (`Level 2´) termasuk sekuriti hutang korporat dengan penarafan yang tinggi. Walaupun Jawatankuasa Basel juga membenarkan pengiktirafan yang terhad bagi sekuriti hutang korporat yang bertaraf lebih rendah, ekuiti yang tersenarai dan sekuriti bersandarkan gadai janji harta kediaman dalam aset Peringkat 2, ini mencakupi hanya sebahagian kecil (4%) daripada stok HQLA yang dipegang oleh institusi perbankan. Pasaran bon dan sukuk domestik, yang merupakan salah satu pasaran yang terbesar dan paling dalam di rantau ini, dijangka terus menyediakan bekalan HQLA yang mencukupi untuk memenuhi keperluan agregat penampan mudah tunai sistem perbankan. Pada akhir tahun 2013, sekuriti boleh niaga dalam denominasi ringgit yang layak dikira sebagai HQLA Peringkat 1 bernilai RM636.6 bilion. Sepanjang lima tahun yang lalu, terbitan bersih HQLA dalam denominasi ringgit meningkat pada sekitar 13% setiap tahun. Ini merupakan petanda yang baik dalam penyediaan bekalan aset yang stabil bagi memenuhi keperluan sistem perbankan pada masa hadapan.

Suatu pertimbangan yang penting dalam rangka kerja mudah tunai di Malaysia ialah jumlah ketara dan sifat unik pendanaan borong yang menyumbang lebih daripada 60% jumlah deposit yang diterima. Sebahagian daripada dana borong dalam sistem perbankan merupakan deposit yang disimpan oleh skim simpanan persaraan wajib seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim persaraan lain. Memandangkan peranan simpanan persaraan yang ketara dalam menyalurkan sebahagian besar pendanaan daripada isi rumah kepada sektor perbankan, peraturan mudah tunai yang dicadangkan untuk diterima pakai di Malaysia akan mempertimbangkan pilihan untuk olahan ke atas skim-skim tersebut. Olahan ini akan mengambil kira, antara lainnya, kestabilan sumber pendanaan ini pada dasarnya, dan sebarang pembatasan yang dikenakan ke atas pelaburan dana ini ke luar negara.

Pasaran bon dan sukuk domestik dijangka terus menyediakan bekalan HQLA yang mencukupi untuk memenuhi keperluan agregat penampan mudah tunai sistem perbankan

Bank dijangka mengeluarkan kertas konsep tentang piawaian mudah tunai yang baharu ini pada pertengahan tahun 2014. Selain olahan ke atas deposit borong, cadangan ini akan mengambil kira skop aset Peringkat 2 yang boleh diiktiraf sebagai HQLA, olahan ke atas obligasi pendanaan luar jangka yang mana kadar ketirisan (run-off rate) tidak ditetapkan oleh Jawatankuasa Basel, dan olahan ke atas pendanaan tidak sepadan (funding mismatches) merentas mata wang.

Keperluan kualitatif juga akan terus memainkan peranan yang penting dalam rangka kerja

pengawalan dan penyeliaan untuk memastikan amalan pengurusan mudah tunai yang kukuh oleh institusi perbankan. Ini dapat dilihat melalui penambahbaikan yang dibuat oleh Bank baru-baru ini kepada rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko bagi memperkukuh penekanan ke atas penilaian penyeliaan terhadap risiko mudah tunai. Bank juga merancang dalam tempoh terdekat untuk mengeluarkan piawaian mengenai pengurusan risiko mudah tunai yang bertujuan meningkatkan amalan industri dalam bidang seperti ujian tekanan dan perancangan luar jangka, penetapan had risiko mudah tunai dan penentuan harga pindahan mudah tunai. Piawaian ini akan mengambil kira pemerhatian penyeliaan semasa ke atas amalan pengurusan risiko mudah tunai, dan akan memperkukuh penggunaan metrik mudah tunai seperti pematuhan terhadap LCR dan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih untuk meningkatkan lagi daya tahan sistem perbankan terhadap tekanan mudah tunai.

Had ke atas dedahan kepada sesuatu rakan niaga

Keperluan pengawalseliaan yang telah ditambah baik mengenai dedahan institusi perbankan kepada sesuatu rakan niaga (juga dirujuk sebagai Had Dedahan kepada Sesuatu Rakan Niaga atau Single Counterparty Exposure Limit, SCEL) telah diperkenalkan pada 1 Mac 2013. SCEL berfungsi sebagai langkah penahan (`backstop´) untuk mengelakkan penumpuan yang berlebihan dalam dedahan risiko yang boleh mengancam kedudukan kewangan institusi perbankan dengan ketara. Perubahan utama dalam keperluan pengawalseliaan ialah: (i) takrifan `dedahan´ yang lebih luas untuk mendapatkan dengan lebih baik pelbagai cara yang mungkin menyebabkan dedahan kedudukan kewangan institusi perbankan akibat kemerosotan dalam kedudukan kredit rakan niaga; (ii) menyediakan skop untuk institusi perbankan menggunakan penghindar risiko kredit sebagai satu cara untuk meningkatkan dedahan mereka kepada sesuatu rakan niaga; dan (iii) menjelaskan agregat dedahan kepada rakan niaga yang berkaitan.

Berikutan maklum balas yang diterima daripada industri dan data tambahan yang dianalisis oleh Bank dalam tempoh pelaksanaan awal, Bank terus memperkemas SCEL pada bulan Disember 2013 untuk mengawal kesan keperluan ke atas aktiviti pengunderaitan dan perlindungan nilai yang tidak meningkatkan risiko penumpuan dengan ketara kepada institusi perbankan. Institusi perbankan dikehendaki mematuhi sepenuhnya keperluan semakan ini bermula 1 Mac 2015.

Keperluan kecukupan modal dalam sektor insurans dan takaful

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT) berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 susulan pelaksanaan secara selari selama satu tahun. Dalam persediaan untuk menerima pakai RBCT, usaha secara meluas telah diambil oleh pengendali takaful pada tahun 2013, termasuk menilai strategi perniagaan dan pelaburan, menambah baik profil risiko serta mengukuhkan amalan pengurusan risiko. Usaha ini telah membantu melancarkan lagi peralihan kepada rejim yang baharu. Caj modal yang dijajarkan kepada risiko di bawah RBCT telah meningkatkan dengan ketara insentif untuk mengukuhkan aktiviti pengunderaitan risiko, dan dengan pelaksanaannya, pengendali takaful telah membuat pelaburan yang besar untuk menambah baik sistem IT dan pengurusan maklumat yang menyokong analisis dan pemantauan risiko yang lebih berkesan. Selain memastikan pengendali takaful mempunyai modal yang kukuh, Bank menghendaki penambahbaikan yang berterusan dan lebih cepat dalam amalan pengurusan risiko yang diterima pakai oleh pengendali takaful. Kehendak ini berikutan penekanan yang lebih tinggi yang diberikan oleh RBCT ke atas lembaga pengarah dan pihak pengurusan pengendali takaful untuk melaksanakan rancangan dan strategi pengurusan modal yang berkesan.

Salah satu objektif rangka kerja modal bagi institusi kewangan ialah meningkatkan keseragaman piawaian merentas sektor perbankan, insurans dan takaful dengan sewajarnya. Sehubungan dengan itu, Bank akan mempertimbangkan kesesuaian penambahbaikan yang diperkenalkan di bawah rangka kerja kecukupan modal untuk institusi perbankan untuk diperluaskan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful. Bank dijangka tidak membuat apa-apa perubahan yang ketara ke atas rangka kerja yang sedia ada sehingga kemajuan yang lebih besar dicapai dalam pembangunan piawaian modal insurans pada peringkat global oleh IAIS. Walau bagaimanapun, Bank akan meneruskan perubahan yang perlu untuk mengemas kini piawaian penilaian yang diterima pakai untuk instrumen kewangan dan kontrak insurans di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans

(Risk-Based Capital Framework for Insurers, RBC) dan RBCT sejajar dengan penggunaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 susulan pelaksanaan secara selari selama satu tahun

Penilaian kecukupan modal dalaman
Selain keperluan modal pengawalseliaan minimum yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan, syarikat insurans dan pengendali takaful di bawah rangka kerja kecukupan modal masing-masing, institusi kewangan juga dikehendaki menjalankan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) untuk memastikan institusi kewangan mengekalkan modal yang cukup secara berterusan untuk menyokong operasi perniagaan dan menguruskan apa-apa risiko yang tidak dijangka yang boleh menjejaskan kedudukan kewangan institusi kewangan tersebut.

Bagi sektor perbankan, Bank telah membuat peninjauan kali kedua ke atas rangka kerja ICAAP institusi perbankan pada tahun 2013 berbanding dengan keperluan yang digariskan dalam garis panduan ICAAP yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2010. Selain menilai tahap pematuhan rangka kerja ICAAP institusi terhadap garis panduan Bank, tinjauan ini juga menilai keberkesanan program tersebut dalam memenuhi objektif amalan risiko dan modal yang kukuh seperti yang dikehendaki.

Bank mendapati kemajuan selanjutnya telah dicapai oleh industri perbankan dalam usaha memperkukuh infrastruktur pembangunan program ICAAP. Ini termasuk penggunaan pendekatan yang lebih berpandangan hadapan bagi pengurusan modal dan teknik pengukuran risiko yang lebih terperinci. Tahap penglibatan yang tinggi oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam pengawasan ICAAP juga diperlihatkan, dengan ICAAP berfungsi sebagai alat yang semakin penting untuk menyepadukan keputusan strategi perniagaan, pengurusan risiko dan pengurusan modal dalam institusi perbankan. Terutamanya, penyediaan rangka kerja yang lebih formal mengenai kesanggupan mengambil risiko (risk appetite) telah mendapat sambutan dalam industri perbankan, sekali gus menggariskan hubungan yang lebih jelas antara kedudukan modal institusi dengan dedahan risiko yang berpunca daripada aktiviti perniagaan. Rangka kerja ini seterusnya digunakan sebagai panduan dalam pelan strategik dan perniagaan bagi kebanyakan institusi perbankan. Institusi perbankan juga terus melabur dalam sistem maklumat dan infrastruktur pelaporan untuk menyokong ICAAP, sekali gus meningkatkan proses membuat keputusan.

Sebagai sebahagian daripada ICAAP, institusi perbankan juga dikehendaki menetapkan sasaran modal dalaman yang mencerminkan profil risiko dan rancangan perniagaan, di samping merangka strategi bagi mencapai dan mengekalkan tahap modal yang telah disasarkan. Pemerhatian Bank telah mendapati sasaran modal dalaman secara formal telah diterima pakai secara lebih meluas dalam sektor perbankan, dengan majoriti institusi perbankan menyasarkan nisbah Jumlah Modal sebanyak 12% atau lebih. Walau bagaimanapun, proses untuk menentukan sasaran modal boleh terus diperbaiki, khususnya melalui pengukuhan proses ujian tekanan untuk mencerminkan pendekatan yang lebih mantap bagi mengenal pasti senario dan andaian keadaan ekonomi dan operasi masa hadapan. Senario dan andaian yang pelbagai seharusnya membantu penilaian sasaran modal dan kesan daripada peristiwa yang menjejaskan tahap modal. Institusi perbankan juga perlu mempertimbang usaha menambah baik lagi mekanisme untuk memantau dan mengekalkan secara berwibawa tahap modal sejajar dengan sasaran modal dalaman dan rancangan modal yang diluluskan.

Bagi sektor insurans, penanggung insurans hayat dan am telah dikehendaki melaksanakan ICAAP sejak tahun 2012 bagi memperkukuh sasaran modal dalaman yang perlu dipatuhi oleh penanggung insurans di bawah RBC. Sama seperti institusi perbankan, Bank mendapati penanggung insurans telah memberikan lebih penekanan terhadap interaksi antara risiko dengan modal, khususnya melalui penyediaan penyata tahap kesanggupan mengambil risiko (risk appetite statement) dan pemformalan rancangan pengurusan modal. Walau bagaimanapun, masih terdapat skop untuk integrasi selanjutnya bagi rangka

kerja kesanggupan mengambil risiko dengan dasar pengurusan modal. Bank juga telah menggalakkan penanggung insurans supaya memastikan rancangan pengurusan modal menyediakan panduan yang jelas mengenai tindakan pemulihan yang akan diambil apabila nilai ambang modal utama tidak dapat dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada proses penyeliaan, Bank akan terus menilai pelaksanaan ICAAP oleh penanggung insurans dan menilai kemajuan yang dicapai untuk mengatasi apa-apa kelemahan yang dikenal pasti. Dalam sektor takaful, berikutan pelaksanaan RBCT, kehendak pengawalseliaan bagi pengendalian ICAAP oleh pengendali takaful akan dikeluarkan pada tahun 2014. Meskipun sebahagian besarnya serupa dengan ICAAP bagi penanggung insurans, kehendak tersebut juga akan mengambil kira ciri-ciri model perniagaan yang unik kepada pengendali takaful dan ciri khusus kontrak kewangan Islam yang dimeterai oleh pengendali takaful.

Peranan aktuari

Aktuari dilantik mempunyai peranan yang penting dalam rangka kerja kehematan bagi menggalakkan pengurusan kewangan yang baik oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Rangka kerja kehematan meletakkan tanggungjawab pada aktuari dilantik untuk mengesahkan kecukupan rizab yang dipegang oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk memenuhi liabiliti polisi. Aktuari dilantik juga bertanggungjawab menyediakan laporan mengenai kedudukan kewangan penanggung insurans atau pengendali takaful yang digunakan sebagai asas untuk menyokong pengawasan lembaga pengarah terhadap hal ehwal kewangan institusi. Laporan kedudukan kewangan juga digunakan dalam penilaian penyeliaan oleh Bank. Pada tahun 2013, Bank telah mengkaji semula piawaian kehematan yang sedia ada mengenai aktuari dilantik. Hasil daripada kajian semula ini, Bank telah membentangkan cadangan pada Jun 2013 untuk mengukuhkan piawaian ini, yang diselaraskan dengan amalan terbaik antarabangsa, untuk maklum balas industri. Selaras dengan perluasan skop bagi peruntukan mengenai aktuari dilantik dalam FSA dan IFSA, cadangan ini juga meliputi keperluan yang terpakai bagi aktuari yang dilantik oleh penanggung insurans dan pengendali takaful am.

Cadangan yang telah dibuat ini adalah untuk meningkatkan kedudukan aktuari dilantik dengan menghendaki aktuari dilantik mempunyai akses secara langsung kepada lembaga pengarah, dan memastikan aktuari memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha meningkatkan tahap pemahaman lembaga pengarah dan pengurusan mengenai isu berkenaan bidang aktuari. Ini termasuk memberikan penekanan yang lebih bagi memastikan isu berkaitan bidang aktuari disampaikan dengan jelas dan tepat pada masanya, serta risiko dan implikasi kewangan daripada isu tersebut difahami sepenuhnya oleh pihak yang bukan pakar dalam bidang ini. Cadangan turut ditumpukan pada usaha mengukuhkan keberkesanan fungsi kawalan yang dijalankan oleh aktuari dilantik. Ini termasuk cadangan yang memerlukan aktuari dilantik sebagai pekerja sepenuh masa untuk penanggung insurans atau pengendali takaful, dan pengasingan tanggungjawab yang lebih jelas bagi aktuari dilantik daripada tanggungjawab penentuan harga yang mungkin bercanggah dengan kewajipannya untuk mengesahkan kecukupan rizab insurans atau takaful.

Maklum balas daripada industri terutamanya berkisar pada implikasi cadangan ini terhadap permintaan tenaga mahir aktuari di Malaysia. Kadar permintaan dijangka lebih ketara dalam industri insurans dan takaful am. Bank mengakui bahawa pendekatan pragmatik termasuk pengaturan bagi peralihan yang sesuai dengan inisiatif jangka panjang untuk membangunkan kumpulan tenaga mahir aktuari mungkin diperlukan untuk melaksanakan piawaian yang lebih tinggi dan menyokong pertumbuhan operasi insurans dan takaful domestik pada masa hadapan. Bank kini hampir memuktamadkan piawaian yang akan mencerminkan pertimbangan ini.

Penentuan harga berasaskan pengetahuan risiko bagi pinjaman runcit

Pada tahun 2013, piawaian juga telah dikeluarkan untuk menggalakkan penentuan harga pinjaman runcit dan produk pembiayaan yang kukuh. Ini bukan sahaja penting untuk daya maju jangka panjang pemberi pinjaman, tetapi juga untuk menggalakkan pasaran kredit yang kukuh. Walaupun piawaian pinjaman secara amnya kekal berhemat di seluruh sektor perbankan dan kewangan pembangunan, amalan penentuan harga yang lebih agresif oleh pemberi pinjaman disebabkan persaingan yang meningkat telah diperhatikan dalam segmen pinjaman runcit. Ini boleh meningkatkan risiko portfolio terutamanya apabila model penentuan harga yang kurang mantap tidak

membolehkan institusi perbankan mengenal pasti dan mengurus segmen risiko yang salah penentuan harganya. Piawaian penentuan harga berasaskan pengetahuan risiko bertujuan mengurangkan risiko ini dengan menghendaki peminjam menyediakan anggaran realistik kos dan kerugian yang dijangka daripada pinjaman runcit dan produk pembiayaan dalam segmen yang berbeza, di samping memastikan implikasi strategi penentuan harga yang terpilih difahami dengan baik dan dicerminkan oleh rancangan pengurusan modal dan risiko institusi perbankan tersebut. Dalam tempoh dua tahun sejak julung kalinya Bank mengumumkan rancangannya untuk melaksanakan piawaian ini, pemberi pinjaman telah mencapai kemajuan yang besar untuk mengatasi kelemahan yang penting dalam data dan sistem yang telah menjadi halangan kepada piawaian ini diterima pakai lebih awal. Piawaian ini akan dikuatkuasakan pada bulan Mac 2014.

Piawaian telah dikeluarkan untuk menggalakkan penentuan harga pinjaman runcit dan produk pembiayaan yang kukuh

Akaun pelaburan Islam
Bagi mencerminkan perkembangan yang berterusan dalam sistem kewangan Islam di Malaysia, IFSA memperkenalkan perbezaan yang jelas antara `deposit Islam´ dengan `akaun pelaburan´ selaras dengan prinsip Syariah. Di bawah undang-undang ini, akaun pelaburan disyaratkan tidak boleh menjamin bayaran balik jumlah pokok dan pulangan ke atas wang yang dibayar ke dalam akaun. Sebaliknya, jumlah pokok dan pulangan bergantung pada prestasi aset yang mendasari akaun itu. Berbanding dengan deposit, akaun pelaburan mendedahkan pelabur kepada risiko yang lebih tinggi. Oleh itu, satu piawaian telah dicadangkan oleh Bank pada bulan Mac 2013 bagi menggalakkan pengurusan akaun pelaburan yang mapan. Cadangan itu meliputi keperluan untuk memastikan pengaturan pengawasan dan pengurusan risiko yang sewajarnya dilaksanakan untuk mengurus pelaburan yang mendasari akaun ini dan mendukung pematuhan Syariah. Cadangan tersebut juga mengambil kira tanggungjawab penzahiran dan urusan yang saksama bagi melindungi pelabur.

Institusi perbankan harus mematuhi keperluan akhir selewat-lewatnya pada bulan Jun 2015, apabila pengasingan antara deposit Islam dengan akaun pelaburan berkuat kuasa sepenuhnya di bawah undang-undang selepas tempoh peralihan selama dua tahun.

MEMELIHARA INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Industri perniagaan perkhidmatan wang
Rejim pengawalseliaan yang diperkukuh di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Money Services Business Act 2011, MSBA), di samping aktiviti penyeliaan yang dipertingkat, terus menyokong pembangunan industri perniagaan perkhidmatan wang secara teratur. Aktiviti yang termasuk dalam industri ini ialah perkhidmatan pengurupan wang, pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong.

Pada tahun 2013, penambahbaikan yang ketara dapat dilihat dalam amalan penyimpanan rekod oleh penyedia perkhidmatan wang. Ini dicerminkan oleh peningkatan penggunaan sistem berkomputer serta dokumentasi yang lebih baik dalam urus niaga perniagaan perkhidmatan wang. Penyedia perkhidmatan wang juga telah melaksanakan dasar dan prosedur AML/CFT, daripada rangka kerja asas yang diwujudkan dalam kalangan entiti yang lebih kecil, sehinggalah kepada pengaturan yang lebih menyeluruh untuk entiti yang lebih besar. Bank terus bekerjasama dengan industri untuk meningkatkan keberkesanan dasar dan amalan AML/CFT pada peringkat industri, melalui pendidikan, interaksi melalui tugasan penyeliaan dan tindakan penguatkuasaan yang merupakan pemacu penting yang digunakan oleh Bank bagi mencapai matlamat ini.

Pada tahun 2013, bilangan entiti berlesen telah menurun kepada 474 berbanding 515 pada tahun 2012. Ini merupakan hasil penggabungan dalam industri tersebut dan penyerahan lesen oleh entiti yang lebih kecil yang memilih untuk menjadi ejen kepada penyedia perkhidmatan wang yang lebih besar dan lebih kukuh. Bilangan ejen meningkat kepada 208 pada tahun 2013, termasuk entiti yang merupakan pemegang lesen yang diluluskan untuk menjadi ejen dalam segmen perkhidmatan perniagaan wang yang lain. Perubahan struktur ini telah menghasilkan sinergi perniagaan yang lebih nyata dan membolehkan pengawasan dan pengawalan yang lebih berkesan ke atas penyedia

perkhidmatan wang di samping menggalakkan tahap persaingan yang sihat. Pada masa ini, terdapat sepuluh pemegang lesen prinsipal yang dibenarkan melantik ejen, dan mereka mempunyai peranan penting untuk meningkatkan piawaian industri dan mengukuhkan perlindungan terhadap risiko penyalahgunaan industri ini untuk tujuan haram. Pemegang lesen prinsipal dikehendaki menyediakan pengawasan, latihan dan sistem yang berkesan bagi memastikan ejen mereka mematuhi keperluan pengawalseliaan. Kehendak ini ditetapkan dengan jelas dalam rangka kerja pengawasan ejen perniagaan perkhidmatan wang yang dikeluarkan oleh Bank. Dalam melaksanakan penyeliaan industri, Bank turut menilai keberkesanan pengaturan pengawasan ejen yang dilaksanakan oleh pemegang lesen prinsipal.

Dua hasil penting dalam rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang telah dipertingkat untuk perniagaan perkhidmatan wang ialah penyediaan akses yang lebih meluas kepada orang ramai untuk perkhidmatan wang melalui saluran yang sah dan menambah baik proses pemantauan ke atas urus niaga perniagaan perkhidmatan wang. Kemajuan yang nyata telah dicapai dalam kedua-dua aspek ini di mana nilai kiriman wang ke luar negara yang lebih tinggi dicatat pada tahun 2013 yang berjumlah RM25.1 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 27% daripada RM19.7 bilion yang dicatat pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, ejen kiriman wang menyumbang kira-kira RM1 bilion yang melibatkan 1.1 juta urus niaga, sekali gus menunjukkan bahawa rangkaian cawangan dan ejen yang lebih luas telah meningkatkan akses kepada saluran kiriman wang yang sah. Pada masa yang sama, jumlah perniagaan pengurupan wang terus berkembang sebanyak 22% kepada RM52 bilion, berbanding dengan RM42.5 bilion pada tahun 2012, sebahagian besarnya disebabkan oleh penambahbaikan dalam sistem penyimpanan rekod.

Dalam sektor perniagaan mata wang borong, sebanyak RM4.6 bilion urus niaga domestik telah direkodkan pada tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 35% berbanding RM3.4 bilion yang dilaporkan pada tahun 2012. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan yang mampan untuk pertukaran mata wang asing, di samping kehadiran pemborong mata wang yang semakin meningkat di seluruh Malaysia yang menyediakan perkhidmatan yang lebih diyakini, cekap serta kompetitif dari segi kos, bagi memenuhi keperluan pengurup wang berlesen untuk mendapat dan menjelaskan mata wang asing. Kehadiran pemborong mata wang yang meningkat ini juga telah membantu mengurangkan risiko yang berkaitan dengan saluran alternatif untuk mendapatkan mata wang asing daripada sumber yang tidak dapat ditentukan kesahihannya.

Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia dilancarkan pada bulan Januari 2014 dengan tujuan untuk membina keupayaan dan menaikkan taraf profesionalisme industri perkhidmatan wang

Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia yang dilancarkan pada bulan Januari 2014 dijangka melengkapkan usaha Bank untuk memacu dan melaksanakan inisiatif bagi membina keupayaan dan meningkatkan taraf pematuhan dan profesionalisme industri perkhidmatan wang. Keutamaan terdekat persatuan ini ialah menyediakan kod tingkah laku profesional dan beretika bagi industri ini; menyediakan latihan dan pendidikan tentang keperluan di bawah undang-undang yang berkaitan dan amalan perniagaan yang teguh, termasuk yang berkaitan dengan pematuhan AML/CFT; meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai tanggungjawab mereka untuk berurusan hanya dengan penyedia perkhidmatan wang yang dibenarkan; dan membantu dari segi hubungan dan interaksi yang lebih bermakna dengan Bank supaya dapat melaksanakan keperluan pengawalseliaan yang konsisten dan berkesan di seluruh industri.

Penilaian rangka kerja AML/CFT Malaysia berbanding dengan piawaian antarabangsa

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia tekad untuk melindungi sistem kewangannya daripada digunakan untuk menyimpan atau menyalur dana haram yang dikaitkan dengan kegiatan jenayah dan aktiviti keganasan. Sebagai ahli Kumpulan Asia/Pasifik berkenaan Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG), Malaysia menjalani Program Penilaian Bersama

(Mutual Evaluation Exercise) secara berkala untuk menilai tahap pematuhan terhadap piawaian antarabangsa AML/CFT. Penilaian Bersama ini dijadualkan pada tahun 2014, susulan penilaian sama yang dilakukan pada tahun 2007. Penilaian pada tahun 2014 akan dibuat berdasarkan piawaian antarabangsa Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) yang ditambah baik pada tahun 2012. Penilaian kali ini adalah lebih terperinci dan melangkaui penilaian pematuhan teknikal dengan menilai keberkesanan rangka kerja AML/CFT untuk menghalang dan mencegah penggunaan sistem kewangan bagi tujuan pengubahan wang daripada hasil jenayah atau pembiayaan aktiviti kumpulan pengganas. Bank menganggap penilaian yang akan dilakukan sebagai satu peluang untuk mengenal pasti bidang yang perlu dipertingkatkan lagi dalam rejim AML/CFT di Malaysia.

Pelaksanaan Penilaian Bersama Kumpulan Asia/Pasifik berkenaan Pengubahan Wang Haram dijadualkan pada tahun 2014

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Bank telah mengorak langkah yang ketara dalam usaha meningkatkan rangka kerja AML/CFT, termasuk penambahbaikan yang dihuraikan dalam rencana bertajuk `Memperkukuh Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)´. Bank, dengan kerjasama Kementerian dan agensi penguatkuasaan undang-undang, juga memulakan usaha secara meluas pada peringkat domestik pada tahun 2013 untuk mengenal pasti dan memahami risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang dihadapi oleh negara ini. Sejajar dengan amalan antarabangsa yang dianjurkan oleh FATF, penilaian risiko negara (national risk assessment, NRA) bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan utama dan risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dalam pelbagai sektor di negara ini. Ini dapat membantu memberikan keutamaan dalam penggunaan sumber bagi menangani risiko berimpak tinggi dengan cara yang lebih berkesan dan bersasaran, termasuk memberikan tumpuan penyeliaan yang lebih tinggi ke atas sektor yang dikenal pasti atau entiti yang dinilai sebagai berisiko lebih tinggi.

Penilaian penyeliaan ke atas amalan AML/CFT di institusi kewangan

Memandangkan peranan institusi kewangan dalam pengantaraan kewangan dan penyaluran aliran dana merentas sempadan, sistem kewangan tetap menjadi tumpuan utama dalam inisiatif Bank memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Penilaian penyeliaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menunjukkan bahawa kebanyakan institusi kewangan telah melaksanakan program yang diperlukan bagi menangani ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang sentiasa berubah. Penilaian secara tematik yang telah dijalankan oleh Bank pada tahun 2013 menunjukkan beberapa institusi kewangan telah meningkatkan pelaburan dalam sistem maklumat. Pengurusan risiko AML/CFT juga disepadukan dengan lebih rapi dengan keseluruhan fungsi pengurusan risiko dalam institusi tersebut. Bank turut mendapati tahap kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan tentang risiko dan implikasi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Berhubung dengan laporan transaksi mencurigakan (suspicious transaction reports, STRs), secara amnya terdapat peningkatan dalam kualiti amalan STR oleh institusi kewangan. Walau bagaimanapun, Bank mengambil maklum bahawa terdapat beberapa institusi kewangan yang masih belum membangunkan dan melaksanakan sepenuhnya sistem yang sesuai bagi memudahkan pemantauan berterusan yang berkesan ke atas akaun pelanggan dan corak urus niaga. Ini menyebabkan tiada laporan STR dikemukakan dalam sesetengah keadaan. Dari segi usaha wajar pelanggan (customer due diligence, CDD), masih terdapat ruang untuk institusi kewangan meningkatkan lagi cara bagaimana pekerja barisan hadapan menjalankan CDD serta menilai risiko pengubahan wang dan pembiayaan keganasan semasa berurusan dengan bakal pelanggan dan pelanggan sedia ada.

Penguatkuasaan

Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkesan sangat penting dalam usaha Bank melindungi sistem kewangan daripada disalahgunakan. Bank telah menyiasat dan mendakwa kesalahan jenayah terhadap pesalah di bawah undang-undang yang ditadbir olehnya. Pada tahun 2013, sebanyak 1,823 tuduhan

Jadual 3.1

Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil pada Tahun 2013

Pengambilan deposit haram	• 16 tuduhan di bawah seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 terhadap dua syarikat dan tujuh individu.
Pengubahan wang haram	• 1,793 tuduhan di bawah seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001, AMLATFA) terhadap 33 individu dan syarikat yang melibatkan RM8.3 bilion dan 11 kg emas. • Satu permohonan pelucuthakan sivil di bawah seksyen 56(1) AMLATFA difailkan terhadap dua responden yang melibatkan RM129,275.
Penyediaan perkhidmatan kewangan yang tidak dibenarkan	• Pembatalan lesen satu pengurup wang di bawah Akta Pengurupan Wang 1998 (Money-Changing Act 1998, MCA) bagi penyediaan perkhidmatan kiriman wang yang tidak dibenarkan. • 14 tuduhan di bawah MCA dan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 terhadap 11 entiti, tujuh daripadanya telah disabitkan kesalahan.

dibuat oleh Bank terhadap syarikat dan individu yang disiasat kerana menjalankan skim dan aktiviti haram (Jadual 3.1). Beberapa tindakan penguatkuasaan ini telah diambil secara bersama dengan Kementerian dan agensi lain seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan – terutamanya apabila kesalahan itu melangkaui bidang kuasa pihak berkuasa tempatan yang lain. Bagi kes yang mana Bank tidak terlibat secara langsung dalam pendakwaan sesuatu kesalahan, Bank memainkan peranan dalam menyediakan risikan kewangan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Selain sekatan jenayah, penguatkuasaan juga disokong oleh tindakan penguatkuasaan secara pentadbiran dan sivil yang diambil oleh Bank terhadap institusi di bawah kawal selianya berikutan ketidakpatuhan. Secara khusus, denda monetari juga dikenakan terhadap institusi kewangan yang gagal melaksanakan langkah pematuhan AML/CFT yang sewajarnya. Hukuman seperti ini memainkan peranan penting untuk melengkapkan tindakan penyeliaan yang lain bagi memastikan institusi kewangan menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan bagi mengesan dan menghalang pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Pada tahun 2013, denda monetari berjumlah RM0.7 juta telah dikenakan terhadap dua institusi perbankan dan lapan pengurup wang atas pelbagai ketidakpatuhan terhadap AMLATFA dan peruntukan berkenaan AML/CFT. Dalam industri perniagaan perkhidmatan wang, tindakan telah diambil terhadap 24 entiti pada tahun 2013. Tindakan ini termasuk pengenaan denda monetari berjumlah RM0.6 juta atas ketidakpatuhan terhadap kehendak pengawalseliaan dan operasi di bawah Akta Pengurupan Wang 1998 dan MSBA, dan penyingkiran individu yang bertanggungjawab (key responsible persons) bagi kesalahan yang lebih serius.

Memperkukuh Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)

Mengambil kira peningkatan ancaman kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF) sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak negara termasuk Malaysia telah meningkatkan langkah-langkah untuk membangunkan rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and counter financing of terrorism, AML/CFT) agar ia menjadi lebih mantap dan dapat memastikan Malaysia mampu bertindak balas terhadap risiko dan kelemahan yang berubah-ubah secara lebih berkesan. Usaha ini dilaksanakan dengan tujuan untuk melindungi sistem kewangan dan ekonomi negara. Rejim AML/CFT di Malaysia dibangunkan berdasarkan empat tunggak utama, iaitu rangka kerja undang-undang yang komprehensif, pelaksanaan langkah pencegahan, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkesan, serta kerjasama erat antara agensi di dalam dan luar negara.

Tunggak pertama ialah rangka kerja undang-undang yang komprehensif yang merangkumi pelbagai kesalahan berkaitan ML/TF, memberikan kuasa penyiasatan dan pendakwaan yang secukupnya kepada agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan, serta pelbagai bentuk hukuman yang setimpal dan bersifat mencegah.

Seterusnya, tunggak pertama ini diperkukuh oleh tunggak kedua – pelaksanaan langkah-langkah pencegahan untuk mengesan dan mencegah kegiatan ML/TF dalam urus niaga kewangan yang dijalankan oleh institusi kewangan serta perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (designated non-financial business and professions, DNFBP[1]).

Secara keseluruhannya, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA) dan keperluan pengawalan yang berkaitan adalah bertujuan untuk memastikan institusi-institusi pelapor melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan mewujudkan program dan kawalan risiko AML/CFT yang bersesuaian dengan risiko ML/TF serta selaras dengan profil perniagaan institusi-institusi pelapor tersebut. Usaha sedang dijalankan untuk mengukuhkan lagi AMLATFA dan keperluan pengawalseliaan sebagai tindak balas terhadap risiko-risiko baharu dan yang baru timbul dan juga untuk mencerminkan peningkatan amalan industri yang berkembang bagi menangani risiko ML/TF.

Tunggak ketiga ialah penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkesan untuk mewujudkan suatu persekitaran yang dapat mencegah kegiatan ML/TF. Tindakan penyiasatan dan penguatkuasaan yang disokong oleh maklumat risikan kewangan pada masa yang tepat terus dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Sebagai pihak berkuasa yang berwibawa di bawah AMLATFA, Bank berfungsi sebagai Unit Perisikan Kewangan (Financial Intelligence Unit, FIU) yang bertanggungjawab menganalisis laporan yang dikemukakan oleh institusi pelapor menurut obligasi di bawah AMLATFA dan mengemukakan maklumat risikan kewangan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. FIU juga menjalankan aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap institusi pelapor di bawah bidang kuasa Bank.

Tunggak keempat ialah kerjasama dan penyelarasan yang erat antara agensi di dalam dan di luar negara. Pada peringkat domestik, Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) yang ditubuhkan sejak April 2000, terus memainkan peranan penting bagi memperkukuh kerjasama antara pelbagai agensi yang terlibat bagi membanteras kegiatan ML/TF, serta menyelaras inisiatif dasar dan strategik antara agensi. Ini termasuk usaha secara bersama untuk menyiasat dan mendakwa kegiatan jenayah yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang. Pada peringkat antarabangsa, keanggotaan dalam Kumpulan Unit Perisikan Kewangan Egmont telah menyediakan

[1] Perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (DNFBP) termasuk kasino, peguam, akauntan, peniaga logam dan batu permata, perniagaan perjudian, pemberi pinjaman wang, broker pajak gadai, syarikat amanah dan ejen harta tanah.

landasan untuk Malaysia bekerjasama terutamanya dalam perkongsian maklumat dan bidang latihan. Kerjasama dengan rakan agensi antarabangsa juga terus diperkukuh. Pada tahun 2013, Bank telah menandatangani dua lagi memorandum persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) dengan unit perisikan kewangan Republik Afrika Selatan dan St Kitts-Nevis, menjadikan bilangan MoU yang ditandatangani sehingga kini sebanyak 37.

Pindaan kepada AMLATFA

Pada tahun 2013, Bank melalui saluran NCC telah mencadangkan beberapa pindaan kepada AMLATFA dan telah menyemak keperluan pengawalseliaan yang sedia ada agar selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan rangka kerja AML/CFT kekal relevan dan berkesan untuk membanteras ancaman kegiatan ML/TF.

Sehubungan dengan itu, cadangan pindaan kepada AMLATFA telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada Disember 2013 yang bertujuan untuk:

(i) Mempertingkat kejelasan peruntukan-peruntukan dalam obligasi pelaporan

Pindaan ini akan memperjelas kehendak pengawalseliaan dan obligasi institusi pelapor apabila melaksanakan usaha wajar pelanggan (customer due diligence, CDD), termasuk keperluan yang lebih luas berhubung dengan penyimpanan dokumen. Pindaan ini juga akan menyediakan peruntukan yang eksplisit supaya institusi pelapor mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan (suspicious transaction reports, STR) tentang transaksi yang disyaki terlibat dengan pembiayaan keganasan. Bagi melindungi kerahsiaan maklumat yang dilaporkan kepada Bank, pindaan khusus juga dicadangkan supaya tindakan memberikan maklumat kepada pelanggan selepas STR dikemukakan kepada Bank dianggap sebagai suatu perbuatan jenayah.

(ii) Memperkukuh langkah mengenai pengisytiharan wang tunai / instrumen pembawa boleh niaga (bearer negotiable instruments, BNI) untuk pemindahan merentas sempadan

Memandangkan kebimbangan antarabangsa yang meningkat berhubung dengan pemindahan tunai atau BNI merentas sempadan untuk tujuan ML/TF, keperluan terhadap pengisytiharan tunai akan diperluas bagi merangkumi pemindahan wang tunai atau BNI melalui kargo, mel atau cara lain dan juga keperluan baharu mengenai pengisytiharan tunai yang diterima dari luar Malaysia. Pindaan ini juga memberikan kuasa khusus kepada pihak berkuasa penguatkuasaan untuk menyita apa-apa wang tunai atau BNI yang tidak diisytiharkan.

(iii) Memperluas skop kesalahan dan memperkukuh kuasa penguatkuasaan

Cadangan pindaan ini akan memperluas skop kesalahan pengubahan wang haram untuk meliputi apa-apa benda atau apa-apa harta yang digunakan berkaitan dengan perlakuan sesuatu kesalahan yang serius di samping memperluas takrifan tentang hasil yang diperoleh daripada kegiatan haram. Amalan menstrukturkan urus niaga untuk mengelakkan keperluan pelaporan nilai ambang tunai yang ditetapkan juga akan dianggap sebagai suatu kesalahan.

Peruntukan berhubung dengan pembekuan, penyitaan dan pelucuthakan aset yang sedang disiasat juga akan diperluas dengan memberikan kuasa kepada agensi penguatkuasaan undang-undang untuk mengubah atau membatalkan perintah pembekuan harta. Bagi memastikan hukuman yang dikenakan mampu mencegah dengan berkesan, pindaan ini akan menambah hukuman maksimum bagi kesalahan ML kepada 15 tahun penjara, dan denda tidak kurang lima kali ganda daripada jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, yang mana yang lebih tinggi.

Penyemakan ke Atas Keperluan Pengawalseliaan

Keperluan AML/CFT yang pertama kali dikeluarkan di bawah AMLATFA pada tahun 2006 juga telah disemak pada tahun 2013 bagi menyokong pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT yang lebih berkesan oleh pengawal selia dan institusi pelapor. Semakan ini juga memasukkan perubahan

yang akan menggalakkan penggunaan keperluan AML/CFT yang lebih konsisten di seluruh sektor kewangan termasuk industri sekuriti dan institusi kewangan di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Keperluan ini juga dipertingkatkan dengan memasukkan kehendak yang lebih tinggi berikutan perubahan terkini dalam piawaian antarabangsa AML/CFT.

Keperluan pengawalseliaan yang telah disemak ini juga mencerminkan penekanan yang lebih tinggi kepada pelaksanaan kaedah pendekatan berasaskan risiko bagi mengurus dan mengawal risiko kegiatan ML/TF. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan langkah AML/CFT yang dilaksanakan oleh institusi pelapor setara dengan tahap risiko semasa, disamping mengambil kira kesan buruk akibat daripada pelaksanaan langkah AML/CFT secara sembarangan, yang boleh menyebabkan pengguna dan perniagaan yang sah terpinggir daripada sistem kewangan formal.

Bank telah menyemak dan mengeluarkan lima dasar AML/CFT kepada sektor kewangan termasuk sektor perniagaan perkhidmatan wang, DNFBP dan sektor bukan kewangan yang masing-masing berkuat kuasa pada bulan September 2013 dan November 2013. Semakan ini meliputi bidang-bidang berikut:

(i) Pengenalan kepada pendekatan berasaskan risiko untuk AML/CFT

Institusi pelapor kini dikehendaki menerima pakai pendekatan berasaskan risiko untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko kegiatan ML/TF berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan operasinya. Pendekatan ini termasuk keperluan bagi institusi pelapor untuk menjalankan penilaian risiko dan pemprofilan risiko pelanggan secara menyeluruh serta melaksanakan kawalan, dasar dan prosedur dalaman yang sewajarnya bagi mengelakkan perniagaan mereka daripada disalahgunakan sebagai saluran kegiatan ML/TF.

(ii) Keperluan CDD yang diperincikan dan diperkukuhkan

Dengan mengambil kira saiz urus niaga secara purata dan maklum balas daripada agensi penguatkuasaan, nilai ambang CDD untuk urus niaga pertukaran wang telah disemak dan diturunkan daripada RM20,000 kepada RM3,000 dan RM10,000. Institusi pelapor kini dikehendaki mengenal pasti dan merekodkan maklumat pengenalan pelanggan atau pemilik benefisial bagi urus niaga melebihi RM3,000; manakala bagi urus niaga melebihi RM10,000, institusi pelapor dikehendaki menyimpan satu salinan pengesahan dokumen pengenalan. Nilai ambang yang disemak ini akan mengukuhkan lagi perlindungan terhadap risiko kegiatan ML/TF dalam sektor perniagaan perkhidmatan wang.

Selaras dengan usaha untuk menggalakkan rangkuman kewangan yang lebih meluas, senarai dokumen pengenalan yang boleh diterima untuk tujuan pengesahan CDD juga telah diperluas. Keperluan ini membenarkan penggunaan apa-apa dokumen rasmi yang mengandungi gambar pelanggan atau pemilik benefisial, dengan syarat institusi pelapor berpuas hati dengan kesahihan dokumen yang telah dikemukakan.

Bagi menyelaraskan keperluan ini dengan piawaian antarabangsa, keperluan yang berkaitan dengan individu yang mempunyai pengaruh politik (PEP) telah diperluas kepada PEP domestik[2] dan individu yang diamanahkan dengan fungsi penting oleh sesebuah organisasi antarabangsa. Institusi pelapor kini dikehendaki mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada pelanggan atau pemilik benefisial merupakan PEP domestik atau individu yang diamanahkan dengan fungsi penting oleh sesebuah organisasi antarabangsa, membuat penilaian risiko, dan menggunakan langkah CDD yang sesuai dengan tahap risiko yang dikenal pasti.

[2] PEP domestik ditakrifkan sebagai individu yang sedang atau telah diamanahkan pada peringkat domestik dengan fungsi awam yang penting, sebagai contoh Ketua Negara atau kerajaan, ahli politik kanan, pegawai kanan kerajaan, pegawai kehakiman atau pegawai tentera, eksekutif kanan perbadanan milik negara, pegawai penting dalam parti politik

(iii) Penambahbaikan kepada keperluan program pematuhan AML/CFT

Keperluan program pematuhan AML/CFT telah disemak untuk meningkatkan standard pematuhan oleh institusi-institusi pelapor. Keperluan ini termasuk kehendak yang lebih tinggi terhadap fungsi pematuhan dan keperluan bagi pegawai pematuhan untuk memenuhi kriteria minimum ``layak dan sesuai´´. Objektif penting keperluan ini adalah untuk memastikan institusi pelapor memberikan keutamaan yang secukupnya terhadap langkah AML/CFT dalam aktiviti perniagaan utama institusi, dan meningkatkan peranan pegawai pematuhan untuk mendorong penambahbaikan langkah AML/CFT dalam institusi pelapor. Memandangkan kepentingan sektor perbankan dan insurans dalam sistem kewangan, Bank telah memperkenalkan keperluan tambahan untuk memastikan pegawai pematuhan di institusi kewangan mempunyai kedudukan tertentu, kuasa dan kekananan supaya dapat mempengaruhi keputusan berhubung dengan tahap pematuhan keperluan AML/CFT dengan berkesan.

Mengambil kira peranan penting lembaga pengarah, terutamanya dalam institusi kewangan dan institusi pelapor yang lebih besar untuk mewujudkan persekitaran yang wajar dan mempengaruhi budaya institusi masing-masing, keperluan yang disemak turut menjadikan ahli lembaga bertanggungjawab secara khusus ke atas keseluruhan akauntabiliti dan pengawasan program AML/CFT dalam institusi pelapor.

(iv) Pengenalan keperluan baharu tentang pelaporan kumpulan kewangan

Untuk memastikan aktiviti kumpulan kewangan tidak mengakibatkan risiko yang tidak wajar kepada integriti sistem kewangan, Bank kini menetapkan agar kumpulan kewangan melaksanakan program pematuhan AML/CFT di seluruh kumpulan dan melantik seorang pegawai pematuhan kumpulan untuk AML/CFT. Keperluan ini akan memastikan program pematuhan AML/CFT dilaksanakan secara konsisten di seluruh kumpulan dan memudahkan penyeliaan AML/CFT yang disatukan oleh Bank.

(v) Perjelasan keperluan berhubung dengan urusan pelanggan dari negara berisiko tinggi

Memandangkan pendedahan kepada urus niaga rentas sempadan dan pelanggan yang berasal dari negara lain yang semakin meningkat, Bank telah mempertingkat kehendak pengawalseliaan terhadap institusi kewangan yang berurusan dengan pelanggan dari negara yang dianggap sebagai berisiko lebih tinggi oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF[3]) atau Kerajaan Malaysia. Selain CDD, institusi pelapor dikehendaki menggunakan langkah pencegahan yang setara dengan risiko yang berkaitan dengan pelanggan atau urus niaga ini. Langkah ini termasuk mengkaji hubungan sedia ada dengan pelanggan atau institusi di negara yang berisiko lebih tinggi, dan meningkatkan intensiti dan kekerapan audit ke atas cawangan dan anak syarikat yang beroperasi di negara yang berisiko lebih tinggi.

Beberapa sesi penerangan tentang keperluan yang disemak semula ini telah diadakan untuk semua sektor utama dan akan diteruskan pada tahun 2014 bagi menyokong pelaksanaan keperluan ini oleh institusi pelapor dan menambah baik program pematuhan AML/CFT dan pengurusan risiko mereka.

[3] FATF ialah sebuah badan antara kerajaan yang membangunkan dan menggalakkan dasar untuk melindungi sistem kewangan global daripada pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan senjata pemusnah besar-besaran. Pada masa ini, keahlian FATF terdiri daripada 34 negara anggota dan dua badan serantau.

3

AMALAN PASARAN DAN PEMERKASAAN PENGGUNA

125 Trend dan Perkembangan Utama
126 Pengawalan dan Penyeliaan Penyedia Perkhidmatan Kewangan
128 Menguruskan Risiko Pengguna Kewangan
133 Kerjasama dengan Agensi Lain
133 Pengguna Kewangan Berpengetahuan dan Bertanggungjawab
136 Mengukuhkan Saluran Bantuan Penyelesaian Pengguna


Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) memberikan mandat yang jelas kepada Bank untuk menggalakkan amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK), bagi melindungi pengguna kewangan dengan lebih baik, disokong oleh pelbagai instrumen pengawalan, penyeliaan dan penguatkuasaan. Pada tahun 2013, Bank terus mengukuhkan standard amalan perniagaan, meningkatkan tahap penyeliaan dan pengawasan dalam aspek yang didapati wujudnya peningkatan risiko kepada pengguna, serta membuat pelarasan yang rapi bersama pelbagai agensi dan industri dalam usaha menangani isu amalan perniagaan. Langkah untuk mengukuhkan mekanisme sedia ada bagi menyelesaikan pertikaian yang melibatkan PPK juga ditingkatkan yang seterusnya akan membawa kepada pengenalan skim ombudsman kewangan di bawah peruntukan FSA dan IFSA. Memandangkan keupayaan kewangan adalah penting untuk menggalakkan kekukuhan kewangan individu, inisiatif celik kewangan dan pendidikan kewangan terus menjadi komponen penting dalam rangka kerja perlindungan pengguna oleh Bank. Inisiatif ini memberikan tumpuan pada usaha memperkasakan pengguna kewangan yang terdiri daripada semua peringkat umur dan lapisan masyarakat supaya mereka boleh membuat keputusan kewangan dengan yakin dan seterusnya melindungi diri mereka daripada amalan yang tidak adil serta daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

TREND DAN PERKEMBANGAN UTAMA

Tumpuan pengawalan dan penyeliaan amalan pasaran oleh Bank adalah berpandukan penilaian trend dan perkembangan utama dalam persekitaran operasi yang boleh meningkatkan risiko kepada pengguna kewangan. Pada tahun 2013, persekitaran kadar faedah semasa yang rendah, persaingan yang sengit dalam pasaran runcit (termasuk daripada penyedia kredit bukan bank) dan peningkatan kehendak pengawalseliaan merupakan faktor

Gambar Rajah 4.1

Trend dan Perkembangan Utama serta Potensi Bidang yang Berisiko kepada Pengguna



utama yang terus mempengaruhi tingkah laku pengguna dan layanan terhadap pengguna oleh PPK. Selain itu, kemajuan teknologi maklumat secara berterusan telah mengubah cara produk dan perkhidmatan kewangan dipasarkan, disampaikan dan digunakan. Dalam sektor insurans am, ketidakjajaran antara premium dengan kerugian daripada tuntutan – yang kini sedang diatasi secara beransur-ansur dengan penilaian semula tarif motor secara progresif semenjak bulan Januari 2012 – juga memberikan cabaran yang berterusan kepada penanggung insurans am.

Dengan mempertimbangkan keadaan semasa ini, keutamaan Bank dalam amalan pasaran pada tahun 2013 tertumpu pada pemantauan dan pengurusan risiko yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada pengguna seperti yang berikut:

- **Tekanan yang berterusan terhadap keberuntungan PPK ekoran persaingan pasaran yang sengit dalam segmen runcit, yang boleh menyebabkan:**
  - Promosi produk yang lebih kompleks oleh PPK kepada segmen pengguna yang lebih luas, tanpa mengambil kira sama ada produk yang dipasarkan itu sesuai untuk segmen sasaran. Ini meliputi produk yang mempunyai struktur penentuan harga yang kurang telus seperti produk gadai janji yang kompleks, produk perbankan berstruktur dan produk insurans berkaitan pelaburan yang kurang intensif modal dengan pengguna menanggung risiko lebih besar.
  - Penggunaan amalan jualan yang agresif oleh PPK dan ejen mereka untuk mencapai sasaran pertumbuhan, termasuk iklan yang mengelirukan, memberikan gambaran yang salah tentang ciri produk serta mencadangkan produk kewangan tanpa mengambil kira kesesuaiannya kepada pengguna. Impak terhadap pengguna didapati lebih ketara bagi produk jangka panjang seperti insurans hayat, takaful keluarga, serta produk pelaburan jangka panjang memandangkan ketakpadanan yang mungkin timbul antara andaian pelaburan dan hasil sebenar.
  - PPK melaksanakan jualan terikat produk kewangan untuk merangsang jualan atau memberi subsidi silang untuk produk yang tidak menguntungkan, dengan pelanggan didesak untuk membeli produk yang tidak diperlukan.
  - Amalan kewangan yang tidak sejajar dengan kehendak pembiayaan yang bertanggungjawab menyebabkan peminjam berhutang lebih banyak daripada kemampuan.
- **Peningkatan hutang isi rumah yang berterusan dalam persekitaran kos peminjaman yang rendah dan peningkatan pesat aktiviti pembiayaan oleh institusi kewangan bukan bank dan pemberi pinjam wang.** Isi rumah yang membuat keputusan untuk meminjam tanpa mempertimbangkan keupayaan mereka untuk melunaskan hutang itu dalam jangka masa panjang mungkin menghadapi risiko tekanan kewangan pada masa depan. Risiko ini menjadi bertambah buruk jika peminjam tidak mempunyai penampan kewangan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan kecemasan atau kejutan pendapatan. Pengguna yang meminjam daripada pemberi pinjam wang yang tidak berlesen mungkin akan lebih terdedah kepada kadar faedah yang terlalu tinggi dan amalan kutipan hutang yang agresif.
- **Pencarian hasil pulangan yang mungkin mendorong pengguna membuat keputusan kewangan yang tidak wajar yang didorong oleh jangkaan pulangan yang tinggi tanpa memahami sepenuhnya risiko yang berkaitan.** Pencarian pulangan juga mungkin mengakibatkan pengguna menjadi mangsa kepada skim pelaburan palsu dan penipuan kewangan.
- **Pembangunan saluran penyampaian yang baharu dan berinovasi serta penggunaan saluran Internet dan perbankan mudah alih yang semakin meningkat oleh pengguna.** Meskipun saluran penyampaian alternatif ini telah meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan dan memberikan manfaat kecekapan kepada pengguna, namun mereka yang kurang berpengetahuan mengenai langkah keselamatan dan tidak mengambil langkah yang sewajarnya untuk melindungi maklumat sulit peribadi seperti nama pengguna (ID) dan/atau kata laluan mungkin menghadapi risiko daripada aktiviti penipuan.

PENGAWALAN DAN PENYELIAAN PENYEDIA PERKHIDMATAN KEWANGAN

Pengawalan dan penyeliaan amalan pasaran oleh Bank ditumpukan pada usaha menangani risiko yang dihadapi oleh pengguna kewangan menerusi rangka kerja pengawalseliaan yang menggalakkan amalan perniagaan yang

bertanggungjawab, dan aktiviti penyeliaan untuk memeriksa dan menguatkuasa pematuhan terhadap peraturan berhubung urusan yang adil dan bertanggungjawab. Bagi menyokong fungsi ini dengan lebih baik, unit baharu telah diwujudkan dalam Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran, Bank Negara Malaysia untuk mengenal pasti, memantau dan menilai risiko amalan yang baharu timbul dan boleh menjejaskan pengguna kewangan.

Pengawalan dan penyeliaan amalan pasaran oleh Bank ditumpukan pada usaha menangani risiko yang dihadapi oleh pengguna kewangan menerusi rangka kerja pengawalseliaan yang menggalakkan amalan perniagaan yang bertanggungjawab, dan aktiviti penyeliaan untuk memeriksa dan menguatkuasa pematuhan terhadap peraturan berhubung urusan yang adil dan bertanggungjawab

Sebahagian besar daripada keutamaan pengawalan Bank pada tahun 2013 tertumpu pada pelaksanaan peruntukan amalan yang baharu di bawah FSA dan IFSA. Standard baharu telah dikeluarkan untuk memastikan bahawa jika maklumat pengguna dibenarkan untuk didedahkan di bawah undang-undang, PPK perlu memberikan perlindungan yang secukupnya supaya maklumat tersebut tidak disalahgunakan. Proses pendaftaran untuk ajuster baharu juga ditambah baik bagi meningkatkan kecekapan. Standard sedia ada mengenai pemberian pinjaman yang bertanggungjawab, perlindungan pelabur serta ketelusan dan pendedahan produk ditingkatkan supaya dapat melindungi pengguna dengan lebih baik dan menyeragamkan keperluan bagi kesemua produk kewangan. Selaras dengan peruntukan dalam FSA dan IFSA yang melarang PPK daripada terlibat dalam amalan perniagaan yang tidak adil, panduan telah diwujudkan untuk menjelaskan bagaimana amalan industri akan dinilai dan menggariskan faktor yang akan diambil kira untuk menentukan sama ada sesuatu amalan itu dilarang. Panduan ini, yang akan dikeluarkan pada tahun 2014, meliputi semua amalan PPK yang mengelirukan atau menipu pengguna, memberi tekanan yang berlebihan ketika memasarkan produk kewangan, atau memaksa pengguna supaya membeli sesuatu produk kewangan sebagai syarat untuk membeli produk kewangan yang lain. Bank juga sedang merangka standard yang menyeluruh mengenai amalan perniagaan yang adil dan bertanggungjawab untuk memperkukuh tumpuan institusi kewangan, khususnya pada peringkat lembaga pengarah dan pengurusan kanan, bagi memastikan standard urusan secara adil yang tinggi dan amalan secara profesional terhadap pengguna kewangan. Objektif utama standard ini adalah untuk memberi keyakinan yang lebih tinggi kepada pengguna kewangan bahawa mereka ditawarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan keadaan kewangan mereka, dan supaya mereka boleh membuat keputusan secara bijak.

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank untuk menggalakkan perkhidmatan pembayaran yang cekap dan penggunaan kad pembayaran bagi menggantikan wang tunai, Bank juga mengambil peluang untuk terus mengukuhkan keperluan amalan perniagaan sedia ada yang dikenakan ke atas pengeluar kad. Keperluan baharu ini, yang juga dikenakan kepada kad debit dan kad caj, menambah baik maklumat penting yang perlu diberi oleh pengeluar kad kepada pengguna berhubung dengan ciri kad, fi dan tanggungjawab pemegang kad, serta melarang pengeluar kad daripada mengamalkan paksaan dengan mendesak pengguna supaya memohon kad pembayaran yang baharu.

Bank juga menggunakan pelbagai kaedah penyeliaan, daripada pemeriksaan tematik hingga perbincangan dan interaksi dengan industri serta kerjasama dengan pihak berkuasa yang lain, untuk mengenal pasti amalan buruk yang boleh memudaratkan pengguna. Tumpuan aktiviti penyeliaan Bank pada tahun 2013 mengambil kira risiko utama yang dihadapi oleh pengguna, khususnya yang berkaitan dengan penawaran produk (termasuk fi dan caj) serta amalan jualan dan pemberian pinjaman. Ini dihuraikan dalam rencana yang berikut bertajuk `Menguruskan Risiko Pengguna Kewangan´. Pada tahun 2013, Bank

telah melengkapkan penilaian tahap pematuhan oleh 12 PPK yang utama (merangkumi bank dan penanggung insurans) terhadap standard sedia ada dalam bidang utama `melayan pelanggan dengan adil´ (`treating-customers-fairly´, TCF). Bidang TCF ini termasuk memberi nasihat yang wajar semasa memasarkan dan menjual produk kewangan, ketelusan dan pendedahan yang mencukupi sepanjang kitaran hayat produk, amalan jualan dan ganjaran yang sejajar dengan amalan yang bertanggungjawab terhadap pengguna, perlindungan maklumat pelanggan serta mekanisme pengendalian aduan dan bantuan penyelesaian yang berkesan. Penilaian ini akan dilanjutkan kepada semua institusi kewangan utama yang dikawal selia oleh Bank sebagai asas untuk menentukan tahap penelitian penyeliaan yang akan dikenakan kepada setiap PPK. Institusi yang tidak menguruskan risiko sewajarnya dalam amalan mereka terhadap pengguna akan diselia dengan lebih rapi, dengan Bank meletakkan keperluan penyeliaan yang lebih tinggi kepada fungsi kawalan di PPK bagi memastikan kelemahan yang dikenal pasti dapat diselesaikan dengan berkesan.

Bank juga melaksanakan langkah mengukuhkan keupayaan PPK dalam sektor pembrokeran insurans dan takaful dan seterusnya meningkatkan lagi tahap perlindungan yang diberikan kepada pengguna. Syarikat pembrokeran dikehendaki supaya menambahkan modal berbayar mereka secara berperingkat-peringkat kepada RM750,000 menjelang 31 Disember 2013 dan RM1 juta menjelang 31 Disember 2014. Keperluan bagi syarikat pembrokeran mempunyai perlindungan indemniti profesional (professional indemnity, PI) insurans/takaful juga telah dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM1 juta (daripada RM500,000 pada masa ini) berkuat kuasa mulai tahun 2014. Selain perlindungan PI minimum yang diperlukan, syarikat pembrokeran juga perlu memastikan tahap dan skop perlindungan PI adalah sepadan dengan kapasiti dan jenis perniagaan yang diuruskan oleh syarikat. Di samping perkembangan ini, tumpuan juga diberikan pada usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi kakitangan pembrokeran insurans dan takaful. Bagi mencapai matlamat ini, Persatuan Broker-broker Insurans dan Takaful Malaysia, dalam perundingan bersama Bank, telah melaksanakan program Pembangunan Profesional Berterusan (Continuing Professional Development, CPD) yang berkuat kuasa mulai Januari 2014. Program ini, akan melengkapkan keperluan kelayakan minimum yang perlu dicapai oleh kakitangan pembrokeran untuk memastikan perkhidmatan yang cekap dan profesional diberikan kepada pelanggan.

Pada tahun 2013, Bank juga mengambil tindakan penyeliaan terhadap sebuah syarikat pembrokeran insurans dengan tidak memperbaharui lesennya kerana melanggar keperluan peraturan pelesenan.

MENGURUSKAN RISIKO PENGGUNA KEWANGAN

Menggalakkan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab

Bagi menguruskan risiko yang berpunca daripada peningkatan hutang isi rumah, terutamanya dalam kalangan kumpulan yang lebih mudah terjejas, Bank mengeluarkan standard mengenai pembiayaan yang bertanggungjawab pada bulan Januari 2012 yang memerlukan institusi kewangan menjalankan penilaian tentang keupayaan peminjam untuk mengambil pembiayaan tambahan. Dengan pengeluaran standard tersebut, penilaian tematik oleh Bank pada tahun 2013 mengesahkan bahawa penilaian terhadap kemampuan membayar balik pinjaman yang dibuat oleh PPK adalah bertambah baik dengan lebih banyak maklumat disalurkan kepada peminjam mengenai proses untuk menunjukkan kemampuan membayar balik pinjaman dan implikasi yang mungkin terjadi sekiranya berlaku peningkatan kos peminjaman. Ini telah membantu memendekkan masa pemprosesan permohonan pinjaman, selain menggalakkan peminjam supaya lebih bertanggungjawab semasa menilai keupayaan sendiri untuk menambah hutang. Secara keseluruhan, PPK menggunakan andaian yang lebih realistik ke atas perbelanjaan keperluan apabila melaksanakan penilaian kemampuan membayar balik pinjaman dan telah menunjukkan peningkatan pengawalan dalam pemasaran produk kewangan kepada golongan peminjam yang lebih mudah terjejas. Langkah-langkah ini telah menyumbang kepada pertumbuhan pinjaman baharu yang lebih sederhana oleh isi rumah dengan sebanyak 11.7% pada tahun 2013 (2012: 13.5%).

Meskipun pertumbuhan pinjaman keseluruhan isi rumah terus dalam kadar sederhana, perkembangan pasaran yang lain menyumbang kepada peningkatan keberhutangan dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan

sederhana. Pembiayaan peribadi telah meningkat dengan ketara, khususnya daripada institusi kewangan bukan bank. Sebahagiannya berpunca daripada keperluan pembiayaan yang lebih ketat, khususnya bagi kad kredit, yang dikenakan terhadap institusi kewangan dan pengeluar kad yang dikawal oleh Bank. Di samping itu, tempoh pembiayaan juga telah meningkat sehingga 25 tahun untuk pembiayaan peribadi dan 45 tahun untuk pembiayaan perumahan. Meskipun tempoh yang lebih panjang tersebut menyebabkan pembayaran balik bulanan yang lebih rendah, namun jumlah beban hutang peminjam menjadi lebih tinggi. Pemberian pinjaman pada kadar yang rendah kepada kakitangan kerajaan oleh institusi kewangan bukan bank juga meningkat dengan cepat, didorong oleh skim potongan gaji secara automatik untuk pembayaran balik pinjaman tanpa memberikan pertimbangan yang cukup terhadap kemampuan membayar balik pinjaman.

Bagi membendung perkembangan peningkatan risiko yang berlaku kepada isi rumah yang mudah terjejas, Bank bertindak dengan memperkenalkan langkah seterusnya pada tahun 2013 untuk memperkukuh amalan pemberian pembiayaan yang bertanggungjawab. Tempoh pembiayaan dihadkan kepada 10 tahun untuk pembiayaan peribadi dan 35 tahun untuk pembiayaan pembelian harta kediaman. Institusi kewangan juga dilarang menawarkan produk pra-diluluskan bagi pembiayaan peribadi, manakala pengenalan produk pembiayaan peribadi baharu atau variasi kepada produk sedia ada hendaklah diluluskan oleh Bank. Bagi memastikan ketekalan standard dalam kalangan seluruh penyedia kredit utama dan meminimumkan arbitraj pengawalseliaan, langkah ini juga telah diperluas kepada koperasi kredit yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, (Malaysia Co-operative Societies Commission, SKM), Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan AEON Credit Service (M) Berhad.

Memastikan kesesuaian produk dan nasihat wajar

Kekurangan pengetahuan tentang struktur dan prinsip sesuatu produk insurans dan takaful merupakan cabaran yang berterusan bagi kebanyakan pengguna untuk membuat pilihan yang bijak bagi memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, PPK dikehendaki memastikan pengguna mendapat akses kepada maklumat yang relevan dan bermanfaat, diberi nasihat yang wajar dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang hak dan obligasi mereka sebelum membeli produk insurans atau takaful. Selain itu, nasihat wajar yang diberikan oleh PPK mesti berasaskan pemahaman yang baik mengenai keadaan dan objektif kewangan pelanggan.

Selain itu, nasihat wajar yang diberikan oleh PPK mesti berasaskan pemahaman yang baik mengenai keadaan dan objektif kewangan pelanggan

Pada tahun 2013, Bank mengkaji semula amalan insurans dan perbankan berkaitan dengan penawaran produk bankasurans. Sepanjang beberapa tahun yang lalu, saluran perbankan telah menjadi saluran pengedaran yang penting untuk produk insurans dan takaful, dengan 136 perkongsian bankasurans telah ditubuhkan dalam industri, dan 21.9% premium/caruman insurans dan takaful baharu dijana daripada saluran ini sehingga akhir tahun 2013. Semakan amalan pasaran oleh Bank meliputi ciri produk yang dijual menerusi saluran perbankan, amalan jualan dan ganjaran, latihan yang mencukupi kepada wakil jualan serta keberkesanan pengaturan pertikaian dan penyelesaian. Bank mendapati bahawa selain produk yang berkaitan dengan kredit, penilaian sama ada sesuatu produk insurans atau takaful sesuai untuk pelanggan perbankan individu masih boleh diperbaiki. Kelemahan yang wujud semasa nasihat diberikan kepada pelanggan perbankan individu, telah mengakibatkan beberapa produk yang dicadangkan tidak sepadan dengan objektif kewangan pelanggan. Keadaan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kegagalan kakitangan jualan memberikan maklumat yang lengkap dan tepat kepada pelanggan dan dalam kes tertentu, pelanggan memilih untuk tidak mendedahkan maklumat yang diperlukan untuk penilaian kesesuaian produk. Dalam hal ini, PPK telah meningkatkan proses dalaman mereka dengan menggariskan akauntabiliti yang jelas bagi memastikan pelanggan bank mendapat nasihat yang wajar mengenai produk insurans dan takaful. Antaranya termasuk memperincikan segmen pelanggan sasaran bagi produk yang berbeza, mengukuhkan proses meluluskan jualan kepada pelanggan yang tidak termasuk dalam segmen pelanggan sasaran yang ditetapkan,

menyediakan latihan yang lebih baik kepada kakitangan bank, serta melaksanakan kawalan yang lebih berkesan seperti panggilan alu-aluan (welcome calls) dan kajian semula secara bebas tentang butiran yang didedahkan dalam Borang Pencarian Fakta Pelanggan.

Bank juga mengenal pasti trend yang sedang muncul dalam penggunaan saluran telepemasaran untuk mempromosikan dan memasarkan produk insurans dan takaful. Berdasarkan kajian semula ke atas amalan telepemasaran dan panggilan pembelian misteri (mystery shopping calls), langkah-langkah penyeliaan telah diambil oleh Bank untuk memastikan PPK menambah baik skrip jualan telepemasaran yang tidak memberitahu pengguna dengan wajar tentang produk yang dijual. PPK yang terlibat juga dikehendaki menghubungi semula pengguna untuk mengesahkan pembelian produk. Jika pengguna jelas tidak bersetuju untuk membeli produk itu, PPK dikehendaki membuat bayaran balik dengan serta-merta.

Memastikan pendedahan yang berguna

Pendedahan yang bermanfaat meningkatkan perlindungan pengguna dengan membantu pengguna memahami kos, manfaat dan risiko berkaitan dengan produk kewangan dan dapat membuat pertimbangan berdasarkan maklumat yang mencukupi tentang kesesuaian produk untuk memenuhi keperluan mereka. Sebaliknya, pendedahan yang mengelirukan boleh mengalih perhatian pengguna daripada mempertimbangkan faktor yang penting dan relevan untuk membuat keputusan berkaitan kewangan mereka.

Dalam bidang insurans dan takaful, FSA dan IFSA mengemukakan pindaan berhubung dengan obligasi pendedahan prakontrak pengguna, dan penyelesaian yang tersedia kepada penanggung insurans/pengendali takaful sekiranya pengguna memberikan gambaran yang salah. Pindaan itu yang terpakai untuk kontrak insurans/takaful pengguna memberikan perlindungan yang lebih baik kepada pemegang polisi/peserta, khususnya terhadap tindakan yang tidak setimpal oleh penanggung insurans/pengendali takaful yang mengabaikan kontrak insurans/takaful dalam situasi di mana gambaran yang salah diberikan oleh pengguna secara tidak sengaja. Di bawah rejim baharu ini, tanggungjawab yang lebih besar akan diberikan kepada penanggung insurans/pengendali takaful untuk mengemukakan soalan yang khusus kepada pengguna bagi mendapatkan maklumat relevan yang diperlukan untuk tujuan pengunderaitan. Sebagai persediaan untuk pelaksanaan keperluan baharu ini yang akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditentukan oleh Bank, penanggung insurans/pengendali takaful sedang dalam proses mengkaji semula semua borang cadangan serta terma dan syarat sedia ada yang berkaitan di bawah kontrak insurans/takaful pengguna, dan menambah baik dasar dan prosedur dalaman untuk pengunderaitan dan pembaharuan bagi mematuhi peruntukan baharu dalam FSA dan IFSA. Sebahagian daripada kajian semula ini juga termasuk memberikan kejelasan yang lebih baik dalam proses dalaman mengenai jenis penyelesaian yang boleh digunakan jika pengguna memberikan gambaran yang salah.

Pendedahan yang bermanfaat meningkatkan perlindungan pengguna dengan membantu pengguna memahami kos, manfaat dan risiko berkaitan dengan produk kewangan dan dapat membuat pertimbangan berdasarkan maklumat yang mencukupi tentang kesesuaian produk untuk memenuhi keperluan mereka

Pada tahun 2013, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki meningkatkan pendedahan mereka di bawah Skim Anuiti Konvensional Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Skim Anuiti Takaful KWSP, yang telah menunjukkan kadar serahan yang tinggi oleh pemegang polisi/peserta yang hampir mencecah usia 55 tahun. Oleh sebab keadaan ini bercanggah dengan tujuan skim, untuk menyediakan saluran pendapatan yang stabil kepada individu dalam tempoh persaraan, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki menasihati pemegang polisi/peserta yang berhasrat menyerahkan polisi mereka bahawa produk ini direka untuk menyediakan pendapatan bulanan yang terjamin mulai dari usia 55 tahun hingga ke akhir hayat pemegang polisi/peserta. Pemegang polisi/peserta juga

diberikan perbandingan antara nilai pembayaran serahan dengan nilai pembayaran anuiti selepas usia 55 tahun.

Dalam sektor perbankan, Bank mengkaji semula lebih daripada 900 iklan perbankan dan brosur pemasaran sebagai sebahagian daripada program berterusannya untuk mengenal pasti serta menghindari pemberian gambaran yang mengelirukan. Kejadian ketidakpatuhan terhadap Garis Panduan tentang Ketelusan dan Pendedahan yang dikeluarkan Bank terus menurun meskipun terdapat persaingan yang sengit dalam aktiviti pengambilan deposit dan pemberian pinjaman runcit. Pada tahun 2013, 11 ketidakpatuhan telah dikesan dan berikutan itu, PPK yang terlibat dikehendaki mengubah suai atau menarik balik iklan yang mengelirukan dengan serta-merta untuk mengelakkan pengguna daripada mempercayai iklan yang mengelirukan itu.

Bagi meningkatkan fahaman pengguna mengenai obligasi mereka dalam sesuatu perjanjian pinjaman, institusi perbankan komersial telah menerima pakai dokumen yang menerangkan tentang terma dan syarat utama dalam perjanjian pinjaman yang telah diseragamkan dan dipermudah, yang dihasilkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) untuk pinjaman perumahan dan pembiayaan perumahan dengan jumlah pokok RM500,000 dan ke bawah. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh ABM, inisiatif ini telah memendekkan tempoh pemprosesan pinjaman perumahan, terutamanya tempoh pemprosesan pada peringkat awal sebelum dokumentasi pinjaman dimuktamadkan.

Sebagai panduan kepada inisiatif Bank pada masa depan supaya terus meningkatkan standard ketelusan dan pendedahan produk, Bank sedang menjalankan kajian yang dijangka selesai pada tahun 2014, tentang cara pengguna menggunakan maklumat yang sedia ada untuk mereka membuat keputusan berkaitan kewangan.

Fi dan caj yang berpatutan

Sementara Bank berusaha untuk memanfaatkan kuasa pasaran yang kompetitif bagi memastikan fi dan caj yang dikenakan oleh PPK ke atas produk dan perkhidmatan kewangan tidak berlebihan, PPK juga perlu mematuhi prinsip panduan yang dikeluarkan oleh Bank untuk memastikan bahawa fi dan caj adalah adil dan berpatutan. Bank bertindak untuk campur tangan dalam kes-kes berkaitan fi dan caj yang didapati tidak selaras dengan prinsip panduan ini. Pada tahun 2013, tindakan telah diambil terhadap PPK kerana tidak mematuhi prinsip panduan yang mengakibatkan bayaran balik sebanyak RM13.3 juta kepada pelanggan yang terjejas. Di samping itu, daripada sejumlah 199 permohonan produk daripada PPK yang telah diterima dan dikaji semula oleh Bank untuk fi dan caj baharu atau semakan kenaikan yang akan dikenakan terhadap pengguna individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), hampir satu pertiga (2012: 22%) telah ditolak atau dikehendaki untuk diturunkan pada kadar yang lebih rendah. Ini menunjukkan bahawa penambahbaikan perlu diteruskan dalam pengawasan dalaman yang dilaksanakan oleh PPK untuk memastikan bahawa fi dan caj yang dikenakan adalah berpatutan dan selaras dengan prinsip panduan yang dikeluarkan Bank. Ini akan terus menjadi aspek yang diberikan perhatian yang rapi oleh Bank. Tindakan menggantung fi dan caj yang baharu merupakan satu langkah yang akan dipertimbangkan oleh Bank sekiranya institusi kewangan terus gagal untuk mematuhi prinsip panduan Bank.

Mencegah penipuan perbankan

Hasil daripada usaha berterusan institusi perbankan untuk memastikan persekitaran perbankan elektronik (e-perbankan) yang selamat, kes-kes penipuan yang melibatkan perbankan Internet terus berkurang daripada 1,992 kes pada tahun 2012 kepada 1,353 pada tahun 2013 walaupun terdapat peningkatan yang berterusan dalam urus niaga e-perbankan. Terdapat juga peningkatan dalam kerjasama antara industri perbankan dengan agensi lain untuk membanteras penipuan dalam talian melalui Kempen Kesedaran e-Perbankan yang dilancarkan di seluruh negara pada bulan Januari 2013 bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang ramai mengenai skim penipuan e-perbankan. Usaha kerjasama ini melibatkan ABM, bank-bank anggota utama dalam Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia, CyberSecurity Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Polis Diraja Malaysia yang merupakan sebahagian daripada Pasukan Petugas Perbankan Internet Bank.

Kerugian kewangan yang disebabkan penipuan perbankan Internet telah menurun dengan ketara iaitu mencakupi hanya 0.0001% daripada

RM3.5 trilion jumlah nilai urus niaga perbankan Internet pada tahun 2013, turun daripada 0.0002% nilai urus niaga yang berjumlah RM2.8 trilion pada tahun 2012. Penipuan secara `phishing´ (iaitu kegiatan mencuri maklumat) terus menjadi modus operandi utama, yang membabitkan penggunaan e-mel palsu atau perkhidmatan pesanan ringkas yang kononnya dihantar daripada institusi perbankan untuk mendapatkan butir-butir pengenalan diri pelanggan bagi tujuan melakukan urus niaga yang melibatkan penipuan.

Bank sedang mengkaji semula Garis Panduan Penyediaan Perkhidmatan Perbankan Elektronik bagi mengukuhkan lagi langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh institusi perbankan untuk meningkatkan keselamatan saluran perkhidmatan e-perbankan dan saluran e-pembayaran.

Membanteras skim penipuan kewangan

Tindakan jenayah yang dikenakan ke atas skim pelaburan haram terus memainkan peranan yang penting sebagai langkah pencegahan yang meyakinkan dalam hal berkaitan skim penipuan kewangan. Pada tahun itu, dua pengendali skim pelaburan haram dan sekutu utama mereka dituduh melakukan kesalahan pengambilan deposit secara haram di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989. Bank turut membuat 1,793 pertuduhan terhadap 33 individu dan syarikat bagi kesalahan pengubahan wang haram di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Kerjasama antara agensi untuk membanteras skim pelaburan haram terus diperkukuh antara Bank, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang melaksanakan tindakan secara bersepadu terhadap satu pengendali skim pelaburan haram yang besar. Kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain juga telah dipertingkat dalam perkongsian maklumat dan pengendalian aktiviti pengawasan bersama serta pengumpulan risikan yang membantu memudahkan pemantauan aktiviti haram oleh Bank.

Bank terus meningkatkan kesedaran pengguna kewangan mengenai penipuan kewangan dengan memanfaatkan secara meluas saluran-saluran media untuk memaklumkan dan mengingatkan orang ramai mengenai modus operandi penipuan kewangan dan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap mereka yang melakukan jenayah kewangan. Bank juga bekerjasama dengan persatuan pengguna dan dewan perniagaan untuk mendidik pengguna mengenai langkah-langkah berwaspada bagi melindungi diri mereka daripada menjadi mangsa kepada skim pelaburan haram. Senarai Peringatan untuk Pengguna Kewangan, yang diperkenalkan pada tahun 2012 terus menjadi rujukan penting bagi pengguna untuk mendapat maklumat mengenai penyedia produk dan perkhidmatan kewangan haram yang disyaki.

Inisiatif ini telah membantu mengurangkan bilangan insiden penipuan kewangan yang dilaporkan kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) sebanyak 23% kepada 8,402 kes pada tahun 2013 daripada 10,913 kes pada tahun 2012.

> Dalam jangka masa lebih panjang, lebih banyak pembaharuan asas kepada rangka kerja keinstitusian dan undang-undang akan dipertimbangkan bagi mengukuhkan pendekatan konsep pelbagai agensi ini. Pembaharuan ini merupakan maklum balas yang lebih menyeluruh bagi langkah-langkah pencegahan dan halangan yang lebih kukuh terhadap jenayah kewangan

Memandangkan pada masa ini ciri-ciri dan kaedah untuk melakukan jenayah kewangan adalah semakin canggih, mekanisme antara agensi ini akan terus dipertingkat dalam bidang pencegahan, pendidikan pengguna, pengurusan aduan, perkongsian risikan, serta siasatan dan pendakwaan bersama. Dalam jangka masa lebih panjang, lebih banyak pembaharuan asas kepada rangka kerja keinstitusian dan undang-undang akan dipertimbangkan bagi mengukuhkan pendekatan konsep pelbagai agensi ini. Pembaharuan ini akan mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh bagi langkah-langkah pencegahan dan halangan yang lebih kukuh terhadap jenayah kewangan.

Amalan penjualan dan tuntutan insurans motor
Dalam sektor insurans am, Bank terus berwaspada terhadap amalan penanggung insurans am yang menghendaki pemegang polisi untuk membeli insurans kemalangan peribadi sebagai syarat kepada, atau bersama-sama dengan, pembelian insurans motor, dalam usaha untuk meningkatkan keseimbangan antara risiko motor dengan bukan motor. Aktiviti penyeliaan oleh Bank pada tahun 2013 telah mendedahkan lebih daripada 700,000 kes melibatkan tiga penanggung insurans yang terlibat dalam amalan tersebut. Kesemua penanggung insurans ini diarahkan untuk membayar balik premium yang diterima mereka kepada pemegang polisi yang memilih untuk tidak meneruskan perlindungan kemalangan peribadi yang berkenaan. Di bawah FSA dan IFSA, peranan Bank untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang keras akan diperkuat untuk menangani amalan tersebut.

Bank juga terus melaksanakan langkah-langkah yang lebih meluas untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan hal-hal berkaitan penyelesaian tuntutan motor. Ini telah dicapai hasil kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan, termasuk agensi-agensi kerajaan, penanggung insurans, ajuster, pembaik kenderaan, Motordata Research Consortium Sdn Bhd, dan Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB). Pada tahun itu, Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan yang dihubungkan dengan semua penanggung insurans motor telah diperkenalkan bagi menyediakan bantuan segera kepada pemilik kenderaan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Ini susulan daripada langkah-langkah awal sebelum ini yang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan proses penyelesaian tuntutan termasuk (i) mengurangkan masa yang diambil untuk mengemukakan laporan perubatan kepada penanggung insurans/pengendali takaful untuk tujuan menilai tuntutan kecederaan badan dan memastikan kesahihan laporan ini; (ii) meningkatkan kualiti dan liputan data yang dikumpulkan berhubung dengan pembaikan dan penilaian kenderaan bermotor bagi tujuan menilai tuntutan; dan (iii) menghubungkan sistem penanggung insurans/pengendali takaful dan ajuster bagi membolehkan laporan ajuster dihantar secara dalam talian kepada penanggung insurans/ pengendali takaful.

KERJASAMA DENGAN AGENSI LAIN


Bank terus menyelaras aktiviti pengawasan pengendalian amalan pasaran dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Malaysia Competition Commission, MyCC). Satu kumpulan kerja yang terdiri daripada Bank dan Suruhanjaya Sekuriti telah ditubuhkan pada tahun 2013 untuk menangani isu-isu berkaitan dengan penggunaan Garis Panduan Perlindungan Pelabur untuk PPK yang menjalankan aktiviti pasaran modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dengan tujuan untuk memperkemas, selagi masih praktikal, peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan amalan pengantara pasaran modal yang dikawal selia oleh kedua-dua Bank dan Suruhanjaya Sekuriti. Bank juga merupakan ahli Kumpulan Kerja Teknikal bagi Perkhidmatan Kewangan yang ditubuhkan oleh MyCC pada tahun 2013. Kumpulan kerja yang terdiri daripada MyCC, Bank dan Suruhanjaya Sekuriti bergerak aktif pada tahun itu dalam menyokong usaha masing-masing menangani isu-isu persaingan dalam sektor kewangan dan menyelaraskan amalan dan dasar industri semasa dengan prinsip persaingan. Bagi merasmikan pengurusan kerjasama yang sedang dilaksanakan itu, satu Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MOU) antara Bank dan MyCC dijadualkan ditandatangani pada separuh pertama tahun 2014. Tumpuan penting MOU tersebut adalah untuk menyokong mekanisme kerjasama yang berkesan antara dua agensi tersebut berkenaan dengan penjualan terikat dan tindakan pakatan yang dikawal selia oleh kedua-dua Akta Persaingan 2010 serta FSA dan IFSA.

PENGGUNA KEWANGAN BERPENGETAHUAN DAN BERTANGGUNGJAWAB

Usaha meningkatkan keupayaan kewangan melalui inisiatif pendidikan kewangan terus diberikan keutamaan yang penting bagi Bank pada tahun 2013. Persekitaran operasi yang mencabar ditambah pula dengan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks telah meningkatkan lagi keperluan untuk melengkapkan pengguna kewangan dengan keupayaan untuk membuat keputusan kewangan dengan penuh keyakinan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Kajian oleh Bank dengan kerjasama beberapa universiti tempatan baru-baru ini mendedahkan bahawa dua pertiga daripada isi rumah di Malaysia kurang bersedia untuk menghadapi kejutan pendapatan dengan mempunyai simpanan kurang daripada tiga bulan.

Gambar Rajah 4.2

Strategi Utama untuk Mengekalkan Usaha Celik Kewangan ke arah Membina Pengguna Kewangan di Malaysia yang Kompeten



Ini menekankan betapa pentingnya pengurusan kewangan yang berhemat untuk membantu individu dan isi rumah menyediakan penampan kewangan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan berlakunya kejutan pendapatan dan perbelanjaan. Dengan tempoh jangka hayat yang lebih panjang, keperluan untuk memastikan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi persaraan juga adalah penting.

Kerjasama berterusan antara Bank dengan Kementerian Pendidikan untuk mengintegrasi pendidikan kewangan ke dalam kurikulum sekolah terus mencapai kemajuan yang menggalakkan. Tema pendidikan kewangan yang telah diterapkan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Moral telah diperkenalkan dalam kurikulum Tahun Empat pada tahun 2014. Ini akan diperluas secara beransur-ansur ke dalam kurikulum sekolah rendah untuk tahun-tahun lain. Inisiatif yang sama untuk sekolah menengah akan dilaksanakan mulai tahun 2017. Bank juga menyokong pendidikan kewangan yang diperkenalkan sebagai modul wajib untuk pelajar kolej vokasional bagi Program Diploma Vokasional Malaysia. Pendidikan kewangan di sekolah memberi peluang yang penting untuk melengkapkan generasi masa hadapan dengan kemahiran pengurusan kewangan asas, lantas memastikan bahawa mereka yang memasuki tenaga kerja pada masa akan datang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh untuk membuat keputusan kewangan dengan bijak. Bagi memperlengkap dan menyokong inisiatif ini, Bank menjajarkan semula serta mempertingkat peranan PPK di bawah Program Sekolah Angkat sebagai pakar bidang untuk memberikan nasihat kepada guru-guru tentang aspek teknikal pengurusan kewangan, termasuk mengenai produk dan perkhidmatan. Ini akan mengukuhkan lagi pendidikan kewangan yang disampaikan dalam kelas.

Pendidikan kewangan di sekolah memberi peluang yang penting untuk melengkapkan generasi masa hadapan dengan kemahiran pengurusan kewangan asas, lantas memastikan bahawa mereka yang memasuki tenaga kerja pada masa akan datang akan mempunyai pengetahuan asas yang kukuh untuk membuat keputusan kewangan dengan bijak

Pendidikan kewangan untuk orang dewasa secara berterusan telah memanfaatkan kejayaan program POWER!. Modul pendidikan kewangan ini disasarkan kepada golongan muda berumur antara 18-30 tahun, untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran pengurusan wang dan menggalakkan pemerolehan hutang secara berhemat, sekali gus mencegah beban keberhutangan pada masa hadapan. Sejumlah 167,478 peserta telah mendapat manfaat daripada pendidikan pengurusan wang yang praktikal di bawah program POWER!. Para peserta POWER! belajar tentang peminjaman untuk tujuan produktif, kos peminjaman sebenar dan konsep peminjaman berdasarkan kemampuan untuk membayar balik hutang. Pada tahun itu, Bank dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) meningkatkan jangkauan dan kesesuaian program pendidikan kewangan dengan mengubah suai program kepada model yang mengambil kira pelbagai peringkat kehidupan. Dengan tumpuan permulaan pada orang dewasa yang bekerja, Bank dan AKPK telah memulakan penyampaian program pendidikan kewangan di tempat kerja melalui perkongsian sektor awam-sektor swasta, termasuk dengan agensi kerajaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia,

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Dengan meningkatnya momentum pendidikan kewangan di sekolah dan untuk orang dewasa, langkah-langkah juga sedang diambil

Jadual 4.1

Pencapaian Utama Inisiatif Pendidikan Kewangan Tahun 2013

Strategi	Pencapaian
Menggalakkan keupayaan kewangan dari usia awal	• Elemen pendidikan kewangan diterapkan dalam buku teks bagi subjek Matematik, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Moral Tahun Empat . • Modul pendidikan kewangan 14 jam dilaksanakan di kalangan para guru pelatih semester akhir di semua Institut Pendidikan Guru. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mempersiap para guru bagi menghadapi pelancaran pendidikan kewangan seluruh negara. • Melatih pelatih bagi menyokong pendidikan kewangan di Institut Pendidikan Guru dengan kerjasama Kementerian Pendidikan: - 100 pelatih utama di Institut Pendidikan Guru mendapat kemahiran dan keyakinan untuk melatih guru pelatih lain di Institut Pendidikan Guru masing-masing. - Kira-kira 3,900 pensyarah di Institut Pendidikan Guru telah didedahkan dengan kemahiran pengurusan kewangan peribadi dan dilatih untuk menyampaikan modul pendidikan kewangan selama 14 jam. - 5,000 guru pelatih mendapat kemahiran untuk pengurusan kewangan peribadi. • Kecekapan kira-kira 300 pelatih dari Kementerian Pendidikan telah ditingkatkan untuk melatih guru pelatih lain di negeri masing-masing untuk melaksanakan pendidikan kewangan di sekolah-sekolah. • Lebih 1,000 guru di sembilan Institut Pendidikan Guru telah mendapat manfaat daripada program POWER! yang menyediakan program dan sumber pendidikan kewangan yang praktikal untuk pengurusan hutang dan aliran tunai yang berkesan. • Pendidikan kewangan diwajibkan bagi pelajar semester lima di bawah program Diploma Vokasional Malaysia. • Para pensyarah dari 15 Kolej Vokasional di Malaysia telah menjalani pendidikan kewangan untuk disampaikan kepada para pelajar semester lima di kolej masing-masing.
Penyampaian maklumat pendidikan kewangan yang berguna dan tepat pada masanya	• Rancangan pelajaran Tahun Empat dan Tahun Lima yang telah dibangunkan (Matematik, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Moral) menerapkan unsur-unsur pendidikan kewangan dan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan kemahiran berfikir di peringkat yang lebih tinggi. • Penyebaran maklumat pengurusan kewangan dan khidmat nasihat mengenai hal ehwal kewangan melalui MobileLINK kepada lebih 15,000 individu dari kalangan masyarakat luar bandar di 91 mukim di seluruh negara. • Lebih satu juta Buku Wang Saku diedarkan kepada pelajar sekolah, manakala *duitsaku.com* mencatat lebih 672,000 capaian pada tahun 2013 sebagai sebahagian daripada program jangkauan kepada kanak-kanak mengenai kemahiran asas pengurusan kewangan.
Program keupayaan kewangan bersasaran untuk orang dewasa berdasarkan peristiwa utama pada peringkat hidup	• Lebih 32,000 orang perseorangan menghadiri program POWER! yang memberi tumpuan kepada pengurusan aliran tunai yang berkesan dan pengambilan hutang yang berhemat. • Sebanyak 2,724 seminar mengenai pengurusan kewangan peribadi telah dijalankan oleh AKPK yang dihadiri lebih 150,000 pekerja dan pelajar. • Bekerjasama dengan AKPK untuk menjalankan program yang memberi tumpuan kepada pengurusan hutang isi rumah dan juga mewujudkan kesedaran mengenai skim penipuan kewangan untuk kakitangan kerajaan. Pada tahun 2013, sebanyak 92 program telah dilaksanakan yang dihadiri 10,564 peserta. • Penyebaran mesej pendidikan kewangan secara meluas melalui stesen radio popular dan suratkhabar vernakular.

untuk mempertingkatkan infrastruktur yang diperlukan dalam menyokong inisiatif pendidikan kewangan dengan meningkatkan lagi akses pengguna kepada maklumat dan alat pengurusan kewangan yang interaktif. Dalam hal ini, pembangunan sebuah portal pendidikan kewangan yang berperanan sebagai pintu masuk utama bagi semua perkara pengurusan kewangan berkaitan pengguna akan bermula pada tahun 2014. Portal baharu ini akan menggantikan portal *bankinginfo*, *insuransceinfo* dan *Islamicfinanceinfo* yang sedia ada dan menyediakan portal perhubungan tunggal untuk orang ramai mengakses maklumat yang berkualiti, diyakini, mesra pengguna dan tepat pada masanya serta alat-alat yang boleh membantu membuat keputusan berkaitan kewangan. Portal baharu ini juga akan bergabung dengan penyedia pendidikan kewangan utama lain untuk mengintegrasi dan terus mengembangkan lagi saluran yang sedia ada kepada pengguna untuk mendapat maklumat, nasihat dan bantuan kewangan.

Bank terus memastikan bahawa pelaburan untuk melaksanakan inisiatif pendidikan kewangan dirancang dan disampaikan secara bijaksana. Semua program pendidikan kewangan utama dinilai keberkesanannya dalam memenuhi objektif yang disasarkan melalui Rangka Kerja Penilaian Pendidikan Kewangan. Rangka Kerja ini, yang dibangunkan pada tahun 2013, membolehkan Bank menilai kesan program pendidikan kewangan terhadap tahap keseluruhan celik kewangan penduduk Malaysia. Hasil penilaian ini juga digunakan untuk terus meningkatkan program-program pendidikan. Penilaian program POWER! di bawah Rangka Kerja ini pada tahun 2013 menunjukkan walaupun pengetahuan pengurusan kewangan peserta telah meningkat dengan ketara, namun ini tidak menghasilkan perubahan tingkah laku yang berkekalan. Hasil penilaian ini konsisten dengan bukti secara anekdot yang menunjukkan tekanan gaya hidup dan pengaruh budaya sebagai faktor penting yang juga mempengaruhi tingkah laku kewangan pengguna. Maklumat ini telah digunakan oleh AKPK untuk mengubah suai semula kandungan dan pendekatan program POWER! mengikut keperluan golongan sasaran bagi pengalaman pembelajaran yang lebih optimal. Ini dijangka dapat menangani dengan berkesan pelbagai isu dan pengaruh yang mempunyai kesan penting ke atas kelakuan pengguna.

MENGUKUHKAN SALURAN BANTUAN PENYELESAIAN PENGGUNA

`Pusat Perhubungan Sehenti´ Bank yang dikenali sebagai BNMLINK terus menjadi sumber maklumat kewangan dan saluran penyelesaian kepada pengguna untuk membuat aduan terhadap PPK. Pelaburan yang dibuat oleh Bank dalam infrastruktur dan susun atur untuk pengurusan aduan serta urusan pertanyaan pelanggan adalah besar, dianggarkan melebihi RM10 juta setahun. Ini menggambarkan penekanan yang diberikan Bank untuk memastikan bantuan penyelesaian yang berkesan bagi pengguna kewangan. Pada tahun 2013, BNMLINK menerima 441,712 pertanyaan, iaitu peningkatan sebanyak 7.7% dari tahun 2012. Walaupun jumlah pertanyaan meningkat, bilangan aduan terhadap PPK menurun (3.8%) pada tempoh tersebut.

Aduan terhadap institusi perbankan sebahagian besarnya berkaitan dengan pertikaian tentang pengiraan kadar faedah, fi yang dikenakan dan baki pinjaman yang belum dijelaskan serta kualiti perkhidmatan pelanggan yang tidak memuaskan. Bilangan aduan terhadap institusi perbankan yang diterima pada tahun 2013 menurun sebanyak 5.6% daripada 5,516 aduan pada tahun 2012 kepada 5,208 aduan pada tahun 2013. Aduan yang diterima daripada PKS juga lebih rendah sebanyak 5.8% daripada 433 aduan pada tahun 2012 kepada 408 aduan pada tahun 2013, kebanyakannya berhubung dengan isu-isu berkaitan amalan bank dalam penyusunan semula dan penjadualan semula pinjaman, yang mencerminkan penglibatan lebih proaktif oleh bank dengan peminjam PKS untuk menguruskan pinjaman tak berbayar. Sementara itu, aduan terhadap penanggung insurans dan pengendali takaful biasanya adalah berkaitan dengan kelewatan dalam pemprosesan tuntutan, penolakan tuntutan serta pertikaian tentang jumlah penyelesaian tuntutan dan faedah yang dibayar. Bilangan aduan insurans yang diterima pada tahun 2013 secara amnya tidak berubah berbanding dengan aduan yang diterima pada tahun 2012.

Bilangan kes lebih rendah yang dilaporkan kepada Bank sebahagiannya mencerminkan pengurusan aduan yang lebih baik oleh PPK. Perbincangan yang kerap antara Bank dengan unit aduan PPK telah menyumbang kepada penambahbaikan dalam proses pengurusan aduan melalui integrasi

fungsi pengurusan aduan secara menyeluruh dan pemberian kuasa yang lebih banyak kepada pegawai-pegawai barisan hadapan untuk mempercepat penyelesaian aduan.

Bagi menggalakkan pengendalian pertikaian yang berkesan dan saksama oleh PPK, Bank di bawah FSA dan IFSA diberikan kuasa untuk meluluskan skim ombudsman kewangan (Financial Ombudsman Scheme, FOS). Penubuhan dan operasi FOS akan ditadbir oleh peraturan yang menetapkan fungsi, tugas dan skop FOS serta susun atur pengawasan untuk memastikan tadbir urus yang berkesan. Operasi FOS akan berpandukan prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, akses, akauntabiliti, ketelusan dan keberkesanan. Pada tahun 2013 ,satu kumpulan kerja bersama antara Bank dengan FMB telah menyiapkan kajian semula fungsi, operasi dan susun atur pendanaan FMB dan menggariskan cadangan awal transformasi FMB menjadi FOS yang dibenarkan di bawah FSA dan IFSA. Bank dijangka akan membentangkan cadangan akhir - termasuk cadangan untuk memperluas skop pertikaian yang boleh dikendalikan oleh FOS, menambah baik proses penyelesaian pertikaian, meluaskan bentuk penyelesaian untuk pengadu dan memperkenal struktur fi keahlian yang lebih saksama - untuk maklum balas orang ramai pada bulan April 2014.

AKPK terus memainkan peranan penting untuk membantu pengguna kewangan menguruskan hutang mereka. Program pengurusan hutangnya (Debt Management Programme, DMP) membantu peminjam yang mempunyai masalah kewangan menyusun atau menjadual semula pinjaman terkumpul dengan penyedia kredit, sekali gus membantu mereka keluar daripada bebanan hutang. Sejak penubuhannya pada tahun 2006, AKPK menyediakan perkhidmatan kaunseling kredit kepada 248,491 pengguna. Daripada jumlah ini, 100,871 pengguna atau 40.6% telah mendaftar dengan DMP. Sebanyak 73% daripada peminjam yang mendaftar dengan DMP (dengan jumlah hutang dalam kalangan mereka sebanyak RM4.67 bilion) terus memenuhi komitmen pembayaran balik mereka di bawah program ini atau telah menjelaskan obligasi pinjaman mereka sepenuhnya. Langkah-langkah sedang diambil oleh AKPK untuk meningkatkan lagi keupayaan menilai kewangan peminjam yang mendaftar dengan DMP bagi meningkatkan prospek peminjam kekal dalam program ini sehingga obligasi mereka dijelaskan sepenuhnya. Individu yang berumur 40 tahun dan ke bawah terus merupakan sebahagian besar (57.6%) daripada peminjam di bawah DMP, terutamanya disebabkan oleh perancangan kewangan yang lemah (33.9%) dan penampan kewangan yang tidak mencukupi untuk memenuhi perbelanjaan perubatan yang tinggi (18.1%).

AKPK terus memainkan peranan penting untuk membantu pengguna kewangan menguruskan hutang mereka. Program pengurusan hutangnya (Debt Management Programme, DMP) membantu peminjam yang mempunyai masalah kewangan menyusun atau menjadual semula pinjaman terkumpul dengan penyedia kredit, sekali gus membantu mereka keluar daripada bebanan hutang

Pada tahun 2013, skop perkhidmatan pengurusan hutang AKPK telah diperluas untuk meliputi peminjam koperasi kredit dan MBSB. Memandangkan pinjaman daripada penyedia kredit ini dibayar balik melalui potongan gaji, DMP AKPK bagi peminjam ini adalah bertujuan untuk membantu mengurangkan jumlah ansuran pembayaran balik pinjaman mereka kepada paras yang boleh dibayar daripada pendapatan bulanan bersih peminjam supaya aliran tunai mereka kembali mencukupi untuk memenuhi perbelanjaan harian.

2013

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

141 Menggalakan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

145 Perkembangan Penting dalam Sistem Pembayaran

149 Melangkah Kehadapan

150 *Rencana: Mempercepatkan Peralihan kepada Pembayaran Secara Elektronik*

Pada tahun 2013, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha memastikan kestabilan dan daya tahan infrastruktur pembayaran negara, di samping mempertingkat kecekapan dan keberkesanan kos sistem pembayaran utama. Usaha ini disokong oleh peruntukan kuasa pengawalseliaan yang lebih besar kepada Bank menerusi penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013), terutamanya berhubung dengan pengawasan terhadap sistem pembayaran utama yang menimbulkan risiko yang ketara serta kepastian undang-undang yang diberikan terhadap kebolehkuatkuasaan standard yang ditentukan bagi menggalakkan keselamatan, integriti, kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran utama dan instrumen pembayaran yang ditetapkan.

Aktiviti penyeliaan kekal tertumpu pada penilaian risiko bersifat awalan dan ujian tekanan untuk mengesan kelemahan, serta usaha untuk memastikan penyedia perkhidmatan sistem pembayaran utama dapat bertindak balas terhadap penampilan risiko baharu dan menghalang berlakunya gangguan besar

Sepanjang tahun tersebut, inisiatif pengawalseliaan terus tertumpu pada usaha menggalakkan amalan pengurusan risiko yang baik dan mengekalkan daya tahan operasi infrastruktur sistem pembayaran utama negara. Hal yang demikian sangat penting memandangkan jangkaan peningkatan jumlah pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) ekoran inisiatif yang dipergiat untuk mempercepat peralihan kepada e-pembayaran. Pada masa yang sama, terdapat rejim pengawalseliaan yang seimbang bagi menggalakkan inovasi dalam pasaran tanpa menjejaskan kestabilan kewangan dan keyakinan orang ramai. Aktiviti penyeliaan kekal tertumpu pada penilaian risiko bersifat awalan (pre-emptive) dan ujian tekanan untuk mengesan kelemahan, serta usaha untuk memastikan penyedia perkhidmatan sistem pembayaran utama dapat bertindak balas terhadap penampilan risiko baharu dan menghalang berlakunya gangguan besar.

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Pengawasan terhadap RENTAS

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) ialah sistem pembayaran negara yang bertanggungjawab menyelesaikan pembayaran bernilai tinggi antara bank dan urus niaga sekuriti. Pada tahun 2013, RENTAS menyelesaikan sebanyak 4 juta urus niaga bernilai RM46.4 trilion, iaitu 47.2 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia (Rajah 5.1), berbanding dengan 3.6 juta urus niaga berjumlah RM46.2 trilion pada tahun 2012. Jumlah nilai urus niaga pasaran wang, yang merangkumi sebahagian besar urus niaga yang dijalankan dalam RENTAS, meningkat pada tahun 2013 apabila Bank menyerap lebih banyak mudah tunai

Rajah 5.1


RENTAS: Pusing Ganti Urus Niaga kepada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.2

RENTAS: Purata Harian Mengikut Nilai dan Bilangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam jangka masa yang lebih pendek melalui peminjaman langsung disebabkan oleh turun naik aliran modal yang lebih tinggi berikutan kebimbangan terhadap rancangan untuk mengecilkan program pelonggaran kuantitatif (quantitative easing) oleh Federal Reserve Amerika Syarikat. Penyelesaian pertukaran asing dan urus niaga sekuriti menyusut sedikit daripada RM4 trilion pada tahun 2012 kepada RM3.8 trilion pada tahun 2013 disebabkan ketidakpastian dalam pasaran global.

Purata 16,061 urus niaga bernilai RM188 bilion diselesaikan melalui sistem tersebut setiap hari (Rajah 5.2) berbanding dengan 14,648 urus niaga bernilai RM188.4 bilion pada tahun 2012. Jumlah urus niaga RENTAS terus meningkat, didorong oleh urus niaga lebih tinggi oleh pihak ketiga, daripada purata 2.2 juta sepanjang lima tahun lepas kepada 3 juta pada tahun 2013, terutamanya pembayaran oleh Kerajaan yang meningkat sebanyak 86% pada tahun 2013 berikutan peralihan kepada RENTAS bagi pembayaran bernilai RM50,000 dan ke atas. Pembayaran oleh individu dan syarikat juga telah meningkat pada kadar purata 11.9% sepanjang empat tahun lepas, mencerminkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas.

RENTAS mengekalkan 100% ketersediaan sistem sepanjang tahun 2013. Walau bagaimanapun, terdapat sepuluh kejadian yang berlaku sepanjang tahun tersebut berbanding dengan dua kejadian pada tahun 2012 yang menyebabkan kelewatan dalam penyelesaian urus niaga GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG) dan cek, dengan beberapa kejadian menyebabkan pelanjutan waktu tutup. Kejadian ini disebabkan oleh masalah teknikal seperti ralat sambungan antara sistem dalaman peserta atau terminal RENTAS dengan pelayan RENTAS, atau baki yang tidak mencukupi dalam akaun peserta. Biasanya, peserta akan diberikan kemudahan kredit intrahari (intraday credit facility, ICF) bercagar tanpa faedah jika dana tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, terdapat empat kejadian melibatkan peserta yang mengalami kekurangan dana selepas tempoh pemberian ICF tamat. Dalam semua kejadian itu, pengaturan kontingensi sedia ada terbukti berkesan dan secara purata, masalah diselesaikan dalam masa sejam, sekali gus menghalang kejadian tersebut daripada bertambah buruk hingga menjadi gangguan besar atau menyebabkan kesulitan kepada pelanggan.


RENTAS mengekalkan 100% ketersediaan sistem sepanjang tahun 2013

Sebagai sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik, penekanan diberikan untuk memastikan RENTAS terus berfungsi dengan berkesan dan cekap. Sepanjang tahun 2013, kadar penggunaan setiap satu daripada dua pelayan RENTAS tidak melebihi nilai ambang maksimum sebanyak 50%, menunjukkan bahawa keupayaan sistem masih mencukupi. Nilai ambang penggunaan ditetapkan sebanyak 50% untuk memastikan sekiranya satu pelayan tidak berfungsi, operasi RENTAS tidak akan terjejas kerana pemprosesan boleh diambil alih oleh pelayan lain dengan lancar. Latihan ujian tekanan juga dijalankan dengan mensimulasikan penyelesaian jumlah harian yang luar biasa sebanyak 38,000 urus niaga bagi mengenal pasti kekurangan dan kelemahan sistem serta daya pemprosesan urus niaga maksimum yang boleh dikendalikan sebelum prestasi sistem terjejas. Hasil ujian menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi apabila RENTAS boleh memproses urus niaga ini dengan daya pemprosesan sebanyak 2,600 urus niaga setiap 10 minit, iaitu kira-kira empat kali daya pemprosesan harian biasa tanpa sebarang penurunan dari segi prestasi.

Pada tahun 2013, dua ujian pemulihan bencana (disaster recovery, DR) seluruh industri secara langsung dijalankan terhadap RENTAS dan

Rajah 5.3

Kekerapan dan Jenis Ujian Pemulihan Bencana untuk RENTAS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) bagi menilai keupayaan pengaturan kesinambungan perniagaan untuk meminimumkan gangguan jika berlaku kejadian semasa operasi atau kegagalan operasi (Rajah 5.3). Ujian langsung DR mencakupi ujian bagi sambungan antara pelayan pengeluaran dan pelayan sokongan peserta sistem pembayaran dengan pelayan sokongan Bank. Selain itu, latihan tahunan pertama bagi pengaturan kesinambungan perniagaan yang menggunakan sistem RENTAS yang berasingan tetapi berskala lebih kecil telah dijalankan. Tujuannya adalah untuk membiasakan peserta dengan proses operasi dan memastikan sistem kontingensi berfungsi dengan lancar. Peserta dikehendaki mengkaji semula latihan kesinambungan perniagaan mereka setiap tahun untuk mengenal pasti sebarang kelemahan dalam pengaturan kontingensi, dan memastikan langkah segera diambil bagi menangani kelemahan tersebut. Keperluan ini dikuatkuasakan pada bulan Oktober 2013 dan penilaian bebas tahunan bagi tahun 2013 dijangka selesai menjelang Mac 2014.

Semasa pelaksanaan Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Program, FSAP) pada tahun 2012, Malaysia dinilai sebagai telah `mematuhi´ semua Prinsip untuk Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI) yang terpakai berhubung dengan sistem RENTAS. Sejak itu, Bank terus melaksanakan langkah untuk meningkatkan lagi daya tahan dan mengukuhkan pelbagai aspek proses pengurusan risiko pada tahun 2013. Antaranya termasuk menguji kebolehalihan pegangan pelanggan dalam RENTAS bagi memastikan sekuriti pelanggan boleh dipindahkan dengan lancar susulan penggabungan, pemerolehan, ketaksolvenan atau kegagalan mana-mana peserta RENTAS. Ujian simulasi pertama, yang dijalankan pada Ogos 2013, terbukti berjaya membolehkan pemindahan sekuriti daripada akaun peserta tak solven kepada akaun peserta lain. Bank juga terus mengukuhkan kerjasamanya dengan Suruhanjaya Sekuriti, terutamanya dalam pertukaran maklumat tentang RENTAS dan rumah penjelasan (clearing houses) yang berada dalam skop Suruhanjaya Sekuriti, bagi memastikan pengawasan pengawalseliaan terhadap entiti yang berkaitan ini adalah menyeluruh dan berkesan.

Pengawasan Pembayaran Runcit

eSPICK dan sistem pembayaran runcit utama

eSPICK berfungsi dengan lancar sepanjang tahun, kecuali kejadian gangguan rangkaian yang berlaku pada bulan Ogos 2013. Dengan pengaktifan pengaturan kesinambungan perniagaan yang sudah mantap, pemprosesan eSPICK disambung semula dengan usaha terselaras oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) dan institusi perbankan bagi memastikan dana yang dijelaskan dikreditkan ke dalam akaun benefisiari tepat pada masanya. Penilaian yang teliti dijalankan terhadap punca kejadian tersebut dan prosedur operasi dikukuhkan lagi bagi mengurangkan risiko berlakunya gangguan yang serupa pada masa hadapan.

Daya tahan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran runcit utama seperti IBG, Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX), sistem kad debit domestik serta Mesin Juruwang Automatik (automated teller machine, ATM), adalah penting untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem ini dan menyokong jumlah urus niaga e-pembayaran yang semakin meningkat pada masa hadapan. Pada tahun 2013, dua ujian langsung DR dijalankan terhadap semua perkhidmatan pembayaran runcit untuk menilai ketersediaan aplikasi perkhidmatan jika berlaku


bencana di pusat data utama. Ujian tekanan juga dijalankan terhadap sistem IBG untuk menilai sama ada keupayaan sistem semasa dapat menangani jumlah urus niaga yang dijangka meningkat berikutan pengurangan fi untuk urus niaga IBG melalui perbankan Internet dan perbankan mudah alih mulai bulan Mei 2013. Ujian tersebut dijalankan dengan mensimulasikan penyelesaian jumlah harian yang luar biasa sebanyak 2.1 juta, iaitu tiga kali jumlah kemuncak purata harian. Keputusan menunjukkan bahawa sistem IBG berupaya mengurus peningkatan yang mendadak itu tanpa sebarang penurunan prestasi. Ujian tekanan yang sama akan dijalankan terhadap sistem pembayaran runcit utama yang lain, seperti Rangkaian ATM Perkongsian yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS), kerana Bank akan menggalakkan penggunaan perkhidmatan pemindahan dana melalui ATM bagi memberikan lebih banyak akses kepada orang ramai untuk menjalankan urus niaga e-pembayaran. Selain meningkatkan kebolehpercayaan operasi, Bank juga akan mengambil langkah untuk memastikan peraturan operasi, keperluan kehematan dan prosedur penyelesaian terus berkesan untuk menangani dan mengurangkan pendedahan sistem pembayaran kepada risiko penyelesaian, kredit dan mudah tunai.

Penipuan pembayaran

Kejadian penipuan yang berkaitan dengan penggunaan kad pembayaran, wang elektronik dan cek kekal rendah, mencakupi kurang 0.006% daripada jumlah dan nilai keseluruhan urus niaga pembayaran runcit pada tahun 2013. Penipuan kad kredit masih merupakan bentuk penipuan pembayaran yang paling lazim, dengan kerugian berjumlah RM29.4 juta atau kerugian purata sebanyak 0.03% pada 2013 (Rajah 5.4). Urus niaga Internet yang tidak sah masih merupakan jenis penipuan yang paling banyak berlaku (Rajah 5.5). Walau bagaimanapun, daripada kira-kira 88% kes penipuan ini, pemegang dan pengeluar kad Malaysia tidak mengalami apa-apa kerugian kewangan kerana urus niaga penipuan tersebut melibatkan urus niaga kad untuk pembayaran dalam talian yang amaunnya boleh diperoleh semula daripada pemeroleh asing yang belum lagi melaksanakan kaedah pengesahan yang mantap. Di bawah peraturan ahli skim kad pembayaran, kerugian akan ditanggung oleh pihak yang mempunyai keselamatan yang paling lemah atau yang belum melaksanakan ciri keselamatan

Rajah 5.4


Kerugian Penipuan Mengikut Jenis Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.5

Penipuan Kad Kredit Mengikut Jenis, % Bahagian daripada Kerugian



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang disarankan. Malaysia telah melaksanakan kaedah pengesahan yang mantap sejak 1 April 2012. Di samping itu, walaupun kerugian akibat penipuan yang melibatkan kad caj meningkat kepada RM3.4 juta pada tahun 2013 (2012: RM2.5 juta), kira-kira 92% daripada kerugian tersebut, yang merupakan penipuan berasaskan Internet, ditanggung oleh entiti asing. Daripada jumlah kerugian akibat penipuan pembayaran sebanyak RM35.8 juta pada tahun 2013, amaun yang ditanggung oleh pengguna ialah RM3.3 juta atau 9.3% daripada jumlah kerugian akibat penipuan, yang disebabkan terutamanya oleh kegagalan pemegang kad untuk

melaporkan urus niaga penipuan dengan segera setelah menerima pemberitahuan urus niaga.

Pada 19 April 2013, MasterCard melaksanakan program peralihan liabiliti global untuk urus niaga ATM Maestro, yang meletakkan liabiliti bagi penipuan pengeluaran ATM kepada pihak yang belum lagi mematuhi Europay-MasterCard-Visa (EMV). Oleh sebab pelaksanaan EMV dalam ATM di Malaysia hanya akan selesai menjelang 1 Januari 2015, pemeroleh ATM telah menanggung kos penipuan urus niaga ATM yang melibatkan penipuan yang dilakukan dengan menggunakan kad Maestro asing, iaitu pada purata berjumlah RM0.1 juta sebulan. Walau bagaimanapun, kerugian ini telah semakin berkurang berikutan penambahbaikan yang dilakukan terhadap amalan pengurusan risiko pemeroleh ATM domestik.

Mata wang maya

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, inovasi dalam kaedah pembayaran berasaskan Internet serta kemunculan mata wang maya telah menjadi semakin ketara, antaranya ada yang telah memperoleh kemasyhuran pada peringkat global. Contohnya ialah Bitcoin, skim mata wang maya yang tidak dikeluarkan atau dikawal oleh mana-mana pihak berkuasa pusat, dan penggunanya dibenarkan untuk mengekalkan kerahsiaan pengenalan dirinya pada tahap yang tinggi. Penggunaan Bitcoin telah dipantau dengan rapi oleh pengawal selia di seluruh dunia disebabkan risiko sedia ada, seperti kemungkinan mata wang maya ini digunakan untuk pengubahan wang haram dan aktiviti jenayah lain. Di Malaysia, penggunaan mata wang maya adalah sangat rendah, iaitu hanya dua peniaga menerima Bitcoin untuk pembayaran dan dianggarkan terdapat 300 orang pengguna Bitcoin. Walaupun begitu, Bank menyiarkan kenyataan peringatan di laman sesawangnya pada 3 Januari 2014 untuk memaparkan risiko penggunaan mata wang maya dan mengingatkan orang ramai bahawa operasi Bitcoin tidak dikawal selia oleh Bank atau mana-mana pihak berkuasa lain.


PERKEMBANGAN PENTING DALAM SISTEM PEMBAYARAN

Fi Pertukaran

Sejak beberapa tahun yang lepas, persoalan tentang fi pertukaran untuk urus niaga pembayaran berasaskan kad telah menarik perhatian ramai dan mencetuskan banyak perdebatan di seluruh dunia. Gambar rajah 5.1 menunjukkan urus niaga kad pembayaran biasa yang melibatkan empat pihak – peniaga, pemegang kad, pengeluar (pihak yang mengeluarkan kad pembayaran kepada pemegang kad, seperti bank), dan pemeroleh (pihak yang memasang atur terminal semasa jualan (point-of-sale, POS) dan menerima pembayaran kad bagi pihak peniaga). Fi pertukaran ialah fi yang biasanya dibayar oleh pemeroleh kepada pengeluar kad untuk menampung kos yang ditanggung bagi memudahkan urus niaga (contohnya, kos pengesahan, penjelasan dan penyelesaian, langkah keselamatan, pendanaan dan sebagainya). Fi pertukaran ditentukan oleh skim kad pembayaran dan membentuk

Gambar Rajah 5.1

Rangkaian Kad Pembayaran Empat Pihak



Sumber: Bank Negara Malaysia

sebahagian besar daripada kadar diskaun peniaga (merchant discount rate, MDR) yang dibayar oleh peniaga kepada pemeroleh.

Skim kad pembayaran seringkali bersaing untuk bahagian pasaran dengan meningkatkan fi pertukaran bagi menarik pengeluar menerusi pendapatan fi pertukaran yang lebih tinggi untuk mengeluarkan jenama kad pembayaran yang tertentu dan bukannya jenama kad pembayaran yang lain. Tindakan ini membolehkan pengeluar, yang juga tertakluk pada tekanan persaingan, untuk menambah manfaat yang ditawarkan kepada pemegang kad seperti mata kesetiaan yang lebih tinggi atau pemberian rebat kepada pemegang kad. Jika tidak dikawal, ini boleh membawa kepada siri kenaikan fi pertukaran, yang seterusnya akan meningkatkan MDR yang dibayar oleh peniaga, yang akhirnya mungkin akan memindahkan kos yang lebih tinggi itu kepada pengguna dengan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan. Satu lagi trend yang biasa dilihat ialah peralihan daripada struktur fi pertukaran mendatar, dengan kadar fi pertukaran yang sama yang perlu dibayar tanpa mengira jenis kad, kepada struktur terbeza yang kadar fi pertukaran dikenakan lebih tinggi untuk kad premium seperti kad berlabel `Platinum´ ke atas. Trend ini akan menyebabkan lebih banyak kad premium dikeluarkan kerana pengeluar berusaha untuk memaksimumkan pendapatan fi pertukaran, lantas meningkatkan lagi kos yang ditanggung oleh peniaga dan pengguna.

Perkembangan ini, yang sebahagiannya telah berlaku di Malaysia, memaparkan bahawa risiko persaingan yang tidak dikawal dan keperluan tindakan pengawalseliaan yang wajar bagi memastikan industri kad pembayaran berkembang secara teratur. Sebagai langkah awalan untuk mencegah kenaikan fi pertukaran secara sewenang-wenangnya dan tanpa had yang boleh menjejaskan manfaat daripada perpindahan kepada e-pembayaran, Bank pada masa ini sedang membuat penilaian terperinci tentang bagaimana fi pertukaran di Malaysia ditentukan oleh skim kad pembayaran. Penilaian ini akan menjadi panduan untuk pembangunan rangka kerja yang sesuai untuk mengawal selia proses penetapan fi pertukaran domestik. Di Australia, fi pertukaran untuk urus niaga kad kredit dan kad debit sudah pun tertakluk kepada pengawalan, manakala di Amerika Syarikat, fi pertukaran menjadi subjek tuntutan mahkamah antitrust, dan undang-undang telah diluluskan untuk mengawal selia fi pertukaran untuk kad debit. Suruhanjaya Eropah juga telah mengemukakan usul untuk mengawal selia fi pertukaran kad debit dan kad kredit di Kesatuan Eropah. Walaupun langkah pengawalan telah menghentikan kenaikan fi pertukaran secara sewenang-wenangnya dan menyumbang kepada MDR yang lebih rendah kepada peniaga, pengalaman di negara lain juga menunjukkan kemungkinan wujudnya akibat yang tidak disengajakan seperti pengurangan manfaat kepada pemegang kad daripada bank dan kenaikan fi tahunan kerana bank berusaha untuk mendapatkan kembali pendapatan fi pertukaran yang tidak diperolehnya. Dalam usaha membangunkan rangka kerja untuk mengawal selia penetapan fi pertukaran domestik, Bank juga akan mengambil kira akibat yang tidak disengajakan tersebut dan membangunkan parameter yang akan menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan yang teratur dalam industri kad pembayaran, dan pada masa yang sama memastikan semua pihak yang terlibat – peniaga, pemegang kad, pengeluar dan pemeroleh – memperoleh manfaat yang sama.

Pembayaran Secara Elektronik


Sejak beberapa tahun yang lepas, Bank telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran sebagai cara meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saing ekonomi. Sasaran yang nyata untuk mencapai penggunaan e-pembayaran yang meluas telah ditetapkan oleh Bank (Jadual 5.1) dalam Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020. Pencapaian sasaran ini memerlukan langkah yang inovatif dan usaha industri yang terselaras.

Bank telah menggunakan pendekatan serampang tiga mata yang memberikan tumpuan pada usaha menangani halangan struktur, menambah baik infrastruktur sokongan dan menggalakkan perubahan tingkah laku

Untuk mencapai tujuan ini, Bank telah menggunakan pendekatan serampang tiga mata yang memberikan tumpuan pada usaha menangani halangan struktur, menambah

Rajah 5.6

Urus Niaga E-Pembayaran Per Kapita



Sumber: Bank Negara Malaysia

baik infrastruktur sokongan dan menggalakkan perubahan tingkah laku. Pendekatan ini dibincangkan secara terperinci dalam artikel `Mempercepat Peralihan kepada Pembayaran Secara Elektronik´.

Trend pembayaran

Pada tahun 2013, jumlah urus niaga e-pembayaran terus meningkat pada kadar 18.8% kepada sejumlah 1.9 bilion urus niaga bernilai RM16.2 trilion. Peningkatan dalam bilangan urus niaga disebabkan terutamanya oleh penggunaan kad pembayaran, wang elektronik dan perkhidmatan perbankan Internet yang lebih tinggi. Berdasarkan per kapita, bilangan urus niaga e-pembayaran meningkat daripada 55 urus niaga pada tahun 2012 kepada 65 urus niaga pada tahun 2013, dengan inisiatif yang sedang dilaksanakan dijangka terus memajukan penggunaan e-pembayaran ke arah mencapai sasaran 200 urus niaga per kapita pada tahun 2020 (Rajah 5.6).

Perbelanjaan runcit menggunakan kad pembayaran meningkat sebanyak 7.4% kepada 392.6 juta urus niaga pada tahun 2013 (2012: 5.7%).

Walaupun kad kredit terus kekal sebagai kad pembayaran pilihan dengan bahagian sebanyak 86.4% daripada jumlah urus niaga, penggunaan kad debit meningkat dengan ketara sebanyak 36.9% kepada hampir 50 juta urus niaga pada tahun 2013 (Rajah 5.7). Kad debit juga semakin kerap digunakan untuk membuat pembayaran (Rajah 5.8), selaras dengan usaha untuk menggalakkan penggunaan kad debit sebagai instrumen pembayaran.

Berdasarkan per kapita, bilangan urus niaga e-pembayaran meningkat daripada 55 urus niaga pada tahun 2012 kepada 65 urus niaga pada tahun 2013, dengan inisiatif yang sedang dilaksanakan dijangka terus memajukan penggunaan e-pembayaran ke arah mencapai sasaran 200 urus niaga per kapita pada tahun 2020

Bilangan urus niaga wang elektronik melebihi 1 bilion buat kali pertama pada tahun 2013, mencerminkan pertumbuhan sebanyak 13.6% dan 17.5% dari segi jumlah dan nilai. Pertumbuhan terus dipacu oleh penggunaan kad Touch 'n Go (TnG) dan Paypal yang semakin meningkat, iaitu skim wang elektronik utama dalam industri wang elektronik berasaskan kad dan rangkaian.

Penggunaan saluran elektronik (e-saluran) juga meningkat dengan lebih 350 juta urus niaga kewangan bernilai RM3.6 trilion pada

Jadual 5.1


Kemajuan Pencapaian Sasaran yang Digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020

	Penunjuk Prestasi Utama	2012	2013	Sasaran menjelang tahun 2020
1.	Urus niaga e-pembayaran per kapita	55	65	200
2.	Urus niaga kad debit per kapita	1.2	1.7	30
3.	Bilangan terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (EFTPOS) bagi setiap 1,000 penduduk	9.2	9.5	25
4.	Bilangan cek yang dikeluarkan	204 juta	197 juta	100 juta

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.7

Perbelanjaan Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad (Bilangan Urus Niaga)




Sumber: Bank Negara Malaysia

tahun 2013 berbanding dengan 290 juta urus niaga bernilai RM3.1 trilion pada tahun 2012 (Rajah 5.9). Perbankan Internet terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka, dan masih kekal sebagai e-saluran yang paling popular, masing-masing merangkumi 76.1% dan 95.4% daripada keseluruhan jumlah dan nilai urus niaga (Rajah 5.10). Meskipun bilangan pelanggan perbankan Internet meningkat kepada 15.6 juta pada akhir tahun 2013 daripada 13.7 juta pada akhir tahun 2012, pengguna aktif hanya mencakupi 44% daripada jumlah pelanggan, menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk pertumbuhan dalam bidang ini.

Bilangan urus niaga cek berkurang pada kadar yang lebih cepat, iaitu 3.3% pada tahun 2013 berbanding dengan tahun sebelumnya (2012: -0.5%).

Rajah 5.8


Bilangan Urus Niaga Kad Debit dan Pengeluaran Tunai Melalui ATM



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.9

Penggunaan Saluran Elektronik




Sumber: Bank Negara Malaysia

Penggunaan cek sebagai sebahagian daripada jumlah pembayaran bukan tunai juga mencatat kemerosotan yang ketara dari segi jumlah dan nilai, masing-masing kepada 9% dan 11% (2007: 18% dan 21%). Meskipun demikian, jumlah cek yang dikeluarkan tetap besar, iaitu hampir 200 juta keping, atau 6.6 keping per kapita. Bagi mencapai sasaran hanya 100 juta cek menjelang tahun 2020, penggunaan perlu berkurang pada kadar yang lebih cepat, iaitu 9.2% setahun dalam tempoh tujuh tahun akan datang (Rajah 5.11), iaitu keadaan yang sama juga dapat dilihat di negara lain. Berdasarkan Laporan Pembayaran Dunia 2013, penggunaan cek di negara Asia-Pasifik yang maju, seperti Jepun, Singapura, Australia dan Korea Selatan, berkurang pada kadar tahunan purata 10% antara tahun 2010 hingga 2012.

Rajah 5.10


Komposisi Pengunaan Saluran Elektronik Mengikut Jenis, % Bahagian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.11

Bilangan Cek Dikeluarkan



r ramalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

MELANGKAH KE HADAPAN

Pengawasan yang sedang dilaksanakan terhadap sistem pembayaran utama akan terus diperkukuh selaras dengan PFMI dan amalan terbaik antarabangsa, dengan penekanan terhadap usaha memastikan tahap kebolehpercayaan, keselamatan dan kecekapan operasi yang tinggi, termasuk dalam keadaan tekanan. Dalam usaha menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas, keutamaan strategik yang penting dari tahun 2014 hingga tahun 2015 ialah pelaksanaan pembaharuan penentuan harga untuk perkhidmatan pembayaran, pelaksanaan Skim Pembayaran Bil Kebangsaan (National Bill Payment Scheme, NBPS) dan pengenalan pengawalan yang wajar untuk pengaturan penetapan fi pertukaran. Secara kolektif, inisiatif utama ini akan memastikan sistem pembayaran terus membantu sistem kewangan dan ekonomi berfungsi dengan lancar, dan pada masa yang sama mempercepat peningkatan kecekapan untuk ekonomi Malaysia.

Mempercepat Peralihan kepada Pembayaran Secara Elektronik

Dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 Bank Negara Malaysia (Bank), peralihan kepada e-pembayaran telah dikenal pasti oleh Bank sebagai pendorong utama untuk meningkatkan kecekapan ekonomi melalui transformasi landskap pembayaran di Malaysia supaya menjadi suatu sistem yang berkesan dari segi kos, selamat, pantas dan mudah digunakan. Bagi mempercepatkan peralihan kepada e-pembayaran, Bank telah menggunakan pendekatan serampang tiga mata:

(i) Melaksanakan struktur penentuan harga yang kondusif untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran;
(ii) Menambah baik infrastruktur e-pembayaran untuk meluaskan akses, menambah kemudahan serta memperkukuh ciri keselamatan; dan
(iii) Meningkatkan kesedaran mengenai manfaat penggunaan e-pembayaran.

Gambar Rajah 1

Ciri-ciri Utama E-Pembayaran



Pembaharuan Terhadap Penentuan Harga

Pada bulan Mac 2013, Bank memperkenalkan Rangka Kerja Pembaharuan Harga yang bertujuan menjajarkan harga instrumen pembayaran dengan kos pengeluaran dan pemprosesan sebenar. Objektifnya adalah untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran berbanding penggunaan instrumen pembayaran berasaskan kertas. Rangka Kerja Pembaharuan Harga mempunyai tiga fasa seperti digambarkan dalam Gambar Rajah 2.

Gambar Rajah 2

Garis Masa Rangka Kerja Pembaharuan Harga




Pada fasa pertama, harga bagi perkhidmatan e-pembayaran yang terpilih akan ditentukan pada tahap di bawah kos untuk menggalakkan penggunaannya yang lebih meluas oleh orang ramai. Penggunaan yang lebih meluas akan membolehkan manfaat daripada ekonomi mengikut bidangan diraih, di samping menurunkan kos seunit. Pada masa yang sama, caj akan dikenakan bagi penggunaan instrumen pembayaran berasaskan kertas untuk mencerminkan kosnya yang

lebih tinggi. Selaras dengan strategi ini, fi untuk perkhidmatan IBG yang dibuat menerusi perbankan Internet dan perbankan mudah alih, dihadkan pada 10 sen untuk setiap urus niaga mulai 2 Mei 2013, manakala fi pemprosesan sebanyak 50 sen akan dikenakan bagi setiap cek mulai 1 April 2014. Respons kepada inisiatif ini adalah menggalakkan, seperti ditunjukkan oleh kadar purata pertumbuhan bilangan urus niaga IBG bulanan yang meningkat sebanyak tiga kali ganda kepada 6% antara bulan Mei hingga Disember 2013, berbanding hanya 2% dalam tempoh 8 bulan sebelumnya, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1

Bilangan Urus Niaga IBG



Sumber: Bank Negara Malaysia

Inisiatif seterusnya dalam Fasa 1 ialah pengenalan struktur harga berperingkat yang akan dilaksanakan pada tahun 2014 untuk terus membezakan harga perkhidmatan pembayaran mengikut kos secara relatif. Urus niaga menerusi saluran dalam talian, seperti Internet, akan dikenakan fi terendah, diikuti urus niaga menggunakan ATM. Berdasarkan prinsip ini, penggunaan perkhidmatan di kaunter (over-the-counter, OTC) di cawangan bank akan dikenakan fi tertinggi bagi perkhidmatan pembayaran yang sama.

Didapati bahawa dalam banyak institusi perbankan, unit perniagaan yang menjana hasil (seperti e-perniagaan dan kad pembayaran) dan pusat kos (seperti pusat wang tunai dan pemprosesan cek) sering menghadapi konflik berhubung strategi untuk beralih kepada e-pembayaran, yang sebahagian besarnya berpunca daripada penunjuk prestasi utama yang tidak sejajar yang gagal mencerminkan perspektif prestasi dari aspek organisasi. Sebagai contoh, kemerosotan pendapatan pada peringkat awal yang disebabkan oleh penurunan fi untuk perkhidmatan e-pembayaran mungkin wajar jika ia telah lebih daripada diimbangi oleh penjimatan kos daripada pengurangan urus niaga yang menggunakan cek dan wang tunai. Bagi mengurus tukar ganti (trade-off) ini dengan lebih baik, institusi perbankan perlu menyatakan dengan jelas strategi keseluruhan organisasi untuk beralih kepada e-pembayaran dan menambah baik pengaturan dalamannya bagi menyelaraskan pelaksanaan pelan operasi yang sejajar dengan strategi tersebut.

Pada fasa kedua Rangka Kerja Pembaharuan Harga, langkah selanjutnya akan dilaksanakan untuk menaikkan kos penggunaan cek secara beransur-ansur agar lebih mencerminkan kos sebenar yang berkaitan dengan perkhidmatan pemprosesan pembayaran cek. Pada fasa terakhir pula, kos perkhidmatan pembayaran perlu mencerminkan kos sebenar penyediaan perkhidmatan berkenaan.

Menambah Baik Infrastruktur E-Pembayaran

Kewujudan infrastruktur e-pembayaran yang teguh, yang memenuhi keperluan pembayaran orang ramai juga sama penting. Bagi mencapai matlamat ini, langkah-langkah yang diambil telah memberi tumpuan pada peluasan akses dan penerimaan terhadap perkhidmatan e-pembayaran, menambah baik kemudahan buat pengguna, serta meningkatkan keyakinan orang ramai untuk menggunakan e-pembayaran dengan mengukuhkan ciri keselamatan urus niaga.

Meluaskan akses dan penerimaan

Setakat ini, hampir kesemua pemegang akaun semasa dan akaun simpanan mempunyai akses kepada perkhidmatan IBG menerusi saluran Internet atau perkhidmatan OTC yang disediakan oleh rangkaian cawangan 29 institusi perbankan di seluruh negara. Bagi meluaskan akses kepada pelanggan yang mempunyai akses Internet yang terhad, institusi perbankan telah memberikan komitmen untuk menyediakan sekurang-kurangnya satu kios Internet layan diri di setiap cawangannya, selain membolehkan pembayaran IBG menerusi ATM menjelang akhir tahun 2014. Maklumat lanjut mengenai pilihan e-pembayaran bagi setiap institusi perbankan akan diterbitkan dalam laman sesawang Bankinginfo serta laman sesawang Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia, AIBIM).

Dalam beberapa tahun yang lalu, pembayaran bil dalam talian telah meningkat dengan stabil, daripada 34 juta urus niaga pada tahun 2009 kepada 62.3 juta urus niaga pada tahun 2013. Ini mencerminkan bukan sahaja permintaan yang kukuh daripada pengguna terhadap perkhidmatan pembayaran bil yang mudah, bahkan daripada syarikat untuk perkhidmatan pungutan bayaran yang cekap. Walau bagaimanapun, buat masa ini pelanggan hanya boleh menggunakan saluran dalam talian bank untuk membuat pembayaran kepada syarikat atau peniaga yang mempunyai hubungan perbankan dengan bank yang sama. Untuk mencapai potensi sepenuhnya bagi kemudahan dalam talian untuk pembayaran bil, MyClear telah memulakan usaha membangunkan NBPS yang akan menyediakan satu platform yang sama dan terbuka untuk pelanggan bank membuat pembayaran bil dalam talian daripada mana-mana bank kepada mana-mana syarikat atau peniaga yang berdaftar dengan NBPS. Sistem NBPS ini akan dilancarkan pada tahun 2014 dan bank akan menyertai platform ini secara berperingkat mulai bulan Oktober 2014 hingga pertengahan tahun 2015.

Usaha menambah pusat penerimaan kad pembayaran merupakan strategi utama untuk terus mengurangkan penggunaan wang tunai. Bank sedang berusaha mempercepat penyediaan terminal POS, khususnya dalam kalangan perniagaan yang lebih kecil. Peningkatan penggunaan terminal POS mudah alih yang beroperasi menerusi rangkaian tanpa wayar oleh perniagaan kecil yang sebelum ini tidak menerima pakai kad pembayaran, merupakan kemajuan yang menggalakkan. Usaha juga sedang diambil oleh industri untuk memindahkan kad ATM atau kad debit domestik daripada standard proprietari sedia ada kepada standard EMV. Ini bagi memudahkan saling boleh kendali (inter-operability) dan meluaskan penerimaan kad ATM atau kad debit domestik untuk tujuan pembayaran runcit. Kad ATM atau kad debit domestik juga akan diperlengkap dengan fungsi tanpa sentuhan, lantas mengurangkan masa urus niaga dengan nyata bagi pembelian bernilai kecil. Perubahan ini akan memudahkan dan meningkatkan kecekapan pembayaran bagi pelanggan dan peniaga, lantas menggalakkan peralihan daripada penggunaan wang tunai untuk pembelian bernilai kecil.

Menambah baik kemudahan pengguna

Untuk terus menambah baik perkhidmatan IBG, infrastruktur IBG daripada mula ke akhir (end-to-end) sedang ditambah baik pada tahun 2014. Pada masa ini, amalan dalam kalangan institusi perbankan berbeza dari segi masa yang diambil untuk mengkreditkan dana ke dalam akaun penerima. Pada tahun 2014, masa pengkreditan akan diseragamkan untuk semua institusi perbankan dan dipaparkan untuk meningkatkan ketelusan dan kepastian kepada semua pelanggan bank. Bilangan jendela penjelasan juga akan ditambah daripada satu kepada empat, untuk membolehkan pembayaran dikreditkan dengan lebih cepat ke dalam akaun penerima.

Berdasarkan kajian lalu tentang cara pembayaran pilihan, kekurangan sedia ada yang berkaitan dengan jumlah dan jenis maklumat yang boleh dikumpulkan dalam urus niaga e-pembayaran sering dikenal pasti sebagai salah satu halangan utama kepada peningkatan penggunaan e-pembayaran oleh perniagaan. Keterangan tentang dana yang diterima lazimnya hanya menyatakan jenis pembayaran, seperti `Electronic Funds Transfer´ atau `IBG´, dan tidak memberikan maklumat tentang pengirim atau tujuan pembayaran. Bagi mengatasi kekurangan maklumat ini, rujukan pembayaran yang

standard diwujudkan pada tahun 2013 oleh MyClear melalui usaha sama dengan ABM dan institusi perbankan. Pengirim pindahan dana kini dikehendaki memberikan keterangan ringkas tentang urus niaga pembayaran apabila membuat pindahan dana. Keterangan ini, bersama-sama dengan nama pengirim, akan tercatat pada penyata akaun bank penerima, seterusnya memudahkan penerima mengenal pasti sumber dan tujuan bayaran yang diterima, serta memudahkan penyelarasan pembayaran oleh perniagaan.

Mengukuhkan ciri keselamatan

Sepanjang dekad yang lalu, kerugian yang dialami akibat penipuan dalam urus niaga e-pembayaran masih lagi rendah kerana bank dikehendaki mematuhi keperluan kawal selia yang menetapkan langkah keselamatan dan standard minimum untuk perlindungan pengguna. Pelbagai langkah khusus juga diambil untuk membanteras penipuan dalam e-pembayaran, seperti digambarkan dalam Gambar Rajah 3.

Pada masa hadapan, langkah-langkah akan terus diambil untuk terus mengukuhkan ciri keselamatan urus niaga e-pembayaran dan mendidik pelanggan mengenai amalan e-pembayaran yang selamat. Ini meliputi pelaksanaan urus niaga kad berasaskan cip dan PIN pada tahun 2017.

Gambar Rajah 3

Inisiatif Utama yang Diambil bagi Memperkukuh Ciri Keselamatan Urus Niaga E-Pembayaran



Memupuk Kesedaran

Usaha juga telah diambil untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan entiti perniagaan serta orang ramai tentang manfaat e-pembayaran. Pada bulan Disember 2013, Forum dan Pameran Sistem Pembayaran telah dianjurkan oleh Bank, ABM dan AIBIM, untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai pelbagai solusi e-pembayaran yang terdapat di pasaran, serta memudahkan

perkongsian pengalaman oleh perniagaan yang telah berjaya beralih kepada e-pembayaran. Forum ini disertai lebih 400 peserta daripada perusahaan kecil dan sederhana, dewan perniagaan, syarikat dan agensi kerajaan.

Untuk memastikan momentum kempen kesedaran ini berterusan, Bank secara usaha sama dengan ABM, AIBIM serta institusi perbankan, juga telah menganjurkan satu siri jerayawara `Gunalah IBG´ (`Experience IBG´) di 12 bandar utama di seluruh negara. Jerayawara yang berlangsung selama enam bulan bermula pada bulan Oktober 2013 telah memberi tumpuan pada usaha meningkatkan kefahaman tentang perkhidmatan IBG dengan menyediakan panduan terperinci mengenai penggunaan dan peluang menggunakan sendiri e-pembayaran. Bagi melengkapi jerayawara dan meluaskan jangkauan ke bandar yang lebih kecil, institusi perbankan turut menganjurkan `Hari Terbuka´ selama seminggu di cawangan mereka di 16 bandar lain untuk mempromosikan perkhidmatan perbankan dalam talian. Institusi perbankan juga secara berasingan telah berinteraksi terus dengan pelanggan mereka yang menggunakan jumlah cek yang banyak, untuk membantu peralihan kepada e-pembayaran.

2013

TAMBAHAN

KANDUNGAN

Perangkaan Penting Kewangan dan Sistem Pembayaran

Sistem Kewangan

A.1	Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama	MS 1
A.2	Penunjuk Kewangan Utama - Sektor Perbankan Islam dan Takaful	MS 2

Sistem Perbankan

A.3	Sistem Perbankan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 3
A.4	Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 4
A.5	Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 5
A.6	Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 6
A.7	Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja	MS 7
A.8	Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi	MS 7
A.9	Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi	MS 8

Sektor Insurans
Perniagaan Insurans Hayat

A.10	Insurans Hayat: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 8

Perniagaan Insurans Am

A.11	Insurans Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian	MS 9

Sektor Takaful
Perniagaan Takaful Keluarga

A.12	Takaful Keluarga: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 9

Perniagaan Takaful Am

A.13	Takaful Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian	MS 10

Institusi Kewangan Pembangunan

A.14	Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 11
A.15	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 12
A.16	Institusi Kewangan Pembangunan: Haluan Pinjaman	MS 13
A.17	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Haluan Pinjaman	MS 14
A.18	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Pinjaman Terjejas dan Peruntukan Jejas Nilai	MS 15
A.19	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	MS 15
A.20	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)	MS 16
A.21	Export-Import Bank of Malaysia Berhad	MS 17
A.22	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	MS 18
A.23	Bank Simpanan Nasional	MS 19
A.24	Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)	MS 20
A.25	Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih	MS 21

Perniagaan Perkhidmatan Wang

A.26 Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk MS 22

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

A.27 Penunjuk Pembayaran Asas MS 23
A.28 Bahagian Pembayaran Bukan Tunai Mengikut Jumlah Urus Niaga MS 24
A.29 Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Bilangan Urus Niaga MS 24
A.30 Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga MS 25
A.31 Sistem Pembayaran: Bilangan dan Nilai Urus Niaga MS 25
A.32 Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS MS 26
A.33 Saluran Pembayaran: Bilangan dan Nilai Urus Niaga MS 27
A.34 Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran MS 27
A.35 Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia MS 28
A.36 Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Jualan Semasa (Electronic Funds Transfer at Point-of-sale) MS 28
A.37 Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen dan Saluran Pembayaran MS 29
A.38 Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen MS 30

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Modal Wajaran Risiko	15.4	14.8	15.7	15.7	-
Nisbah Modal Teras	13.8	13.0	13.7	13.9	-
Nisbah Jumlah Modal[1]	-	-	-	-	14.4
Nisbah Modal Kumpulan 1[1]	-	-	-	-	13.0
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1[1]	-	-	-	-	12.1
Pulangan atas Aset	1.2	1.5	1.6	1.6	1.5
Pulangan atas Ekuiti	13.9	16.6	17.4	17.4	15.9
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset[2]	14.2	15.6	16.0	13.8	11.5
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Liabiliti Jangka Pendek[2]	42.9	48.1	45.4	42.5	36.5
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.8	2.3	1.8	1.4	1.3
Caj Modal untuk Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas[1]	3.2	2.0	1.7	1.7	1.6
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas[1,3]	10.2	8.5	6.7	6.1	5.7
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas[1]	0.9	1.2	0.9	0.6	0.7
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	225.7	224.6	222.5	219.1	245.9
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	12.6	14.1	12.7	17.9	13.0
Premium / Caruman Perniagaan Baharu (RM bilion)	10.0	11.2	10.9	12.0	12.2
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	254.4	253.2	248.5	242.3	260.5
Insurans dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.9	0.9	0.5	1.7	1.8
Keuntungan Kendalian (RM bilion)	2.1	2.1	1.7	2.9	3.2
Premium / Caruman Langsung Kasar (RM bilion)	12.8	14.1	15.4	16.6	17.8
Nisbah Tuntutan	60.3	62.1	66.7	57.3	57.1
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	184.9	204.4	222.9	227.7	230.7
Sektor Isi Rumah (IR)					
Jumlah Hutang IR (RM bilion)	516.1	594.2	674.2	765.0	854.3
Jumlah Aset Kewangan IR (RM bilion)	1,241.1	1,399.5	1,519.6	1,711.8	1,904.3
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	72.4	74.5	76.2	81.3	86.8
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	240.5	235.5	225.4	223.8	222.9
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Jumlah Hutang IR	168.1	166.9	159.2	159.8	159.9
Nisbah Pembayaran Balik Hutang	43.1	44.1	45.2	43.9	43.5
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR	3.1	2.3	1.8	1.5	1.3
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	5.4	5.4	5.5	5.0	4.7
Pulangan atas Ekuiti	9.5	9.8	10.1	9.0	8.9
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	42.6	38.4	43.9	41.3	39.7
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	6.6	8.2	6.8	5.4	7.7
Margin Operasi	12.5	12.4	12.3	11.7	12.8
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	4.7	5.2	4.1	3.0	2.8
Institusi Kewangan Pembangunan[4]					
Pinjaman kepada Sektor Terpilih (% perubahan)	18.5	13.0	7.1	10.1	8.0
Deposit Digembleng (% perubahan)	14.4	20.5	16.1	7.1	7.1
Nisbah Pinjaman Terjejas	6.8	9.0	7.3	6.3	5.6
Pulangan atas Aset	2.3	2.2	2.7	2.5	2.3

[1] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*
[2] Mulai bulan Januari 2012, deposit antara bank tidak termasuk dalam pengiraan aset mudah tunai
[3] Mulai bulan Januari 2008, pengiraan kedudukan terbuka bersih kepada modal asas adalah berdasarkan *Basel II Standardised Approach for Market Risk* untuk risiko pertukaran asing
[4] Merujuk kepada institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan
Nota: Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan *Financial Reporting Standards (FRS) 139*. Pengunaan FRS 139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama - Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah aset[1]	303,244.1	351,195.0	434,665.5	494,705.2	556,508.5
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	19.6	20.7	22.4	23.8	25.0
Jumlah pembiayaan[1]	186,864.3	222,214.3	268,251.5	314,973.3	370,673.8
% daripada jumlah pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	21.6	22.7	24.3	25.8	27.5
Jumlah deposit[1]	235,938.1	277,549.8	340,695.8	386,196.8	436,327.6
% daripada jumlah deposit seluruh sistem perbankan[1]	20.7	22.6	24.4	25.6	26.6
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Nisbah Modal Wajaran Risiko	15.2	14.9	15.0	14.5	-
Nisbah Modal Teras	12.8	12.7	12.1	12.0	-
Nisbah Jumlah Modal[2]	-	-	-	-	14.6
Nisbah Modal Kumpulan 1[2]	-	-	-	-	12.3
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1[2]	-	-	-	-	12.3
Pulangan atas Aset	1.3	1.3	1.0	1.3	1.2
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih[3]	2.2	2.1	1.6	1.2	1.0
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	12,445.8	14,659.3	16,948.2	19,045.6	20,943.7
Keluarga	10,536.6	12,420.9	14,377.2	16,289.8	17,966.7
Am	1,909.2	2,238.3	2,570.9	2,755.9	2,977.1
% daripada industri insurans dan takaful	7.9	8.3	8.8	9.0	9.2
Pendapatan Caruman Bersih	3,523.6	4,423.6	4,863.0	5,887.8	6,188.7
Keluarga	2,719.8	3,392.8	3,703.6	4,574.8	4,788.0
Am	803.8	1,030.8	1,159.4	1,313.0	1,400.7
% daripada industri insurans dan takaful	11.1	12.6	13.0	14.3	14.0
Takaful Keluarga					
Caruman Perniagaan Baharu	2,177.8	2,587.1	2,695.1	3,474.5	3,563.5
Takaful Am					
Caruman Langsung Kasar	1,052.1	1,325.7	1,599.1	1,737.6	1,912.1
Nisbah Tuntutan (%)	57.0	59.5	67.8	56.9	53.6

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
[2] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*
[3] Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan *Financial Reporting Standards* (FRS) 139. Penggunaan FRS 139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank
a Awalan

Jadual A.3

Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Pendapatan faedah	56,364.5	65,681.9	73,681.0	83,760.1	83,079.3
Tolak: Perbelanjaan faedah	26,557.8	31,331.3	38,918.2	46,292.9	43,621.4
Pendapatan faedah bersih	29,806.8	34,350.6	34,762.8	37,467.3	39,457.8
Campur: Pendapatan berasaskan fi	7,856.8	8,562.6	8,951.8	9,125.5	9,617.6
Tolak: Kos kakitangan	9,838.8	11,467.0	12,841.9	13,810.3	13,561.4
Kos overhed	10,840.7	12,209.4	11,751.1	12,666.5	13,382.3
Keuntungan operasi kasar	16,983.9	19,236.9	19,121.6	20,116.0	22,131.7
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	4,903.7	4,366.9	2,835.6	1,501.9	2,393.1
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	12,080.3	14,870.0	16,286.0	18,614.1	19,738.6
Campur: Pendapatan lain	4,910.5[3]	8,088.7	9,909.6	10,604.9	10,068.3
Untung sebelum cukai	**16,990.8**	**22,958.7**	**26,195.6**	**29,219.0**	**29,806.8**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.2	1.5	1.6	1.6	1.5
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	13.9	16.6	17.4	17.4	15.9
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)	148.5	193.5	213.3	231.9	235.5
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	48.6	46.4	45.9	46.3	45.6
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	69.4	68.9	70.7	70.7	68.3
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	110.2	106.5	91.5	91.7	98.7
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	86.0	96.6	102.7	108.8	107.5

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan
[3] Termasuk jejas nilai tak berulang yang besar atas pelaburan luar negeri oleh sebuah bank perdagangan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.4

Bank Perdagangan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Pendapatan faedah	54,418.1	63,744.4	71,668.9	81,931.8	81,086.0
Tolak: Perbelanjaan faedah	25,402.6	30,103.6	37,417.0	44,943.9	42,165.1
Pendapatan faedah bersih	29,015.5	33,640.8	34,251.8	36,988.0	38,920.9
Campur: Pendapatan berasaskan fi	6,289.2	6,590.5	6,904.9	7,620.1	7,874.4
Tolak: Kos kakitangan	9,136.4	10,550.9	11,736.6	12,789.4	12,399.9
Kos overhed	10,065.5	11,105.8	10,747.1	12,031.4	12,570.1
Keuntungan operasi kasar	16,102.9	18,574.5	18,673.1	19,787.3	21,825.3
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	5,011.4	4,170.7	2,938.6	1,509.0	2,433.5
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	11,091.5	14,403.8	15,734.5	18,278.3	19,391.8
Campur: Pendapatan lain	4,667.5[3]	7,802.8	9,360.4	9,920.3	9,422.7
Untung sebelum cukai	**15,759.1**	**22,206.5**	**25,094.9**	**28,198.5**	**28,814.5**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.2	1.6	1.6	1.6	1.5
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	13.9	17.2	17.7	17.7	16.1
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)	148.4	201.9	219.9	242.3	245.9
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	48.0	45.1	44.5	44.2	44.3
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	66.2	64.4	65.6	67.1	64.2
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	110.2	105.3	91.6	94.1	101.4
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	86.1	95.9	102.8	109.0	105.9

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan
[3] Termasuk jejas nilai tak berulang yang besar atas pelaburan luar negeri oleh sebuah bank perdagangan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.5

Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Pendapatan faedah	1,946.4	1,937.5	2,012.1	1,828.3	1,993.3
Tolak: Perbelanjaan faedah	1,155.2	1,227.7	1,501.1	1,349.0	1,456.4
Pendapatan faedah bersih	791.2	709.9	511.0	479.3	536.9
Campur: Pendapatan berasaskan fi	1,567.5	1,972.1	2,046.9	1,505.4	1,743.2
Tolak: Kos kakitangan	702.5	916.0	1,105.3	1,020.9	1,161.5
Kos overhed	775.2	1,103.6	1,004.0	635.1	812.2
Keuntungan operasi kasar	881.0	662.4	448.5	328.7	306.4
Tolak: Peruntukan jejas nilai[1] dan lain-lain	-107.7	196.2	-103.1	-7.1	-40.4
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	988.7	466.2	551.6	335.8	346.8
Campur: Pendapatan lain	243.0	285.9	549.2	684.6	645.6
Untung sebelum cukai	**1,231.7**	**752.1**	**1,100.7**	**1,020.4**	**992.3**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	2.0	1.1	1.7	1.6	1.7
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	14.2	7.8	12.3	11.5	10.6
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)	150.0	86.3	117.4	108.4	106.1
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	56.8	68.0	67.9	62.0	67.5
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	110.4	120.5	90.8	62.2	69.9
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	85.5	105.1	117.9	106.2	127.8

[1] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.6

Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Pendapatan	9,958.7	11,944.8	13,643.1	16,415.7	18,106.3
Tolak: Perbelanjaan	3,862.2	5,105.5	6,535.8	8,306.6	9,522.6
Pendapatan bersih	6,096.4	6,839.2	7,107.4	8,109.1	8,583.7
Campur: Pendapatan berasaskan fi	595.2	790.1	835.7	1,039.6	1,024.7
Tolak: Kos kakitangan	932.8	1,166.4	1,377.6	1,636.7	1,739.9
Kos overhed	2,098.1	2,398.6	2,388.1	3,016.8	3,079.2
Keuntungan operasi kasar	3,660.7	4,064.4	4,177.3	4,495.2	4,789.2
Tolak: Peruntukan jejas nilai[1] dan lain-lain	1,386.4	1,286.9	1,692.1	609.0	373.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	2,274.3	2,777.5	2,485.2	3,886.1	4,415.9
Campur: Pendapatan lain	366.6	409.2	541.7	966.0	567.4
Untung sebelum cukai	**2,640.9**	**3,186.8**	**3,026.9**	**4,852.1**	**4,983.3**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.3	1.3	1.0	1.3	1.2
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	13.9	15.8	13.5	18.2	17.3
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)[2]	128.2	137.6	119.0	171.2	164.2
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	27.8	27.1	25.1	25.3	24.5
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan bersih (sen)	49.7	52.1	53.0	57.4	56.1
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	224.9	205.6	173.4	184.3	177.0
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)[2]	45.3	50.4	54.1	57.7	57.3

[1] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan
[2] Anggaran bilangan kakitangan adalah berdasarkan peratusan aset perbankan Islam institusi terbabit
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.7

Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja

	Pada akhir tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
Bilangan institusi	54	55	56	56	55
Bank perdagangan	*22*	*23*	*25*	*27*	*27*
Bank pelaburan	*15*	*15*	*15*	*13*	*12*
Bank-bank Islam	*17*	*17*	*16*	*16*	*16*
Rangkaian pejabat	2,298	2,312	2,435	2,481	2,511
Bank perdagangan	*1,999*	*2,006*	*2,050*	*2,056*	*2,061*
Bank pelaburan	*131*	*133*	*133*	*148*	*135*
Bank-bank Islam[1]	*1,342*	*2,102*	*2,147*	*2,171*	*2,177*
Bilangan bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan Internet	24	26	27	28	31
Bilangan pekerja	114,925	120,580	125,065	126,902	126,196
Bank perdagangan	*98,846*	*103,093*	*106,274*	*107,541*	*106,899*
Bank pelaburan	*8,250*	*8,972*	*9,577*	*9,610*	*9,092*
Bank-bank Islam	*7,829*	*8,515*	*9,214*	*9,751*	*10,205*

[1] Termasuk cawangan bank-bank Islam yang berkongsi tempat dengan cawangan bank konvensional
a Awalan

Jadual A.8

Bank Perdagangan[1]: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	5,871.4	6,247.1	6,509.9	6,053.5	5,590.8
Komitmen pengeluaran pinjaman	376,604.0	379,644.9	409,756.4	444,293.6	468,518.7
Pengganti kredit langsung	19,922.4	19,293.0	21,302.3	24,960.5	33,087.9
Kontrak berkaitan pertukaran asing	341,651.1	407,639.0	476,725.8	518,150.2	577,797.8
Kontrak berkaitan kadar faedah	648,232.1	643,923.3	695,982.4	716,494.7	776,434.5
Kontingensi berkaitan perdagangan	12,553.5	12,154.7	11,721.1	10,644.2	10,677.4
Kontingensi berkaitan urus niaga	35,873.1	35,037.2	41,059.9	45,928.8	50,561.5
Obligasi penajajaminan	1,532.2	1,187.7	789.5	445.0	522.0
Lain-lain	54,334.2	61,185.2	65,938.4	72,179.0	55,541.2
Jumlah	**1,496,574.0**	**1,566,312.2**	**1,729,785.7**	**1,839,149.5**	**1,978,731.8**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.9

Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	5.4	326.9	20.4	19.2	12.4
Komitmen pengeluaran pinjaman	2,640.4	2,796.8	3,353.6	3,666.1	5,454.8
Pengganti kredit langsung	484.3	258.2	322.6	201.5	316.6
Kontrak berkaitan pertukaran asing	801.5	2,864.4	3,958.7	5,536.6	7,548.1
Kontrak berkaitan kadar faedah	10,018.0	13,852.2	10,573.4	9,161.6	9,779.4
Kontingensi berkaitan perdagangan	0.0	0.0	1.1	1.1	0.0
Kontingensi berkaitan urus niaga	10.5	10.5	10.5	10.5	10.5
Obligasi penajajaminan	987.6	693.3	717.5	190.3	680.8
Lain-lain	5,792.1	2,343.8	1,523.1	2,205.8	3,402.7
Jumlah	**20,739.7**	**23,146.0**	**20,480.9**	**20,992.6**	**27,035.8**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.10

Insurans Hayat[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

Butiran	Untuk tahun kalendar				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Premium bersih	19,870.1	21,854.2	22,877.7	25,005.7	26,458.7
Tolak: Faedah polisi bersih	11,857.3	13,035.4	14,015.5	14,342.4	16,357.2
Imbuhan agensi	2,944.4	3,248.3	3,384.1	3,551.9	3,673.0
Jumlah perbelanjaan pengurusan	1,648.6	1,852.4	2,092.9	2,287.6	2,487.6
Baki transaksi	3,419.7	3,718.2	3,385.2	4,823.8	3,940.9
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	4,927.3	5,449.8	6,039.5	6,706.8	7,208.8
Perolehan modal bersih (kerugian)	2,104.8	2,590.0	659.0	2,181.6	-1,355.1
Pendapatan lain bersih	454.0	907.1	1,112.7	1,735.7	1,227.6
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	**10,905.8**	**12,665.1**	**11,196.4**	**15,447.8**	**11,022.1**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global insurans hayat
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.11

Insurans Am[1]: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

Butiran	Untuk tahun kalendar				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Pendapatan premium diperoleh	9,911.2	10,715.2	11,236.9	12,418.7	13,821.2
Tolak: Tuntutan bersih	6,100.7	6,731.8	7,483.7	7,126.7	7,941.6
Komisen bersih	1,228.6	1,284.0	1,374.3	1,587.4	1,786.7
Jumlah perbelanjaan pengurusan	1,839.3	1,895.0	1,990.2	2,220.2	2,477.7
Keuntungan pengunderaitan	742.7	804.3	388.7	1,484.3	1,615.2
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	772.0	813.3	924.6	970.1	1,013.2
Perolehan modal bersih	239.3	61.9	18.9	19.6	24.4
Pendapatan lain bersih	94.5	229.9	127.2	114.9	182.3
Keuntungan kendalian	**1,848.5**	**1,909.4**	**1,459.5**	**2,588.9**	**2,835.0**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global insurans am
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.12

Takaful Keluarga[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

Butiran	Untuk tahun kalendar				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Caruman bersih	2,719.8	3,392.8	3,703.6	4,574.8	4,788.0
Tolak: Faedah sijil bersih	905.4	1,601.2	1,660.9	1,635.9	1,978.9
Komisen bersih	432.7	531.6	599.2	711.2	761.2
Jumlah perbelanjaan pengurusan	317.9	414.3	476.5	574.6	684.2
Baki transaksi	1,063.8	845.7	967.0	1,653.2	1,363.7
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	354.8	447.3	494.2	590.1	659.7
Perolehan modal bersih (kerugian)	60.3	45.0	27.8	54.6	-159.2
Pendapatan lain bersih	184.3	92.4	78.1	155.8	162.0
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	**1,663.2**	**1,430.4**	**1,567.1**	**2,453.7**	**2,026.1**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana wang takaful keluarga
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.13

Takaful Am[1]: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

Butiran	Untuk tahun kalendar				
	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Pendapatan caruman diperoleh	722.4	938.6	1,090.3	1,282.1	1,389.9
Tolak: Tuntutan bersih	411.6	558.4	738.9	730.0	744.4
Komisen bersih	53.0	85.8	96.7	156.7	192.0
Jumlah perbelanjaan pengurusan	117.8	181.6	155.9	206.0	246.0
Keuntungan pengunderaitan	140.0	112.7	98.7	189.5	207.5
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	57.7	68.4	84.5	96.3	102.8
Perolehan modal bersih	9.1	17.7	35.8	41.6	80.4
Pendapatan lain bersih (kerugian)	9.6	3.8	17.5	-18.3	-6.5
Keuntungan kendalian	**216.5**	**202.5**	**236.5**	**309.1**	**384.3**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang di tanggung oleh dana wang takaful am
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.14

Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013
	RM juta				
Sumber:					
Dana pemegang saham	24,533.2	25,367.4	28,391.5	32,688.1	38,074.9
Modal berbayar	*12,771.9*	*12,771.9*	*13,376.0*	*13,776.9*	*13,922.6*
Rizab	*5,298.6*	*6,041.2*	*6,644.5*	*8,968.7*	*9,983.9*
Perolehan tertahan	*6,462.7*	*6,554.3*	*8,371.0*	*9,942.5*	*14,168.4*
Deposit diterima	95,599.1	111,319.5	128,662.2	139,337.8	153,523.8
Peminjaman	24,698.0	23,744.9	25,022.6	23,155.6	25,067.4
Kerajaan	*14,066.2*	*18,086.7*	*18,428.6*	*17,554.4*	*15,655.0*
Agensi pelbagai hala/antarabangsa	*3,595.9*	*3,276.1*	*3,416.6*	*2,331.7*	*2,959.5*
Lain-lain	*7,035.9*	*2,382.1*	*3,177.4*	*3,269.5*	*6,452.9*
Lain-lain	21,085.1	24,434.2	23,999.1	26,017.1	26,259.5
Jumlah	**165,915.4**	**184,866.0**	**206,075.4**	**221,198.6**	**242,925.6**
Kegunaan:					
Penempatan deposit	25,134.7	25,718.5	31,444.4	19,382.0	19,377.1
Pelaburan	38,263.5	45,111.0	52,215.3	62,858.9	72,227.4
antaranya:					
Sekuriti Kerajaan	*7,520.6*	*9,924.7*	*14,418.7*	*21,954.6*	*25,390.5*
Saham	*9,922.1*	*9,125.0*	*9,434.4*	*10,062.6*	*11,727.0*
Disenaraikan	*9,012.8*	*8,681.4*	*9,241.8*	*9,862.1*	*11,273.9*
Tidak disenaraikan	*909.3*	*443.6*	*192.6*	*200.5*	*453.1*
Pinjaman dan pendahuluan	88,509.7	99,518.7	106,821.4	119,137.5	129,808.0
Aset tetap	5,869.0	5,865.5	6,027.2	7,128.6	8,433.5
Lain-lain	8,138.5	8,652.3	9,567.1	12,691.6	13,079.6
Jumlah	**165,915.4**	**184,866.0**	**206,075.4**	**221,198.6**	**242,925.6**
Kontingensi:					
Jaminan	3,305.9	2,514.5	1,998.2	2,132.4	2,517.4
Insurans kredit eksport	835.8	807.7	496.6	1,571.6	976.3
Jumlah	**4,141.7**	**3,322.2**	**2,494.8**	**3,704.0**	**3,493.7**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank), Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji

Jadual A.15

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013
	RM juta				
Sumber:					
Dana pemegang saham	18,840.8	19,598.4	23,084.6	25,890.0	27,776.0
Modal berbayar	*10,132.4*	*10,132.4*	*10,486.5*	*11,002.4*	*11,111.1*
Rizab	*4,459.6*	*5,067.5*	*6,550.5*	*7,063.7*	*7,481.6*
Perolehan tertahan	*4,248.8*	*4,398.5*	*6,047.6*	*7,823.9*	*9,183.3*
Deposit diterima	71,268.6	83,050.7	95,867.0	99,994.0	109,569.0
Peminjaman	17,806.7	18,485.8	19,890.0	17,077.9	18,196.9
Kerajaan	*12,268.9*	*14,963.7*	*15,978.0*	*14,824.0*	*13,644.6*
Agensi pelbagai hala/antarabangsa	*3,237.8*	*2,872.1*	*3,317.0*	*2,053.9*	*2,932.3*
Lain-lain	*2,300.0*	*650.0*	*595.0*	*200.0*	*1,620.0*
Lain-lain	16,797.7	21,757.2	21,494.0	23,360.7	23,569.2
Jumlah	**124,713.8**	**142,892.1**	**160,335.6**	**166,322.6**	**179,111.1**
Kegunaan:					
Penempatan deposit	14,325.5	17,309.7	22,407.8	12,219.6	9,435.4
Pelaburan	19,097.5	23,199.3	27,355.3	33,850.6	38,401.7
antaranya:					
Sekuriti Kerajaan	*7,520.6*	*9,924.7*	*14,418.7*	*21,954.6*	*25,390.5*
Saham	*1,428.1*	*1,697.4*	*1,110.0*	*858.3*	*802.7*
Disenaraikan	*1,059.8*	*1,380.5*	*1,053.8*	*804.8*	*753.7*
Tidak disenaraikan	*368.3*	*316.9*	*56.2*	*53.5*	*49.0*
Pinjaman dan pendahuluan	83,354.5	94,201.1	100,866.6	111,071.8	119,984.8
Aset tetap	2,527.4	2,729.4	2,893.0	3,292.6	3,739.3
Lain-lain	5,408.9	5,452.6	6,812.9	5,888.0	7,549.9
Jumlah	**124,713.8**	**142,892.1**	**160,335.6**	**166,322.6**	**179,111.1**
Kontingensi:					
Jaminan	937.4	380.6	194.8	161.3	743.4
Insurans kredit eksport	835.8	807.7	496.6	1,571.6	976.3
Jumlah	**1,773.2**	**1,188.3**	**691.4**	**1,732.9**	**1,719.7**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.16

Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Haluan Pinjaman

	Pada akhir tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013
	RM juta				
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6,340.3	6,169.9	6,627.4	7,126.3	7,120.4
Perlombongan dan kuari	114.4	171.6	274.4	194.9	175.8
Perkilangan	5,560.1	6,359.0	5,613.1	5,106.0	5,295.2
Bekalan elektrik, gas dan air	3,590.5	3,345.8	2,651.8	3,167.2	3,608.9
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	1,989.4	1,981.9	1,921.8	1,993.8	2,451.7
Sektor harta benda yang luas	20,720.8	23,143.1	25,082.1	26,987.3	27,626.3
Pembinaan	*12,367.1*	*14,400.8*	*16,173.5*	*18,744.5*	*18,380.9*
Pembelian harta kediaman	*6,875.4*	*6,590.7*	*6,268.0*	*6,390.9*	*7,392.7*
Pembelian harta bukan kediaman	*339.8*	*499.0*	*508.9*	*313.9*	*265.4*
Harta tanah	*1,138.5*	*1,652.6*	*2,131.7*	*1,538.0*	*1,587.3*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5,847.5	5,750.7	5,433.5	5,394.8	5,482.9
Maritim	1,750.4	1,776.0	2,168.9	2,020.8	2,453.1
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	1,209.0	1,292.0	2,073.7	3,603.3	3,875.6
Kredit penggunaan	38,660.7	46,359.5	51,355.6	58,888.5	63,879.9
antaranya:					
Pembelian kenderaan bermotor	*2,370.0*	*2,053.7*	*1,679.0*	*1,261.9*	*1,233.8*
Kad kredit	*320.5*	*443.3*	*566.4*	*579.8*	*710.8*
Pembelian sekuriti	45.8	51.2	109.8	109.7	97.1
Lain-lain	2,680.8	3,118.0	3,509.3	4,544.9	7,741.1
Jumlah	**88,509.7**	**99,518.7**	**106,821.4**	**119,137.5**	**129,808.0**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank), Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji

Jadual A.17

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Haluan Pinjaman

	Pada akhir tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013
	RM juta				
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6,234.3	6,114.7	6,515.0	6,866.7	6,810.6
Perlombongan dan kuari	112.3	122.5	204.5	133.9	126.8
Perkilangan	4,290.9	5,496.5	4,963.3	4,597.8	4,807.6
Bekalan elektrik, gas dan air	3,589.8	3,345.8	2,187.6	2,689.8	3,113.9
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	1,774.8	1,794.1	1,642.0	1,752.3	2,287.8
Sektor harta benda yang luas	18,956.8	21,127.0	22,965.9	24,567.3	24,631.6
Pembinaan	*11,895.2*	*13,934.9*	*15,947.1*	*17,564.0*	*16,696.8*
Pembelian harta kediaman	*6,660.5*	*6,404.2*	*6,106.1*	*6,257.6*	*7,281.6*
Pembelian harta bukan kediaman	*256.1*	*413.6*	*344.9*	*253.8*	*231.6*
Harta tanah	*145.0*	*374.3*	*567.8*	*491.9*	*421.6*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5,794.9	5,693.5	5,384.4	5,341.1	5,438.8
Maritim	1,750.4	1,776.0	2,168.9	2,020.8	2,453.1
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	1,176.1	1,261.9	1,698.1	3,201.9	3,672.9
Kredit penggunaan	37,733.1	45,362.5	50,159.9	57,456.3	61,936.0
antaranya:					
Pembelian kenderaan bermotor	*2,348.7*	*2,039.3*	*1,667.9*	*1,257.4*	*1,230.9*
Kad kredit	*320.5*	*443.3*	*566.4*	*579.8*	*710.8*
Pembelian sekuriti	45.8	51.2	109.8	109.7	97.1
Lain-lain	1,895.3	2,055.4	2,867.2	2,334.2	4,608.6
Jumlah	**83,354.5**	**94,201.1**	**100,866.6**	**111,071.8**	**119,984.8**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.18

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Pinjaman Terjejas dan Peruntukan Jejas Nilai

	Pada akhir tahun	
	2012	2013
	RM juta	
Peruntukan jejas nilai kolektif	2,939.6	2,915.8
Peruntukan jejas nilai individu	2,753.1	2,694.4
Pinjaman terjejas	6,942.6	6,625.5
	(%)	
Nisbah pinjaman terjejas kasar kepada jumlah pinjaman	6.3	5.6
Nisbah pinjaman terjejas bersih kepada jumlah pinjaman bersih	3.9	3.4
Nisbah peruntukan jejas nilai individu dan kolektif kepada jumlah pinjaman terjejas	82.0	84.7

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.19

Bank Pembangunan Malaysia Berhad

Tahun penubuhan	1973					
Objektif	Menyediakan pembiayaan jangka sederhana dan panjang bagi projek infrastruktur, maritim, industri berintensif modal dan berteknologi tinggi dalam sektor perkilangan dan sektor terpilih lain selaras dengan dasar pembangunan negara.					
Sektor	Pinjaman Terkumpul		Pinjaman Diluluskan		Pinjaman Dikeluarkan	
	Pada akhir tahun		Pada tahun		Pada tahun	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013
	RM juta					
Infrastruktur	21,526.2	21,873.6	2,498.5	2,719.0	802.5	1,645.4
Program Kerajaan	*19,498.4*	*19,688.7*	*1,855.3*	*1,747.7*	*642.4*	*1,085.1*
Program swasta	*2,027.8*	*2,184.9*	*643.2*	*971.3*	*160.1*	*560.3*
Maritim	2,020.8	2,400.5	694.9	924.9	551.5	811.8
Industri perkapalan	*1,741.2*	*2,113.8*	*194.9*	*924.9*	*299.8*	*590.2*
Industri limbungan kapal	*279.6*	*286.7*	*500.0*	*0.0*	*251.7*	*216.8*
Perkhidmatan berkaitan marin	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*4.8*
Teknologi tinggi	1,682.9	2,053.9	1,418.8	365.2	474.1	514.1
Lain-lain	14.3	12.9	0.9	0.2	1.1	0.5
Jumlah	**25,244.2**	**26,340.9**	**4,613.1**	**4,009.3**	**1,829.2**	**2,971.8**

Sumber: Bank Pembangunan Malaysia Berhad

Jadual A.20

Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

Tahun penubuhan	Oktober 2005					
Objektif	Menyediakan pembiayaan dan khidmat nasihat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan, khususnya usahawan Bumiputera.					
Sektor	Pinjaman Terkumpul		Pinjaman Diluluskan		Pinjaman Dikeluarkan	
	Pada akhir tahun		Pada tahun		Pada tahun	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013
	RM juta					
PKS	3,905.9	4,651.6	2,835.6	2,419.2	1,850.0	2,780.0
Mikro	*1,088.8*	*1,128.3*	*402.2*	*286.5*	*295.8*	*340.6*
Kecil	*1,495.0*	*1,606.2*	*1,305.4*	*1,106.0*	*921.0*	*1,218.5*
Sederhana	*1,322.1*	*1,917.1*	*1,128.0*	*1,026.7*	*633.2*	*1,220.9*
Lain-lain	253.1	279.8	78.1	307.7	37.9	76.0
Jumlah	**4,159.0**	**4,931.4**	**2,913.7**	**2,726.9**	**1,887.9**	**2,856.0**

Sumber: Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

Jadual A.21

Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)

Tahun penubuhan	1995					
Objektif	Menyediakan kemudahan kredit bagi membiayai dan menyokong eksport dan import barangan, perkhidmatan dan pembiayaan projek di luar negeri dengan tumpuan pada pasaran bukan tradisional dan menyediakan khidmat insurans kredit eksport, insurans pembiayaan eksport, insurans pelaburan di luar negeri dan kemudahan jaminan dan juga perkhidmatan lain yang biasa ditawarkan oleh institusi kewangan eksport-import dan institusi kewangan insurans kredit.					
Kemudahan Pinjaman	Pinjaman Terkumpul (RM juta)		Pinjaman Diluluskan (RM juta)		Pinjaman Dikeluarkan (RM juta)	
	Pada akhir tahun 2012	Pada akhir tahun 2013	2012	2013	2012	2013
Kemudahan kredit pembeli	748.7	861.8	24.6	13.4	735.1	45.3
Pembiayaan projek di luar negeri	2,221.3	3,012.2	2,698.3	1,323.4	1,022.1	872.5
Pembiayaan kontrak di luar negeri	340.1	488.3	61.1	617.0	45.8	75.9
Kemudahan kredit pembekal	310.3	603.4	230.2	407.5	1,110.3	1,938.4
Kemudahan pembiayaan "*Malaysia Kitchen*"	22.2	22.3	7.0	9.0	8.1	6.0
Pembiayaan semula kredit eksport	571.2	381.6	3,002.4	2,165.5	3,002.4	2,165.5
Lain-lain	131.5	1,007.1	3,643.8	2,818.3	150.9	976.4
Jumlah	**4,345.3**	**6,376.7**	**9,667.4**	**7,354.1**	**6,074.7**	**6,080.0**
Jaminan dan Polisi Insurans	Liabiliti Luar Jangka (RM juta)		Komitmen Diluluskan (RM juta)			
	Pada akhir tahun 2012	Pada akhir tahun 2013	2012	2013		
Jaminan	161.3	743.4	419.9	485.9		
Insurans	1,571.6	976.3	2,803.6	5,256.1		
Jumlah	**1,732.9**	**1,719.7**	**3,223.5**	**5,742.0**		

Sumber: Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)

Jadual A.22

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Tahun penubuhan	1954					
Objektif	Menggembleng tabungan dan menyediakan perkhidmatan pembiayaan kepada ahli dan bukan ahlinya.					
Deposit Diterima	Deposit Diterima (RM juta)					
	Pada akhir tahun 2012			Pada akhir tahun 2013		
	Ahli	Bukan ahli	Jumlah	Ahli	Bukan ahli	Jumlah
	2,419.5	60,291.8	62,711.3	2,996.2	62,313.6	65,309.8
Haluan Pembiayaan	Pembiayaan Terkumpul (RM juta)					
	Pada akhir tahun 2012			Pada akhir tahun 2013		
Sektor	Ahli	Bukan ahli	Jumlah	Ahli	Bukan ahli	Jumlah
Pertanian	4.2	527.7	531.9	4.7	440.3	445.0
Pembelian harta kediaman	1,360.2	1,058.2	2,418.4	1,482.9	689.0	2,171.9
Pembelian harta bukan kediaman	32.4	163.9	196.3	43.0	134.0	177.0
Perdagangan am	3.6	134.4	138.0	0.0	111.2	111.2
Pembelian sekuriti	82.9	25.7	108.6	90.4	5.7	96.1
Kredit penggunaan	24,693.3	22,883.7	47,577.0	24,351.2	26,117.8	50,469.0
antaranya:						
Pembelian kenderaan bermotor	*258.3*	*765.9*	*1,024.2*	*339.1*	*608.7*	*947.8*
Perkilangan	0.0	1,218.7	1,218.7	0.0	761.9	761.9
Lain-lain	2.5	4,565.1	4,567.6	1.3	4,575.6	4,576.9
Jumlah	**26,179.1**	**30,577.4**	**56,756.5**	**25,973.5**	**32,835.5**	**58,809.0**

Sumber: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Jadual A.23

Bank Simpanan Nasional

Tahun penubuhan	1974	
Objektif	Memberi tumpuan pada perbankan runcit dan pembiayaan persendirian terutamanya untuk penyimpan kecil.	
Kemudahan Deposit	RM juta	
	Pada akhir tahun 2012	Pada akhir tahun 2013
Deposit tetap	7,068.4	9,640.0
Deposit GIRO	5,419.5	5,142.7
Deposit Islam	7,607.5	8,975.4
Sijil simpanan premium	2,002.5	2,490.1
Lain-lain	97.8	304.6
Jumlah	**22,195.7**	**26,552.8**
Pelaburan	RM juta	
	Pada akhir tahun 2012	Pada akhir tahun 2013
Saham disenaraikan	92.2	132.0
Sekuriti Kerajaan	8,578.5	9,242.7
antaranya:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*3,642.9*	*3,121.4*
Sekuriti hutang swasta	504.3	450.6
Syarikat subsidiari	32.0	32.0
Syarikat sekutu	231.8	231.8
Lain-lain	146.1	149.5
Jumlah	**9,584.9**	**10,238.6**
Haluan Pinjaman	RM juta	
	Pada akhir tahun 2012	Pada akhir tahun 2013
Pembelian sekuriti	1.1	1.0
Pembelian harta kediaman	3,832.0	5,109.6
Pembelian harta bukan kediaman	57.5	54.6
Kredit penggunaan	9,885.6	11,466.9
Lain-lain	495.7	566.5
Jumlah	**14,271.9**	**17,198.6**

Sumber: Bank Simpanan Nasional

Jadual A.24

Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

Tahun penubuhan	1969					
Objektif	Untuk menggalakkan pembangunan sektor pertanian yang mantap di Malaysia, melalui penyediaan kemudahan pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain kemudahan kredit untuk pembangunan sektor pertanian dan perniagaan berkaitan pertanian. Fungsi utamanya adalah untuk menyediakan, menyelaras dan menyelia pemberian kemudahan pembiayaan untuk tujuan pertanian disamping menggembleng tabungan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat pertanian secara umum.					
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	Pinjaman Terkumpul (RM juta)		Pinjaman Diluluskan (RM juta)		Pinjaman Dikeluarkan (RM juta)	
	Pada akhir tahun		Pada tahun		Pada tahun	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013
Subsektor						
Kelapa sawit	*1,013.2*	*1,005.5*	*283.4*	*599.6*	*182.0*	*199.1*
Tanaman makanan	*1,119.6*	*1,253.1*	*896.4*	*520.4*	*802.3*	*444.1*
Ternakan	*687.3*	*700.8*	*199.3*	*322.4*	*147.9*	*149.4*
Perikanan	*402.6*	*435.0*	*210.8*	*130.5*	*103.8*	*123.1*
Perhutanan	*22.5*	*40.5*	*8.9*	*2.9*	*3.8*	*1.6*
Tembakau	*1.3*	*1.0*	*0.1*	*0.0*	*0.7*	*0.0*
Getah	*151.7*	*178.3*	*88.3*	*74.7*	*80.9*	*48.7*
Lain-lain	*2,897.0*	*2,714.0*	*2,520.4*	*1,328.3*	*1,966.5*	*1,236.9*
Jumlah	**6,295.2**	**6,328.2**	**4,207.6**	**2,978.8**	**3,287.9**	**2,202.9**

Sumber: Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

Jadual A.25

Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih

	Pada akhir tahun					
	2012			2013		
IKP di bawah AIKP [1]:	Cawangan	ATM	Kakitangan	Cawangan	ATM	Kakitangan
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	-	-	309	-	-	331
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	140	501	4,248	145	599	4,695
Bank Simpanan Nasional	395	986	6,348	400	982	6,760
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	-	-	278	-	-	296
Bank Pertanian Malaysia Berhad	182	238	3,480	184	255	3,488
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	17	-	938	18	-	1,024
Jumlah kecil	734	1,725	15,601	747	1,836	16,594
IKP Lain:						
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	5	-	295	5	-	288
Sabah Development Bank Berhad	1	-	86	1	-	87
Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad	1	-	17	1	-	18
Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad	1	-	33	1	-	34
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	17	-	485	17	-	478
Sabah Credit Corporation	12	-	189	12	-	186
Lembaga Tabung Haji	119	-	2,027	120	-	2,050
Jumlah kecil	156	-	3,132	157	-	3,141
Jumlah	**890**	**1,725**	**18,733**	**904**	**1,836**	**19,735**

[1] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.26

Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk

	2009	2010	2011	2012[5]	2013
	RM juta				
Jumlah kiriman keluar[1]	**10,537.8**	**13,414.9**	**15,682.1**	**19,736.6**	**25,116.8**
Dihantar melalui:					
Bank	6,594.0	6,712.3	7,791.1	8,922.4	10,976.9
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang[2]	3,943.8	6,702.6	7,891.0	10,814.2	14,139.9
Jumlah kiriman masuk[3]	**4,617.1**	**4,696.0**	**5,215.1**	**6,359.4**	**8,024.1**
Dihantar melalui:					
Bank	4,351.4	4,202.1	4,654.0	5,755.7	7,243.9
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang	265.7	493.9	561.1	603.7	780.2
Pada akhir tempoh					
Bilangan penyedia perkhidmatan kiriman wang	**81**	**81**	**80**	**79**	**77**
Bank perdagangan	39	40	41	43	43
Institusi kewangan pembangunan	2	2	2	2	2
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang[4]	40	39	37	34	32

[1] Merujuk kepada gaji dan pampasan pekerja asing di Malaysia, serta wang yang dikirim oleh mereka dari Malaysia ke negara-negara lain
[2] Merujuk kepada penyedia perkhidmatan kiriman wang dan institusi kewangan pembangunan yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011
[3] Merujuk kepada gaji dan pampasan warganegara Malaysia yang bekerja di negara asing serta wang yang dikirim oleh mereka dari negara-negara lain ke Malaysia
[4] Tidak termasuk institusi kewangan pembangunan
[5] Merujuk kepada nilai urus niaga kiriman wang yang disemak pada tahun 2012

Jadual A.27

Penunjuk Pembayaran Asas

	2009	2010	2011	2012	2013
Penduduk (juta)	28.1	28.6	29.1	29.5	29.9
KDNK (RM juta)	712,857	797,327	884,456	941,237	984,453
Tunai dalam edaran (RM juta)	43,439.2	47,685.2	53,488.5	57,395.6	63,264.1
Jumlah Urus Niaga Per Kapita (unit):					
Cek[1]	7.3	7.2	7.1	6.9	6.6
E-pembayaran:	41.6	43.1	49.3	55.1	64.6
Kad kredit	9.8	10.3	10.9	11.0	11.3
Kad caj	0.2	0.2	0.1	0.1	0.1
Kad debit	0.4	0.6	0.9	1.2	1.7
Wang elektronik	25.5	24.5	27.7	31.3	35.0
Instrumen bukan tunai lain[2]	…	…	0.2	0.9	1.0
Sistem GIRO Antara Bank	1.6	1.7	2.1	2.4	2.8
Debit Terus	…	…	…	…	…
ATM[3]	0.9	1.4	1.4	1.6	1.6
Perbankan Internet[4]	3.1	4.3	5.7	6.3	7.3
Perbankan mudah alih[4]	…	…	0.1	0.2	0.5
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[5]	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Arahan tetap dan debit terus intrabank[6]	-	-	-	-	3.1
Nilai Urus Niaga Per Kapita (RM):					
Tunai dalam edaran	1,546.9	1,668.0	1,840.5	1,944.4	2,112.5
Cek[1]	59,669.2	64,437.9	68,125.3	68,880.7	68,769.3
E-pembayaran:	295,375.8	340,331.4	453,014.5	513,846.8	542,142.4
Kad kredit	2,468.5	2,791.7	3,055.4	3,187.4	3,343.4
Kad caj	135.9	164.0	185.4	218.8	240.2
Kad debit	98.8	165.6	216.6	293.4	384.0
Wang elektronik	78.4	94.7	119.7	143.8	164.2
Instrumen bukan tunai lain[2]	…	…	1.0	2.6	4.4
Sistem GIRO Antara Bank	3,876.1	4,437.8	5,716.8	7,170.5	9,525.4
Debit Terus	67.6	132.0	166.3	279.4	375.7
ATM[3]	704.1	1,094.3	1,282.9	1,387.3	1,475.5
Perbankan Internet[4]	23,264.5	47,430.5	70,355.6	64,259.5	77,257.0
Perbankan mudah alih[4]	4.7	4.2	24.4	124.1	260.0
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[5]	264,677.3	284,016.5	371,890.5	436,780.0	428,065.0
Arahan tetap dan debit terus intrabank[6]	-	-	-	-	21,047.4
Bahagian daripada KDNK:					
Tunai dalam edaran (%)	6.1	6.0	6.0	6.1	6.4
Cek[1] (kali)	2.4	2.3	2.2	2.2	2.1
E-pembayaran (kali):	11.6	12.2	14.9	16.1	16.5
% daripada KDNK:					
Kad kredit	9.7	10.0	10.0	10.0	10.2
Kad caj	0.5	0.6	0.6	0.7	0.7
Kad debit	0.4	0.6	0.7	0.9	1.2
Wang elektronik	0.3	0.3	0.4	0.5	0.5
Instrumen bukan tunai lain[2]	…	…	…	…	…
Sistem GIRO Antara Bank	15.3	15.9	18.8	22.5	29.0
Debit Terus	0.3	0.5	0.5	0.9	1.1
ATM[3]	2.8	3.9	4.2	4.4	4.5
Perbankan Internet[4]	91.6	170.1	231.2	201.5	235.0
Perbankan mudah alih[4]	…	…	0.1	0.4	0.8
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[5] (kali)	10.4	10.2	12.2	13.7	13.0
Arahan tetap dan debit terus intrabank[6]	-	-	-	-	64.0

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Merujuk kepada kad pembayaran satu tujuan
[3] Merujuk kepada urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
[4] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan dan urus niaga kad kredit, Sistem GIRO Antara Bank dan pihak ketiga RENTAS secara dalam talian
[5] Merujuk kepada pembayaran Kerajaan, duti kastam dan pihak ketiga melalui Sistem Pemindahan Dana Antara Bank. Pembayaran pihak ketiga merujuk kepada urus niaga dengan nilai minimum RM10,000, iaitu pihak benefisiari atau pihak yang membuat urus niaga bukan ahli RENTAS
[6] Merujuk kepada bayaran yang didebitkan secara terus oleh bank dari akaun semasa dan simpanan. Data diperoleh dari tahun 2013
… Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.28

Bahagian Pembayaran Bukan Tunai Mengikut Jumlah Urus Niaga

	2009	2010	2011	2012	2013
	Jumlah Urus Niaga, % bahagian daripada jumlah urus niaga				
Cek	**14.9**	**14.4**	**12.5**	**11.1**	**9.2**
Instrumen Pembayaran	**73.5**	**70.7**	**70.7**	**71.7**	**69.0**
Kad kredit	20.1	20.5	19.4	17.8	15.9
Kad caj	0.4	0.3	0.2	0.2	0.2
Kad debit	0.8	1.3	1.5	2.0	2.3
Wang elektronik	52.2	48.6	49.6	51.8	50.6
Sistem Pembayaran	**3.4**	**3.7**	**3.9**	**4.1**	**8.5**
RENTAS[1]	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2
IBG	3.2	3.5	3.7	3.8	3.9
Debit Terus	...	...	...	...	...
Arahan tetap dan debit terus intrabank[2]	-	-	-	-	4.4
Saluran Pembayaran	**8.2**	**11.3**	**12.8**	**13.1**	**13.2**
Perbankan Internet[3]	6.3	8.5	10.1	10.2	10.3
Perbankan mudah alih[3]	...	...	0.1	0.4	0.7
ATM[4]	1.8	2.7	2.6	2.5	2.3

[1] Sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
[2] Merujuk kepada bayaran yang didebitkan secara terus oleh bank daripada akaun semasa dan simpanan. Data diperoleh dari tahun 2013
[3] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan dan urus niaga kad kredit, Sistem GIRO Antara Bank dan pihak ketiga RENTAS secara dalam talian
[4] Merujuk kepada urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.29

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Bilangan Urus Niaga

	2009	2010	2011	2012	2013	2012	2013
	Juta					% Perubahan tahunan	
Cek[1]	**204.8**	**206.7**	**204.9**	**203.8**	**197.1**	**-0.5**	**-3.3**
Kad kredit	**276.1**	**294.9**	**316.9**	**325.3**	**339.1**	**2.7**	**4.2**
Kad caj	**5.0**	**4.7**	**3.9**	**4.1**	**4.0**	**6.5**	**-2.1**
Kad debit	**11.3**	**18.4**	**25.2**	**36.2**	**49.5**	**43.3**	**36.9**
Kad debit jenama antarabangsa	*6.3*	*13.3*	*19.8*	*29.7*	*41.9*	*50.5*	*41.1*
e-Debit[2]	*5.0*	*5.1*	*5.5*	*6.4*	*7.5*	*17.4*	*17.4*
Wang elektronik	**717.2**	**699.3**	**806.5**	**925.3**	**1,051.0**	**14.7**	**13.6**
Berasaskan kad	*707.4*	*692.2*	*797.4*	*914.6*	*1,028.0*	*14.7*	*12.4*
Berasaskan rangkaian	*9.8*	*7.1*	*9.0*	*10.7*	*23.0*	*18.8*	*114.5*

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Kad debit domestik berasaskan PIN

Jadual A.30

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga

	2009	2010	2011	2012	2013	2012	2013
	RM juta					% Perubahan tahunan	
Cek[1]	**1,675,630**	**1,842,189**	**1,979,858**	**2,033,221**	**2,059,504**	**2.7**	**1.3**
Kad kredit	**69,321**	**79,810**	**88,797**	**94,085**	**100,129**	**6.0**	**6.4**
Pembelian	*66,092*	*76,285*	*85,364*	*91,270*	*97,695*	*6.9*	*7.0*
Pendahuluan tunai	*3,229*	*3,525*	*3,432*	*2,815*	*2,434*	*-18.0*	*-13.5*
Kad caj	**3,816**	**4,689**	**5,388**	**6,459**	**7,193**	**19.9**	**11.4**
Pembelian	*3,785*	*4,651*	*5,359*	*6,435*	*7,173*	*20.1*	*11.5*
Pendahuluan tunai	*30*	*37*	*28*	*24*	*21*	*-15.6*	*-14.2*
Kad debit	**2,774**	**4,735**	**6,294**	**8,661**	**11,500**	**37.6**	**32.8**
Kad debit jenama antarabangsa	*1,198*	*2,202*	*3,239*	*4,954*	*7,092*	*52.9*	*43.2*
e-Debit[2]	*1,576*	*2,534*	*3,054*	*3,707*	*4,408*	*21.4*	*18.9*
Wang elektronik	**2,201**	**2,708**	**3,811**	**4,673**	**5,490**	**22.6**	**17.5**
Berasaskan kad	*2,020*	*2,113*	*2,424*	*2,983*	*3,361*	*23.1*	*12.7*
Berasaskan rangkaian	*181*	*595*	*1,387*	*1,690*	*2,129*	*21.8*	*26.0*

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Kad debit domestik berasaskan PIN

Jadual A.31

Sistem Pembayaran: Bilangan dan Nilai Urus Niaga

	2009	2010	2011	2012	2013	2012	2013
	Juta/RM bilion					% Perubahan tahunan	
RENTAS[1]							
Bilangan urus niaga	3.0	3.2	3.4	3.6	4.0	4.8	10.5
Nilai urus niaga	37,258.9	39,434.6	47,175.6	46,169.4	46,437.7	-2.1	0.6
Sistem GIRO Antara Bank							
Bilangan urus niaga	43.8	49.8	60.4	70.1	83.4	16.1	19.0
Nilai urus niaga	108.8	126.9	166.1	211.7	285.3	27.4	34.8
	'000/RM juta						
Bursa Pemprosesan Kewangan							
Bilangan urus niaga	264.1	488.9	878.4	1,440.9	2,211.7	64.0	53.5
Nilai urus niaga	107.1	309.9	618.9	821.6	1,372.2	32.7	67.0
Debit Terus							
Bilangan urus niaga	288.2	438.6	575.7	708.8	924.2	23.1	30.4
Nilai urus niaga	1,899.1	3,774.0	4,832.0	8,248.2	11,251.9	70.7	36.4

[1] Sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata

Jadual A.32

Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS

Bilangan Urus Niaga	2009	2010	2011	2012	2013	2012	2013
	'000					% Perubahan tahunan	
Jumlah	**3,001.7**	**3,152.7**	**3,425.0**	**3,588.7**	**3,967.1**	**4.8**	**10.5**
IFTS[1]	**2,924.2**	**3,059.1**	**3,310.3**	**3,467.5**	**3,847.7**	**4.8**	**11.0**
Operasi pasaran wang	96.7	98.2	95.9	90.8	87.3	-5.4	-3.9
Penyelesaian pertukaran asing	64.6	74.0	85.9	91.8	100.0	6.9	8.9
antaranya: USD CHATS[2]	*35.8*	*42.0*	*44.4*	*41.2*	*47.8*	*-7.1*	*16.1*
Urus niaga pihak ketiga	1,965.7	2,086.1	2,449.4	2,701.5	3,020.2	10.3	11.8
Lain-lain	797.1	800.8	679.0	583.4	640.2	-14.1	9.7
SSDS[3]	**77.5**	**93.6**	**114.7**	**121.2**	**119.4**	**5.7**	**-1.5**
Nilai Urus Niaga	RM bilion						
Jumlah	**37,258.9**	**39,434.6**	**47,175.6**	**46,169.4**	**46,437.7**	**-2.1**	**0.6**
IFTS[1]	**35,653.1**	**37,437.6**	**44,227.9**	**43,153.2**	**43,903.3**	**-2.4**	**1.7**
Operasi pasaran wang	18,754.0	18,354.9	21,473.2	17,520.1	18,656.7	-18.4	6.5
Penyelesaian pertukaran asing	1,874.1	2,618.9	3,831.6	3,955.7	3,839.6	3.2	-2.9
antaranya: USD CHATS[2]	*1,189.9*	*1,681.6*	*2,414.3*	*2,401.6*	*2,594.8*	*-0.5*	*8.0*
Urus niaga pihak ketiga	7,432.7	8,119.6	10,807.9	12,892.9	12,819.7	19.3	-0.6
Lain-lain	7,592.3	8,344.1	8,115.2	8,784.4	8,587.2	8.2	-2.2
SSDS[3]	**1,605.8**	**1,997.0**	**2,947.7**	**3,016.3**	**2,534.5**	**2.3**	**-16.0**
Pusing Ganti kepada KDNK (kali)	**52.3**	**49.5**	**53.3**	**49.1**	**47.2**		
Purata harian:							
Bilangan urus niaga ('000)	12.1	12.7	14.0	14.6	16.1	4.8	9.6
Nilai urus niaga (RM bilion)	150.2	159.0	192.6	188.4	188.0	-2.1	-0.2

[1] Sistem Pemindahan Dana Antara Bank
[2] Pautan Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) yang dilancarkan pada tahun 2006, untuk penyelesaian antara bank bagi perdagangan ringgit-dolar AS melalui RENTAS USD CHATS
[3] Sistem Depositari Sekuriti Tanpa Skrip untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, bil Perbendaharaan dan sekuriti hutang awam tanpa skrip
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.33

Saluran Pembayaran: Bilangan dan Nilai Urus Niaga

Bilangan Urus Niaga	2009	2010	2011	2012	2013	2012	2013
	Juta					% Perubahan tahunan	
Perbankan Internet[1]	110.2	153.3	203.4	232.6	275.2	14.4	18.3
Individu	*79.7*	*104.7*	*141.3*	*161.7*	*194.8*	*14.5*	*20.4*
Korporat	*30.6*	*48.6*	*62.1*	*70.9*	*80.4*	*14.1*	*13.4*
Perbankan mudah alih[1]	0.6	0.7	2.2	7.1	16.1	231.8	124.6
ATM[2]	24.7	38.8	42.1	46.4	48.8	10.3	5.1
Nilai Urus Niaga	RM juta						
Perbankan Internet	702,045	1,415,351	2,136,987	3,078,088	3,570,502	44.0	16.0
Individu	*87,680*	*115,575*	*153,648*	*171,825*	*224,830*	*11.8*	*30.8*
Korporat	*614,365*	*1,299,776*	*1,983,340*	*2,906,263*	*3,345,672*	*46.5*	*15.1*
Perbankan mudah alih	141	138	852	4,237	9,243	397.2	118.2
ATM[2]	19,774	31,286	37,283	40,950	44,189	9.8	7.9

[1] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan
[2] Merujuk kepada urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.34

Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran

Bilangan Urus Niaga	2012			2013		
	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM
	Juta					
Pindahan dana	93.0	2.8	28.5	111.6	6.8	33.0
Pembayaran bil[1]	47.0	1.6	4.7	55.0	3.2	4.1
Pelaburan saham dan amanah saham	4.2	…	0.1	5.8	…	0.1
Tambah nilai	19.1	2.2	4.1	20.6	4.8	3.1
Pembayaran balik kad dan pinjaman	16.4	0.6	9.1	19.1	1.2	8.5
Nilai Urus Niaga	RM juta					
Pindahan dana	2,231,468	3,242	27,576	2,438,589	7,215	31,828
Pembayaran bil[1]	10,709	350	4,144	12,813	463	3,473
Pelaburan saham dan amanah saham	38,168	…	2,347	58,019	…	1,826
Tambah nilai	332	36	214	365	72	145
Pembayaran balik kad dan pinjaman	20,305	565	6,571	24,634	1,392	6,776

[1] Termasuk pembayaran insurans
… Terlalu kecil

Jadual A.35

Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia

Bilangan Urus Niaga	2009	2010	2011	2012	2013	2012	2013
	Juta					% Perubahan tahunan	
Jumlah pengeluaran wang tunai	**502.3**	**518.8**	**556.8**	**565.7**	**526.5**	**1.6**	**-6.9**
antaranya melalui:							
Rangkaian Perkongsian ATM MEPS	176.0	191.8	209.3	244.6	272.7	16.9	11.5
Rangkaian HOUSe[1]	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	3.2	15.3
Nilai Urus Niaga	RM juta						
Jumlah pengeluaran wang tunai	**236,211.7**	**255,308.7**	**279,484.7**	**294,149.1**	**286,491.2**	**5.2**	**-2.6**
antaranya melalui:							
Rangkaian Perkongsian ATM MEPS	49,000.8	57,365.1	64,708.6	83,655.9	101,477.3	29.3	21.3
Rangkaian HOUSe[1]	121.0	170.1	177.6	189.3	225.1	6.6	18.9
Purata nilai setiap urus niaga (RM)	**470.2**	**492.1**	**501.9**	**520.0**	**544.1**	**3.6**	**4.7**

[1] Rangkaian ATM yang dilancarkan pada tahun 2006 untuk bank asing yang diperbadankan di Malaysia

Jadual A.36

Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Jualan Semasa (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)

Pada akhir tempoh	2009	2010	2011	2012	2013
	Unit				
Kad pembayaran jenama antarabangsa[1]	160,443	180,589	207,657	220,639	229,967
e-Debit[2]	91,328	118,467	141,076	153,237	172,880
Wang elektronik	30,641	30,803	31,236	31,238	31,231
Terminal bagi setiap 1,000 penduduk[3]	7.3	7.9	8.9	9.2	9.5

[1] MasterCard, Visa, American Express dan Diners Club
[2] Kad debit domestik berasaskan PIN
[3] Terminal kad pembayaran jenama antarabangsa, kad debit dan wang elektronik proprietari

Jadual A.37

Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen dan Saluran Pembayaran

Pada akhir tempoh	2009	2010	2011	2012	2013	2012	2013
	'000					% Perubahan tahunan	
Bilangan kad/akaun:							
Kad kredit	10,818	8,547	8,281	8,150	8,292	-1.6	1.7
Kad caj	285	181	154	138	132	-10.4	-4.2
Kad debit	27,296	29,941	34,993	39,275	42,029	12.2	7.0
antaranya: e-Debit[1]	*20,426*	*20,992*	*22,426*	*21,881*	*19,847*	*-2.4*	*-9.3*
Wang elektronik	68,462	74,701	84,178	91,008	97,735	8.1	7.4
Bilangan pelanggan:							
Perbankan Internet	8,123	9,848	11,873	13,678	15,630	15.2	14.3
Individu	*7,958*	*9,638*	*11,637*	*13,430*	*15,319*	*15.4*	*14.1*
Korporat	*165*	*209*	*236*	*248*	*311*	*5.0*	*25.4*
Kadar penembusan (%) kepada jumlah penduduk	*28.9*	*34.4*	*40.9*	*46.3*	*52.2*		
Perbankan mudah alih	675	898	1,560	2,446	3,793	56.8	55.1
Kadar penembusan (%):							
kepada jumlah penduduk	*2.4*	*3.1*	*5.4*	*8.3*	*12.7*		
kepada pelanggan telefon mudah alih	*2.2*	*2.6*	*4.3*	*5.9*	*8.8*		

[1] Kad debit domestik berasaskan PIN

Jadual A.38

Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen

Pada akhir tempoh	2009	2010	2011	2012	2013
	Unit				
RENTAS	**61**	**64**	**68**	**68**	**68**
Bank Negara Malaysia	*1*	*1*	*1*	*1*	*1*
Bank	*54*	*55*	*56*	*56*	*55*
Institusi Kewangan Pembangunan	*4*	*5*	*6*	*6*	*6*
Bukan bank	*2*	*3*	*5*	*5*	*6*
SPICK/eSPICK	**44**	**45**	**46**	**48**	**47**
Kad kredit	**24**	**26**	**25**	**26**	**25**
Bank	*21*	*22*	*21*	*22*	*22*
Bukan bank	*3*	*4*	*4*	*4*	*3*
Kad debit[1]	**23**	**23**	**22**	**22**	**25**
Kad debit jenama antarabangsa	*8*	*8*	*11*	*12*	*15*
e-Debit[2]	*14*	*14*	*13*	*13*	*13*
Lain-lain[3]	*8*	*9*	*9*	*8*	*8*
Kad caj	**8**	**6**	**6**	**6**	**7**
Bank	*5*	*4*	*4*	*4*	*6*
Bukan bank	*3*	*2*	*2*	*2*	*1*
Wang elektronik[4]	**21**	**21**	**21**	**25**	**25**
Bank	*5*	*6*	*6*	*7*	*6*
Bukan bank	*16*	*15*	*15*	*18*	*19*
Perbankan Internet	**23**	**25**	**26**	**29**	**29**
Perbankan mudah alih	**11**	**11**	**13**	**13**	**13**
FPX	**5**	**7**	**7**	**10**	**10**
Bank	*5*	*7*	*7*	*7*	*7*
Bukan bank	*-*	*-*	*-*	*3*	*3*
Debit Terus	**11**	**12**	**13**	**16**	**17**
Bank	*11*	*12*	*13*	*13*	*14*
Bukan bank	*-*	*-*	*-*	*3*	*3*
Sistem GIRO Antara Bank	**21**	**24**	**26**	**28**	**29**

[1] Terdapat bank yang mengeluarkan lebih daripada satu jenis kad debit
[2] Kad debit domestik berasaskan PIN
[3] Merujuk kepada kad yang mempunyai fungsi kad debit jenama antarabangsa dan kad debit domestik (berasaskan PIN)
[4] Termasuk kad prabayar jenama antarabangsa